

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERTUMBUHAN KUTIPAN ZAKAT  
DAN KEBERKESANAN TERHADAP  
PEMBANGUNAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**MOHD TAQIYUDDIN BIN CHE  
HASSAN**

**PhD**

**Februari 2026**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERTUMBUHAN KUTIPAN ZAKAT  
DAN KEBERKESANAN TERHADAP  
PEMBANGUNAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**MOHD TAQIYUDDIN BIN CHE HASSAN**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Februari 2026**

## **PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA**

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 28 November 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Mohd Taqiyuddin Bin Che Hassan bagi tesis Doktor Falsafah yang bertajuk “Pertumbuhan Kutipan Zakat dan Keberkesanan Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Rafeah Saidon, PhD  
Profesor Madya  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA  
(Pengerusi)

Fuadah Johari, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

Muhamad Hasif Yahaya, PhD  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA  
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Taqiuddin Mohamad, PhD  
Profesor Madya  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)

**PROF. DR. HJH. ZURAEDA  
BINTI IBRAHIM**  
Dekan  
Institut Pengajian Siswazah  
Universiti Teknologi MARA  
Tarikh: 11 Februari 2026

## DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Mohd Taqiyuddin Bin Che Hassan

No. Pelajar : 2023994397

Program : Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari –  
IC990

Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Tajuk Tesis : Pertumbuhan Kutipan Zakat dan Keberkesanan  
Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : Februari 2026

## ABSTRAK

Zakat berfungsi sebagai medium perantara yang penting bagi menghubungkan golongan berkemampuan dengan golongan yang memerlukan, seperti fakir dan miskin. Selain daripada bantuan asas, zakat turut disalurkan bagi bantuan pendidikan, kesihatan, dan peningkatan taraf hidup. Pengkorporatan institusi zakat di Malaysia bukan sahaja memperkukuhkan sistem pengurusan zakat, tetapi turut meningkatkan keberkesanan hasil kutipan dan agihan yang cekap ke atas *asnāf* dalam memperkasa ekonomi umat Islam khususnya. Pengurusan zakat yang lebih moden dan cekap bukan sahaja meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan, tetapi turut memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang lebih sejahtera dan harmoni. Meskipun tingkat hasil kutipan zakat dan tingkat pembangunan rakyat Malaysia mengikut negeri adalah berbeza, persoalannya adakah dengan tingkat hasil kutipan zakat pada setiap negeri mampu memberi kesan yang signifikan dan positif atau tidak terhadap tingkat pembangunan rakyat Malaysia. Maka objektif utama yang dibentuk dalam kajian ini adalah untuk menilai kesan hubungan antara hasil kutipan zakat di Malaysia dengan tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Sebanyak 13 buah institusi zakat di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian kecuali bagi negeri Perlis berdasarkan kepada data kajian sedia ada bagi tempoh 19 tahun (2005-2023). Berdasarkan kepada teori pembangunan manusia yang dibangunkan oleh Ul-Haq, Mahbub dengan disokong oleh teori Mannan, M. A.; Khaf, M.; Siddiqi, M. N.; Sen, A. & Becker, maka kajian ini diteruskan dengan menggunakan kaedah penganggaran data panel statik dan analisis regresi kuantil. Dapatan kajian berdasarkan kepada kedua-dua kaedah penganggaran tersebut telah menunjukkan bahawa tingkat hasil kutipan zakat di setiap negeri mampu memberi kesan yang signifikan dan positif terhadap IPRM. Dapatan kajian ke atas pembolehubah kawalan berasaskan kepada analisis panel statik telah mendapati hubungan terhadap IPRM adalah signifikan pada aras keyakinan yang berbeza-beza kecuali pembolehubah KDNK per kapita. Manakala dapatan kajian ke atas pembolehubah kawalan berasaskan kepada analisis regresi kuantil telah mendapati hubungan terhadap IPRM adalah signifikan dan positif pada semua tahap kuantil kecuali pada tahap kuantil ke-25. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa hasil kutipan zakat mampu meningkatkan pembangunan rakyat Malaysia berasaskan kepada tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pengetahuan dan taraf hidup yang baik dan selari dengan matlamat *Maqāsid al-Sharī'ah*. Dalam pada itu juga, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan teras Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang berkait rapat dengan IPRM iaitu SDG 1 (Tiada Kemiskinan), di mana zakat membasmi kemiskinan melalui bantuan kewangan dan sokongan ekonomi; SDG 2 (Tiada Kelaparan), di mana zakat memastikan masyarakat miskin tidak menghadapi masalah kebuluran melalui bantuan makanan; SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan Baik) merujuk kepada zakat yang menyokong akses kepada perkhidmatan kesihatan asas; SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) menjadikan zakat sebagai satu cara untuk menggalakkan pendidikan inklusif dan berkualiti untuk semua; dan akhir sekali SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) di mana zakat turut berperanan untuk mengurangkan ketidaksamaan agihan pendapatan dan sumber dalam masyarakat melalui pengagihan sumber yang lebih saksama.

## ABSTRACT

Zakat serves as an important intermediary that bridges those who are financially capable with those who are in need. Apart from providing necessities, zakat is also channelled to support educational, healthcare, and cost of living requirements. The corporatisation of zakat institutions in Malaysia not only strengthening the administrative system of zakat but also enhancing the effectiveness of zakat collection and distribution toward the *aṣnāf*, with indirectly empowers the economics of the Muslim community. A modern and effective zakat management system implies not only the improvement in the zakat collection and distribution but also plays a vital role in ensuring a more prosperous and harmonious society. Despite the difference in the level of zakat collection and the level of human development across the Malaysian states, the question arises as to whether the amount of zakat collection in each state has the capacity to produce a significant and positive impact towards the level of human development. Therefore, the main objective of this study is to evaluate the effect of the relationship between zakat collection in Malaysia with the level of Human Development Index, using the Malaysia Human Development Index (MHDI). The study selected 13 zakat institutions in Malaysia as the sample of study (excluding the state of Perlis due to the data limitations), utilizing the data for a period of 19 years (2005–2023). Based on the human development theory introduced by Mahbub ul-Haq which is also supported by the theory of Mannan, M. A.; Khaf, M.; Siddiqi, M. N.; Sen, A.; and Becker, this study used the Pooled Ordinary Least Squares (POLS) and Quantile Regression (QR) method. The study found out that using both estimation methods, the level of zakat collection in each state is capable to generate a significant and positive impact towards the MHDI. Results of the control variables derived from the POLS analysis show that their relationship with the MHDI is significant at different confidence levels, except for Gross Domestic Product (GDP) per capita. Meanwhile, the findings for the control variables under the QR method indicate that the relationship with the MHDI is significant and positive across all quantile levels except at the 25th quantile. These findings shows that zakat plays an important role in enhancing human development in Malaysia across three key dimensions namely health, knowledge, and a decent standard of living which is align with the objectives of the *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Furthermore, the results are consistent with several Sustainable Development Goals (SDGs) closely related to human development, particularly SDG 1 (No Poverty), SDG 2 (Zero Hunger), SDG 3 (Good Health and Well-Being), SDG 4 (Quality Education), and SDG 10 (Reduced Inequalities). Overall, the study underscores the significant contribution of zakat to human development and highlights its relevance as a complementary tool for achieving national socio-economic development agendas.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya tesis ini berjaya disiapkan. Setinggi kesyukuran dan segala pujian dipersembahkan kepada Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Di sebalik kejayaan yang diperolehi, terdapat insan-insan yang menjadi sumber inspirasi dalam memperolehi kejayaan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada dua orang penyelia saya iaitu, Dr. Mohd Hafiz bin Abdul Wahab, Dr. Faezy bin Adenan dan Dr. Mohd Zaid bin Mustafar yang banyak memberi tunjuk ajar dan selalu memberi idea-idea yang bernas sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau tidak akan dilupakan dan akan dimanfaatkan selama-lamanya demi kepentingan ummah. Semoga Allah SWT membalas segala jasa budi baik kedua-dua orang guru saya ini dengan sebaik-baik ganjaran sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Penghargaan yang teristimewa juga ditujukan khas buat isteri tercinta dan merangkap seorang guru iaitu Suriati binti Jaafar kerana banyak berkorban dan sentiasa memahami atas segala cabaran dan dugaan demi kejayaan buat suami. Setinggi penghargaan juga buat mak dan abah tersayang yang banyak memberi nasihat dan dorongan serta doa yang tidak putus-putus untuk kejayaan anaknya. Tidak dilupakan juga buat almarhumah ibu dan almarhum bapa mentua yang menjadi pembakar semangat sepanjang hayat beliau untuk terus menuntut ilmu. Buat anakanda ku yang tersayang Umar Al-Faruq dan Ummu Sulaym, terima kasih kerana sentiasa menjadi kekuatan kepada abi untuk terus berusaha menggapai impian.

Terima kasih diucapkan kepada Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Profesor Dr. S. Salahudin Suyurno dan Ketua Pusat Pengajian (KPP) siswazah iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Hapiz Mahaiyadin serta mantan Ketua Pusat Pengajian (KPP) siswazah, Prof. Madya Datin Dr. Rafeah @ Rapengah Saidon yang telah memberi sokongan selama saya menuntut ilmu di ACIS. Terima kasih juga tidak dilupakan buat guru-guru pemula saya yang memperkenalkan ilmu ekonomi Islam kepada saya di Jabatan Syariah & Ekonomi (JSE), Akademi Pengajian Islam (API), Universiti Malaya iaitu Almarhum Profesor Dr. Joni Tamkin bin Borhan, Almarhum Profesor Dr. Abdullah @ Alwi bin Haji Hassan, Profesor Dr. Asmak binti Ab Rahman, Profesor Madya Dr. Yahya bin Mohd Hussin, Ustaz Azizi bin Che Seman dan Dr. Nor Aini binti Ali.

Akhir sekali, jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada sahabat handai atas tunjuk ajar dan khidmat nasihat serta rakan-rakan lain yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dari UM, UKM, UIM dan UiTM yang sentiasa memberikan inspirasi yang terbaik dalam menyiapkan hasil tesis ini. Semoga Allah SWT membalas jasa baik kalian dengan ganjaran yang belipat kali ganda hendaknya.

# ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xix</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	18
1.8 Skop Kajian	21
1.9 Definisi Operasional	22
1.9.1 Pertumbuhan Ekonomi Zakat	22
1.9.2 Pembangunan Manusia ( <i>Human Development</i> )	23
1.9.3 Kesejahteraan Hidup ( <i>Well-being Development</i> )	24
1.10 Organisasi Kajian	25
1.11 Penutup	26

<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>27</b>
2.1 Pengenalan	27
2.1.1 Definisi Zakat	28
2.1.2 Dalil Pensyariatian Zakat	29
2.1.2.1 <i>Al-Quran</i>	29
2.1.2.2 <i>Al-Sunnah</i>	33
2.1.3 Syarat-syarat Wajib Berzakat	37
2.1.4 Jenis-Jenis Zakat	42
2.1.4.1 <i>Zakat Fitrah</i>	42
2.1.4.2 <i>Zakat Harta</i>	44
2.1.5 Pengagihan Zakat	50
2.1.6 <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> dan Intreptasi Kepada Konsep Zakat	57
2.1.6.1 <i>Memelihara Agama (Ḥifẓ al-Dīn)</i>	57
2.1.6.2 <i>Memelihara Nyawa (Ḥifẓ al-Nafs)</i>	58
2.1.6.3 <i>Memelihara Akal (Ḥifẓ al-'Aql)</i>	59
2.1.6.4 <i>Memelihara Keturunan (Ḥifẓ al-Nasl)</i>	59
2.1.6.5 <i>Memelihara Harta (Ḥifẓ al-Māl)</i>	60
2.2 Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia	61
2.2.1 Pengurusan Zakat Sebelum Era Tahun 1990-an	62
2.2.2 Transformasi Pengurusan Zakat Pada Era Tahun 1991 Sehingga Kini	63
2.2.3 Matlamat dan Halatuju Institusi-institusi Zakat di Malaysia	68
2.2.3.1 <i>Akauntabiliti</i>	68
2.2.3.2 <i>Peruntukan Undang-undang</i>	69
2.2.3.3 <i>Ketelusan</i>	69
2.2.3.4 <i>Tanggungjawab Sosial</i>	70
2.2.3.5 <i>Prinsip Keadilan Sosial</i>	71
2.2.4 Hasil Kutipan Zakat di Malaysia	72
2.2.4.1 <i>Kedah Darul Aman</i>	74
2.2.4.2 <i>Pulau Pinang</i>	76
2.2.4.3 <i>Perak Darul Ridzuan</i>	77
2.2.4.4 <i>Selangor Darul Ehsan</i>	79
2.2.4.5 <i>Wilayah Persekutuan</i>	81
2.2.4.6 <i>Melaka</i>	82

2.2.4.7	<i>Johor Darul Takzim</i>	84
2.2.4.8	<i>Negeri Sembilan Darul Khusus</i>	86
2.2.4.9	<i>Pahang Darul Makmur</i>	88
2.2.4.10	<i>Terengganu Darul Iman</i>	90
2.2.4.11	<i>Kelantan Darul Naim</i>	92
2.2.4.12	<i>Sabah</i>	94
2.2.4.13	<i>Sarawak</i>	96
2.2.5	Kesimpulan	98
2.3	Pembangunan Manusia Berteraskan Kepada Sumber Kutipan Zakat	101
2.3.1	Hubungan Antara Hasil Kutipan Zakat dan Indeks Pembangunan Pembangunan Manusia (IPM) di Malaysia	103
2.3.1.1	<i>Negeri dengan Kutipan Zakat Tertinggi serta Hubungan Dengan Dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)</i>	104
2.3.1.2	<i>Negeri dengan Kutipan Zakat yang Sederhana serta Hubungan dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)</i>	107
2.3.1.3	<i>Negeri dengan Kutipan Zakat yang Rendah serta Serta Hubungannya dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)</i>	110
2.3.2	Jurang Kajian	113
2.3.3	Adaptasi Teori Pembangunan Manusia Sebagai Pengukuran Kepada Ekonomi Zakat	116
2.3.4	Pengukuran Zakat Dalam Tingkat Pembangunan Manusia	126
2.3.4.1	<i>Hubungan Zakat Terhadap Pembasmian Kemiskinan</i>	127
2.3.4.2	<i>Hubungan Zakat Terhadap Kehidupan Yang Sihat</i>	128
2.3.4.3	<i>Hubungan Zakat Terhadap Akses Kepada Pengetahuan</i>	129
2.3.4.4	<i>Hubungan Zakat Terhadap Taraf Hidup Yang Baik</i>	130
2.4	Rumusan	132
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>134</b>
3.1	Pengenalan	134
3.2	Panel Statik	135
3.2.1	Ujian VIF	137

3.2.2	Ujian F	138
3.2.3	Ujian Breusch-Pagan LM	139
3.2.4	Ujian Hausman	139
3.3	Regresi Kuantil (QR)	140
3.4	Pengukuran dan Pemilihan Pembolehubah	143
3.4.1	Data	143
3.4.2	Pengukuran Pembolehubah	144
3.4.2.1	<i>Pertumbuhan Hasil Kutipan Zakat</i>	144
3.4.2.2	<i>Pembolehubah Kawalan</i>	145
3.4.2.3	<i>Jangkaan Hasil Dapatan Kajian</i>	148
3.4.3	Pemilihan Institusi-institusi Zakat di Malaysia	153
3.5	Hubungan Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Terhadap Pembangunan Manusia	154
3.5.1	Pembentukan Model Penganggaran	154
3.5.2	Ujian Analisis <i>Outliers</i>	156
3.6	Rumusan	158
 <b>BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN</b>		<b>160</b>
4.1	Pengenalan	160
4.2	Hubungan Hasil Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia	161
4.2.1	Analisis Ujian Deskriptif	161
4.2.2	Korelasi Matriks	162
4.2.3	Penganggaran Panel Statik	163
4.2.4	Penganggaran Analisis Regresi Kuantil (QR)	167
4.3	Rumusan	175
 <b>BAB 5 KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR</b>		<b>177</b>
5.1	Pengenalan	177
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	177
5.2.1	Hubungan Langsung Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia Berteraskan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia	180
5.2.2	Hubungan Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia Pada Tahap Kuantil Yang Berbeza ( <i>Distributional Effect</i> )	181

5.2.3	Perbandingan Keberkesanan Hasil Dapatan Kajian Berasaskan Kaedah Analisis Panel Dan Regresi Kuantil (QR)	182
5.3	Implikasi Dasar	186
5.4	Kekangan Dan Cadangan Kajian	190
	<b>RUJUKAN</b>	<b>192</b>
	<b>APENDIK</b>	<b>209</b>
	<b>PROFIL PENULIS</b>	<b>218</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.1	Jumlah Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Kecuali Negeri Perlis (RM Juta), 2019 - 2023	9
Jadual 1.2	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), 2021 – 2023	12
Jadual 1.3	Jumlah Kutipan Zakat di Malaysia, 2021 - 2023	13
Jadual 1.4	Senarai 13 Pusat Zakat Terpilih di Malaysia	22
Jadual 2.1	Jumlah Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Mengikut Negeri (RM Juta)	74
Jadual 2.2	5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Tertinggi Bagi Tempoh 5 Tahun	106
Jadual 2.3	5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Sederhana Bagi Tempoh 5 Tahun	109
Jadual 2.4	3 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Rendah Bagi Bagi Tempoh 5 Tahun	112
Jadual 3.1	Senarai Pembolehubah dan Sumber Data	144
Jadual 3.2	Jangkaan Dapatan Kajian Berdasarkan Kepada Pembolehubah	149
Jadual 3.3	Sampel Penuh Bilangan Pusat Kutipan Zakat di Malaysia	153
Jadual 3.4	Huraian Terma Dalam Persamaan	156
Jadual 4.1	Ringkasan Statistik Pembolehubah Untuk Pembangunan Manusia	164
Jadual 4.2	Analisis Korelasi Matriks	166
Jadual 4.3	Hasil Keputusan Regresi Panel	168
Jadual 4.4	Keputusan Analisis Regresi Kuantil (QR)	172
Jadual 4.5	Rumusan Dapatan Kajian Berasaskan Metod Analisis Panel dan Regresi Kuantil	178
Jadual 5.1	Rumusan Dapatan Kajian Hubungan Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia	182

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1	Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia & Tingkat Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) (2019-2023)	9
Rajah 1.2	Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia (2021-2023)	13
Rajah 2.1	Model Pengurusan Zakat di Malaysia	67
Rajah 2.2	Peratusan Penduduk Muslim di Malaysia Berdasarkan Bancian Penduduk Malaysia Tahun 2010 & 2020	73
Rajah 2.3	Pertumbuhan Kutipan Zakat LZNK (2019-2023)	75
Rajah 2.4	Pertumbuhan Kutipan Zakat ZPP (2019-2023)	76
Rajah 2.5	Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIPk (2019-2023)	78
Rajah 2.6	Pertumbuhan Kutipan Zakat LZS (2019-2023)	80
Rajah 2.7	Pertumbuhan Kutipan Zakat PPZ MAIWP (2019-2023)	81
Rajah 2.8	Pertumbuhan Kutipan Zakat Melaka (2019-2023)	83
Rajah 2.9	Pertumbuhan Kutipan Zakat MAINJ (2019-2023)	85
Rajah 2.10	Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIN (2019-2023)	86
Rajah 2.11	Pertumbuhan Kutipan Zakat PKZ Pahang (2019-2023)	89
Rajah 2.12	Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIDAM (2019-2023)	91
Rajah 2.13	Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIK (2019-2023)	93
Rajah 2.14	Pertumbuhan Kutipan Zakat MUIS (2019-2023)	95
Rajah 2.15	Pertumbuhan Kutipan Zakat Tabung Baitulmal MAIS (2019-2023)	97
Rajah 2.16	Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia (2019-2023)	99
Rajah 2.17	Dimensi Indeks Pembangunan Manusia (IPM)	119
Rajah 2.18	Dimensi, Indikator & Indeks Dimensi IPRM / IPM	120
Rajah 2.19	Skala Indeks Pembangunan Manusia (IPM)	121
Rajah 2.20	Kerangka Teori Pembangunan Manusia	123
Rajah 2.21	Kerangka Persamaan Kajian Kuantitatif	124

Rajah 3.1	Nilai Hat DFFITS Bagi Setiap Institusi Zakat di Malaysia	158
Rajah 4.1	Perubahan Kesan Pembolehubah Bebas Terhadap IPRM Merentasi Pelbagai Kuantil Berdasarkan Analisis Regresi Kuantil	177

## SENARAI SIMBOL

### Simbol

<i>IPRM</i>	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia
<i>Z</i>	Jumlah Hasil Kutipan Zakat di Malaysia
<i>EEx</i>	Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Sektor Pendidikan
<i>HEx</i>	Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Sektor Kesihatan
<i>GDP</i>	Tingkat Pertumbuhan KDNK Negara
<i>Gini</i>	Pekali Gini
<i>Quant</i>	Kuantil
<i>X</i>	Pembolehubah Kawalan
$\varepsilon$	Terma Ralat
$\beta$	Koefisien Parameter
<i>i</i>	Institusi-institusi Zakat di Malaysia
<i>t</i>	Tahun
$\eta$	Kesan Spesifik
<i>u</i>	Ralat
$R^2$	R Square
$H_0$	Hipotesis Nol
$H_1$	Hipotesis Alternatif
<i>v</i>	Vektor

## SENARAI SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Kenyataan</b>
ACIS	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
API	Akademi Pengajian Islam
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
IKI	Indeks Kesejahteraan Islam
IKPM	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi
IPM	Indeks Pembangunan Manusia
IPRM	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JZNK	Jabatan Zakat Negeri Kedah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KNK	Keluaran Negara Kasar
KPP	Ketua Pusat Pengajian
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor

MAIK	Majlis Agama Islam Negeri Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIP	Majlis Agama Islam Perlis
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak
MAIPP	Majlis Agama Islam Pulau Pinang
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MPC	Kecenderungan mengguna sut
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
PKZ	Pusat Kutipan Zakat
POLS	Panel Statik
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PUZ	Pusat Urus Zakat Pulau Pinang
QR	Regresi Kuantil
RA	Radeyallāhu 'Anhu
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
SBPA	Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong
SDGs	Matlamat Pembangunan Lestari
SEM	Structural Equation Modeling
SWT	Subhanahu wa ta'ala
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UNIMEL	Universiti Islam Melaka

UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNDP	Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu

## JADUAL TRANSLITERASI

Garis panduan transliterasi adalah seperti berikut:

### a. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	' (a,i,u)	الْقِرَاءَة	<i>al-qira'ah</i>
ب	b	بَعَثَ	<i>ba'atha</i>
ت	t	تَابَ	<i>tāba</i>
ث	th	ثَوَابَ	<i>thawāba</i>
ج	j	جَعَلَ	<i>ja'ala</i>
ح	h	حَلَبَ	<i>ḥalaba</i>
خ	kh	خَطَبَ	<i>khataba</i>
د	d	دَفَعَ	<i>dafa'a</i>
ذ	dh	ذَهَبَ	<i>dhahaba</i>
ر	r	رَجَعَ	<i>raja'a</i>
ز	z	زَرَ	<i>zara'a</i>
س	s	سَمِعَ	<i>sami'a</i>
ش	sh	شَفَعَ	<i>shafa'a</i>
ص	ṣ	صَعَدَ	<i>ṣa'ada</i>
ض	ḍ	ضَلَلَ	<i>ḍalala</i>
ط	ṭ	طَلَعَ	<i>ṭala'a</i>
ظ	ẓ	ظَفَرَ	<i>ẓafara</i>
ع	' (a,i,u)	عَلَيْهِ	<i>'alayh</i>
غ	gh	غَفَرَ	<i>ghafara</i>
ف	f	فَلَحَ	<i>falaha</i>
ق	q	قَلَمَ	<i>qalama</i>
ك	k	كَتَبَ	<i>kataba</i>
ل	l	لَعِبَ	<i>la'iba</i>
م	m	مَنَعَ	<i>mana'a</i>

ن	n	نَالَ	<i>nāla</i>
و	w	وَعَدَ	<i>wa'ada</i>
هـ	h	هَدَمَ	<i>hadama</i>
ي	y	يَعْلَمُ	<i>ya'lamu</i>

b. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	a	قَالَ	<i>qāla</i>
أو	u	مُوسَى	<i>mūsā</i>
اي	ī	إِيمَانٍ	<i>īmān</i>

c. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
--- (فَتْحَة)	a	نَصَرَ	<i>naṣara</i>
--- (كَسْرَة)	i	نَاصِرَ	<i>nāṣira</i>
--- (ضَمَّة)	u	يَنْصُرُ	<i>yanṣuru</i>

d. Diftong

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أو	aw	أَوَّابَ	<i>awwāba</i>
أي	ay	أَيَّامَ	<i>ayyāma</i>
اي	iy	إِيَّكَ	<i>iyyāka</i>

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Zakat merupakan satu mekanisme yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam sebagai salah satu bentuk ibadah dan kewajipan syara'. Instrumen zakat bukan sekadar kewajipan individu, tetapi turut berperanan sebagai medium pemindahan kekayaan yang telah diwajibkan oleh-Nya, bertujuan untuk menjamin keadilan sosial, mengurangkan jurang ekonomi antara kaya dan miskin, serta memastikan kesejahteraan ummah secara menyeluruh. Dengan pelaksanaan zakat yang efektif, sumber kewangan dapat diagihkan kepada golongan yang memerlukan, termasuk fakir, miskin, dan asnāf yang telah ditetapkan oleh syara', sekaligus menyokong pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan dalam masyarakat Islam. Hal ini turut dibuktikan dalam al-Quran berdasarkan surah al-Nur, ayat 56:

وَاقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

(Al-Nūr: 56)

Menurut Ibn Kathīr (2000), ayat di atas merupakan seruan Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang beriman untuk menunaikan solat, yang menekankan bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah dan tiada sekutu bagi-Nya. Selain itu, ayat ini menekankan kewajipan menunaikan zakat, yang bertujuan untuk berbuat kebaikan dan memberi sokongan kepada golongan yang lemah, termasuk fakir, miskin, dan mereka yang memerlukan. Dengan demikian, ayat ini menegaskan bahawa ibadah individu seperti solat dan zakat bukan sahaja memenuhi tuntutan syariah, tetapi juga berperanan dalam membentuk keadilan sosial, meningkatkan kesejahteraan masyarakat, dan memperoleh rahmat Allah SWT.

Mekanisme pemindahan harta kepada golongan miskin membolehkan golongan berada membantu mereka yang memerlukan dalam memenuhi keperluan asas kehidupan seharian. Kepelbagaian tahap pendapatan dalam masyarakat telah mewujudkan ketidaksamaan agihan pendapatan dalam kalangan umat Islam masa kini (Salleh, 2014). Pensyariatan zakat adalah bertujuan untuk membantu lapan golongan asnāf sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, sebagai manifestasi praktikal keimanan seorang Muslim kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Malah, Islam merupakan agama pertama yang meletakkan prinsip umum demi mencapai kesejahteraan ekonomi dalam sesebuah masyarakat (Mahmood et al., 2021). Pelaksanaan zakat secara tidak langsung membuka jalan ke arah pengagihan sumber yang lebih cekap, adil dan saksama, di mana ia berfungsi sebagai bentuk bantuan kebajikan (Ibrahim et al., 2020). Agihan zakat yang efisien dapat mengurangkan ketidaksamaan pendapatan serta meningkatkan tahap kebajikan dan kemakmuran masyarakat. Ini juga dilihat sebagai kaedah terbaik dalam menangani masalah kemiskinan. Namun demikian, usaha ini memerlukan kerjasama menyeluruh daripada semua pihak dengan mengambil sikap prihatin dan saling membantu. Hal ini selari dengan perintah Allah SWT dalam Surah At-Tawbah, ayat 71 yang bermaksud:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Tawbah: 71)

Walaupun zakat mempunyai potensi besar dalam meningkatkan pembangunan masyarakat, terdapat beberapa cabaran utama dalam aspek pengagihannya yang boleh menjejaskan keberkesanan zakat dalam meningkatkan Indeks Pembangunan Manusia (IPM). Antara cabaran utama adalah ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan dana zakat. Terdapat persepsi dalam kalangan masyarakat bahawa institusi zakat tidak cukup telus dalam pengurusan kewangan dan pengagihan bantuan. Ketiadaan pelaporan yang terperinci, sistematik, dan mudah diakses telah menyebabkan tahap kepercayaan pembayar zakat (*muzakkī*) terjejas, seterusnya memberi kesan terhadap jumlah kutipan zakat (Abdullah & Suhaib, 2011). Oleh itu, pengukuhan tadbir urus, ketelusan dan sistem pelaporan yang komprehensif adalah penting bagi memastikan fungsi zakat sebagai pemacu pembangunan manusia dapat direalisasikan dengan lebih cekap dan berkesan.

Pemilihan IPM sebagai indikator utama bagi mengukur tahap pembangunan rakyat Malaysia dalam kajian ini adalah berasaskan kepada justifikasi konseptual dan empirikal yang kukuh. Dalam konteks pembangunan manusia di Malaysia, terdapat beberapa ukuran yang sering digunakan dalam penilaian akademik, termasuk Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKPM) dan Indeks Kesejahteraan Islam (IKI). Namun demikian, kajian ini menjadikan IPM sebagai ukuran yang paling sesuai berdasarkan kesesuaian dimensi, data yang konsisten antara negeri, kesepadanan dimensi mengikut kerangka pembangunan Islam serta kemampuan indikator tersebut untuk menilai pencapaian pembangunan secara lebih menyeluruh dan stabil untuk tempoh jangka masa panjang. Dari sudut konseptual, IPM dibangunkan untuk menilai hasil pencapaian manusia secara holistik, merangkumi tiga dimensi asas pembangunan iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup (Ul-Haq, Mahbub (1995). Ketiga-tiga dimensi ini merupakan ukuran pencapaian positif yang menggambarkan tahap kemajuan rakyat secara keseluruhan.

Berbanding dengan indikator lain, IPM tidak sekadar mengukur pembasmian kemiskinan bahkan turut menilai tahap pembangunan manusia yang dicapai dalam sesebuah masyarakat. Hal ini adalah berbeza dengan IKPM yang dibentuk untuk menilai kekurangan, ketidakcukupan atau keterhutangan seseorang atau isi rumah terhadap keperluan asas dalam kehidupan berasaskan dimensi-dimensi tertentu seperti perumahan, pendidikan dan akses kepada kemudahan asas (United Nations Development Programme (UNDP), 2024; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Justeru itu, IKPM lebih sesuai untuk mengukur tahap kerentanan dan kemiskinan tegar,

bukannya tahap pembangunan makro negeri atau negara. Dalam konteks Malaysia, yang telah mencapai kemajuan sederhana hingga tinggi, penggunaan IKPM sebagai penanda aras pembangunan makro kurang tepat kerana ia memberi gambaran berat sebelah kepada dimensi kekurangan dan bukan pencapaian.

Manakala IKI merupakan indeks kesejahteraan berasaskan nilai Islam yang masih berada pada peringkat pembangunan konseptual dan belum mempunyai siri data yang panjang, konsisten dan standard antara negeri. Kajian-kajian terdahulu yang menggunakan IKI lazimnya membina konstruksinya sendiri mengikut keperluan penyelidikan, menyebabkan terdapat isu, ketidakseragaman data, dimensi pengukuran serta kesukaran untuk membuat perbandingan antara negeri dan masa (Ayasrah, 2012; Suprayitno et al., 2017; Sharofiddin et al., 2019; Rahim et al., 2022; Hasbi et al., 2023). Ketiadaan data siri masa yang stabil menjadikan IKI tidak sesuai untuk digunakan dalam kajian panel jangka panjang seperti yang dilakukan dalam kajian ini. Justeru, walaupun IKI mempunyai kekuatan dari sudut nilai Islam, namun ia masih belum mantap untuk digunakan sebagai indikator empirikal pembangunan rakyat di Malaysia.

Zakat merupakan sebuah institusi ekonomi dan sosial yang memainkan peranan penting dalam membangunkan kesejahteraan umat Islam secara menyeluruh. Dalam konteks kontemporari, keupayaan zakat untuk menyumbang kepada pembangunan negara tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai satu kewajipan ibadah, tetapi juga perlu dianalisis menerusi perspektif teori pembangunan moden seperti IPM. Kajian ekonomi yang meneliti impak kutipan dan agihan zakat terhadap IPM amat penting dalam era pembangunan masa kini, khususnya apabila ia berasaskan kepada data empirikal dan analisis terhadap keberkesanan dasar awam. Hasil dapatan daripada kajian sedemikian dapat memperkukuhkan hujah bahawa hikmah pensyariaan zakat bukan hanya terletak kepada aspek spiritual dan ibadah, tetapi turut menjadikannya sebagai alat transformasi sosial yang berdaya saing dan berimpak tinggi. Pengintegrasian zakat dalam dasar pembangunan negara adalah penting bagi memastikan pencapaian tahap kesejahteraan ummah yang lebih menyeluruh. Secara tidak langsung, ia juga berpotensi untuk memperkukuh daya saing negara dalam jangka masa panjang melalui pendekatan pembangunan yang inklusif, adil dan mampan.

Dalam konteks kesediaan data, IPM mempunyai kelebihan yang ketara berbanding dengan IKPM mahupun IKI. Data IPM bagi setiap negeri di Malaysia tersedia secara konsisten bagi tempoh masa yang panjang, termasuk siri masa yang diperlukan dalam kajian ini iaitu dari tahun 2005 hingga 2023. Dengan kaedah

penentuan IPM di peringkat global yang diselaraskan mengikut United Nations Development Programme (UNDP) (2024), hal ini turut menjadikan data yang diperoleh berdasarkan rentas negeri adalah sah dan dipercayai. Berbeza dengan dapatan data IKPM di peringkat negeri yang tidak stabil dan tidak tersedia secara berterusan untuk tempoh jangka masa panjang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Manakala data IKI tiada data rasmi dan sukar untuk dinilai berdasarkan kepada analisis panel. Oleh itu, pemilihan IPM memenuhi keperluan metodologi kajian panel yang memerlukan data yang lengkap, stabil dan seragam antara negeri.

Oleh demikian, IPM merupakan indikator yang paling tepat untuk menilai tahap pembangunan manusia antara negeri di Malaysia serta menghubungkannya dengan tingkat pertumbuhan kutipan zakat di Malaysia. Kelebihan IPM dari aspek kesediaan data, kestabilan metodologi, kesepadanan dimensi dengan kerangka *Maqāsid al-Sharī'ah*, sebagai ukuran pembangunan makro menjadikannya indikator IPM lebih cekap berbanding IKPM dan IKI bagi tujuan kajian ini.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Zakat dari sudut makroekonomi, disandarkan kepada dasar fiskal yang berfungsi sebagai instrumen agihan semula kekayaan dalam sesebuah negara atau dalam konteks masyarakat Islam. Zakat berperanan sebagai mekanisme yang menyokong keseimbangan ekonomi dan menangani ketidaksamaan pendapatan dalam masyarakat. Manakala dari sudut mikroekonomi, zakat memainkan peranan penting dalam aspek peruntukan dan pengagihan secara langsung kepada golongan penerima yang berkelayakan, iaitu golongan *asnāf*, bagi memenuhi keperluan hidup asas dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka (Suprayitno, 2020). Peranan ini turut ditegaskan dalam al-Quran yang menjelaskan kumpulan *asnāf* yang layak menerima agihan zakat, sebagai langkah ke arah pencapaian pembangunan ekonomi dan sosial ummah yang seimbang. Firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah, ayat 60:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاتِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَامِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً  
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Tawbah: 60)

Berdasarkan kepada ayat di atas, dapat difahami bahawa ayat ini merupakan asas hukum zakat dalam Islam yang menetapkan lapan golongan asnaf sebagai penerima yang sah. Pembahagian tersebut mencerminkan keadilan Ilahi dalam memastikan kesejahteraan masyarakat, menghapuskan kemiskinan serta memperkukuh kedudukan umat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa zakat bukan sekadar ibadah individu, sebaliknya ia merupakan instrumen pembangunan sosial dan ekonomi yang berperanan menjamin keseimbangan dalam masyarakat. Kepentingan ayat ini turut menegaskan prinsip keadilan sosial Islam, di mana zakat berfungsi sebagai mekanisme pengagihan kekayaan bagi mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Lapan golongan asnaf yang dinyatakan meliputi aspek kebajikan sosial, ekonomi, dakwah dan pembangunan umat. Malah, ayat ini juga menegaskan bahawa pensyariatkan zakat adalah ketetapan Allah SWT, yang tidak boleh dianggap sebagai sedekah biasa, sebaliknya ia merupakan kewajipan yang bersifat fardhu serta hak yang telah ditentukan oleh-Nya.

Hikmah pensyariatkan zakat turut berperanan secara tidak langsung dalam mencegah penumpuan kekayaan dalam kalangan kelompok tertentu sahaja. Keadaan ini penting untuk dielakkan kerana apabila kekayaan beredar hanya dalam kalangan golongan berada, ia akan melemahkan struktur ekonomi secara keseluruhan golongan kaya akan terus menambah kekayaan, manakala golongan miskin terus terpinggir dalam kemiskinan yang berpanjangan. Dalam hal ini, zakat sebagai instrumen agihan semula berpotensi meningkatkan kuasa beli dan penggunaan dalam kalangan fakir miskin bagi memenuhi keperluan asas kehidupan mereka. Secara tidak langsung, ini menyumbang kepada rangsangan ekonomi yang lebih seimbang serta mewujudkan keadilan sosial yang menjadi teras kepada sistem ekonomi Islam (Nurzaman, 2017).

Faktor utama yang dikenal pasti berasaskan kepada pensyariatian zakat adalah pembangunan masyarakat yang berteraskan kepada pembangunan modal insan. Dalam usaha membasmi kemiskinan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia, terutamanya dengan menawarkan peluang pembangunan ekonomi kepada golongan fakir dan miskin. Pendidikan merupakan salah satu indikator utama dalam Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan merupakan komponen penting bagi pembangunan ekonomi jangka panjang. Agihan zakat dalam bentuk biasiswa, pembiayaan pengajian, penyediaan peralatan sekolah serta kelas bimbingan merupakan antara pendekatan yang dilaksanakan bagi meningkatkan tahap pendidikan dan memperkukuh keupayaan produktiviti tenaga kerja masa hadapan (Wahab & Rahman, 2011). Dalam konteks ini, zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan akses, kualiti dan kesaksamaan pendidikan, khususnya kepada golongan *aşnāf*. Bantuan pendidikan melalui zakat bukan sahaja membolehkan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mengakses peluang pembelajaran, malah memberikan mereka potensi untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik, sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat secara keseluruhan. Menurut Zulkifli et al. (2021), pelaburan zakat dalam sektor pendidikan menjanjikan pulangan jangka panjang yang tinggi dari sudut peningkatan produktiviti dan kesejahteraan ekonomi individu. Ini membuktikan bahawa jika pendidikan golongan *aşnāf* diperkasa, bukan sahaja skor IPM akan meningkat, malah kesejahteraan masyarakat juga dapat dicapai secara lebih inklusif dan berterusan. Justeru, pengurusan dan pengagihan zakat perlu terus diperkukuh sebagai instrumen pembangunan insan yang kritikal dalam agenda pembangunan negara dan ummah.

Manakala faktor yang kedua adalah merujuk kepada pengagihan semula kekayaan dalam masyarakat yang kurang berkemampuan dalam mendapatkan kemudahan kesihatan yang lebih baik. Menurut Abdullah & Suhaib (2011), zakat bukan semata-mata satu ibadah ritual, tetapi memiliki fungsi sosial dan ekonomi yang signifikan. Dalam kerangka pembangunan manusia, zakat dilihat sebagai satu mekanisme agihan semula (*redistributive mechanism*) yang mampu mengurangkan ketidaksamaan dan menggalakkan mobiliti sosial. Zakat mempunyai peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Agihan zakat kepada golongan *aşnāf* yang tidak mampu membiayai rawatan atau akses kepada penjagaan kesihatan boleh membantu meningkatkan jangka hayat dan mengurangkan kematian akibat penyakit yang boleh dicegah. Sesetengah institusi zakat turut membiayai

pembangunan klinik, program kesihatan komuniti serta membiayai bantuan perubatan dan ubat-ubatan. Sebagai contoh, institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperuntukkan jutaan ringgit setiap tahun untuk skim bantuan perubatan kepada golongan *aṣnāf*, merangkumi kos dialisis, pembedahan, dan bekalan ubat-ubatan (Laporan Zakat Selangor, 2023). Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan Indeks Pembangunan Manusia (IPM), khususnya dalam dimensi kesihatan. Agihan zakat dalam sektor kesihatan turut selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-3 (SDG 3): Kesihatan yang baik dan kesejahteraan (*Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages*) (Islamic Research & Training Institute, 2017).

Seterusnya berdasarkan kepada faktor yang ketiga adalah berkaitan dengan keberkesanan hasil kutipan zakat terhadap pembangunan manusia agar ianya bertepatan dengan tahap kesejahteraan masyarakat pada masa kini yang berteraskan kepada taraf hidup yang baik. Dalam konteks pembangunan ekonomi moden, keberkesanan sesuatu sistem tidak hanya dinilai berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi juga melalui pencapaian IPM. Zakat menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Instrumen zakat merupakan instrumen terpenting dalam mengurangkan kadar kemiskinan serta yang berkaitan dengannya. Objektif program pembangunan ekonomi adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan fakir miskin serta mampu melahirkan golongan fakir miskin yang mampu berdikari dalam menceburi bidang keusahawanan agar mereka tidak lagi bergantung kepada bantuan zakat tunai sepanjang masa (Adnan & Roselam, 2018). Dengan hasil kutipan zakat yang diperoleh juga dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk pembangunan ekonomi fakir dan miskin dan antaranya adalah penyediaan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan, bantuan pendidikan serta kesihatan. Oleh yang demikian, zakat memainkan peranan penting sebagai instrumen agihan semula kekayaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat, menyediakan kehidupan yang selesa dan seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij pada masa akan datang (Rasool et al., 2020).

Dengan kepelbagaian program yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasil kutipan zakat dapat dipertingkatkan serta pengagihan yang cekap dan berkesan. Maka secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti hidup para golongan *aṣnāf* dan seterusnya dapat membantu golongan *aṣnāf* untuk meringankan beban


kehidupan yang mereka hadapi (Meerangani, 2019). Berdasarkan kepada jadual 1.1 dan rajah 1.1, jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat di Malaysia (kecuali negeri Perlis) juga telah menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun ke tahun. Manakala rajah 2.1 menunjukkan tren yang positif dalam indeks IPM rakyat Malaysia. Namun demikian, meskipun hasil kutipan zakat adalah meningkat bagi setiap tahun, wujud persoalan di sini sama ada ia memberi kesan positif ataupun tidak terhadap IPM kerana bagi setiap negeri adalah berbeza pada tingkat hasil kutipan dan IPM (JAWHAR, 2024; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024).

Jadual 1.1

Jumlah Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Kecuali Negeri Perlis (RM Juta), 2019 - 2023

	2019	2020	2021	2022	2023
<b>JUMLAH</b>					
<b>KESELURUHAN</b>					
<b>KUTIPAN ZAKAT</b>	3,365,227	3,523,792	3,803,386	4,181,242	4,510,347
<b>DI MALAYSIA</b>					
<b>(KECUALI</b>					
<b>PERLIS)</b>					

Sumber: Jabatan Wakaf, Haji dan Umrah (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024



Rajah 1.1 Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia & Tingkat Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

Isu utama yang diketengahkan dalam kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana sumber kutipan zakat di Malaysia mampu memberi impak terhadap tahap pembangunan manusia. Dalam situasi negara yang sedang menikmati hasil ekonomi yang memberangsangkan saban tahun, timbul persoalan penting sama ada peningkatan ekonomi tersebut turut dinikmati oleh golongan fakir miskin dan seterusnya berupaya meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih sejahtera.

Kekuatan institusi ekonomi zakat yang sedia ada turut menjadi perdebatan sama ada ianya mampu memainkan peranan yang signifikan dalam merapatkan jurang kemiskinan dan menyumbang secara menyeluruh kepada pembangunan masyarakat. Menurut Sadeq (2002), zakat merupakan medium penting dalam mencapai kesejahteraan dan keadilan sosial, selari dengan matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDGs). Dalam pada itu, Kahf (1999) menegaskan bahawa keberkesanan sistem zakat tidak seharusnya hanya diukur berdasarkan jumlah kutipan dan kadar agihan, tetapi yang lebih penting adalah impak jangka panjang terhadap kehidupan penerima. Dalam hal ini, IPM menyediakan satu kerangka pengukuran yang komprehensif dan diiktiraf secara global untuk menilai tahap kemajuan pembangunan manusia. Oleh itu, kajian ini meneliti hubungan antara hasil kutipan zakat dan IPM bagi memahami sejauh mana zakat benar-benar berperanan dalam memperkasa pembangunan masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

Meskipun kutipan zakat di Malaysia menunjukkan peningkatan yang konsisten, hal ini tidak semestinya diterjemahkan kepada penurunan kadar kemiskinan yang sepadan. Ini kerana pendekatan agihan zakat lebih tertumpu kepada program yang menjana pendapatan berbanding bantuan konsumtif semata-mata (Embong et al., 2013). Justeru, zakat perlu dilihat bukan sekadar sebagai mekanisme pungutan dana, tetapi sebagai instrumen pembangunan jangka panjang yang berpotensi mengubah struktur sosioekonomi golongan *asnaf*. Namun demikian, tahap keberkesanan zakat dalam meningkatkan kesejahteraan penerima masih menjadi persoalan kritikal. Tanpa reformasi menyeluruh terhadap pendekatan agihan, sistem pemantauan, serta strategi pembangunan berasaskan impak, zakat berisiko untuk kekal sebagai alat pengurangan kesusahan jangka pendek dan bukannya pemangkin kepada kesejahteraan yang mampan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Kemiskinan merupakan isu yang sering menjadi tumpuan utama para ahli akademik, sosiologi dan juga ahli ekonomi dalam mencari penyelesaian yang terbaik untuk memastikan kehidupan golongan ini terbela dan seterusnya dapat diatasi. Kemiskinan juga turut dikenal pasti dengan bermulanya masalah dalam pengurusan pentadbiran sokongan pendapatan dan seterusnya mengakibatkan kepada ketidakadilan sistem sosial dan ekonomi kepada masyarakat (Nurzaman, 2011). Namun demikian, pelbagai langkah telah dibentuk bagi memastikan masalah kemiskinan dapat diatasi dan seterusnya menjadi penggerak kepada kemakmuran negara.

Pembangunan ekonomi adalah merujuk kepada proses perubahan struktur ekonomi, sosial serta institusi yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi untuk tempoh jangka masa panjang dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat (Meier & Rauch, 2000; Rahim et al., 2021). Pembangunan ekonomi yang baik adalah dengan peningkatan pendapatan perkapita, pengurangan kadar kemiskinan, penambahbaikan infrastruktur, dan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi (Meier & Rauch, 2000). Pembangunan ekonomi bukan hanya tertumpu kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kesejahteraan sosial seperti kesihatan, pendidikan, keadilan sosial, dan kelestarian alam sekitar (Sachs, 2005; Eren & Kaynak, 2017).

Pada tahun 1990, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah memperkenalkan pendekatan baharu untuk menilai pembangunan manusia iaitu melalui Indeks Pembangunan Manusia (IPM) (The Economic Times, 2023). Pengukuran IPM adalah sangat penting bagi sesebuah negara kerana ia adalah gambaran secara menyeluruh dalam pembangunan manusia. IPM terbina berdasarkan kepada tiga dimensi utama: jangka hayat (kesihatan), pendidikan dan taraf hidup (pendapatan perkapita) (Haq, 1995). Dengan menjadikan IPM sebagai pengukur prestasi untuk sesebuah negara, ini dapat membantu kerajaan dalam menilai pembangunan yang dilaksanakan sebelum ini sama ada memberi kesan positif atau tidak kepada rakyat. Jika IPM sesebuah negara meningkat, ini menunjukkan keberkesanan program yang dilaksanakan khususnya dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pelaksanaan dasar kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara tercapai.

Namun demikian, IPM yang digunapakai oleh UNDP (1990) turut dipersoalkan oleh para sarjana dengan menyatakan bahawa IPM hanya mengukur kepada tingkat

kesejahteraan berasaskan material semata-mata dan mengabaikan kepada konsep bukan material. Maka ini telah menjadikan IPM bukannya satu ukuran pembangunan masyarakat yang komprehensif. Terdapat juga kajian-kajian yang mengkritik IPM dari segi teori dan aplikasinya dalam sesebuah negara (Hasbi et al., 2023). Lantaran daripada itu juga telah mengakibatkan pelbagai bentuk indeks dibangunkan sebagai alternatif kepada indeks IPM yang telah lama digunapakai oleh UNDP sejak tahun 1990 (Ayasrah, 2012; Suprayitno et al., 2017; Sharofiddin et al., 2019; Rahim et al., 2022; Hasbi et al., 2023). Meskipun pelbagai teori dan indeks dibangunkan oleh sarjana ekonomi pada masa kini, namun IPM yang dibangunkan oleh Ul Haq, Mahbub (1995) masih kekal relevan digunakan termasuk Malaysia sehingga ke hari ini dan ianya telah dinamakan sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM).

Jadual 1.2

Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), 2021 - 2023

Indeks Dimensi	2021	2022	2023	Pertumbuhan 2021-2022	Pertumbuhan 2022-2023
Indeks Jangka Hayat	0.826	0.823	0.826	-0.003	0.4
Indeks Pendidikan	0.746	0.757	0.754	0.011	-0.4
Indeks Keluaran Negara Kasar (KNK)	0.851	0.872	0.872	0.021	-
<b>Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM)</b>	<b>0.806</b>	<b>0.816</b>	<b>0.816</b>	<b>0.010</b>	<b>-</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara (DOSM), 2024

Berdasarkan kepada jadual 1.2, nilai skor indeks IPRM pada tahun 2021 adalah pada 0.806. Seterusnya pada tahun 2022 dan 2023, nilai skor indeks IPRM telah menunjukkan peningkatan iaitu pada 0.816. Pada tahun 2021, nilai skor indeks jangka hayat rakyat Malaysia adalah 0.826 dan seterusnya pada tahun 2022, nilai skor indeks jangka hayat telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.003 peratus dengan menjadikan nilai skor indeks pada tahun tersebut adalah pada 0.823. Namun demikian, pada tahun 2023, indeks jangka hayat telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus dan nilai skor kembali menjadi 0.826 iaitu sama dengan nilai skor pada tahun 2021. Manakala bagi indeks pendidikan rakyat Malaysia, nilai skor indeks pendidikan pada tahun 2021 adalah 0.746. Pada tahun 2022, nilai skor indeks telah meningkat sebanyak 0.011 peratus dan menjadikan nilai skor pada tahun tersebut adalah 0.757. Namun demikian, nilai skor pada tahun 2023 telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.4


peratus dan menjadikan nilai skor adalah 0.754. Berbeza dengan nilai skor indeks Keluaran Negara Kasar (KNK) yang menunjukkan peningkatan dari tahun 2021 sehingga tahun 2022 dan seterusnya kekal sehingga tahun 2023. Nilai skor indeks KNK pada tahun 2021 adalah pada 0.851 dan telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 sebanyak 0.021 peratus. Nilai skor indeks KNK pada tahun 2022 dan 2023 adalah pada 0.872. Secara ringkas yang dapat dijelaskan di sini adalah indeks jangka hayat dan indeks pendidikan adalah tidak konsisten dan perlu diberi penekanan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan rakyat Malaysia agar terus kekal mencapai tahap pembangunan masyarakat yang baik. Peningkatan dalam IPRM mencerminkan kemajuan holistik dalam pembangunan manusia yang merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Ia bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan individu, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, kestabilan sosial dan kedudukan global. Negara-negara yang berusaha untuk meningkatkan IPM mereka pada asasnya mewujudkan asas untuk masyarakat yang lebih maju, makmur dan berdaya tahan.

### Jadual 1.3

Jumlah Kutipan Zakat di Malaysia, 2021 - 2023

	2021	2022	2023	Pertumbuhan 2021-2022	Pertumbuhan 2022-2023
Jumlah Kutipan Zakat	3,803,386	4,181,242	4,510,347	9.93	7.87

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024



Rajah 1.2 Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia (2021-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024

Berdasarkan kepada nilai skor indeks IPRM yang baik dari tahun 2021 sehingga 2023, Jadual 1.3 turut menunjukkan hasil kutipan zakat di Malaysia (kecuali negeri

Perlis) juga turut menunjukkan peningkatan yang positif dan memberangsangkan pada setiap tahun (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2024). Jumlah kutipan zakat pada tahun 2021 adalah berjumlah RM3.8 bilion dan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7.93 peratus berbanding dengan tahun 2020. Peningkatan kutipan zakat pada tahun 2022 kekal menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 9.93 peratus, dengan jumlah kutipan zakat pada tahun 2022 adalah berjumlah RM4.2 bilion. Pada tahun 2023, hasil kutipan zakat di Malaysia kekal menunjukkan tren yang positif dengan jumlah hasil kutipan adalah sebanyak RM4.5 bilion meskipun peratusan pertumbuhan hasil kutipan zakat adalah rendah berbanding dengan tahun 2022 iaitu pada 7.87 peratus. Keberkesanan keseluruhan kutipan zakat di Malaysia adalah positif meskipun nilai skor IPRM pada tahun 2021 adalah rendah, tetapi hasil kutipan zakat kekal menunjukkan peningkatan. Dengan tingkat peningkatan yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3, ia secara tidak langsung akan memberi impak yang positif kepada masyarakat khususnya dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui bantuan pendidikan, kesihatan, sara hidup dan juga bantuan perniagaan.

Meskipun zakat merupakan instrumen ekonomi Islam yang berpotensi dalam mengurangkan kemiskinan dan alternatif untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, namun impaknya terhadap pembangunan manusia di Malaysia masih kurang dikaji secara menyeluruh. Berdasarkan kepada laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terangganu dan Sabah adalah negeri yang berpendapatan rendah di Malaysia berdasarkan kepada petunjuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita bagi tempoh 5 tahun berturut-turut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Di sebalik hasil kutipan zakat bagi setiap negeri tersebut yang kian meningkat saban tahun (JAWHAR, 2024), kadar KDNK per kapita dan pencapaian IPM (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024) di negeri tersebut masih kekal rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Terdapat juga jurang dari segi keberkesanan pengurusan zakat pada setiap negeri tersebut dalam menangani isu pembangunan manusia yang merangkumi dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup kerana hasil kutipan zakat bagi negeri Kedah dan Kelantan merupakan negeri yang tertinggi hasil kutipan zakat di Malaysia selepas negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAWHAR, 2024). Hal ini adalah berbeza dengan negeri yang berpendapatan tinggi sebagai contoh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor yang mempunyai hasil kutipan zakat yang tertinggi dan turut menunjukkan kadar peningkatan IPM yang tertinggi di Malaysia (JAWHAR, 2024; Jabatan Perangkaan

Malaysia, 2024). Secara asasnya, dengan tingkat hasil kutipan zakat yang tinggi dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pelbagai bentuk aktiviti pembangunan asnaf dan seterusnya dapat meningkatkan kadar IPM negeri (Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor, 2024; Laporan Tahunan PPZ-MAWIP, 2023; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Hal ini menimbulkan persoalan kajian yang ketara iaitu, adakah hasil kutipan zakat bagi setiap negeri memberi kesan terhadap tingkat pembangunan manusia atau pun tidak.

Selain daripada itu juga, kajian-kajian terdahulu banyak menekankan peranan zakat dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan. Namun begitu, terdapat beberapa jurang kritikal dalam bidang ini, terutamanya apabila dikaitkan secara langsung dengan komponen IPM (pendidikan, kesihatan, dan pendapatan). Kurangnya kajian yang komprehensif dalam mengintegrasikan tiga dimensi IPM sekaligus. Sebahagian besar kajian hanya menumpukan satu dimensi sahaja sebagai contoh zakat dan pendidikan, zakat dan kesihatan atau zakat dan pendapatan. Kajian yang menyepadukan ketiga-tiga indikator IPM secara serentak dalam satu model empirik masih terhad (Yumna & Clarke, 2015). Meskipun terdapat kajian yang mengkaji hubungan zakat dengan IPM, namun kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada negara Indonesia sahaja (Suprayatino, 2020; Akmal et al., 2020; Wardani & Arif, 2021; Rusanti et al., 2023; Lestari & Arumi, 2024). Manakala bagi Malaysia hanya melibatkan sebilangan kecil negeri terpilih sahaja dan tidak melibatkan keseluruhan negeri di Malaysia (Suprayatino et al., 2017). Selain daripada itu juga, kajian-kajian terdahulu juga hanya menggunakan pendekatan deskriptif atau korelasi ringkas, tanpa menggunakan model statistik lanjutan seperti regresi panel data yang melibatkan analisis siri masa dan merentasi antara negeri bagi membuktikan hubungan kausal antara zakat dan IPM (Wahab & Rahman, 2012; Aziz et al., 2013).

Kajian ilmiah yang menghubungkan data zakat (kutipan dan agihan) kepada perubahan IPM atau komponennya (secara tahunan atau mengikut negeri di Malaysia) menggunakan kaedah panel data, kesan tetap / kesan rawak, atau model regresi kuantil (QR) masih lagi belum diukur atau belum lagi dibuktikan kerana penilaian hasil kutipan zakat terhadap IPM adalah sangat terhad khususnya dalam bentuk kajian empirikal. Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan dalam kajian ini untuk menilai secara empirikal sama ada terdapatnya hubungan yang signifikan atau tidak antara hasil kutipan zakat dengan pembangunan manusia di Malaysia. Dengan kekangan kajian

sedia ada, maka kajian ini diteruskan untuk menganalisis hubungan antara hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap IPM.

Secara keseluruhannya, walaupun kajian mengenai zakat semakin berkembang, kajian yang benar-benar menilai sumbangan zakat terhadap IPM adalah sangat terhad khususnya bagi negara Malaysia. Dengan penyelidikan yang dijalankan berasaskan kepada kajian empirikal, menyeluruh dan berpaksikan kepada data siri masa, dapatan kajian berasaskan hasil kutipan zakat dapat diiktiraf sebagai alat pembangunan nasional yang sah dan berimpak tinggi. Dengan kekurangan kajian yang melibatkan impak hasil kutipan zakat terhadap IPM di Malaysia, maka kajian ini diteruskan dengan menganalisis hubungan antara hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap IPM bagi tempoh 19 tahun (2005 hingga 2023) dengan menggunakan kaedah panel data statik dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah regresi kuantil (QR) bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih tepat dan menyeluruh kerana kaedah QR melihat kepada kedudukan data yang bersifat *heterogeneous* berbanding dengan analisis panel statik yang hanya melihat kedudukan data yang lebih bersifat *homogeneous*.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada kajian ini, terdapat tiga objektif kajian telah dibentuk bagi menyokong kajian ini dan antara objektif kajian tersebut adalah seperti berikut:

1. Menganalisis hubungan langsung tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dengan melihat kepada kesan mean (*mean effect*);
2. Menganalisis kesan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahap kuantil yang berbeza (*distributional effect*); dan
3. Membandingkan keberkesanan hasil dapatan kajian yang diperolehi berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (POLS) dan regresi kuantil (*quantile regression (QR)*).

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dibentuk, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menjawab persoalan penting yang telah diabaikan dalam kajian-kajian lepas:

1. Adakah terdapat hubungan langsung antara tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan masyarakat berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM);
2. Apakah kesan perubahan tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia mampu mempengaruhi tingkat pembangunan masyarakat berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahap kuantil yang berbeza; dan
3. Adakah hasil dapatan kajian yang diperolehi berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (*Pooled Ordinary Least Squares - POLS*) dan regresi kuantil (*Quantile Regression -QR*) berkesan dalam menilai hubungan zakat dengan Indeks Pembangunan Manusia (IPM).

## 1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian ini, hipotesis kajian juga turut diuji dan antara hipotesis yang telah dibentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat impak hasil kutipan zakat oleh setiap institusi zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan masyarakat berdasarkan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi setiap negeri di Malaysia. Berdasarkan kepada hipotesis awal, tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia mampu memberi kesan yang positif kepada tingkat pembangunan masyarakat setempat berdasarkan kepada penentu Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi setiap negeri.
  - i.  $H_0: \beta_1 = 0$  (Tiada hubungan antara kutipan zakat dan IPM)
  - ii.  $H_1: \beta_1 > 0$  (Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kutipan zakat dan IPM)

2. Hipotesis kajian yang kedua turut mendapati bahawa dengan perubahan tingkat hasil kutipan zakat oleh setiap institusi zakat di Malaysia juga mampu memberi kesan yang positif terhadap tingkat pembangunan masyarakat setempat berdasarkan kepada penentu Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi setiap negeri pada tahap kuantil yang berbeza-beza.
  - i.  $H_0: \beta_1^{(\tau)} = 0$  (Tiada hubungan yang signifikan antara kutipan zakat dan IPM pada kuantil ke- $\tau$ )
  - ii.  $H_1: \beta_1^{(\tau)} > 0$  (Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kutipan zakat dan IPM pada kuantil ke- $\tau$ )
  
3. Hipotesis yang terakhir juga mendapati bahawa hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan kepada dua kaedah analisis yang dipilih dalam menerangkan hasil kutipan zakat di Malaysia adalah signifikan dan positif terhadap penentu Indeks Pembangunan Manusia (IPM).
  - i.  $H_0$ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara dapatan analisis POLS dan QR dalam menjelaskan hubungan antara kutipan zakat dan IPM.
  - ii.  $H_1$ : Tiada perbezaan yang signifikan antara dapatan analisis POLS dan QR dalam menjelaskan hubungan antara kutipan zakat dan IPM.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Keperluan kajian ini adalah untuk menganalisis hasil perolehan kutipan zakat di Malaysia kerana hasil perolehan kutipan zakat yang diagihkan adalah salah satu daripada penggerak utama kepada pembangunan masyarakat di Malaysia pada masa kini selain daripada cukai yang mampu meningkatkan tingkat pembangunan dalam masyarakat. Dengan wujudnya sistem perancangan dan pengurusan zakat yang baik, ianya akan memudahkan lagi proses kutipan dan agihan zakat di Malaysia dan seterusnya dapat menjana kepada daya tahan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh dan mampan. Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat kepada tiga aspek utama yang merujuk kepada bidang akademik, masyarakat dan kerajaan. Sumbangan terhadap pihak kerajaan adalah melalui institusi-institusi zakat di Malaysia yang telah diberi tanggungjawab serta amanah oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Berdasarkan kepentingan kajian dari segi bidang akademik, kajian ini dianggap sebagai satu bidang penyelidikan yang baharu di Malaysia kerana ia menumpukan analisis terhadap Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dalam konteks kutipan zakat. Kajian ini menggunakan teori pembangunan manusia sebagai asas rujukan dalam pembinaan model persamaan, yang mana model tersebut turut dikembangkan oleh pengkaji terdahulu untuk menilai hubungan antara zakat dan pembangunan manusia (Ayasrah, 2012; Suprayitno et al., 2017; Nurzaman, 2017; Rahim et al., 2022; Hasbi et al., 2023). Kajian ini penting kerana ia menyediakan bukti empirik yang menyokong kerangka ekonomi Islam sebagai sistem yang berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan manusia secara sejagat. Selain itu, kajian ini juga menekankan aspek analisis kuantitatif yang mengaitkan zakat dengan indikator makroekonomi seperti IPM, sesuatu yang masih kurang dalam literatur sedia ada. Dengan itu, kajian ini dapat mengisi jurang kajian terdahulu, khususnya dalam memahami kesan jangka panjang zakat terhadap pembangunan manusia dalam pelbagai dimensi termasuk sosial, ekonomi, dan pendidikan. Secara keseluruhan, kajian ini bukan sahaja menambah nilai akademik dalam bidang pembangunan manusia dan zakat, tetapi juga memberikan sumbangan praktikal kepada pembuat dasar dan institusi zakat dalam merangka strategi pengagihan zakat yang lebih berkesan dan berimpak tinggi terhadap pembangunan manusia.

Manakala kepentingan yang kedua adalah sumbangan terhadap masyarakat. Hal ini adalah kerana kajian ini lebih tertumpu dengan melihat kepada kesan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap pembangunan masyarakat dengan melihat kepada petunjuk IPM. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan langsung dengan memasukkan pembolehubah langsung dan pembolehubah kawalan yang telah dipilih berdasarkan kepada teori pembangunan manusia beserta dengan kajian-kajian lepas. Hal ini dapat dilihat melalui kepentingan hubungan jumlah hasil kutipan zakat daripada masyarakat di Malaysia, jumlah kelahiran berdasarkan petunjuk tahap kesihatan, enrolmen pelajar sekolah yang merujuk kepada petunjuk pendidikan, KDNK perkapita yang menjadi indikator kepada taraf hidup yang baik serta Pekali Gini yang merujuk kepada kesaksamaan agihan pendapatan terhadap pembangunan rakyat Malaysia. Dengan pembolehubah yang telah dibentuk, ianya dapat menentukan tingkat keberkesanan hasil kutipan zakat oleh pembayar zakat serta kesan pengganda dalam bentuk agihan yang telah berjaya diterima oleh penerima zakat di Malaysia. Secara tidak langsung dengan faktor-faktor penentu yang dianalisis dalam kajian ini, dapatan kajian

yang diperoleh dapat dijadikan rujukan buat masyarakat bahawasanya zakat ini merupakan langkah yang terbaik dalam membantu serta meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin di Malaysia.

Seterusnya, kepentingan kajian yang ketiga merujuk kepada perspektif kerajaan, khususnya pihak-pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah dalam pengurusan hasil kutipan dan pengagihan zakat di Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada pihak kerajaan untuk merangka polisi dan dasar-dasar baharu untuk memperkasakan institusi zakat, meningkatkan keberkesanan kutipan zakat, serta memastikan pengagihan zakat disalurkan kepada golongan yang benar-benar layak menerima bantuan. Institusi zakat di Malaysia digalakkan untuk mengambil inisiatif tambahan bukan sahaja dalam meningkatkan hasil kutipan, tetapi turut mengenal pasti penerima zakat yang berpotensi dibimbing untuk mengubah cara hidup mereka. Pendekatan ini bertujuan untuk menukar penerima zakat menjadi penyumbang zakat pada masa hadapan, sekaligus mewujudkan pembangunan masyarakat yang berdaya maju. Hasil dapatan kajian ini dijangka memberikan gambaran menyeluruh mengenai peranan institusi zakat sebagai pemangkin pembangunan manusia, sekaligus merapatkan jurang pendapatan antara golongan fakir miskin dan mereka yang berkemampuan. Selain itu, dengan pembentukan model persamaan yang disediakan, kajian ini turut merangka idea, pengetahuan, dan cadangan praktikal untuk disalurkan kepada pihak kerajaan bagi meningkatkan pengurusan dan keberkesanan institusi zakat di Malaysia, sekaligus menyokong pembangunan manusia secara inklusif dan berterusan.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa zakat bukan sekadar ibadah individu, tetapi merupakan instrumen pembangunan sosial dan ekonomi yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Kepentingan dalam kajian ini menunjukkan hubungan antara zakat dan IPM menawarkan nilai tambah yang besar kepada bidang ekonomi Islam, polisi sosial, dan pembangunan manusia. Di samping itu juga, kajian ini turut membuka ruang dalam menilai impak zakat secara menyeluruh, menyediakan bukti empirikal kepada pembuat dasar, serta memperkukuh justifikasi normatif dan praktikal dalam pengurusan zakat dengan lebih berkesan. Lebih penting lagi, pendekatan ini menggabungkan nilai-nilai Islam dengan metodologi moden dalam menilai kesejahteraan sejagat secara lebih objektif dan holistik.

## 1.8 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kajian kuantitatif iaitu dengan menggunakan metod analisis data panel statik dan regresi kuantil (QR). Pengumpulan data yang dibuat adalah berasaskan kepada sumber data yang diyakini untuk dianalisis dalam kajian ini. Dapatan kajian empirikal terdahulu menunjukkan bahawa kutipan dan agihan zakat mampu memberi kesan positif kepada pembangunan manusia, sama ada melalui peningkatan akses pendidikan dalam kalangan *asnāf*, bantuan kesihatan yang bersasar, mahupun peningkatan pendapatan isi rumah miskin. Namun begitu, kajian dalam konteks Malaysia masih berdepan beberapa batasan utama, termasuk keterbatasan data, kekangan metodologi, dan keperluan menyesuaikan ukuran pembangunan dengan kerangka Islam yang lebih holistik.

Kajian ini memilih sebanyak 13 buah negeri di Malaysia yang berkaitan dengan institusi-institusi pengurusan zakat di Malaysia dalam mengendalikan hasil kutipan dan agihan zakat bagi tempoh 19 tahun berturut-turut yang bermula dari tahun 2005 sehingga tahun 2023 untuk dianalisis. Data-data skunder hasil kutipan zakat telah diperoleh daripada laporan kewangan Majlis Agama Islam Negeri (Jadual 1.4) melalui institusi-institusi zakat yang telah dibangunkan bawah Majlis Agama Islam negeri serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Manakala data Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan *Global Data Lab*. Data berkaitan jumlah kadar kelahiran, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita serta Pekali Gini bagi setiap negeri diperoleh melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Seterusnya data enrolmen pelajar sekolah diperoleh daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Data-data yang diperoleh ini akan dianalisis dan dijalankan beberapa ujian deskriptif bagi memperolehi hasil dapatan kajian yang signifikan dengan objektif kajian yang telah dibentuk.

Jadual 1.4  
Senarai 13 Pusat Zakat Terpilih di Malaysia

<i>Bil.</i>	<i>Pusat Zakat</i>	<i>Negeri</i>
1.	Pusat Zakat Johor	Johor
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Kedah
3.	Bahagian Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	Kelantan
4.	Pusat Zakat Melaka	Melaka
5.	Pusat Zakat Negeri Sembilan	Negeri Sembilan
6.	Pusat Kutipan Zakat Pahang	Pahang
7.	Pusat Zakat Pulau Pinang	Pulau Pinang
8.	Bahagian Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	Perak
9.	Bahagian Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Terengganu
10.	Lembaga Zakat Selangor	Selangor
11.	Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
12.	Pusat Zakat Sabah	Sabah
13.	Tabung Baitulmal Sarawak	Sarawak

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024

Berasaskan kepada skop, data dan limitasi kaedah kajian yang dipilih berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (*Pooled Ordinary Least Squares - POLS*) dan analisis regresi kuantil (*Quantile Regression - QR*), dapatan hasil kajian dijangka dapat memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh dan jelas mengenai sumbangan hasil kutipan zakat terhadap pembangunan manusia di Malaysia.

## 1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat konsep khusus yang dibentuk bagi memudahkan perbincangan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kefahaman dalam membaca dan pengkajian. Konsep-konsep yang digunakan ini amat berkait rapat dengan bidang kajian yang dijalankan. Berikut adalah tiga definisi operasional yang telah dibentuk dalam kajian ini:

### 1.9.1 Pertumbuhan Ekonomi Zakat

“Pertumbuhan” dan “pembangunan” merupakan istilah yang sinonim dalam perbincangan dan perbahasan ekonomi. Namun, kedua-dua istilah tersebut membawa maksud yang berbeza di mana pertumbuhan ekonomi lebih merujuk kepada pengeluaran manakala pembangunan ekonomi pula melihat kepada dua aspek utama yang merujuk kepada tingkat pengeluaran serta perubahan teknikal. Perubahan teknikal yang dimaksudkan adalah penyusunan semula institusi dalam penghasilan dan agihan produk. Pertumbuhan yang baik pula bukan hanya melihat kepada peningkatan dalam

pengeluaran semata-mata, tetapi turut memfokuskan kepada kecekapan dalam pengeluaran (Kindleberger & Herrick, 1977).

Manakala pertumbuhan ekonomi zakat adalah merujuk kepada pengurangan dalam ketidaksamaan pendapatan dan kemiskinan di mana sumber kekayaan diagihkan semula dengan lebih saksama. Maka hal ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan dalam kestabilan ekonomi serta keharmonian sosial dan seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Khaf (1999), zakat memberi kesan terhadap penawaran agregat melalui tiga cara: bekalan buruh, bekalan modal dan peruntukan sumber. Oleh yang demikian, sumber hasil kutipan zakat yang diperoleh dapat disalurkan kepada golongan fakir dan miskin bagi tujuan peningkatan kesihatan, memenuhi keperluan makanan dan minuman serta keperluan pendidikan (Azizah & Choirin, 2018). Justeru dengan peningkatan sumber buruh yang berkualiti serta kecekapan dalam produktiviti pengeluaran (Peterson, 1974), maka secara tidak langsung penawaran barangan yang dihasilkan dalam ekonomi juga akan dapat dipertingkatkan dan hal ini akan meningkatkan pertumbuhan KDNK negara akibat daripada pelaksanaan zakat yang berkesan.

Oleh yang demikian, matlamat akhir zakat adalah untuk mengurangkan jurang ketidaksamaan pendapatan di samping menjamin hak asasi bagi setiap manusia, keadilan sosial, serta memperkasakan golongan fakir dan miskin melalui pengurangan kadar kemiskinan dalam masyarakat Islam khususnya. Secara kolektifnya, zakat bukan hanya sekadar memberi tumpuan kepada kebajikan semata-mata tetapi dengan instrumen zakat juga dapat mencapai kesejahteraan hidup masyarakat yang begitu luas.

### **1.9.2 Pembangunan Manusia (Human Development)**

Indeks Pembangunan Manusia (IPM) merupakan indeks komposit statistik dalam menentukan jangka hayat, pendidikan, serta pendapatan per kapita (Keluaran Negara Kasar Perkapita) bagi menilai negara-negara kepada empat peringkat berdasarkan kepada keadaan sesebuah negara. Bagi sesebuah negara yang mencatatkan IPM yang tinggi adalah merujuk kepada jangka hayat, tahap pendidikan dan KNK per kapita yang baik. Indeks IPM telah dibangunkan oleh pakar ekonomi Pakistan iaitu Ul Haq, M. (1995) dan kemudiannya digunakan sebagai alat pengukur kepada tahap pembangunan sesebuah negara di bawah pemantauan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) (The Economic Times, 2023). Matlamat

perlaksanaan IPM adalah bertujuan untuk mengalihkan tumpuan ekonomi pembangunan daripada tingkat penilaian berasaskan perakaunan pendapatan negara iaitu laporan kewangan negara kepada dasar yang berpusatkan kepada masyarakat (Chakravarthi, 2011). Sebelum kewujudan IPM, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah dijadikan sebagai penanda aras dalam kejayaan pembangunan sesebuah negara yang dinilai berasaskan kepada penciptaan barangan dan perkhidmatan. Kemudian diikuti dengan Indeks Kegembiraan (*Happiness Index*) sebagai penanda aras pada tahap gembiranya seseorang dalam kehidupan mereka dan banyak lagi (Rahim et al., 2022).

Sejajar dengan keperluan dan kehendak kepada pembentukan IPM, maka zakat merupakan pelengkap dalam memastikan pembangunan manusia tercapai dengan baik. Pengurusan kutipan dan pengagihan zakat yang baik mampu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh golongan fakir dan miskin kerana teras pada pengagihan zakat adalah untuk mengurangkan jurang ketidak samaan pendapatan di samping memenuhi kehendak dan keperluan mereka untuk meneruskan kehidupan. Pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial adalah faktor utama kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara kerana mampu meningkatkan produktiviti golongan fakir dan miskin dalam memenuhi keperluan asas mereka (Haron & Rahman, 2016). Dalam erti kata lain, tingkat perbelanjaan dalam kalangan *aṣnāf* fakir dan miskin juga mampu meningkatkan hasil produktiviti negara kerana kecenderungan mengguna sut (MPC) dalam kalangan *aṣnāf* fakir dan miskin adalah tinggi (Kadri et al., 2012).

### **1.9.3 Kesejahteraan Hidup (*Well-being Development*)**

Kesejahteraan hidup ditakrifkan sebagai bebas daripada segala bentuk kesusahan dan lain-lain; aman sentosa dan makmur; selamat (Haron & Rahman, 2016). Kesejahteraan menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) membawa maksud hal atau keadaan sejahtera; keamanan, keselamatan, ketenteraman. Manakala kesejahteraan hidup manusia daripada sudut istilah membawa maksud yang pelbagai. Menurut Travers & Richardson (1997), kesejahteraan hidup merupakan satu konsep yang digunakan iaitu merujuk kepada apa sahaja yang digunakan bagi menilai situasi dan keadaan kehidupan seseorang. Dalam erti kata lain, ianya merujuk kepada satu penjelasan tentang keadaan hidup seseorang manusia. Bentuk kesejahteraan hidup manusia telah dikenalpasti dalam pelbagai bentuk dimensi antaranya adalah ilmu,

persahabatan, penzahiran diri, perhubungan, integriti, kesihatan, jaminan ekonomi, kebebasan, kasih sayang, harta dan masa lapang (Alkire, 2002).

Kesejahteraan hidup berasaskan implementasi konsep zakat adalah bergantung kepada pelbagai faktor antaranya kecekapan dalam kutipan dan pengagihan zakat, penyampaian maklumat dan cara ia disepadukan ke dalam dasar sosial dan ekonomi yang lebih luas. Pengurusan dana zakat yang berkesan mampu menyumbang kepada tingkat kesejahteraan masyarakat khususnya penerima zakat. Objektif pensyariatan zakat juga adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan fakir dan miskin serta mengubah kehidupan mereka daripada menjadi penerima zakat kepada pembayar zakat (Rasool et al., 2020). Justeru, kesejahteraan hidup manusia bukan hanya memfokuskan kepada faktor material semata-mata tetapi turut ditekankan daripada aspek ilmu, persahabatan, penzahiran diri, perhubungan, integriti, kesihatan, jaminan ekonomi, kebebasan, kasih sayang, harta dan masa lapang (Alkire, 2002). Dengan hikmah pensyariatan zakat juga mampu memupuk rasa kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan umat Islam demi kesejahteraan hidup manusia secara keseluruhannya.

### **1.10 Organisasi Kajian**

Kajian ini distrukturkan mengikut pembahagian bab yang merangkumi lima bab keseluruhannya. Bab pertama membincangkan pengenalan kepada kajian yang diterangkan secara umum iaitu berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia berdasarkan kepada hasil kutipan dan agihan zakat dalam mempengaruhi tingkat kesejahteraan masyarakat. Perbincangan dalam bab ini merangkumi aspek pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan penerangan mengenai organisasi kajian ini secara umum.

Manakala perbincangan bagi bab kedua lebih tertumpu kepada perbincangan kajian-kajian lepas dalam pengurusan zakat berdasarkan kepada hasil kutipan dan agihan zakat yang telah dilaksanakan, pengaruh pendidikan dalam membangunkan modal insan, faktor kesihatan dalam memastikan kitaran ekonomi bergerak dengan lebih baik dan kesan Keluaran Negara Kasar (KNK) ke atas sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia. Perbincangan di dalam bab ini lebih terarah kepada anggaran perolehan pengurusan zakat di Malaysia. Disamping itu juga, turut dibincangkan di dalam bab ini

adaalah pensyariatian zakat berdasarkan kepada al-Quran dan hadis serta perbincangan daripada sudut *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Seterusnya pada bab ini juga turut dibahaskan pembangunan teori dan model bagi melihat kesan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan rakyat Malaysia.

Seterusnya pada bab ketiga, kajian ini membincangkan metodologi kajian dan teknik-teknik penganggaran yang digunakan bagi mencapai objektif-objektif yang telah dibentuk serta penerangan mengenai data yang akan digunakan bagi tujuan analisis dalam kajian ini berdasarkan kepada kaedah analisis yang dipilih.

Pada bab keempat, perbincangan lebih memfokuskan kepada hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan daripada kaedah metodologi yang telah digunakan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh ini akan menjawab kesemua objektif kajian yang telah dibentuk di dalam bab ini.

Selanjutnya bagi bab kelima iaitu bab yang terakhir, bab ini secara khususnya membentuk kesimpulan bagi keseluruhan hasil dapatan kajian yang telah diperoleh serta perbincangan mengenai implikasi polisi dan kekangan kajian. Turut dijelaskan juga dalam bab ini adalah cadangan kajian yang boleh diteruskan pada kajian-kajian di masa hadapan.

## **1.11 Penutup**

Bab ini telah membincangkan secara menyeluruh mengenai pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, definisi operasional, serta organisasi kajian. Perbincangan dalam bab ini memberikan gambaran awal kepada pra-kajian yang dilaksanakan, sekaligus membantu pembaca memahami konteks dan skop kajian. Selain itu, bab ini juga memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah-istilah khusus yang telah diperincikan dalam bahagian definisi operasional, memastikan pembaca dapat mengikuti perbincangan kajian dengan jelas dan konsisten.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan meneruskan perbincangan tinjauan literatur berkaitan dengan kajian hubungan zakat dan Indeks Pembangunan Manusia (IPM). Tinjauan ini bertujuan untuk memahami kerangka teori dan konsep asas berkaitan zakat, pembangunan manusia, serta pendekatan-pendekatan empirik yang telah digunakan oleh penyelidik terdahulu dalam mengkaji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini iaitu hasil kutipan zakat dan IPM.

Berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian terdahulu telah mendapati bahawa zakat mempunyai potensi yang besar dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui pengurangan kemiskinan, peningkatan taraf pendidikan, penjagaan kesihatan serta pembangunan modal insan dalam kalangan *aṣnāf*. Walau bagaimanapun, literatur yang mengaitkan zakat secara langsung dengan IPM adalah masih terhad, terutamanya bagi konteks dalam negara Malaysia. Oleh itu, kajian ini cuba mengisi jurang tersebut dengan menganalisis hasil kutipan zakat dengan dimensi IPM secara lebih sistematik dan berasaskan data-data empirik.

Dalam bab ini, perbincangan akan dimulakan dengan huraian konsep asas zakat dan falsafahnya dari pensyariatkan zakat. Seterusnya, perbincangan akan diteruskan dengan struktur pengurusan zakat di Malaysia melalui Majlis Agama Islam Negeri beserta dengan institusi-institusi zakat yang telah dibentuk. Perbincangan ini juga turut melibatkan kepada jumlah hasil kutipan zakat yang diperoleh mengikut negeri-negeri di Malaysia. Akhir sekali, perbincangan berkaitan dengan konsep IPM sebagai ukuran kepada pembangunan manusia, diikuti dengan kajian-kajian lepas yang menilai kesan zakat terhadap pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup. Bab ini turut meneliti kajian-kajian empirikal berkaitan hubungan zakat dengan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan, dan pembangunan sosioekonomi, sama ada dalam konteks Malaysia mahupun antarabangsa.

### 2.1.1 Definisi Zakat

Kalimah zakat berasal daripada perkataan arab klasik yang dituturkan oleh masyarakat Arab kuno sebelum kedatangan Islam (Tarimin, 2012). Menurut Imam al-Mawardi, perkataan sedekah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis adalah merujuk kepada maksud zakat. Bahkan menurut Imam al-Mawardi lagi, perkataan “*sedekah*” adalah merujuk kepada perkataan zakat meskipun sebutan atau namanya adalah berlainan tetapi memberi maksud yang sama (Tarimin, 2012). Manakala ungkapan kata dasar zakat menurut ilmu bahasa pada kelazimannya adalah merujuk kepada suci, rahmat, berkembang, subur, kejayaan, bertambah baik, damai, sedekah dan terpuji tetapi makna yang lebih tepat dan ianya seringkali digunakan pada zakat harta (Rāzī, 1986). Pengertian zakat daripada sudut istilah pula adalah merujuk kepada pengertian umum dalam kalangan para fuqaha’ di mana zakat merupakan penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu (Zuhaily, 1994). Meskipun para ulama memberikan takrifan zakat yang berbeza, namun prinsipnya adalah tetap sama iaitu untuk mencari keredaan Allah SWT dengan penyucian diri terhadap Allah SWT (Mohd Ali, 2013). Berdasarkan kepada takrifan zakat yang telah dijelaskan di atas, ciri-ciri asas yang terdapat pada elemen zakat adalah seperti berikut (Tarimin, 2012):

1. Pelepasan milik harta bukan berdasarkan kepada konsep hadiah, hibah (pemberian), anugerah, murah hati atau belas ihsan. Penyerahan itu adalah berdasarkan kepada kewajipan (fardhu). Oleh itu, penzakat haram mengambil semula zakat, nilai atau manfaat selepas penyerahan zakat.
2. Penyerahan sebahagian kekayaan telah ditentukan kadarnya sebanyak 2.5 peratus sehingga 20 peratus daripada hasil pendapatan bersih sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syara’ dari satu masa ke satu masa tertentu.
3. Perbezaan syarat digunakan terhadap jenis-jenis harta kekayaan dan cara memperolehi pendapatan tersebut.
4. Penentuan kadar minimum nisab yang berbeza-beza berdasarkan jenis harta kekayaan dan cara mengusahakannya.
5. Sistem pengagihan yang terkawal, dinamik dan berkesan kepada setiap *asnāf* yang berhak menerimanya.

6. Sistem zakat adalah bertujuan membangunkan akidah, akhlak, ekonomi, pendidikan individu dan negara serta ummah supaya mendapat keredaan daripada Allah SWT.

Ciri-ciri yang dinyatakan dalam takrifan zakat adalah merujuk kepada konsep kesepaduan, kualiti dan kuantiti. Pensyariatan zakat yang difardhukan atas umat Islam merupakan mekanisme fiskal dan alat pengagihan semula kekayaan terpenting dalam ekonomi Islam (Hassan & Ahmad, 2010). Hal ini adalah kerana zakat dikategorikan sebagai sumber perlindungan, latihan serta jaminan untuk pembangunan ummah di mana kewajipan zakat diturunkan secara bertahap ke atas umat Islam dan ianya adalah kesinambungan daripada umat-umat terdahulu (Nordin & Said, 2011). Dalam pada itu juga, perkataan zakat dalam al-Quran turut digunakan dalam pelbagai bentuk istilah umpamanya seperti “*taṣaddaqa*” (surah al-Baqarah: 280), “*ṣadaqah*” (surah al-Nisā’: 114), “*ṣadaqāt*” (surah al-Tawbah: 58), “*al-ḥaqq*” (surah al-An‘ām: 114), “*al-nāṣīb*” (surah al-Nahl: 56), “*al-Khayr*” (surah al-Mā’idah: 48), “*al-infāq*” (surah al-Munāfiqūn: 10), “*al-qard al-ḥasan*” (surah al-Taghābun: 17), “*al-maghfirah*” (surah al-Baqarah: 268) dan “*al-‘afw*” (surah al-Baqarah: 219) (Tarimin, 2012). Justeru, istilah-istilah yang digunakan pada maksud zakat dalam al-Quran adalah menggambarkan keadaan zakat itu sendiri yang merujuk kepada bersih, berkat dan berkembang subur serta menjadi asas kepada *baladun tayyibatun wa rabbun ghafūr* (Nordin & Said, 2011).

## **2.1.2 Dalil Pensyariatan Zakat**

Dalil pensyariatan zakat merupakan dalil ataupun bukti berkaitan dengan pensyariatan zakat berdasarkan kepada sumber primer dan skunder. Sumber primer adalah merujuk kepada sumber utama yang terdapatnya dalil-dalil dalam al-Quran dan juga al-Sunnah. Manakala sumber skunder pula adalah terdiri daripada ijma’ dan qias. Namun demikian, dalil pensyariatan zakat yang akan dinyatakan dalam kajian ini hanya melihat kepada sumber primer sahaja iaitu dalil al-Quran dan al-Sunnah.

### **2.1.2.1 Al-Quran**

Pensyariatan zakat bermula pada tahun ke-2 hijrah (al-Khīn et al., 1998) di mana kalimah zakat disebutkan secara *ma’rifah* (bermakna zakat harta) yang telah diulang

sebanyak 30 kali dalam al-Quran di mana 8 ayat berkaitan dengan zakat adalah berdasarkan kepada ayat *Makiyyah* dan selebihnya adalah ayat *Madaniyyah* (Sābiq, 1983; al-Qarḍāwī, 1985). Manakala 28 kali perkataan “Zakāh” juga turut digandingkan dengan perkataan “Ṣalāh” di dalam al-Quran (Sābiq, 1983; al-Qarḍāwī, 1985). Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan Zakāh adalah pada kedudukan yang tinggi sehinggakan perkataan zakāh juga turut diselarikan dengan perkataan “Ṣalāh” dalam al-Quran. Berikut adalah dalil-dalil pensyariatan zakāh yang telah dinyatakan dalam al-Quran:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ  
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(Al-Tawbah: 103)

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

(Al-Nūr: 56)

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ  
 إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ  
 حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ  
 وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

(Al-Baqarah: 83)

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
 وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.

(Al-Bayyinah: 5)

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ  
 مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَآثُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ  
 وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

Maksudnya:

Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebon yang menjalar  
 tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-  
 tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang  
 bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari  
 buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau  
 menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau  
 belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

(Al-An'ām: 141)

Manakala dalil al-Quran berkaitan dengan ancaman bagi golongan yang enggan  
 berzakat juga turut dinyatakan dalam surah al-Tawbah dan Ali-Imran:

﴿ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ  
 النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ  
 وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan  
 ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang  
 salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan  
 (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya  
 pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang  
 tidak terperi sakitnya.

(Al-Tawbah: 34)

يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ  
 وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.

(Al-Tawbah: 35)

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا  
 لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
 وَلِلَّهِ مِيرَاتُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

Maksudnya:

Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.

(Ali-'Imran: 180)

### 2.1.2.2 Al-Sunnah

Hadis ataupun al-Sunnah adalah sumber primer yang telah dijadikan sebagai asas sumber perundangan Islam yang kedua selepas daripada al-Quran dalam menentukan sesuatu hukum. Menurut al-Qattān (1985), sunnah adalah merujuk kepada *sunnah qawliyah* (perkataan), *sunnah fi'liyah* (tingkahlaku perbuatan) dan *sunnah taqrīriyyah* (pengakuan) terhadap diri Rasulullah SAW dalam sesuatu perkara. Bagi mengklasifikasikan sesuatu hukum berkaitan zakat, hadis juga turut dijadikan sebagai sandaran utama dalam menetapkan sesuatu hukum. Maka antara berikut adalah

sebahagian daripada hadis-hadis yang telah diambil bagi melihat kepada ketetapan hukum-hakam yang telah dinaskan berkaitan dengan soal zakat:

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2001) daripada ‘Alī ibn Abī Tālib, Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>1</sup>

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ، وَخَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمٍ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ - يَعْنِي فِي الذَّهَبِ - حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، فَإِذَا كَانَتْ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَخَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ، وَلَا زَكَاةَ فِي مَالٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ."

Maksudnya:

Daripada ‘Alī r.a, dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika kamu mempunyai dua ratus dirham dan telah berlalu satu tahun, maka wajib zakat ke atasnya sebanyak lima dirham. Dan kamu tidak mempunyai kewajipan membayar zakat emas sehingga kamu memiliki dua puluh dinar dan telah berlalu satu tahun, maka zakatnya ialah sebanyak setengah dinar. Dan jika lebih, maka hitunglah berdasarkan yang selebihnya. Dan tidak ada pada harta, kewajipan zakat sehingga berlalu waktu satu tahun.”

(Riwayat al-Bukhārī)

Secara jelas menunjukkan bahawa para fuqaha’ berpendapat tentang wajib zakat dan emas, baik mata wang kertas atau syiling dan alat-alat transaksi lain yang digunakan berfungsi sebagai wang dianggap sebagai harta yang dapat dikenakan zakat, sebab alat transaksi tersebut adalah berdasarkan nilai emas dan perak (al-Qarḍāwī, 1985: Mohd Ali, 2013). Dalam hadis yang lain juga turut dinyatakan ancaman bagi mereka yang tidak mengeluarkan zakat khususnya bagi zakat emas dan perak. Telah diriwayatkan oleh Imām Muslim (1987) daripada Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Muḥammad ibn Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitāb al-Zakāh”, ḥadīth no. 1499, jld. 3, Kaherah: Dār Tawq al-Najāh., h. 351

<sup>2</sup> Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī (1407H/1987M), Ṣaḥīḥ Muslim, “Kitāb al-Zakāh”, No. ḥadīth 987, Jil. 2, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 680

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا  
 فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي زَكَاةَهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ  
 جَهَنَّمَ، فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ  
 سَنَةٍ، حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ، فَيُرَى سَبِيلَهُ، إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِمَّا إِلَى النَّارِ"

Maksudnya:

Daripada Abū Hurayrah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada seorang pun yang memiliki emas dan perak yang dia tidak mengeluarkan zakatnya, kecuali pada hari kiamat nanti akan dinyalakan untuknya piring-piring daripada api neraka dan dia dipanaskan di atasnya. Setelah dibakar dengannya, maka digosokkan ke atas lambungnya, dahi, dan punggungnya dengan kepingan itu. Apabila piring-piring itu sejuk, akan dipanaskan kembali pada satu hari yang tempoh lamanya adalah lima puluh ribu tahun sehingga Allah menyelesaikan urusan hamba-Nya. Maka dia akan melihat jalannya, apakah ke surga atau ke neraka”.

(Riwayat Muslim)

Manakala hadis berkaitan dengan zakat perniagaan juga turut diriwayatkan oleh Abū Dāwūd (1989), daripada Samurah ibn Jundub raḍiya Allāhu ‘anhu:<sup>3</sup>

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: "أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا  
 أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ بِمَا نَعْدُ لِلْبَيْعِ"

Maksudnya:

Daripada Samurah ibn Jundub raḍiya Allāhu ‘anhu, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Adapun perkara yang berikutnya, adalah Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada harta benda yang kami sediakan untuk dijual.”

(Riwayat Abū Dāwūd)

<sup>3</sup> Sulaimān b. al-Ash‘ath, Abū Dāwūd (1409H/1989M), Sunan Abī Dāwūd, “Kitāb al-Zakāh”, No. ḥadīth 1562, Jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 90

Berdasarkan kepada maksud hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa zakat turut disyariatkan ke atas sebarang bentuk perniagaan dan antara lain juga merujuk kepada zakat saham, zakat perniagaan mata wang, zakat pelaburan harta, zakat haiwan ternakan yang diperdagangkan dan lain-lain zakat yang wajib dikeluarkan dari aspek perniagaan dan juga perkhidmatan.

Antara lain juga yang turut disentuh dalam pensyariatkan zakat adalah berkaitan dengan kadar zakat *rikāz* di mana zakat yang telah ditetapkan adalah tidak perlu cukup pada satu haul tetapi wajib dikeluarkan zakatnya pada saat dikeluarkan daripada perut bumi dengan kadar zakat adalah sebanyak 20 peratus (Mohd Ali, 2013). Ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2001) daripada Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>4</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعَجْمَاءُ جُبَارٌ، وَالْبُشُرُ جُبَارٌ، وَالْمَعْدِنُ جُبَارٌ، وَفِي الرِّكَازِ الْخُمْسُ."

Maksudnya:

Daripada Abū Hurayrah raḍiya Allāhu ‘anhu, dia berkata:

Rasulullah SAW bersabda: “*Ajma* adalah jubar (harta yang tidak ada sesuatu pun di dalamnya). Sumur adalah *jubar* dan barang tambang adalah *jubar*. Dalam zakat *rikāz* ada kewajipan sepertimana (*khumus*)”

(Riwayat al-Bukhārī)

Hadis ini menjelaskan tentang harta *rikāz*, iaitu harta yang ditemui tanpa pemilik yang jelas dan biasanya terkubur atau tersembunyi, seperti harta karun atau hasil bumi tertentu. Harta seperti ini wajib dizakatkan sebagaimana hukum *khumus*, iaitu satu per lima daripada nilai harta tersebut diberikan kepada golongan yang berhak. *Ma’din* adalah segala sesuatu yang diciptakan oleh Allah dalam perut bumi, baik padat mahupun dalam bentuk cecair seperti emas, perak, tembaga, minyak, gas, besi sulfur dan lain-lain sumber yang dikategorikan sebagai hasil bumi (Mohd Ali, 2013).

---

<sup>4</sup> Muḥammad b. Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitāb al-Zakāh”, No. ḥadīth 1499, Jil. 3, Kaherah: Dār Ṭawq al-Najāh, h. 351

### **2.1.3 Syarat-syarat Wajib Berzakat**

Menurut al-Qarḍāwī (1985), kekayaan terhadap harta adalah merujuk kepada dua syarat utama iaitu pemilikan harta yang dipunyai dan boleh diambil manfaat ke atas harta tersebut. Oleh yang demikian dalam memenuhi tuntutan zakat yang telah disyariatkan ke atas umat Islam, maka Islam telah menggariskan syarat-syarat wajib bagi seseorang individu dalam menunaikan ibadah zakat (Nordin & Said, 2011):

#### **1. Islam**

Zakat merupakan salah satu kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT khusus ke atas umat Islam sebagai salah satu daripada cabang dalam lima rukun Islam. Ia tidak diwajibkan dan tidak sah sekiranya ditunaikan oleh orang bukan Islam, kerana zakat bukan sekadar instrumen ekonomi atau derma, tetapi merupakan ibadah khusus dalam syariat Islam yang mengandungi dimensi akidah, ibadah, dan sosial. Kewajipan ini hanya terpakai kepada mereka yang beriman kepada Allah SWT, yang menunaikan zakat sebagai manifestasi ketaatan kepada perintah Allah, penyucian harta, serta mekanisme pengagihan semula kekayaan dalam masyarakat Islam. Selain itu, zakat juga berperanan dalam mewujudkan keseimbangan ekonomi, mengurangkan jurang antara kaya dan miskin, dan memastikan keadilan sosial dalam komuniti Islam. Orang bukan Islam tidak termasuk dalam kewajipan ini kerana mereka tidak terikat dengan tuntutan syariat Islam dan tidak terlibat dalam struktur ibadah yang mengatur kewajipan sosial dan ekonomi umat Islam. Dengan itu, zakat menegaskan sifatnya sebagai instrumen ibadah dan sosial yang unik, yang menyatukan tanggungjawab individu terhadap Allah dengan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

#### **2. Merdeka**

Merdeka merupakan syarat wajib kedua dalam pensyariatkan zakat yang menetapkan bahawa individu yang dikenakan zakat mestilah seorang yang merdeka, iaitu bebas daripada sebarang bentuk pemilikan atau dikawal oleh orang lain, khususnya tidak berada dalam status hamba. Hal ini berasaskan kepada realiti pada zaman dahulu di mana hamba tidak memiliki kebebasan mutlak terhadap harta yang dimilikinya, sebaliknya segala pemilikan harta mereka berada di bawah kawalan tuan atau majikannya. Sehubungan itu, kewajipan zakat hanya dikenakan ke atas individu

Muslim yang merdeka dan mempunyai hak penuh untuk mengurus, mengawal, serta berhak membelanjakan hartanya sendiri. Dengan kata lain, zakat tidak diwajibkan ke atas hamba kerana kedudukan mereka yang terbatas dalam aspek pemilikan harta dan kebebasan peribadi. Kewajipan ini hanya terpakai apabila individu tersebut telah bebas sepenuhnya, membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab zakat sebagai manifestasi ketaatan kepada Allah SWT dan pengagihan semula kekayaan yang adil dalam masyarakat Islam.

### **3. Sempurna Pemilikan**

Sempurna milik adalah merujuk kepada pemilikan harta ke atas individu yang bebas menggunakan harta yang dimiliki tanpa ada sekatan mahupun campur tangan daripada pihak lain. Zakat yang disyaratkan adalah pada asalnya memiliki dan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya dan keadaan ini tidak terlaksana kecuali kepada harta yang dimiliki dalam bentuk pemilikan sempurna. Maka oleh itu, syarat zakat tidak akan terlaksana terhadap harta yang berada di luar pengawasan pemilik hartanya; harta yang tidak diketahui lokasi harta oleh pemiliknya atau harta yang tidak mampu dikesan pemiliknya. Contoh harta yang sempurna pemilikan ialah wang gaji yang telah diterima, emas atau perak yang dimiliki, hasil perniagaan, hasil pertanian, dan ternakan. Sebaliknya, harta yang belum sempurna pemilikan seperti harta pusaka yang masih dalam proses pembahagian atau wang yang masih dijanjikan tetapi belum diterima, tidak wajib dizakatkan sehingga benar-benar berada dalam pegangan pemilik. Dengan menjadikan syarat pengeluaran zakat adalah sempurna pemilikan, ini menunjukkan bahawa Islam sangat menekankan keadilan dalam kewajipan zakat. Ia memastikan seseorang tidak terbeban menunaikan zakat ke atas harta yang belum sah dimilikinya. Dengan adanya syarat ini, hanya harta yang benar-benar berada dalam kawalan dan manfaat pemilik sahaja yang dikenakan zakat, sekali gus menepati prinsip syariah bahawa kewajipan zakat adalah pada harta yang berkembang dan berpotensi memberi manfaat sebenar.

### **4. Hasil Usaha yang Baik Sebagai Sumber Zakat**

Hasil usaha yang baik merujuk kepada segala bentuk pendapatan yang diperoleh melalui usaha yang halal, sah di sisi syarak dan diiktiraf sebagai sumber rezeki.

Dalam konteks zakat, ia meliputi hasil daripada pekerjaan, perniagaan, pertanian, perikanan, penternakan, perindustrian, perkhidmatan, gaji, upah, keuntungan pelaburan serta apa sahaja bentuk pendapatan yang sah dan bermanfaat. Islam menekankan bahawa setiap harta yang diperoleh melalui usaha halal bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi juga mempunyai tanggungjawab sosial untuk dikongsi melalui instrumen zakat. Pensyariat zakat daripada hasil usaha yang baik mempunyai dua dimensi utama. Pertama, ia berperanan sebagai penyucian harta dan jiwa, di mana harta yang diperoleh hasil daripada usaha halal akan lebih diberkati setelah sebahagiannya ditunaikan dalam bentuk zakat. Kedua, ia berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan dalam masyarakat bagi mengurangkan jurang ekonomi antara golongan berada dan golongan kurang berkemampuan. Dalam konteks semasa, zakat hasil usaha yang baik menjadi semakin penting kerana bentuk pendapatan masyarakat moden sangat pelbagai. Justeru, institusi zakat di Malaysia telah memperluas kategori zakat kepada zakat pendapatan, zakat perniagaan, dan zakat pelaburan. Hal ini selari dengan semangat syariat Islam yang menekankan keadilan sosial serta keberkesanan instrumen zakat dalam pembangunan ekonomi ummah. Para fuqaha' telah menyatakan bahawa setiap pendapatan atau sumber penggajian adalah merujuk kepada Māl Mustafād<sup>5</sup> dan ianya adalah taksiran kepada sumber harta yang diwajibkan zakat (Tarimin, 2012).

## **5. Cukup Nisab**

Nisab merujuk kepada kadar minimum harta yang dimiliki oleh seseorang Muslim sebelum diwajibkan zakat ke atasnya. Dengan kata lain, nisab adalah ukuran atau tanda aras yang ditetapkan oleh syarak bagi menentukan sama ada harta yang dimiliki sudah mencapai kadar yang mewajibkan zakat atau sebaliknya. Sekiranya harta seseorang tidak mencapai nisab, maka zakat tidak dikenakan ke atasnya kerana dianggap belum sampai kepada tahap mencukupi untuk menanggung

---

<sup>5</sup> Zakat Māl Mustafād adalah merujuk kepada pendapatan yang dijana melalui perolehan dari sumber penggajian, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan seperti elaun, bonus, honorarium, subsidi dan lain-lain lagi. Kewajipan zakat terhadap sumber-sumber ini pada masa sekarang sedang diperkukuhkan lagi terutamanya tentang penggunaan pra syarat haul (potongan zakat bulanan melalui skim potongan gaji), nisab, kadar dan tolakan yang dibenarkan (Tarimin, 2013).

kewajipan telah ditetapkan.<sup>6</sup> Pensyariatan nisab menunjukkan hikmah Islam dalam melaksanakan keadilan sosial dan ekonomi. Ia memastikan bahawa hanya golongan yang benar-benar berkemampuan sahaja diwajibkan menunaikan zakat, manakala mereka yang tidak mencapai tahap mencukupi dikecualikan kerana masih berada dalam kategori penerima bantuan. Hal ini selaras dengan matlamat zakat sebagai instrumen kebajikan yang menjaga kepentingan golongan berkemampuan dan golongan yang memerlukan pada masa yang sama.

## 6. Cukup Haul

Haul adalah peredaran harta pada satu nisab yang merujuk kepada 12 bulan *Qamariah* (bulan Hijrah). Namun demikian, jika kiraan tersebut adalah sukar mengikut kepada bulan Hijrah disebabkan urusan kerja pada masa kini banyak terlibat dengan menggunakan kaedah bulan Masihi. Maka ianya dibolehkan pengiraan mengikut tahun Masihi dengan penambahan kadar yang wajib dikeluarkan iaitu daripada 2.5 peratus kepada 2.577 peratus kerana bilangan hari dalam tahun Masihi lebih banyak dari tahun Hijri.<sup>7</sup> Pensyariatan cukup haul menunjukkan bahawa Islam memberi ruang masa yang adil bagi pemilik harta menstabilkan kedudukan kewangan mereka sebelum dikenakan zakat. Ia juga memastikan bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas harta yang benar-benar berkembang dan berdaya tahan sepanjang tempoh tertentu, bukan sekadar harta yang dimiliki secara sementara. Namun begitu, terdapat pengecualian bagi beberapa jenis zakat tertentu yang tidak disyaratkan cukup haul, antaranya ialah zakat pertanian, zakat ternakan tertentu, dan zakat galian atau harta karun (*al-rikāz*). Zakat pertanian, misalnya, wajib dikeluarkan setiap kali hasil dituai tanpa perlu menunggu tempoh setahun, kerana ia berdasarkan kitaran musim tanaman. Begitu juga zakat rikāz yang wajib dikeluarkan sebaik sahaja harta tersebut diperoleh.

---

<sup>6</sup> Dīnār (wang emas) dikenakan zakat apabila sampai 20 dīnār (1 dīnār = 4.25 gram, oleh itu 20 dīnār = 85 gram). Maka zakatnya adalah setengah dīnār. Dirham (wang perak) dikenakan zakat apabila sampai 200 dirham (1 dirham = 2.975 gram, oleh itu 200 dirham = 595 gram). Maka zakatnya adalah 5 dirham. Nisab emas (perhiasan) ialah 20 Mithqāl = 85 gram emas tulen. Nisbah perak (perhiasan) adalah sebanyak 200 dirham = 595 gram perak tulen. Nisab zakat barang perniagaan adalah sama nilainya dengan zakat emas iaitu 85 gram emas tulen.

<sup>7</sup> Tidak disyaratkan haul kepada zakat tanam-tanaman dan buah-buahan kerana firman Allah SWT di dalam surah al-An'ām, ayat 141 yang bermaksud, “*Keluarkanlah haknya iaitu zakat ketika pada hari menuai*”. Hal ini juga adalah sama pada situasi harta galian di mana zakat galian akan dikenakan zakat pada setiap hasil yang telah dikeluarkan dari perut bumi tanpa berasaskan kepada cukup haul.

Dalam konteks semasa, konsep cukup haul sangat relevan dalam pengurusan zakat harta moden seperti simpanan wang, pendapatan tahunan, pelaburan, dan perniagaan. Institusi zakat biasanya menetapkan tarikh haul yang tertentu bagi memudahkan umat Islam membuat pengiraan zakat secara konsisten setiap tahun.

## 7. Berkembang (*Numū'*)

Harta yang berkembang atau membiak secara semula jadi atau taksir. Yang dimaksudkan berkembang subur secara “semula jadi” seumpama harta itu bertambah dengan cara dilahirkan, dikembangkan dan diperniagakan. Manakala maksud “taksiran” adalah merujuk kepada harta yang nilainya bertambah seperti emas, perak dan wang kerana harta seumpama ini boleh ditambah nilainya dengan cara diperniagakan dan maka ianya wajib dikenakan zakat. Adapun aset tetap atau harta yang dimiliki dan tidak berkembang secara semula jadi atau taksiran, maka ianya tidak wajib dikeluarkan zakat. Rasulullah SAW tidak mewajibkan zakat ke atas kekayaan yang dimiliki untuk kepentingan peribadi seperti rumah kediaman, perkakas kerja, perabot rumah tangga, binatang untuk tujuan bekerja dan sebagainya kerana semuanya (aset tetap) tidak termasuk kekayaan yang berkembang atau mempunyai potensi untuk berkembang. Terdapat dua bentuk *numū'*:

- i. **Berkembang secara hakiki** – Harta yang sememangnya boleh bertambah hasil usaha manusia atau sifatnya. Contohnya, harta perniagaan yang mendatangkan keuntungan, tanaman yang mengeluarkan hasil, atau ternakan yang beranak-pinak.
- ii. **Berkembang secara hukum** – Harta yang pada zahirnya tidak bertambah, tetapi mempunyai potensi untuk bertambah sekiranya dimanfaatkan. Contohnya, emas dan perak yang disimpan, atau wang tunai yang boleh digunakan dalam perniagaan. Walaupun ia hanya disimpan, ia tetap dianggap berkembang dari sudut syarak kerana mempunyai nilai dan boleh dilaburkan.

#### 2.1.4 Jenis-Jenis Zakat

Zakat yang disyariatkan terbahagi kepada dua jenis zakat iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Manakala zakat harta pula terdiri daripada zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat ternakan, zakat tanaman, zakat wang simpanan (*naqdan*), zakat saham, zakat emas dan perak, zakat perhiasan dan zakat hasil bumi.

##### 2.1.4.1 Zakat Fīṭrah

Menurut al-Qurtubī (2012), fuqaha' telah berpendapat bahawa semua kaum Muslimin diwajibkan zakat fitrah baik lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa, hamba sahaya atau orang yang merdeka berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2001) daripada 'Abd Allāh ibn 'Umar RA dan Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>8</sup>

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya:

Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah ke atas orang ramai sesudah Ramadhan, sebesar satu sha' kurma atau sha'ir (gandum atau jawawut) atas setiap orang yang merdeka atau hamba sahaya, lelaki mahupun perempuan dari kaum Muslim.

(Riwayat al-Bukhārī)

Maksud daripada hadis di atas jelas menunjukkan kewajipan zakat fitrah ke atas Muslim dan jumhur fuqaha' juga bersependapat bahawa zakat ini termasuk daripada zakat yang diwajibkan. Jumhur ulama' juga turut menjadikan hadis yang telah diriwayatkan oleh Abū Dāwūd (1989) daripada Qays bin Sa'd bin 'Ubādah RA dan Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Muḥammad b. Ismā'īl, Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, "Kitāb Zakāt al-Fiṭr", No. Ḥadīth 1503, Jil. 3, Kaherah: Dār Tawq al-Najāh, h. 367

<sup>9</sup> Sulaimān b. al-Ash'ath, Abū Dāwūd (1409H/1989M), Sunan Abī Dāwūd, "Kitāb Zakāt al-Fiṭr", No. Ḥadīth 1609, Jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 103

عَنْ قَيْسِ بْنِ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصَدَقَةِ  
الْفِطْرِ قَبْلَ أَنْ تَنْزِلَ الزُّكَاةُ، ثُمَّ نَزَلَتِ الزُّكَاةُ، فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَنَا، وَكُنَّا نَفْعَلُهُ.

Maksudnya:

Daripada Qays b. Sa'd b. 'Ubādah RA, dia berkata: "Rasulullah SAW memerintahkan kami untuk mengeluarkan zakat fitrah sebelum turunnya perintah membayar zakat. Tatkala turunnya perintah membayar zakat, maka kami tidak diperintahkan untuk mengeluarkan zakat fitrah dan tidak pula dilarang mengeluarkannya, sedangkan kami tetap melaksanakannya.

(Riwayat Abū Dāwūd)

Kewajipan zakat ini merujuk kepada kesepekatan ulama', bahawa kewajipan tersebut hanya untuk seseorang itu sendiri dan bahawa zakat fitrah itu adalah zakat badan dan bukannya zakat harta. Zakat fitrah itu juga diwajibkan ke atas kanak-kanak yang masih kecil, jika mereka belum memiliki wang sendiri, harta sendiri, demikian juga atas hamba sahayanya, jika mereka juga mempunyai hamba sendiri. Kemudian fuqaha' berbeza pendapat tentang orang yang selebihnya. Kesimpulan pendapat mazhab Mālikī dalam masalah ini ialah, bahawa zakat fitrah itu diwajibkan atas seseorang, termasuk orang yang wajib dinafkahi menurut syara'. Pendapat Imam Mālik ini dipersetujui oleh Imam Shāfi'ī namun kedua-duanya berbeza pendapat dan perbezaan pendapat kedua-duanya ini berpangkal pada perbezaan pendapat mereka tentang siapakan yang harus ditanggung nafkahnya jika dia sendiri tidak mampu dan siapa pula yang tidak menjadi tanggungannya.

Merujuk kepada bentuk zakat fitrah yang perlu dikeluarkan menurut Imam Shāfi'ī (Abdul Hamid, 2012), makanan yang wajib dijadikan zakat fitrah adalah makanan yang paling sering dimakan oleh orang. Jika seseorang meminjam makanan dari orang lain, kemudian pinjaman itu habis, maka dia tidak diwajibkan zakat fitrah. Jika esok harinya dia mempunyai makanan yang dapat dijadikan zakat fitrah, maka dia tidak diwajibkan zakat fitrah, sebab waktunya telah berlalu kerana zakat fitrah perlu dikeluarkan pada saat itu juga iaitu merujuk pada bulan Ramadhan. Bahkan menurut

Imam Shāfi'ī, tidak dikeluarkan zakat fitrah berupa gandum<sup>10</sup>, kecuali satu *sha*<sup>11</sup> dan diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (2001) daripada Abū Sa'īd al-Khudrī RA bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:<sup>12</sup>

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُعْطِيهَا فِي زَمَانِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَاعًا مِنْ  
طَعَامٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ.

Maksudnya:

Daripada Abū Sa'īd al-Khudrī R.A, dia berkata:“Pada zaman Rasulullah SAW, kami pernah memberinya satu *sha*’ makanan, atau satu *sha*’ kurma, atau satu *sha*’ barli, atau satu *sha*’ kismis.”

(Riwayat al-Bukhārī)

#### 2.1.4.2 Zakat Harta

Kewajipan zakat harta adalah merujuk kepada kesuburan (pertambahan) yang ada padanya. Oleh yang demikian, setiap harta yang boleh bertambah dan subur, maka pada harta tersebut ada hak zakat. Manakala bagi setiap harta yang tidak bertambah dan beku, maka tidak mengandungi bagi harta tersebut hak zakat. Hikmah dinyatakan sedemikian adalah jelas jika harta yang beku apabila diwajibkan zakat, ianya akan dihabiskan oleh zakat sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan oleh hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Tirmidhī (1998) daripada ‘Amru bin Syu’aib RA dan Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> Merujuk kepada makanan ruji masyarakat setempat di mana masyarakat penduduk setempat di Malaysia menjadikan beras sebagai makanan asasi.

<sup>11</sup> Satu *sha*’ (gantang) menurut syara’ atau kiraan Baghdad adalah 4 *mud* (cupak) bersamaan 5 1/3 *ratal* atau 4 cekup penuh tapak tangan. Timbangannya ialah 7585 dirham atau 2.57 liter atau 2176 gram. Ini adalah pandangan Imam Shāfi'ī, fuqaha’ Hijaz, dan para sahabat yang menganggap satu *mud* ialah 1 1/3 *ratal* Iraqi. Manakala di sisi Abū Ḥanīfah dan fuqaha’ Iraq, satu *sha*’ ialah 8 *ratal* dengan kiraan 1 *mud* bersamaan 2 *ratal*, jadilah 3800 gram bagi satu gantang. Pendapat lain pula tetapi masyhur bahawa satu gantang ialah 2751 gram (al-Zuhaylī, 1989).

<sup>12</sup> Muḥammad b. Ismā’īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitāb Zakāt al-Fiṭr”, No. ḥadīth 1506, jil. 3, Kaherah: Dār Tawq al-Najāh, h. 368.

<sup>13</sup> Muḥammad b. ‘Īsā, Abū ‘Īsā al-Tirmidhī (1418H/1998M), Sunan al-Tirmidhī, “Kitāb al-Zakāh”, No. Ḥadīth 641, Jil. 2, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 110

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَّجِرْ لَهُ، وَلَا يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ."

Maksudnya:

Daripada 'Amru bin Syu'aib RA, daripada bapanya, daripada datuknya, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Hendaklah sesiapa yang menjaga harta anak yatim, agar dia memperniagakan harta tersebut dan jangan disimpan beku sehingga zakat memakan harta tersebut.

(Riwayat al-Tirmidhī)

Hadis ini memberikan garis panduan penting dalam pengurusan harta anak yatim. Rasulullah SAW menegaskan bahawa harta anak yatim tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa dimanfaatkan, sebaliknya ia perlu diperniagakan atau dilaburkan secara halal. Tujuannya adalah untuk mengelakkan harta tersebut berkurangan disebabkan kewajipan zakat yang perlu ditunaikan setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa zakat tetap diwajibkan ke atas harta anak yatim apabila mencukupi syarat-syarat zakat seperti nisab dan haul, walaupun anak yatim itu sendiri tidak lagi mempunyai kewajipan ibadah secara peribadi. Ini menegaskan bahawa kewajipan zakat adalah hak harta, bukan sekadar tanggungjawab individu. Hadis ini menjadi asas kepada prinsip pengurusan kewangan dalam Islam. Ia menekankan bahawa harta tidak boleh disimpan dalam keadaan statik tanpa sebarang perkembangan. Harta seharusnya diuruskan secara produktif melalui pelaburan yang patuh syariah supaya ia berkembang dan mampu memberikan manfaat berterusan, bukan sekadar terhakis kerana pembayaran zakat.

Berikut adalah jenis zakat harta yang merujuk kepada zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat ternakan, zakat tanaman, zakat wang simpanan (*Naqdan*), zakat saham, zakat emas dan perak, zakat perhiasan dan zakat hasil bumi.

### 1. Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan merujuk kepada zakat yang dikenakan ke atas segala bentuk hasil atau imbuhan yang diperoleh seseorang melalui usaha dan kerjaya yang halal. Ia termasuklah gaji, upah, elaun, honorarium, bonus, komisen, pencen, bayaran perkhidmatan profesional, royalti, suguhati dan apa-apa sahaja sumber pendapatan yang diperoleh secara sah. Menurut al-Qarḍāwī (1985), zakat pendapatan ialah

zakat yang diperoleh daripada pekerjaan dan perusahaan bebas serta bukannya bermotifkan perniagaan. Zakat pendapatan adalah termasuk pendapatan para usahawan, professional dan perkhidmatan yang berkembang dari semasa ke semasa (Sayin, 2011). Pensyariatan zakat pendapatan bertujuan mendidik umat Islam agar mensyukuri rezeki yang diperoleh serta menyucikan harta daripada unsur keraguan. Dari sudut sosial, ia berperanan sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan untuk mengurangkan jurang ekonomi, membantu golongan fakir miskin, serta menyokong pembangunan pendidikan, kesihatan, dan kebajikan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, zakat pendapatan merupakan penyumbang terbesar kepada kutipan zakat keseluruhan, khususnya daripada sektor pekerjaan kerajaan, swasta, dan profesional. Hal ini sekaligus memperkukuh kedudukan institusi zakat sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam.

## **2. Zakat Perniagaan (*Tijārah*)**

Zakat yang diwajibkan ke atas harta perniagaan yang dimiliki oleh individu atau syarikat, sama ada dalam bentuk barangan dagangan, perkhidmatan, atau apa-apa aktiviti perniagaan yang berasaskan keuntungan. Setiap barangan dan perkhidmatan yang dijual beli oleh manusia sama ada ianya termasuk dalam barangan yang diwajibkan zakat seperti emas, perak, bijirin, ternakan ataupun selainya seperti kain, barang buatan, tanah, rumah dan juga saham, maka zakat diwajibkan padanya berdasarkan kepada syarat-syaratnya<sup>14</sup>. Nisab barangan perniagaan adalah sama dengan nisab emas dan perak, begitu juga dengan kadar *ḥawl* dan kadar yang diwajibkan zakat (al-Khīn et al., 1998). Pensyariatan zakat perniagaan menggalakkan para peniaga supaya lebih bertanggungjawab terhadap harta yang dimiliki, di samping menyucikan jiwa daripada sifat tamak dan tidak adil dalam mengurus kekayaan. Dari sudut sosial, ia membantu mengagihkan kekayaan secara lebih seimbang, mengurangkan jurang antara kaya dan miskin, serta membina ekosistem ekonomi Islam yang lebih adil dan lestari. Di Malaysia,

---

<sup>14</sup> Nisab harta perniagaan dikira pada akhir tahun daripada permulaan perniagaan. Oleh itu tidak disyaratkan cukup nisab pada permulaan perniagaan. Begitu juga tidak disyaratkan nisab tersebut cukup untuk sepanjang tempoh *ḥawl*. Dengan ini difahami bahawa maksud *ḥawl* untuk zakat perniagaan adalah berlalunya satu tahun *qamariyah* (tahun hijrah), pemilikan barangan dengan niat perniagaan. Kecuali pemilikan barangan perniagaan dengan menggunakan matawang yang mencapai nisab ataupun lebih, maka haulnya bermula daripada Tarikh pemilikan nisab matawang yang digunakan untuk membeli barangan perniagaan tersebut (al-Khīn et al., 1998).

zakat perniagaan merupakan salah satu sumber utama dalam kutipan zakat, khususnya daripada syarikat besar, koperasi dan perniagaan berdaftar, sekali gus memberi impak besar kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat melalui agihan zakat kepada lapan golongan asnāf.

### 3. Zakat Simpanan

Sejumlah wang tunai yang disimpan sama ada dalam bentuk emas atau perak atau wang kertas yang mempunyai nilai tukaran. Ia perlu berdasarkan nilai wang tunai tempatan dan mengikut nilai semasa. Mata wang wajib dikenakan zakat kerana ianya digunakan untuk transaksi yang mempunyai nilai pertukaran. Wang yang digunakan sama ada berbentuk kertas, syiling atau sebagainya setaraf dengan emas dan perak sebagai satu kuasa membeli. Dalam konteks semasa, ianya meliputi semua bentuk wang seperti wang yang disimpan di dalam akaun simpanan serta lain-lain bentuk simpanan persendirian di bank atau mana-mana institusi kewangan (Yaakob, 2011). Berdasarkan kepada hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2001) daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA, Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>15</sup>

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ، وَخَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا خُمْسَةُ دِرْهَمٍ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ - يَعْنِي فِي الذَّهَبِ - حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، فَإِذَا كَانَتْ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَخَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ، وَلَا زَكَاةَ فِي مَالٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ".

Maksudnya:

Daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA, dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika kamu mempunyai dua ratus dirham dan telah berlalu satu tahun, maka wajib zakat ke atasnya sebanyak lima dirham. Dan kamu tidak mempunyai kewajipan membayar zakat emas sehingga kamu memiliki dua puluh dinar dan telah berlalu satu tahun, maka zakatnya ialah sebanyak setengah dinar. Dan jika lebih, maka

---

<sup>15</sup> Muḥammad b. Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitāb al-Zakāh”, No. Ḥadīth 1499, Jil. 3, Kaḥerah: Dār Ṭawq al-Najāḥ, h. 351

hitunglah berdasarkan yang selebihnya. Dan tidak ada pada harta, kewajiban zakat sehingga berlalu waktu satu tahun.”

(Riwayat al-Bukhārī)

Hadis ini menekankan dua syarat utama wajib zakat, iaitu nisab (jumlah minimum harta yang diwajibkan zakat) dan haul (tempoh satu tahun pemilikan harta). Nisab yang disebutkan adalah *200 dirham* untuk perak dan *20 dinar* untuk emas. Ini menunjukkan bahawa zakat hanya diwajibkan apabila harta seseorang mencukupi had tertentu dan telah dimiliki selama tempoh yang ditetapkan, sekaligus mengelakkan beban yang tidak adil ke atas pemilik harta. Dalam konteks moden, hadis ini relevan untuk pengurusan zakat pendapatan, simpanan, pelaburan dan perniagaan. Sebagai contoh, seorang individu yang memiliki simpanan emas, wang tunai atau pelaburan Islam perlu menilai nisab semasa dan tempoh pemilikan sebelum membayar zakat. Ini menunjukkan bahawa hukum zakat adalah bersifat praktikal, sistematik, dan berasaskan keadilan sosial.

#### **4. Zakat Emas dan Perak**

Zakat emas dan perak pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat dikategorikan sebagai zakat wang kerana pada asas muamalat, emas dan perak dijadikan sebagai medium pertukaran. Sekiranya jumlah berat emas dan perak yang dimiliki belum cukup nisab zakat, maka ada pendapat ulamak menyatakan bahawa hendaklah ianya digabungkan dengan baki wang tunai yang ada atau digabungkan dengan nilai perak, kemudian dihitungkan dalam bentuk harga. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada pandangan mazhab Ḥanafī di mana memasukkan kesemua jenis kekayaan wang tunai yang ada. Sekiranya mencukupi nisab zakat yang telah ditetapkan, maka hukumnya adalah wajib dikeluarkan zakat (Bahrom, 2011). Pensyariatan zakat emas dan perak adalah bertujuan untuk menyucikan harta daripada sifat tamak dan kikir, serta menggalakkan harta tidak disimpan tanpa dimanfaatkan. Zakat ini memastikan kekayaan tidak hanya berlegar dalam kalangan orang kaya, tetapi diagihkan kepada golongan asnaf yang lebih memerlukan. Ia juga menjadi instrumen pengimbang sosial dan ekonomi, sekaligus memperkukuh kesejahteraan umat Islam secara kolektif.

## **5. Zakat Pertanian**

Zakat pertanian adalah merujuk kepada zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab dan haulnya. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin-bijirin dari jenis makanan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Realiti bagi penduduk di Malaysia adalah nasi sebagai makanan asasinya nasi dan nasi adalah dihasilkan daripada padi. Maka zakat pertanian yang sesuai dikeluarkan bagi negara Malaysia adalah zakat padi (Suyurno, 2011). Tujuan zakat pertanian bukan sahaja untuk membantu golongan asnaf, tetapi juga sebagai satu cara mendidik pengusaha tani agar mensyukuri nikmat rezeki daripada Allah SWT. Zakat ini juga berfungsi sebagai instrumen agihan kekayaan yang dapat mengurangkan beban golongan fakir miskin, di samping memperkukuh hubungan antara petani dengan masyarakat sekeliling.

## **6. Zakat Ternakan**

Salah satu sumber yang turut disyariatkan zakat adalah binatang ternakan. Binatang ternakan yang dimaksudkan adalah binatang yang dipelihara dan jinak. Sementara binatang yang liar sekalipun sama jenis dengan binatang yang wajib dikeluarkan zakat, tidak dikira sebagai binatang yang wajib dikeluarkan zakat. Zakat yang dikenakan ke atas binatang-binatang yang ditenak seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan unta apabila sempurna syarat-syaratnya<sup>16</sup> (Said, 2011). Di Malaysia, zakat ternakan diwajibkan ke atas penternak yang memiliki haiwan ternakan dalam skala besar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Majlis Agama Islam Negeri melalui pusat zakat menyediakan panduan pengiraan zakat ternakan serta mekanisme bayaran, termasuk melalui penilaian nilai pasaran haiwan. Hal ini penting bagi memastikan zakat ternakan terus relevan dengan sistem penternakan moden.

---

<sup>16</sup> Dalil hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad: “Rasulullah telah mengutuskan ke negeri Yaman dan beliau memerintahku untuk mengambil dari setiap ekor sapi zakatnya seekor anak sapi jantan atau betina yang berumur satu tahun atau lebih dan setiap 40 ekor zakatnya seekor anak sapi betina yang berumur dua tahun”

## 7. Zakat Rikāz

Menurut Yūsuf al-Qarḍāwī, harta benda yang tersimpan dalam bumi dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ia tersimpan sebelum kedatangan Islam. Menurut jumhur ulama' menyatakan semua jenis simpanan jahiliah. Terdapat juga istilah harta galian dengan istilah *Ma'ādin* ialah segala galian yang diperloleh dari perut bumi sama ada beku atau cair di darat mahupun di laut. Sementara *Kumūz* ialah harta yang tersimpan di dalam bumi (harta karun). Ada juga dalam kalangan ulama' menjelaskan tentang rikāz ini adalah barang galian atau rikāz adalah harta karun yang dipendamkan di bawah tanah yang dalam kewajiban zakatnya tidak disyaratkan haul dan nisab. Terdapat juga dalam kalangan ulama menjelaskan makna rikāz adalah semua barangan yang berharga yang dijumpai tertanam dalam perut bumi. Harta rikāz diwajibkan zakat dan tidak disyaratkan haul mahupun nisab dan kadar yang wajib dikeluarkan zakat adalah satu perlima (15 peratus) sebagaimana yang disepakati oleh para fuqaha' (Bahrom, 2011).

### 2.1.5 Pengagihan Zakat

Hasil kutipan zakat yang dikumpul akan diagihkan kepada mereka yang berhak berdasarkan kepada lapan *ashnāf* yang telah ditetapkan. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

﴿ إِذْمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاتِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً  
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian

itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Tawbah: 60)

Bahkan menurut pendapat Imam al-Shāfi‘ī, jika sekumpulan orang di suatu daerah melaksanakan kutipan zakat, maka zakat yang telah dikutip harus diagihkan kepada mereka yang berhak dalam daerah tersebut. Zakat tersebut tidak boleh diagihkan kepada selain lapan kumpulan di atas sebelum mereka yang berhak menerima zakat. Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW telah bersabda kepada Mu‘ādh RA di saat beliau diutuskan ke Yaman (Abdul Hamid, 2012):<sup>17</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ:  
“إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ، فَادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا  
لِلذِّكْرِ، فَأَعْلَمْتَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ،  
فَأَعْلَمْتَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَيُرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ.”

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbās RA, dia berkata: “Ketika Rasulullah SAW mengutus Mu‘ādh ke Yaman, beliau bersabda: “Kamu akan datang kepada suatu kaum daripada kalangan Ahli Kitab, maka ajaklah mereka untuk bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah. Jika mereka mentaatinya, maka beritahukanlah kepada mereka bahwa Allah telah mewajibkan atas mereka solat lima waktu setiap hari dan malam. Maka jika mereka mentaatinya, maka beritahukanlah kepada mereka bahwa Allah telah mewajibkan atas mereka. Mereka diwajibkan membayar zakat, yang diambil dari orang kaya dan diberikan kepada orang miskin (daripada kalangan mereka).”

---

<sup>17</sup> Muḥammad b. Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitāb al-Zakāh”, No. ḥadīth 1395, jil. 3, Kaherah: Dār Tawq al-Najāh, h. 347)

Berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās RA berkaitan pengutusan Mu‘ādh ke Yaman adalah antara penting adalah menjelaskan metodologi dakwah Rasulullah SAW serta kedudukan zakat dalam Islam. Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW menekankan urutan keutamaan dakwah bermula dengan mengajak masyarakat Yaman yang berstatus Ahli Kitab kepada pengakuan tauhid dan kerasulan baginda, kemudian mewajibkan mereka mendirikan solat lima waktu, dan seterusnya menunaikan zakat yang diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin. Hadis ini bukan sahaja menegaskan rukun Islam yang asas, bahkan turut mengandungi prinsip-prinsip sosial dan ekonomi yang menjadi tonggak dalam syariat Islam. Hadis ini menekankan kewajipan zakat sebagai instrumen sosial dan ekonomi dalam Islam. Zakat bukan sahaja merupakan ibadah yang menyucikan harta, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme agihan kekayaan. Rasulullah SAW menyebut bahawa zakat diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin, sekali gus menegaskan bahawa zakat memiliki dimensi keadilan sosial. Dengan zakat, jurang antara kaya dan miskin dapat dirapatkan, dan masyarakat Islam dapat dibangunkan atas dasar solidariti dan kebersamaan.

Jelas di sini bahawa ketetapan pengagihan zakat menurut pandangan Imam al-Shāfi‘ī menekankan keutamaan pengagihan zakat kepada masyarakat setempat sebelum diagihkan kepada pihak luar. Pendekatan ini berasaskan prinsip bahawa zakat berperanan bukan sahaja sebagai ibadah individu, tetapi juga instrumen pembangunan sosioekonomi yang dapat memakmurkan komuniti setempat. Dengan menyalurkan zakat kepada golongan *ashnāf* yang berada dalam lingkungan masyarakat sendiri, ia mampu meningkatkan kesejahteraan sosial, mengurangkan jurang ekonomi, dan memperkukuh jaringan solidariti dalam masyarakat. Konsep ini selari dengan prinsip lokaliti, di mana kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi masyarakat tempatan menjadi keutamaan, sambil memastikan dana zakat digunakan secara efektif dan memberi impak langsung kepada pembangunan ekonomi dan sosial komuniti. Berikut adalah golongan yang berhak mendapat zakat berdasarkan penjelasan di dalam surah At-Tawbah (al-Khīn et al., 1998):

### 1. **Golongan *Faqīr***

*Faqīr* berasal daripada kata Arab yang bermaksud kekurangan atau tidak memiliki sesuatu. Dalam konteks zakat, *faqīr* ialah individu Muslim yang tidak mempunyai harta, pendapatan, atau sumber rezeki yang mencukupi untuk memenuhi keperluan

asas kehidupannya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan. Para ulama mendefinisikan *faqīr* sebagai mereka yang sama sekali tidak mempunyai harta atau pekerjaan, atau hanya memiliki sebahagian kecil sahaja yang tidak dapat menampung keperluan hidup diri dan tanggungannya. Islam meletakkan golongan *faqīr* sebagai penerima zakat yang utama kerana kedudukan mereka sangat memerlukan bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Agihan zakat kepada mereka bukan sekadar untuk menampung keperluan asas, tetapi juga sebagai satu usaha memulihkan maruah dan kedudukan sosial mereka dalam masyarakat. Dengan adanya zakat, golongan *faqīr* tidak terus terpinggir, sebaliknya mendapat peluang untuk memperbaiki keadaan hidup dan keluar daripada kitaran kemiskinan. Selain itu, perhatian terhadap golongan *faqīr* ini juga mencerminkan prinsip keadilan sosial dalam Islam yang menekankan kepentingan menjaga kebajikan golongan lemah. Ia menunjukkan bahawa zakat bukan hanya ibadah individu, tetapi instrumen kebajikan dan pembangunan masyarakat yang berteraskan rahmat serta kesejahteraan bersama.

## **2. Golongan *Miskīn***

Dalam istilah zakat, *miskīn* adalah individu Muslim yang mempunyai harta atau sumber pendapatan, namun tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas dirinya dan tanggungannya. Berbeza dengan *faqīr* yang hampir tiada langsung harta atau pendapatan, golongan miskin mempunyai sedikit sumber, tetapi tidak memadai. Islam menekankan kepentingan membantu golongan *miskīn* kerana mereka tergolong dalam kalangan yang lemah dari sudut sosioekonomi dan sering terdedah kepada tekanan hidup. Dengan adanya agihan zakat, beban kewangan mereka dapat diringankan, sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih sejahtera dan bermaruah. Bantuan zakat juga berfungsi sebagai mekanisme pemulihan ekonomi yang membantu golongan *miskīn* keluar daripada kitaran kemiskinan serta mengurangkan jurang ketidaksamarataan dalam masyarakat.

## **3. ‘Āmil yang Menguruskan Zakat (*al-‘Āmilīn ‘alayhā*)**

Pegawai dan pemungut zakat yang dilantik oleh pemerintah untuk mengumpul dan membahagikan zakat. Mereka diberikan upah berdasarkan kepada kerja yang

mereka lakukan, tidak boleh ditambah dan tidak boleh diberikan peratus tertentu daripada hasil kutipan. Peranan *‘āmil* amat penting kerana merekalah yang menjadi penghubung antara pihak *muzakkī* (pembayar zakat) dengan pihak penerima (*asnāf*). Tugas mereka bukan sahaja memastikan kutipan zakat dilakukan dengan sistematik, malah pengagihan juga hendaklah sampai kepada mereka yang benar-benar layak. Selain itu, *‘āmil* berperanan untuk memberikan penerangan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kewajipan zakat serta hikmah di sebalik pensyariatannya. Dengan itu, zakat dapat diurus dengan lebih berkesan, telus dan memberi kesan yang optimum kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam. Islam memberikan hak kepada *‘āmil* untuk menerima sebahagian daripada agihan zakat sebagai imbuhan atau upah, kerana kerja mereka dilakukan untuk kepentingan umum dan dalam masa yang sama memerlukan usaha, masa dan tenaga. Hal ini menunjukkan bahawa Islam menekankan prinsip keadilan bukan sahaja kepada penerima zakat, tetapi juga kepada pihak yang menguruskan zakat agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

#### **4. Golongan yang Dijinakkan Hatinya (*al-Mu'allafati Qulūbuhum*)**

Orang yang baru masuk Islam yang dijangkakan dengan memberikan mereka zakat, Islam akan menjadi lebih kuat. Ataupun mereka adalah orang Islam yang punya kedudukan dan pengaruh terhadap kaum mereka, apabila zakat diberikan kepada mereka. Dijangkakan orang lain yang seperti mereka akan masuk Islam. Ataupun orang Islam yang berada di sempadan, mereka menjaga orang Islam daripada serangan orang kafir dan penderhaka. Ataupun mereka yang mengutip zakat daripada suatu kaum yang tidak dapat diutuskan pemungut zakat kepada mereka.

#### **5. Hamba Yang Ingin Memerdekakan Diri (*Ar-Riqāb*)**

Dalam konteks zakat, ia merujuk kepada hamba atau orang Islam yang masih dalam ikatan perhambaan tetapi berusaha untuk menebus atau membebaskan dirinya. Hamba yang dimaksudkan ialah golongan *mukatab*<sup>18</sup> yang berakad dengan tuannya mereka untuk membayar secara ansuran. Apabila cukup bayaran, mereka akan

---

<sup>18</sup> *al-Mukātab* adalah hamba yang dijanjikan dengan perjanjian yang sah oleh tuannya dengan syarat membayar sejumlah wang.

merdeka. Oleh itu zakat diberikan kepada mereka apabila mereka tidak mampu untuk menjelaskan bayaran ansuran tersebut. Walaupun sistem perhambaan tradisional tidak lagi wujud pada zaman kini, ulama kontemporari mentafsirkan *asnāf ar-riqāb* dalam kerangka yang lebih luas. Antaranya termasuk usaha membebaskan manusia daripada bentuk-bentuk perhambaan moden seperti mangsa pemerdagangan manusia, buruh paksa, eksploitasi pekerja migran, serta golongan yang terperangkap dalam hutang berunsur penindasan. Dengan itu, dana zakat yang diperuntukkan kepada *asnāf* ini masih relevan dalam menangani isu-isu kemanusiaan semasa. Kewujudan kategori *ar-riqāb* sebagai penerima zakat juga menzahirkan *Maqāṣid al-Syarī'ah*, khususnya dalam menjaga maruah manusia (*ḥifẓ al-ird*) dan memelihara kebebasan serta hak hidup bermasyarakat. Hal ini sekaligus menegaskan bahawa zakat bukan hanya mekanisme ekonomi, tetapi juga instrumen pembebasan manusia dan pemeliharaan martabat insan.

#### **6. Orang Yang Berhutang (*al-Ghārimīn*)**

Orang-orang yang dibebani hutang dan tidak mampu membayarnya. Maka diberikan sejumlah harta zakat yang membolehkan mereka untuk melunaskan hutang yang telah matang yang mencukupkan mereka dengan makanan, minuman serta pakaian. Dengan syarat hutang yang dibuat adalah pada perkara yang dibenarkan oleh syara'. Sekiranya hutang yang dibuat adalah kepada perkara yang tidak dibenarkan oleh syara', maka zakat tersebut boleh diberikan kepada mereka untuk selesaikan hutang mereka setelah mereka bertaubat daripada melakukan maksiat. Turut termasuk di dalam kategori ini juga adalah mereka yang berhutang untuk mengelakkan fitnah yang berlaku hasil daripada dua pihak yang bertelagah. Maka zakat boleh diberikan untuk membayar hutang yang dilakukan meskipun antara mereka yang berhutang tersebut adalah dalam kalangan mereka yang mampu melunaskan hutang dengan cara menggunakan harta peribadinya.

#### **7. Golongan Mereka Yang Berjuang di Jalan Allah (*Fī Sabīlillāh*)**

Golongan tersebut merupakan golongan yang berperang dan berjihad dengan sukarela untuk membela Islam dan mereka tidak mendapat upah dan gaji daripada harta orang Islam. Maka diberikan kepada mereka dengan apa yang mencukupkan keperluan mereka serta apa yang mencukupkan nafkah keluarga mereka sehingga

mereka kembali daripada berperang. Meskipun mereka tersebut adalah dalam kalangan golongan yang kaya. Hal ini termasuk juga bantuan mereka untuk berjihad seperti pengangkutan diri dan barangannya serta peralatan perang dan seumpama dengannya. Pada zaman Rasulullah SAW, *fi sabīlillāh* difahami secara khusus kepada para *mujāhidīn* (pejuang Islam) yang berjuang mempertahankan agama dan tanah air, tetapi tidak mendapat bayaran atau imbuhan tetap daripada kerajaan. Mereka layak menerima zakat bagi menampung perbelanjaan jihad, seperti kelengkapan perang, kuda, senjata, dan nafkah keluarga yang ditinggalkan.

#### **8. Musafir Yang Terputus Bekalan (*Ibn al-Ṣabīl*)**

Golongan yang bermusafir dalam perjalanan yang dibenarkan oleh syara' ataupun orang yang hendak melakukan perjalanan yang dibenarkan oleh syara'. Maka diberikan zakat kepada mereka dengan apa yang mencukupkan sepanjang tempoh waktu perjalanan pergi dan balik. Sekiranya mereka ada niat untuk balik, maka perbelanjaan pengangkutan dan kenderaan juga boleh digunakan daripada hasil zakat sekiranya mereka tidak mampu membawa barangan dengan sendiri. Manakala perjalanan atas tujuan maksiat ataupun melakukan maksiat sepanjang tempoh perjalanannya, maka tidak ada zakat bagi dirinya melainkan dia kembali bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taubat. slam memasukkan *Ibn al-Ṣabīl* sebagai penerima zakat bagi menegakkan prinsip keadilan sosial dan memastikan setiap individu tidak dibiarkan dalam kesulitan, khususnya ketika jauh daripada keluarga dan sumber sokongan. Zakat yang diberikan dapat membantu mereka meneruskan perjalanan, kembali ke tempat asal atau mencapai tujuan musafir mereka dengan selamat. Dalam konteks semasa, tafsiran *Ibn al-Ṣabīl* boleh diperluaskan kepada mereka yang terkandas ketika merantau, pelajar di luar negara yang menghadapi masalah kewangan mendesak, atau mana-mana individu yang terputus bekalan semasa dalam perjalanan jauh. Hal ini menunjukkan kehendak syariat Islam yang sentiasa relevan dalam memenuhi keperluan masyarakat sepanjang zaman.

## 2.1.6 *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan Intreptasi Kepada Konsep Zakat

Definisi *Maqāṣid al-Sharī'ah* adalah merujuk kepada matlamat yang telah ditetapkan oleh syara' bagi merealisasikan faedah dan kepentingan manusia dengan tujuan untuk menghasilkan kebaikan serta menolak kepada keburukan (al-Raysūnī, 1995; al-Shāṭibī, 1997). Matlamat kepada pembentukan *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini adalah untuk melihat kepada perubahan nilai semasa, setempat, `urf dan juga kepada *maslahah* yang seiring dengan proses pelaksanaan ijtihad semasa kerana kejahilan memahaminya akan membawa kesan yang negatif terhadap pelaksanaan syariat Islam (Rahman, 2019). Syariat yang telah ditetapkan oleh Islam adalah bersifat dinamis dan fleksibel di mana *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang dibentuk selari dengan keperluan dan kepentingan manusia sejagat berdasarkan kepada tiga tahap kepentingan iaitu *al-ḍarūriyyāt*<sup>19</sup>, *al-ḥājīyyāt*<sup>20</sup> dan *al-taḥsīniyyāt*<sup>21</sup> (al-Shāṭibī, 1997). Realiti kepada keadaan semasa adalah manusia perlu memenuhi asas kehidupan sebagai hamba Allah untuk teruskan kehidupan dengan mengutamakan kepada konsep *al-ḍarūriyyāt*. *al-Ḍarūriyyāt* adalah terdiri perkara-perkara utama dalam agama yang digelar sebagai *al-ḍarūriyyāt al-khamsah* iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazālī, 1993). Oleh itu, dalam konteks agihan zakat kepada *aṣnāf* zakat yang telah ditetapkan oleh syara', maka setiap bentuk agihan yang telah ditetapkan oleh institusi zakat perlu dinilai seiring dengan kehendak syara' yang menitikberatkan kepada tingkat kemaslahatan dan keutamaan supaya ianya dapat memenuhi setiap kehendak dan keperluan para *aṣnāf* (Rahman, 2019).

### 2.1.6.1 Memelihara Agama (*Ḥifẓ al-Dīn*)

Islam telah menetapkan pelbagai instrumen untuk menjaga kesucian agama dan antaranya adalah kewajipan zakat. Zakat bukan sekadar ibadah individu, tetapi mekanisme sosial, ekonomi, dan spiritual yang mempunyai hubungan langsung dengan penjagaan agama. Menurut Ibn 'Āshūr, *Ḥifẓ al-Dīn* adalah merujuk kepada proses

---

<sup>19</sup> *al-Ḍarūriyyāt* adalah keperluan sesuatu *maslahah* yang diperlukan dan dihayati. Sekiranya tidak diambil perhatian, ia akan menghancurkan sistem kehidupan manusia (al-Ghazālī, 1993; Rahman, 2019).

<sup>20</sup> *al-Ḥājīyyāt* adalah merujuk kepada objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekali gus menghilangkan kesempatan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan (al-Ghazālī, 1993; Rahman, 2019).

<sup>21</sup> *al-Taḥsīniyyāt* adalah usaha untuk mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas bersifat sebagai pelengkap kepada pencapaian *ḥājīyyāt* dan *ḍarūriyyāt* (al-Ghazālī, 1993; Rahman, 2019).

menyelamatkan iman Muslim daripada terlibat dengan perkara yang melemah dan mengelirukan terhadap kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah lakunya. *Hifz al-Dīn* adalah untuk mengelakkan diri bentuk kemungkinan yang melanggar dan memusnahkan asas-asas, yang termasuk mempertahankan negara dan kedaulatan Islam dan memelihara cara-cara pembelajaran dan pendidikan Islam dalam kalangan generasi masa kini dan masa depan masyarakat Islam (Yusuff, A.S & Mokhtar, R., 2021). *Maqāsid al-Sharī'ah* adalah apa yang dapat difahami dengan meneliti sejumlah nas-nas atau dalil-dalil syara' secara holistik sehingga memberikan kefahaman yang jelas mengenainya. Ini jelas menunjukkan bahawa tadbir urus amat penting dalam pengurusan zakat bagi memastikan kutipan dan agihan zakat bertepatan dengan syarak serta mencapai objektif syariah yang dikehendaki. Selain daripada itu juga, pengurusan institusi zakat perlu menjadi contoh yang terbaik kepada masyarakat dan kerajaan kerana ia melibatkan pengurusan dana, modal insan, ekonomi dan pembangunan negara (Rahman, 2019). Membayarkan zakat adalah ketaatan seorang yang beragama Islam kepada Allah SWT kerana ia termasuk kategori menjaga kemuliaan agama (Haron & Rahman, 2016)

#### **2.1.6.2 Memelihara Nyawa (*Hifz al-Nafs*)**

Kelaparan dan kemiskinan boleh mengancam nyawa manusia. Zakat yang diagihkan kepada golongan faqīr dan miskin membolehkan mereka mendapat keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Dengan itu, zakat berperanan sebagai mekanisme kelangsungan hidup yang menyelamatkan mereka daripada bahaya kebuluran dan kesengsaraan. Menurut al-Shātibī (1997) dan al-Raysūnī (1995), pemeliharaan hidup dapat dicapai dengan melihat kepada tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat tinggal. Sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab dan sewajarnya memastikan keperluan menjaga nyawa termasuk saudara Muslim yang lain ini dipenuhi demi mencapai kesejahteraan hidup dengan tidak melakukan sesuatu yang akan mengancam nyawa diri sendiri dan juga masyarakat. Berdasarkan kepada kutipan dan pengagihan zakat yang cekap dan berkesan, maka kita telah menjaga keperluan hidup orang yang memerlukan dana zakat tersebut untuk terus hidup terutamanya golongan fakir dan miskin daripada ancaman kebuluran (Haron & Rahman, 2016).

### **2.1.6.3 Memelihara Akal (*Hifz al-‘Aql*)**

Merujuk kepada Imam al-Ghazālī yang menyatakan bahawa akal adalah mata air sungai, dan ia merupakan titik permulaan dan asas kepada ilmu. Imam al-Ghazālī juga percaya bahawa larangan meminum arak oleh syara’ adalah bukti pada keperluan untuk melindungi intelek (Yusuff & Mokhtar, 2021). Dalam konteks zakat, pelaksanaan pengagihan zakat yang tepat dapat menyokong pendidikan dan pembelajaran, termasuk menyediakan peluang untuk latihan, pendidikan formal, dan pengembangan ilmu pengetahuan. Dengan pengagihan zakat yang berkesan, masyarakat dapat memperoleh akses kepada pendidikan yang berkualiti, yang seterusnya meningkatkan daya intelek dan kemampuan membuat keputusan secara bijaksana. Ini bukan sahaja melindungi akal individu daripada kemiskinan ilmu dan kebodohan, tetapi juga memastikan masyarakat berkembang menjadi generasi yang berpengetahuan, beretika, dan produktif. Oleh itu, zakat bukan sekadar alat pengagihan ekonomi, tetapi juga instrumen pembangunan modal insan, selaras dengan prinsip *Maqāsid al-Syarī‘ah* yang menekankan kepentingan pemeliharaan akal bagi kesejahteraan masyarakat. Akal dan fikiran penting untuk menggarap ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mencari sumber rezeki yang halal. Tanpa kewarasan akal dan fikiran, kemungkinan seseorang akan terdorong untuk melakukan perkara diluar fikiran yang waras. Oleh yang demikian, zakat sewajarnya dihasilkan daripada sumber yang halal dan ia membentuk keperibadian baik serta mewujudkan kesejahteraan dalam masyarakat (Haron & Rahman, 2016).

### **2.1.6.4 Memelihara Keturunan (*Hifz al-Nasl*)**

Zakat berperanan penting dalam merealisasikan *Maqāsid Hifz al-Nasl*. Ia bukan sekadar membantu keluarga miskin secara material, tetapi juga memastikan kelangsungan generasi yang terjaga akidah, akhlak, dan kesejahteraannya. Dalam konteks zakat, prinsip ini berkait rapat dengan sokongan sosial dan ekonomi kepada keluarga, terutamanya golongan yang memerlukan seperti anak-anak yatim, ibu tunggal, dan keluarga miskin. Dengan pelaksanaan zakat yang sistematik, keturunan umat Islam akan terus terpelihara dan mampu membina masyarakat yang kukuh, sejahtera, dan diberkati. Orang Islam yang menunaikan kewajibannya membayar zakat akan melahirkan penghormatan daripada ahli masyarakat disamping keberkatan dalam kehidupan. Sebaliknya mereka yang tidak membayar zakat walaupun sudah memenuhi

syarat-syaratnya akan dibenci oleh Allah SWT (Haron & Rahman, 2016). Memelihara keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting dalam Islam untuk membentuk masyarakat Islam yang sihat, produktif dan berkesan (Yusuff & Mokhtar, 2021).

#### **2.1.6.5 Memelihara Harta (*Ḥifẓ al-Māl*)**

Memelihara harta (*Ḥifẓ al-Māl*) merupakan salah satu daripada *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan kepentingan melindungi dan mengurus kekayaan individu serta masyarakat secara adil dan teratur. Dalam konteks zakat, prinsip ini bertindak sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan, di mana harta yang dimiliki oleh golongan mampu diagihkan kepada golongan yang memerlukan, termasuk fakir, miskin, dan asnaf lain. Manusia seringkali dikaitkan dengan kecintaan terhadap harta dan kekayaan. Hal ini kerana ia merupakan antara nikmat yang disukai oleh kebanyakan manusia sama ada golongan kaya mahupun miskin. Dalam mendapatkan harta kekayaan manusia sanggup untuk melakukan apa sahaja. Islam tidak melarang umatnya daripada mengumpul harta, namun setiap harta kekayaan yang dikumpulkan itu mestilah daripada hasil kerja berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syara' (Mohd & Mohd K., 2017). Pengagihan zakat yang berkesan bukan sahaja membantu mengurangkan jurang ekonomi, tetapi juga menyokong pembangunan ekonomi masyarakat, meningkatkan kualiti hidup, dan memastikan kesejahteraan sosial. Melalui zakat, harta yang dimiliki individu tidak disia-siakan atau dikuasai secara tidak adil, sebaliknya menjadi sumber kesejahteraan dan keadilan sosial. Al-Qurṭubī (2012) berpendapat bahawa setiap perkara yang ingin dilakukan oleh umat Islam mestilah tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia sama ada dalam urusan makanan, minuman, penggunaan, permainan, urusan kewangan dan sebagainya. Jika perbuatan yang dilakukan memberi impak negatif kepada salah satu daripada lima prinsip asas manusia, iaitu agama, nyawa, akal, nasab dan harta, maka hukumnya adalah haram (Mohd & Mohd K., 2017). Selain daripada itu juga, *Ḥifẓ al-Māl* turut menekankan kepentingan perlindungan terhadap harta daripada pembaziran, penyelewengan, dan pengurusan yang tidak beretika, selaras dengan tuntutan syariat Islam untuk memelihara hak pemilik harta serta manfaat masyarakat secara keseluruhan. Pengurusan zakat yang baik mencerminkan prinsip keadilan sosial, pembangunan ekonomi, dan perlindungan harta dalam rangka *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

Secara keseluruhannya apa yang dapat diambil daripada setiap huraian yang telah dijelaskan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa setiap hukum yang disyariatkan adalah untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan manusia. Pendekatan *Maqāṣid al-Sharī'ah* adalah membantu melindungi kepentingan manusia di dunia ini dan akhirat serta mencegah mereka daripada mengalami kemudaratan. Lantaran itu, sebagai hamba Allah yang beriman wajib taat kepada perintahNya serta menjauhi laranganNya demi mencari keredhaanNya yang sebenar serta menjauhi perkara yang haram. Secara kesimpulan yang dapat dilihat daripada sudut pensyariatkan sesuatu hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis serta pandangan daripada ijmak ulama ada asasnya dan ada sebabnya. Hal ini adalah tidak akan menjadi hukum bagi sesuatu perkara tanpa sebab dan asas tertentu.

## **2.2 Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia**

Pengurusan institusi zakat di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri yang oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong (SBPA) dan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan, Raja dan Yang Dipertuan Negeri, dan realiti kepada pengurusan institusi zakat di Malaysia bukannya terletak di bawah pentadbiran kerajaan negeri sebagaimana yang difahami oleh masyarakat Islam di Malaysia (Makhtar et al., 2013). Keseluruhan institusi zakat di Malaysia diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kecuali negeri Kedah yang telah mewujudkan institusi khas berkaitan zakat iaitu Jabatan Zakat Negeri Kedah di mana jabatan ini telah diasingkan daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Manakala pelaksanaan segala dasar berkaitan dengan pengurusan zakat bagi sesebuah negeri adalah termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri sebagaimana yang dipertanggungjawab kepada MAIN, Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti dan Jabatan Kehakiman Syariah di setiap negeri bagi tujuan segala pelaksanaan dasar-dasar yang telah dibentuk (Makhtar, 2010).

Sejarah pungutan zakat di Malaysia telah bermula sebelum era penjajahan dan dari segi sejarah penggubalan undang-undang zakat ianya bermula di Negeri Kelantan di mana Negeri Kelantan telah menggubal undang-undang berkenaan zakat dan fitrah melalui, “Notis Zakat Kelantan” pada sekitar tahun 1907 (Alias, 2012). Manakala dari sudut pengamalan zakat di Malaysia, ianya melibatkan dua era utama iaitu sebelum era tahun 1990-an dan era tahun 1991 sehingga kini.

### 2.2.1 Pengurusan Zakat Sebelum Era Tahun 1990-an

Sebelum tahun 90-an, aktiviti pengurusan zakat di Malaysia telah dijalankan oleh MAIN di mana MAIN pada ketika itu bertindak sebagai pelaksana bagi pihak Ketua Agama negeri dan menjalankan pengutipan zakat berdasarkan kepada sumber sedia ada (Paizin & Sarif, 2021). Bayaran zakat yang dilaksanakan pada ketika dulu adalah dalam bentuk manual atau tradisional. Di samping itu juga, zakat yang dilaksanakan oleh MAIN adalah pada jenis zakat yang terhad sahaja berbanding dengan pada masa kini, dan lazimnya zakat yang diberi keutamaan adalah zakat fitrah dan zakat tanaman (Abdul Rahman, 2013). Pada ketika itu juga, zakat turut dibayar kepada ustaz atau guru-guru agama (yang bertindak sebagai amil) dan kemudiannya diagihkan semula kepada *ashnāf* yang layak (Alias, 2012). Ini menunjukkan bahawa pembayaran zakat yang dilaksanakan pada ketika itu adalah kepada mereka yang dipercayai iaitu merujuk kepada ustaz-ustaz dan guru-guru agama sebagai amil yang mereka pilih untuk memegang amanah sebagai pengurus zakat.

Semasa era penjajahan, pengurusan zakat diletakkan di bawah Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Manakala di setiap kampung, kutipan zakat turut dilakukan oleh imam kampung dan hasil kutipan tersebut akan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk dijadikan sebagai sumber kewangan pentadbiran kerajaan negeri pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa tingkat kepercayaan masyarakat kampung kepada imam adalah tinggi. Pada masa itu juga, pengurusan berkaitan dengan pentadbiran zakat negeri juga telah terletak di bawah ketua agama negeri masing-masing (Alias, 2012).

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 hingga awal 90-an, telah berlaku banyak perubahan dalam struktur pentadbiran di pejabat-pejabat zakat di Malaysia dan penstrukturan ini juga adalah merangkumi ke 13 belas buah negeri termasuk dengan Wilayah Persekutuan di Malaysia. Namun demikian, perangkaan bagi tempoh tersebut iaitu sebelum tahun 1990-an telah menunjukkan bahawa kutipan zakat tidak menggambarkan potensi yang sebenar dan antara faktor-faktor berikut adalah (Mahat, 1996):

1. Penumpuan hanya kepada pembayaran zakat fitrah dan zakat padi sahaja. Kebanyakan amil yang dilantik hanya menjalankan fungsi amil pada bulan Ramadhan dan musim menuai padi.

2. Perkembangan dan kepentingan zakat harta seperti zakat perniagaan dan zakat pendapatan tidak diberi perhatian yang serius.
3. Tanggungjawab amil yang dilantik dalam mengutip zakat ini hanya bersifat sampingan sahaja. Pengurusan zakat secara umumnya dilakukan secara tradisi dan pembayaran zakat terus kepada *asnāf* atau pengagihan zakat secara sendiri mengakibatkan pengurusan zakat tidak dapat mencapai objektifnya.
4. Kekurangan kakitangan di bahagian baitulmal / zakat disebabkan wujudnya kekangan dalam pengambilan kakitangan dari segi proses pengambilan dan sumber kewangan yang terhad.
5. Bebanan tugas yang banyak dan tiada pengkhususan tugas disebabkan seorang pegawai zakat terpaksa menguruskan pelbagai urusan baitulmal selain zakat seperti wakaf, harta pusaka dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, kurangnya keberkesanan hasil kutipan zakat dalam MAIN adalah kerana MAIN tidak memberi penumpuan kepada sumber kutipan zakat berbanding, berikutan fungsi dan tanggungjawab MAIN telah dilaksana oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang hanya mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan negeri masing-masing. Bahkan dari sudut perundangan juga, kes pendakwaan atas keengganan membayar zakat atau mengistiharkan harta bagi taksiran zakat tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sehingga ke hari ini (Makhtar, 2010). Antara faktor yang turut dikenalpasti juga adalah kurangnya pendedahan maklumat kepada orang ramai akan kepentingan dan kewajipan menunaikan zakat (Alias, 2012). Oleh yang demikian, dengan permasalahan yang timbul ini juga telah mengakibatkan pengurusan zakat melalui MAIN telah melaksanakan transformasi secara besar-besaran demi memantapkan lagi struktur pengurusan zakat di Malaysia dengan istilah pengkorporatan zakat yang bermula pada tahun 1991.

### **2.2.2 Transformasi Pengurusan Zakat Pada Era Tahun 1991 Sehingga Kini**

Transformasi pengurusan institusi zakat telah dimulakan pada tahun 1991 di mana kewujudannya adalah berperanan untuk memungut zakat dengan cara profesional dan ianya dikenali sebagai pengkorporatan. Pengkorporatan adalah merujuk kepada aktiviti yang melibatkan pemindahan hak pemilikan dari sektor awam kepada sektor swasta (Bortolotti & Siniscalco, 2004). Pengkorporatan juga turut diertikan sebagai

pengambil alihan bentuk penjualan perusahaan atau aset milik negara kepada firma swasta (Megginson & Netter, 2001). Pengkorporatan lazimnya disokong oleh liberalisasi ekonomi atau aktiviti pengembangan pasaran ekonomi. Ianya merupakan tanggungjawab yang diamanahkan secara eksklusif oleh pemerintah, dan kemudiannya diserahkan kepada pihak swasta yang berorientasikan perniagaan, kumpulan atau persatuan masyarakat, badan koperasi, badan sukarela swasta, dan mana-mana badan bukan kerajaan (Paizin & Sarif, 2021). Pengkorporatan turut dikatakan mampu menghindari karenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan (Rondinelli & Cheema, 1983). Beberapa dekad ini, pengkorporatan telah menjadi pilihan utama kepada kerajaan-kerajaan di beberapa buah negara membangun atas hasrat untuk mengurangkan kebertanggungjawaban kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, namun pada masa yang sama tetap mahu meningkatkan kualiti perkhidmatan. Dengan aktiviti pengkorporatan dalam institusi zakat ini secara tidak langsung boleh menentukan aktiviti perjalanan pengoperasian sendiri. Manakala bagi Negeri-negeri yang tidak melaksanakan pengkorporatan dalam institusi zakat ini dilihat mengalami kesukaran untuk menambah kakitangan baru dan memberi jawatan tetap kepada kakitangan kontrak. Ini menimbulkan kesukaran untuk mengembangkan lagi operasi zakat (Paizin & Sarif, 2021).

Pengkorporatan institusi zakat di Malaysia bermula dengan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Wilayah Persekutuan iaitu pada tahun 1991 dan kemudian diikuti dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Zakat Selangor (1994), Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (1994), Pusat Kutipan Zakat Pahang (1995), Pusat Zakat Negeri Sembilan (1998) dan Pusat Zakat Melaka (2001). Majlis Agama Islam Negeri berkenaan juga telah mewujudkan anak syarikat atau perbadanan untuk mengurus kutipan zakat secara korporat dan profesional. Walau bagaimanapun, hanya Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ) saja yang diberi mandat oleh MAIS dan MAIPP untuk mengurus kutipan dan agihan zakat secara pengurusan korporat di negeri masing-masing. Beberapa MAIN yang lain juga dalam proses memperkembangkan system pengurusan institusi zakat negeri-negeri sama ada dengan menubuhkan anak syarikat, perbadanan negeri mahupun memantapkan pengurusan institusi zakat sedia ada dengan lebih baik lagi (Makhtar et al, 2013).

Konsep pengkorporatan pengurusan institusi zakat yang dilaksanakan adalah seperti berikut (Makhtar, 2007):

1. Struktur dan kaedah pengurusan secara korporat telah dipilih untuk memungut atau mengagihkan zakat.
2. Mewujudkan pegawai dan pejabat atau kaunter yang khusus untuk memungut dan mengagihkan zakat berasingan dari kegiatan-kegiatan lain majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri.
3. Penggunaan teknologi komputer dan terkini bagi semua urusan zakat.
4. Mewujudkan sistem kerja secara korporat dan tidak terikat dengan sistem birokrasi serta menggalakkan inovasi, kreativiti, proaktif, mempercepatkan proses penyampaian dan sebagainya.
5. Mewujudkan skim perkhidmatan kakitangan tersendiri dan menarik bagi menjaga kebajikan dan menjamin masa depan kakitangan.
6. Pengambilan kakitangan berpengalaman dan mahir dari pelbagai disiplin ilmu meliputi bidang agama dan profesional seperti kewangan, pemasaran, komputer, penyelidikan, pengurusan perniagaan, ekonomi, komunikasi dan sebagainya.

Kesan daripada transformasi pengurusan institusi zakat ini juga telah mewujudkan empat bentuk pengurusan institusi zakat yang terdapat di Malaysia pada masa kini (Makhtar & Ahmad, 2010):

1. Institusi zakat yang ditubuhkan di bawah enakmen zakat yang berasingan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang mewujudkan Majlis Agama Islam Negeri. Terdapat hanya dua buah negeri iaitu Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Zakat Kedah 1955 iaitu enakmen yang berasingan dengan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). JZNK bertanggungjawab ke atas pengurusan kutipan dan agihan zakat. Manakala Tabung Baitulmal Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984 juga bertanggungjawab ke atas pengurusan kutipan dan agihan zakat serta dana baitulmal.
2. Institusi zakat yang ditubuh di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab ke atas pengurusan zakat meliputi kutipan dan agihan zakat. Terdapat dua buah negeri sahaja yang menubuhkannya iaitu Lembaga Zakat Selangor yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan Pusat

Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) di bawah Akta Syarikat 1965.

3. Institusi zakat yang ditubuhkan di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kutipan zakat sahaja, manakala agihan zakat masih diurus oleh MAIN. Terdapat empat negeri yang menubuhkannya di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu:

- i. Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Harta Suci Sdn. Bhd.)
- ii. Pusat Zakat Melaka – Majlis Agama Islam Melaka (Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd.)
- iii. Pusat Zakat Negeri Sembilan – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Pusat Zakat Negeri Sembilan Sdn. Bhd.)
- iv. Pusat Kutipan Zakat Pahang – Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pusat Kutipan Zakat Pahang Sdn. Bhd.)

4. Institusi zakat masih mengekalkan pengurusan zakat di bawah bahagian MAIN sama ada di namakan Bahagian Baitulmal, Bahagian Zakat, Pusat Urus Zakat atau lain-lain nama, bahagian ini bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat. Terdapat enam buah negeri yang melaksanakannya iaitu:

- i. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)
- ii. Majlis Agama Islam Perlis (MAIP)
- iii. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIPk)
- iv. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
- v. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- vi. Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Dikendalikan Oleh Majlis Agama Islam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlis</li> <li>• Perak</li> <li>• Johor</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Sabah</li> </ul>
Peng korporatan Pejabat Pungutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wilayah Persekutuan</li> <li>• Melaka</li> <li>• Negeri Sembilan</li> <li>• Pahang</li> </ul>
Peng korporatan & Dimiliki Oleh Majlis Agama Islam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selangor</li> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• Sarawak</li> <li>• Kedah</li> </ul>

Rajah 2.1 Model Pengurusan Zakat di Malaysia

Sumber: Laporan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017

Transformasi pengurusan institusi zakat di Malaysia telah merubah lanskap pengurusan zakat di Malaysia yang melibatkan kepada kutipan dan agihan zakat. Dengan transformasi pelaksanaan institusi zakat ini juga telah meningkatkan keyakinan umat Islam untuk terus menunaikan kewajipan berzakat dengan pihak berkuasa negeri di mana impak dari pengkorporatan zakat ini telah mengakibatkan hasil kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat telah meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan hasil kutipan zakat ini bukan hanya melibatkan kepada faktor pengurusan zakat yang telah dikorporatkan, bahkan memberi kesan kepada kesemua pengurusan institusi-institusi zakat di Malaysia. Menurut kajian yang dijalankan oleh Paizin & Sarif (2021) telah mendapati bahawa, pengkorporatan dalam pentadbiran zakat memberi beberapa kelebihan berbanding negeri yang tidak mengamalkan pengkorporatan. Negeri-negeri yang tidak melaksanakan pengkorporatan dilihat mengalami kesukaran untuk menambah kakitangan baharu dan memberi jawatan tetap kepada kakitangan mereka. MAIJ dan MAIPk sebagai salah sebuah badan kerajaan perlu mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memohon perlantikan kakitangan baharu secara tetap atau kontrak. Lanjutan daripada arahan kerajaan agar pewujudan jawatan baru dihadkan dalam usaha untuk mengawal perbelanjaan mengurus telah menyebabkan MAIJ dan MAIPk melantik pegawai-pegawai berstatus jawatan kontrak. Hal ini telah menimbulkan kesukaran untuk melaksana dan mengembangkan lagi

operasi zakat bagi kedua-dua negeri ini. Perkara ini terkecuali bagi negeri-negeri lain seperti Selangor (LZS), ZPP (Pulau Pinang) dan PPZ (Wilayah Persekutuan) kerana syarikat boleh menentukan aktiviti perjalanan pengoperasian sendiri.

### **2.2.3 Matlamat dan Halatujuh Institusi-institusi Zakat di Malaysia**

Pengurusan dan pentadbiran zakat di Malaysia telah mengalami satu fasa transformasi yang signifikan sejak era tahun 1990-an, di mana pendekatan pengurusan zakat beralih daripada kaedah tradisional kepada metod pengkorporatan dalam institusi zakat. Peralihan ini membolehkan pengurusan zakat dijalankan dengan lebih sistematik, profesional, dan berkesan, sekaligus meningkatkan prestasi kutipan dan agihan zakat berbanding sebelum era tersebut (Mustaffha & Johari, 2013). Dengan pengkorporatan ini, institusi zakat bukan sahaja dapat menstrukturkan operasi pengutipan dan pengagihan secara lebih cekap, tetapi juga dapat merancang strategi pembangunan ekonomi sosial yang lebih holistik untuk masyarakat setempat. Transformasi ini menekankan keberkesanan pengurusan sumber zakat, ketelusan dalam pengagihan, dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan golongan asnaf menerima bantuan yang sewajarnya. Antara matlamat dan halatujuh pengkorporatan institusi-institusi zakat di Malaysia dalam membangunkan ekonomi sosial masyarakat setempat termasuk: akauntabiliti, peruntukan undang-undang, ketelusan, tanggungjawab sosial dan prinsip keadilan sosial (Kaslam & Ahmad, 2011). Transformasi ini jelas menunjukkan bahawa institusi zakat bukan sahaja berperanan sebagai pengagih kekayaan, tetapi juga sebagai pemangkin pembangunan masyarakat yang mampan.

#### **2.2.3.1 Akauntabiliti**

Badan pengurusan zakat bertanggungjawab sepenuhnya dalam setiap bidang kuasa kutipan dan agihan zakat yang telah diamanahkan dengan melakukannya dengan sebaik mungkin mengikut prinsip-prinsip syariat Islam. Badan pengurusan zakat dikehendaki untuk melaksanakan amalan pengurusan yang terbaik untuk merealisasikan misi, visi dan objektif institusi zakat bagi memenuhi kehendak pemerintah, pembayar zakat dan penerima zakat. Akauntabiliti utama badan pengurusan zakat adalah memastikan tanggungjawab pemerintah untuk melaksanakan syariat Allah SWT. Manakala akauntabiliti ke atas pembayar zakat adalah untuk memastikan pembayar zakat menunaikan kewajipan zakat ke atas harta yang telah diwajibkan zakat

serta memastikan pengurusan dana zakat dapat diagihkan kepada *aṣnāf* yang telah ditetapkan.

### **2.2.3.2 Peruntukan Undang-undang**

Undang-undang dan peraturan zakat merupakan aspek yang amat penting dalam pengurusan zakat kerana ia berfungsi sebagai asas dan garis panduan bagi setiap proses kutipan dan pengagihan zakat di Malaysia. Pihak kerajaan negeri serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) diberikan bidang kuasa untuk merangka, menggubal, dan menguatkuasakan enakmen serta peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam di peringkat negeri. Bidang kuasa ini adalah kritikal kerana ia membolehkan penetapan kaedah-kaedah dan peraturan yang jelas, seterusnya memperkemaskan sistem kutipan dan agihan zakat. Dengan adanya undang-undang dan peraturan yang mantap, pengurusan zakat dapat dijalankan secara terancang, cekap, dan telus, sambil memastikan pematuhan terhadap prinsip syariah dan keadilan sosial. Selain itu, peraturan ini juga menyediakan rangka kerja yang membolehkan institusi zakat menyesuaikan operasi mereka mengikut keperluan semasa masyarakat, seterusnya meningkatkan keberkesanan pengagihan zakat kepada golongan *aṣnāf* yang berhak.

### **2.2.3.3 Ketelusan**

Ketelusan zakat membawa maksud kepada keadaan di mana sesuatu perkara atau maklumat tidak disembunyikan daripada pengetahuan umum demi mengelakkan kepentingan peribadi atau organisasi yang boleh menjejaskan integriti. Dalam konteks pengurusan zakat, ketelusan merujuk kepada keterbukaan institusi zakat seperti Baitulmal, Pusat Zakat, atau Majlis Agama Islam Negeri dalam menyampaikan segala aktiviti, program, dan operasi yang dijalankan kepada masyarakat umum. Hal ini boleh direalisasikan melalui pelbagai medium komunikasi seperti laman sesawang rasmi, media sosial, buletin, laporan tahunan, mahupun melalui liputan akhbar dan televisyen. Ketelusan merupakan aspek yang sangat penting bagi memastikan integriti, kredibiliti dan keyakinan awam terhadap institusi zakat sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Apabila masyarakat dapat mengakses maklumat berkaitan kutipan serta agihan zakat dengan mudah, ia bukan sahaja dapat meningkatkan kepercayaan, malah turut memberi gambaran bahawa institusi zakat melaksanakan amanah berdasarkan prinsip syariah dan piawai tadbir urus yang baik. Untuk mencapai tahap ketelusan yang optimum,

institusi zakat perlu mengamalkan budaya pelaporan yang menyeluruh dan konsisten dengan menyediakan data-data penting, khususnya berkaitan jumlah kutipan zakat, pecahan kategori pembayar zakat, serta perincian mengenai pengagihan zakat mengikut golongan *ashnāf*. Laporan yang jelas, sistematik dan mudah difahami akan mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat, di samping mengurangkan persepsi negatif terhadap pengurusan zakat. Malah, ketelusan ini juga menjadi salah satu elemen penting dalam akauntabiliti awam, yang mana ia memastikan zakat benar-benar disalurkan kepada golongan yang berhak serta memberi kesan positif terhadap pembangunan sosioekonomi umat Islam.

#### **2.2.3.4 Tanggungjawab Sosial**

Tanggungjawab sosial merupakan salah satu unsur penting dalam pengurusan zakat, khususnya dari segi aspek agihan dana zakat di Malaysia. Pelaksanaan tanggungjawab sosial ini berfungsi sebagai mekanisme untuk memastikan bahawa hasil kutipan zakat dapat diagihkan secara adil dan berkesan kepada golongan yang benar-benar berhak menerimanya. Hal ini selari dengan ketetapan syarak yang telah menetapkan lapan golongan *ashnāf* sebagai penerima zakat, dan pembahagian tersebut perlu dilaksanakan mengikut peruntukan yang sewajarnya iaitu sekurang-kurangnya 1/8 bahagian. Keutamaan kepada tanggungjawab sosial dalam agihan zakat juga mencerminkan peranan zakat sebagai instrumen pembangunan ummah, bukan hanya sekadar ibadah kewangan, tetapi juga sebagai medium untuk mengurangkan jurang sosial dan ekonomi antara golongan kaya dan miskin. Dengan melaksanakan agihan zakat secara telus dan berlandaskan syariat, ia dapat memastikan setiap golongan *ashnāf* mendapat hak mereka, sekali gus menyokong matlamat maqāsid al-sharī'ah dalam aspek *Hifz al-Māl* (memelihara harta) dan *Hifz al-Nafs* (memelihara kehidupan). Di samping itu, penerapan prinsip tanggungjawab sosial dalam agihan zakat juga membantu mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Apabila masyarakat melihat bahawa hasil kutipan zakat benar-benar disalurkan kepada penerima yang layak dengan kadar yang ditentukan, keyakinan mereka terhadap keadilan dan keberkesanan pengurusan zakat akan meningkat. Kesannya, lebih ramai umat Islam terdorong untuk menunaikan zakat, sekali gus menambah jumlah kutipan zakat yang akhirnya memberi manfaat kepada lebih ramai penerima. Keadilan dalam pengagihan zakat merupakan salah satu dari tujuan kewajipan zakat ke atas Muslim dan

ianya wajib ditegakkan. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah al-Nahl, ayat 90 yang bermaksud:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(Al-Nahl: 90)

#### 2.2.3.5 Prinsip Keadilan Sosial


Keadilan sosial merupakan prinsip utama dalam pengendalian perkhidmatan sosial atau awam, termasuk dalam konteks pengurusan dan pentadbiran zakat. Prinsip ini menekankan bahawa setiap individu hendaklah diberikan hak yang sewajarnya tanpa sebarang diskriminasi, selari dengan ketetapan syariat Islam yang menggariskan bahawa zakat adalah hak golongan *asnāf* yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Oleh itu, pengendalian zakat bukan sekadar urusan pentadbiran kewangan, tetapi merupakan amanah besar yang perlu ditunaikan dengan penuh tanggungjawab. Melalui prinsip keadilan ini, setiap pengurus dan petugas zakat tertakluk kepada pegangan asas iaitu “*Memberikan hak kepada yang berhak*”. Hal ini bermaksud, segala hasil kutipan zakat hendaklah diagihkan secara telus, tepat dan adil kepada golongan penerima yang telah ditentukan, tanpa dipengaruhi oleh kepentingan individu, kumpulan mahupun tekanan politik. Prinsip ini juga mengingatkan bahawa pengagihan zakat bukanlah bersifat pilihan, sebaliknya merupakan kewajipan syarak yang mempunyai kesan langsung terhadap kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, pelaksanaan keadilan sosial dalam zakat perlu didasari oleh niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, bukan untuk memperoleh kepentingan duniawi atau keuntungan peribadi. Keikhlasan ini menjadikan zakat bukan hanya instrumen ekonomi, tetapi juga ibadah yang mendidik masyarakat ke arah kesedaran bahawa setiap harta yang dimiliki adalah amanah daripada Allah dan

sebahagiannya menjadi hak orang lain. Secara keseluruhannya, prinsip keadilan sosial dalam pengurusan zakat bukan sahaja memastikan hak-hak *asnāf* dipelihara, malah berperanan sebagai mekanisme untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosial, membina masyarakat yang lebih harmoni, serta menyokong agenda pembangunan berteraskan *Maqāsid al-Sharī'ah*, khususnya dalam aspek *Hifz al-Māl* (pemeliharaan harta) dan *Hifz al-Nafs* (pemeliharaan jiwa).

Pelaksanaan zakat yang berkesan merupakan tanggungjawab dan amanah penting yang perlu dipikul oleh institusi-institusi zakat demi mencapai peranan zakat disyariatkan ke atas umat Islam serta objektif pengkorporatan institusi zakat. Amalan pengurusan zakat yang baik adalah untuk memastikan kejayaan institusi zakat dapat dilaksanakan dengan meningkatkan integriti dan akauntabiliti pegawai-pegawai zakat. Dengan pelaksanaan sedemikian, ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi-institusi zakat di Malaysia.

#### **2.2.4 Hasil Kutipan Zakat di Malaysia**

Pengkorporatan dalam pentadbiran zakat telah memberi banyak kelebihan berbanding dengan negeri yang tidak mengamalkan pengkorporatan secara menyeluruh di dalam institusi zakat (Paizin & Sarif, 2021). Dengan tingkat penggunaan buruh yang ditambah baik dalam pentadbiran zakat pada masa kini juga turut menggalakkan penyebaran maklumat zakat melalui media massa, media baru seperti *facebook*, *Instagram* serta *Twitter* dan juga penyebaran maklumat melalui penerbitan bahan ilmiah untuk bacaan umum. Hal ini bukan hanya sekadar membantu meningkatkan jumlah kutipan zakat, bahkan turut membantu meningkatkan pemahaman umum masyarakat terhadap zakat dan pelaksanaanya di Malaysia. Selain daripada itu juga, tingkat kutipan jumlah zakat juga telah berjaya ditingkatkan dengan menggunakan metode sesi taklimat dan pembukaan kaunter serta kepelbagaian saluran pembayaran seperti kaunter bank, kaunter pejabat pos, ejen kutipan yang telah dilantik, internet portal dan lain-lain saluran (Paizin, 2014). Dalam pada itu juga, pencapaian yang perlu ditekankan dalam institusi zakat di Malaysia juga bukan hanya perlu dilihat kepada tingkat jumlah kutipan zakat semata-mata tetapi pencapaian juga perlu diukur dengan tingkat jumlah bilangan pembayar zakat. Berdasarkan rajah 2.2 di bawah, tingkat jumlah penduduk Muslim di Malaysia telah meningkat dari tahun ke tahun dan ini adalah penting juga bilangan pembayar zakat ditingkatkan dari semasa ke semasa.



Rajah 2.2 Peratusan Penduduk Muslim di Malaysia Berdasarkan Bancian Penduduk Malaysia Tahun 2010 & 2020

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), 2020

Berdasarkan Jadual 2.1, dapat dilihat bahawa jumlah kutipan zakat di seluruh negeri di Malaysia menunjukkan tren peningkatan yang konsisten dari tahun ke tahun. Perkembangan ini memberikan gambaran bahawa pendekatan pengkorporatan zakat telah memberi impak yang positif terhadap keberkesanan pelaksanaan kutipan dan pengurusan zakat. Melalui pengkorporatan, institusi zakat kini mampu melaksanakan strategi kutipan yang lebih teratur, sistematik, dan berkesan, sekaligus meningkatkan jumlah hasil kutipan zakat serta memantapkan pengagihan kepada asnaf.

Oleh yang demikian, analisis berikut akan dibahas secara terperinci berdasarkan pecahan setiap negeri di Malaysia, kecuali negeri Perlis, kerana data kutipan zakat bagi negeri tersebut tidak lagi dipaparkan untuk tatapan umum sejak tahun 2015 (Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, JAWHAR, 2024). Pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih tepat terhadap keberkesanan sistem kutipan zakat di peringkat negeri.

Jadual 2.1  
Jumlah Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Mengikut Negeri (RM Juta)

	2019	2020	2021	2022	2023
Kedah	207214	228109	242189	252042	277056
Pulau Pinang	121483	125297	147247	150145	159704
Perak	207187	194853	183438	225058	227801
Selangor	855138	912957	992912	1067856	1118914
Wilayah Persekutuan	682277	756005	821740	928303	1035822
Melaka	98838	100721	106077	116888	128376
Negeri Sembilan	136583	139520	147553	152067	151856
Johor	311727	300856	323033	367656	388015
Pahang	174504	165260	186734	214387	223816
Terengganu	178655	185406	205291	228036	255275
Kelantan	196659	202645	209988	228986	256846
Sabah	88998	101788	122459	133427	145302
Sarawak	105964	110375	114725	116391	141564
Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat (Kecuali Perlis)	3,365,227	3,523,792	3,803,386	4,181,242	4,510,347


Sumber: Jabatan Wakaf, Haji dan Umrah (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024

#### 2.2.4.1 Kedah Darul Aman

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat yang diperoleh oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menunjukkan tren peningkatan yang konsisten dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat yang berjaya direkodkan ialah sebanyak RM207.2 juta, meningkat berbanding tahun sebelumnya. Hal ini selaras dengan Rajah 2.3, yang menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat pada tahun tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 13.39 peratus berbanding tahun 2018, iaitu ketika jumlah kutipan zakat hanya mencapai RM182.7 juta (LZNK, 2024).

Seterusnya, pada tahun 2020, prestasi kutipan zakat terus menunjukkan perkembangan positif apabila mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.08 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan zakat meningkat kepada RM228.1 juta. Meskipun jumlah kutipan zakat terus meningkat dari segi nilai mutlak, kadar pertumbuhan kutipan zakat bagi tempoh 2020 hingga 2022 memperlihatkan tren penurunan yang ketara. Keadaan ini dipercayai berkait rapat dengan krisis pandemik Covid-19 yang melanda negara, yang bukan sahaja menjejaskan aktiviti ekonomi

masyarakat, malah turut memberi kesan kepada kadar pertumbuhan zakat. Situasi ini menunjukkan bahawa meskipun institusi zakat berjaya mengekalkan momentum peningkatan kutipan, kestabilan kadar pertumbuhan zakat masih terdedah kepada faktor luaran seperti krisis kesihatan global dan kelembapan ekonomi.



Rajah 2.3 Pertumbuhan Kutipan Zakat LZNK (2019-2023)

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), 2024

Pada tahun 2021, tren penurunan dalam kadar pertumbuhan kutipan zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) semakin ketara apabila kadar pertumbuhan hanya mencatatkan sebanyak 6.17 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan zakat berjumlah RM242.2 juta. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa meskipun nilai mutlak kutipan zakat terus meningkat, namun kadar pertumbuhannya semakin menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Seterusnya, pada tahun 2022, fenomena penurunan kadar pertumbuhan masih berterusan walaupun jumlah kutipan zakat mencatatkan peningkatan kepada RM252.04 juta. Ini menunjukkan bahawa peningkatan kutipan tidak semestinya menggambarkan pertumbuhan yang stabil, sebaliknya bergantung kepada prestasi ekonomi dan faktor luaran yang mempengaruhi keupayaan masyarakat menunaikan kewajipan zakat.


Namun demikian, pada tahun 2023, dengan keadaan ekonomi negara yang semakin pulih pasca pandemik Covid-19, kadar pertumbuhan kutipan zakat kembali menunjukkan tren positif. Pertumbuhan kutipan zakat LZNK pada tahun tersebut meningkat kepada 9.92 peratus, dengan jumlah kutipan mencecah RM277.1 juta. Perubahan ini memberi gambaran bahawa kutipan zakat amat sensitif terhadap situasi ekonomi semasa, khususnya ketika berlakunya krisis global seperti pandemik Covid-19 yang mula melanda negara pada penghujung tahun 2020. Secara tidak langsung,

dapatan ini mengukuhkan hakikat bahawa dinamika kutipan zakat berkait rapat dengan kestabilan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat, di mana keadaan ekonomi yang baik berupaya meningkatkan kadar pematuhan zakat, manakala krisis pula berpotensi memperlambatkan pertumbuhan kutipan.

#### 2.2.4.2 Pulau Pinang

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menunjukkan tren peningkatan yang konsisten dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat yang berjaya direkodkan adalah sebanyak RM121.5 juta. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4, kadar pertumbuhan zakat pada tahun tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus berbanding tahun 2018, iaitu ketika jumlah kutipan zakat hanya mencapai RM114.8 juta (Laporan Zakat Pulau Pinang, 2024).

Namun begitu, pada tahun 2020, kadar pertumbuhan kutipan zakat mengalami penurunan kepada 3.14 peratus. Walaupun kadar pertumbuhan menurun, jumlah kutipan zakat masih berjaya meningkat kepada RM125.3 juta. Perkara ini menunjukkan bahawa walaupun faktor ekonomi semasa memberi kesan kepada kadar pertumbuhan kutipan zakat, komitmen umat Islam di Pulau Pinang terhadap kewajipan zakat tetap utuh sehingga berjaya mengekalkan momentum peningkatan kutipan dari segi jumlah keseluruhan. Dengan kata lain, penurunan kadar pertumbuhan tidak semestinya menandakan kemerosotan prestasi zakat, sebaliknya menggambarkan sensitiviti kutipan zakat terhadap situasi ekonomi semasa, di mana nilai mutlak kutipan masih berjaya dikekalkan dalam keadaan positif.



Rajah 2.4 Pertumbuhan Kutipan Zakat ZPP (2019-2023)

Sumber: Laporan Zakat Pulau Pinang, 2024

Pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menunjukkan lonjakan yang ketara iaitu sebanyak 17.52 peratus, dengan jumlah kutipan mencecah RM147.2 juta. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kembali mengalami penurunan meskipun jumlah kutipan zakat berjaya meningkat kepada RM150.1 juta.


Namun demikian, pada tahun 2023, seiring dengan pemulihan ekonomi negara, kadar pertumbuhan kutipan zakat kembali mencatatkan peningkatan positif sebanyak 6.37 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan mencapai RM277.1 juta. Situasi ini memperlihatkan bahawa tren kutipan zakat di ZPP tidak semata-mata dipengaruhi oleh krisis pandemik Covid-19. Malah, pertumbuhan tertinggi kutipan zakat berlaku pada tahun 2021, iaitu ketika negara masih berdepan dengan cabaran pandemik yang serius. Hal ini membuktikan bahawa kesedaran dan komitmen umat Islam Pulau Pinang terhadap kewajipan zakat kekal tinggi, sekali gus menjadikan zakat sebagai instrumen penting dalam menjamin kesejahteraan sosial walaupun dalam keadaan krisis.

#### ***2.2.4.3 Perak Darul Ridzuan***

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) memperlihatkan pola fluktuatif, khususnya ketika negara menghadapi krisis pandemik Covid-19. Pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM207.2 juta. Merujuk kepada Rajah 2.5, kadar pertumbuhan kutipan zakat MAIPk pada tahun tersebut menunjukkan peningkatan positif sebanyak 14.9 peratus, berbanding tahun 2018 yang hanya mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM176.2 juta (MAIPk, 2024). Peningkatan ini menggambarkan prestasi kutipan zakat yang memberangsangkan, sekaligus mencerminkan kesedaran membayar zakat yang tinggi di kalangan masyarakat Muslim di negeri Perak sebelum berlakunya krisis global.

Bagaimanapun, pada tahun 2020, jumlah hasil kutipan zakat mengalami penurunan ketara, iaitu kadar pertumbuhan mencatatkan -6.33 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan sebanyak RM194.8 juta. Penurunan ini secara jelas menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 memberi kesan langsung terhadap kemampuan pembayar zakat dalam menunaikan kewajipan mereka, disebabkan oleh gangguan ekonomi, kehilangan pekerjaan, dan ketidakstabilan pendapatan yang melanda masyarakat.

Tren penurunan ini berlanjutan sehingga tahun 2021, di mana kadar pertumbuhan kutipan zakat kekal merosot berbanding pencapaian tertinggi pada tahun 2019. Fenomena ini menekankan sensitiviti sistem kutipan zakat terhadap keadaan ekonomi makro dan situasi krisis, serta menyorot keperluan bagi strategi pengurusan kutipan yang lebih berdaya tahan (*resilient*) dalam menghadapi cabaran yang tidak dijangka. Analisis ini turut memberikan implikasi terhadap peranan zakat dalam pembangunan sosial-ekonomi, di mana penurunan kutipan zakat boleh menjejaskan kelangsungan bantuan kepada asnāf, seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat di negeri Perak.



Rajah 2.5 Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIPk (2019-2023)

Sumber: Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk), 2024

Pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat di MAIPk terus menunjukkan penurunan yang ketara dengan mencatatkan kadar negatif sebanyak -6.22 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan zakat pada tahun tersebut berkurangan kepada RM183.4 juta. Namun demikian, pada tahun 2022, kutipan zakat kembali pulih dengan kadar pertumbuhan positif yang memberangsangkan iaitu sebanyak 18.5 peratus, sekali gus meningkatkan jumlah kutipan keseluruhan kepada RM225.1 juta. Seterusnya, pada tahun 2023, keadaan ekonomi negara yang semakin stabil turut menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat. Walaupun kadar pertumbuhan yang dicatatkan adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, iaitu hanya 1.2 peratus, jumlah keseluruhan kutipan tetap meningkat kepada RM227.8 juta.


Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa kutipan zakat MAIPk sememangnya terkesan dengan penularan pandemik Covid-19 pada penghujung tahun 2020, yang menyebabkan kadar pertumbuhan menurun secara berterusan sehingga tahun 2021. Walau bagaimanapun, tren kutipan zakat mula memperlihatkan pemulihan yang stabil pada tahun 2022 dan seterusnya mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada tahun 2023.

#### ***2.2.4.4 Selangor Darul Ehsan***

Berdasarkan kepada Jadual 2.1, kutipan zakat yang diperoleh oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten dan positif sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari 2019 hingga 2023. Pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM855.1 juta, dengan kadar pertumbuhan mencapai 7.74 peratus, iaitu lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan jumlah kutipan RM793.7 juta pada tahun 2018 (Lembaga Zakat Selangor, 2024). Peningkatan ini secara tidak langsung menggambarkan keberkesanan pelaksanaan strategi kutipan zakat yang dilaksanakan oleh LZS, termasuk perluasan rangkaian pembayaran zakat, penggunaan teknologi digital, serta peningkatan tahap kesedaran umat Islam terhadap kewajipan menunaikan zakat.

Namun demikian, pada tahun 2020, meskipun jumlah kutipan zakat keseluruhan terus meningkat kepada RM913 juta, kadar pertumbuhan menunjukkan sedikit penurunan kepada 6.76 peratus. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan impak awal wabak pandemik Covid-19 yang telah menjejaskan kestabilan sosioekonomi negara, termasuk penurunan pendapatan isi rumah serta pengurangan aktiviti ekonomi dalam beberapa sektor kritikal. Walaupun begitu, penurunan kadar pertumbuhan tidak menjejaskan tren positif kutipan zakat secara keseluruhan, yang membuktikan tahap ketahanan (*resilience*) institusi zakat dalam menguruskan sumber kewangan Islam ketika berdepan krisis.

Seterusnya, pada tahun 2021, LZS berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan apabila jumlah kutipan zakat meningkat lagi kepada RM992.9 juta, dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 8.76 peratus. Hal ini memperlihatkan bahawa pemulihan ekonomi pasca fasa awal pandemik telah memberikan kesan positif terhadap kemampuan pembayar zakat untuk menunaikan kewajipan mereka.



Rajah 2.6 Pertumbuhan Kutipan Zakat LZS (2019-2023)

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (LZS), 2024

Bagi tempoh tahun 2022 hingga 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) kembali memperlihatkan sedikit penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat direkodkan pada tahap 7.55 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan mencapai RM1.07 bilion. Seterusnya, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan menurun lagi kepada 4.78 peratus, meskipun jumlah kutipan zakat terus meningkat kepada RM1.12 bilion. Peningkatan jumlah kutipan zakat yang berlaku secara konsisten ini menandakan bahawa penurunan kadar pertumbuhan tidak semestinya menggambarkan kelemahan dalam sistem kutipan, sebaliknya mencerminkan fenomena ekonomi makro di mana jumlah asas kutipan yang semakin besar akan menyebabkan kadar pertumbuhan relatif kelihatan lebih kecil.

Analisis terhadap pola ini memperlihatkan bahawa LZS berjaya mengekalkan prestasi kutipan zakat yang positif secara konsisten walaupun berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global serta kesan pasca-pandemik Covid-19. Lebih signifikan lagi, pencapaian ini menunjukkan bahawa krisis kesihatan awam yang melanda dunia tidak menjejaskan keyakinan umat Islam Selangor dalam melaksanakan kewajipan zakat. Malah, kadar pertumbuhan tertinggi dicatatkan pada tahun 2021, iaitu ketika negara masih berada dalam fasa pemulihan daripada pandemik, membuktikan bahawa kutipan zakat memiliki sifat *counter-cyclical*, iaitu mampu bertahan dan terus berkembang walaupun ketika ekonomi berdepan tekanan.


Secara keseluruhannya, perkembangan ini memberikan gambaran bahawa keberkesanan pengurusan institusi zakat, penerapan teknologi digital, strategi komunikasi yang berkesan, serta peningkatan kesedaran masyarakat terhadap

kepentingan zakat telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan kutipan zakat di Selangor. Hal ini bukan sahaja menzahirkan kekuatan institusi zakat sebagai salah satu tonggak kewangan Islam yang berdaya tahan, malah turut menyokong teori bahawa zakat berfungsi sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang mampu memberikan impak berpanjangan terhadap kesejahteraan umat Islam.

#### 2.2.4.5 Wilayah Persekutuan

Berdasarkan kepada Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah menunjukkan tren peningkatan yang konsisten sepanjang tempoh lima tahun dari 2019 hingga 2023. Pada tahun 2019, jumlah hasil kutipan zakat direkodkan sebanyak RM682.3 juta, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.77 peratus berbanding tahun sebelumnya. Hal ini menunjukkan peningkatan positif berbanding pada tahun 2018 yang mencatatkan kutipan sebanyak RM651.2 juta (PPZ-MAIWP, 2024).

Seterusnya, pada tahun 2020, kadar pertumbuhan kutipan zakat terus meningkat dengan ketara iaitu pada kadar 10.81 peratus, menjadikan jumlah hasil kutipan zakat meningkat kepada RM756 juta. Walaupun negara ketika itu mula berhadapan dengan cabaran awal pandemik Covid-19, data ini membuktikan bahawa prestasi kutipan zakat di Wilayah Persekutuan tetap kukuh. Namun demikian, pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat mula mengalami penurunan kepada 8.7 peratus, meskipun jumlah hasil kutipan zakat terus bertambah kepada RM821.7 juta.



Rajah 2.7 Pertumbuhan Kutipan Zakat PPZ MAIWP (2019-2023)

Sumber: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ WAIWP), 2024

Pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat di PPZ-MAIWP kembali menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu pada kadar 13 peratus, dengan jumlah hasil kutipan zakat meningkat kepada RM928.3 juta. Peningkatan ini menggambarkan keyakinan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan terhadap institusi zakat yang semakin mantap dari segi pengurusan dan pentadbirannya. Namun demikian, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat telah menunjukkan sedikit penurunan kepada 11.58 peratus. Walaupun begitu, jumlah hasil kutipan zakat terus mencatatkan peningkatan dan mencapai RM1.04 bilion, sekali gus menjadikan PPZ-MAIWP sebagai penyumbang hasil kutipan zakat tertinggi selepas Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat di PPZ-MAIWP tidak secara langsung dipengaruhi oleh pandemik Covid-19, bahkan berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif sepanjang tempoh krisis tersebut. Hal ini memperlihatkan keupayaan institusi zakat di Wilayah Persekutuan dalam mengekalkan keberkesanan strategi kutipan dan keyakinan pembayar zakat meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global dan domestik.


#### **2.2.4.6 Melaka**

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Zakat Melaka telah memperlihatkan tren peningkatan yang konsisten sepanjang tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2019 hingga 2023. Pada tahun 2019, jumlah hasil kutipan zakat direkodkan sebanyak RM98.8 juta, dengan kadar pertumbuhan 12.55 peratus berdasarkan Rajah 2.8. Peningkatan ini menunjukkan perkembangan positif berbanding tahun sebelumnya, iaitu pada 2018, di mana jumlah kutipan zakat hanyalah RM87.8 juta (JAWHAR, 2024). Data ini memberikan gambaran bahawa kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat di Melaka berada pada tahap yang baik, selain mencerminkan keberkesanan strategi kutipan zakat yang dijalankan oleh institusi berkenaan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, kadar pertumbuhan zakat mencatatkan penurunan kepada 1.91 peratus, meskipun jumlah kutipan zakat tetap meningkat kepada RM100.7 juta. Penurunan kadar pertumbuhan ini secara langsung boleh dikaitkan dengan kesan awal pandemik Covid-19, yang memberi tekanan terhadap aktiviti ekonomi dan kapasiti pembayar zakat dalam memenuhi kewajipan mereka. Situasi ini

menekankan sensitiviti kutipan zakat terhadap faktor ekonomi luaran, khususnya dalam konteks kejutan makroekonomi seperti pandemik.

Seterusnya, pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat kembali meningkat kepada 5.32 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan zakat meningkat kepada RM106.1 juta. Peningkatan ini menunjukkan keupayaan institusi zakat di Melaka untuk mengekalkan momentum kutipan walaupun berdepan dengan keadaan ekonomi yang mencabar, selain mencerminkan strategi pengurusan dan pengagihan zakat yang efektif. Perkembangan ini juga membuktikan daya tahan (*resilience*) sistem kutipan zakat di negeri ini, yang mampu mengekalkan prestasi yang positif dalam tempoh krisis, seterusnya menyumbang kepada kestabilan pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Muslim di Melaka.



Rajah 2.8: Pertumbuhan Kutipan Zakat Melaka (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2024

Pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Zakat Melaka kekal menunjukkan perkembangan positif apabila mencatatkan peningkatan pada kadar 10.19 peratus, dengan jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat mencecah RM116.9 juta. Keadaan ini memperlihatkan tren pemulihan ekonomi yang semakin stabil selepas negara melalui fasa pasca pandemik Covid-19, di samping membuktikan keberkesanan strategi kutipan yang dilaksanakan oleh institusi zakat di negeri tersebut. Manakala pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat mula menunjukkan sedikit penurunan kadar pertumbuhan iaitu kepada 9.83 peratus. Namun begitu, jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat tetap mencatatkan peningkatan yang signifikan iaitu sebanyak RM128.4 juta. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun berlaku sedikit penurunan dari

segi kadar pertumbuhan, prestasi kutipan zakat di Zakat Melaka secara keseluruhannya kekal berada pada landasan positif dengan tren peningkatan yang berterusan.

Oleh itu, analisis ini secara tidak langsung membuktikan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat di Zakat Melaka tidak banyak dipengaruhi oleh faktor luaran seperti wabak pandemik Covid-19. Malah, kadar pertumbuhan zakat pada tahun 2019 kekal sebagai kadar pertumbuhan tertinggi sepanjang tempoh analisis sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.8.

#### ***2.2.4.7 Johor Darul Takzim***

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) memperlihatkan tren yang dinamik dengan corak peningkatan dan penurunan yang ketara, khususnya pada tahun 2020. Pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM311.7 juta, dengan kadar pertumbuhan zakat pada tahap 9.08 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.9. Angka ini memperlihatkan peningkatan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2018, apabila jumlah kutipan zakat hanya mencapai RM285.8 juta (JAWHAR, 2024).

Namun demikian, pada tahun 2020, prestasi kutipan zakat di Johor telah mengalami penurunan yang ketara apabila jumlah hasil kutipan berkurangan kepada RM300.9 juta. Kadar pertumbuhan zakat bagi tahun tersebut turut mencatatkan angka negatif iaitu pada -3.49 peratus, yang jelas menggambarkan kesan langsung daripada kelembapan ekonomi akibat pandemik Covid-19 yang mula melanda negara pada penghujung tahun 2019. Seterusnya, pada tahun 2021, prestasi kutipan zakat MAINJ kembali menunjukkan pemulihan positif apabila kadar pertumbuhan meningkat kepada 7.37 peratus, dengan jumlah hasil kutipan mencapai RM323 juta. Peningkatan ini memperlihatkan kemampuan institusi zakat Johor untuk bangkit daripada kesan krisis, di samping mencerminkan ketahanan ekonomi masyarakat serta keberkesanan mekanisme kutipan zakat yang dilaksanakan.



Rajah 2.9 Pertumbuhan Kutipan Zakat MAINJ (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), 2024


Pada tahun 2022, prestasi kutipan zakat di Bahagian Zakat MAINJ terus menunjukkan tren peningkatan yang ketara apabila kadar pertumbuhan kutipan mencapai 13.81 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan sebanyak RM367.7 juta. Peningkatan ini menandakan pemulihan ekonomi yang lebih stabil selepas melalui fasa kelembapan akibat pandemik Covid-19, di samping keberkesanan strategi kutipan zakat yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan zakat Johor. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat mula memperlihatkan sedikit penurunan apabila mencatatkan 5.54 peratus. Meskipun begitu, jumlah hasil kutipan zakat kekal meningkat kepada RM388.06 juta, sekali gus mengekalkan trajektori positif dari segi jumlah kutipan tahunan.

Secara keseluruhannya, perkembangan ini menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat di Johor telah terkesan secara langsung oleh wabak pandemik Covid-19 pada tahun 2020, yang mengakibatkan penurunan dalam jumlah kutipan zakat. Namun demikian, tren pertumbuhan kembali pulih secara beransur-ansur mulai tahun 2021, dengan momentum peningkatan yang lebih stabil sepanjang tahun 2022 dan 2023. Hal ini membuktikan bahawa institusi zakat Johor mampu menyesuaikan strategi kutipan dalam menghadapi cabaran ekonomi, sekali gus memastikan kesinambungan hasil kutipan zakat.

#### 2.2.4.8 Negeri Sembilan Darul Khusus

Berdasarkan kepada Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Zakat MAIN) telah menunjukkan tren peningkatan yang berterusan dari tahun 2019 hingga tahun 2023. Pada tahun 2019, jumlah hasil kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM136.6 juta, dengan kadar pertumbuhan tertinggi bagi tempoh kajian iaitu 7.94 peratus seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.10. Peningkatan ini memperlihatkan prestasi kutipan yang lebih baik berbanding tahun 2018, di mana jumlah kutipan hanyalah sebanyak RM126.5 juta (Laporan Zakat MAIN Tahun 2012–2023, 2024).

Namun begitu, pada tahun 2020, kadar pertumbuhan kutipan zakat telah mengalami penurunan ketara apabila mencatatkan hanya 2.15 peratus, sekali gus menjadikan jumlah hasil kutipan zakat pada tahun tersebut sebanyak RM139.5 juta sahaja. Keadaan ini dipercayai dipengaruhi oleh kesan langsung wabak pandemik Covid-19 yang menjejaskan aktiviti ekonomi serta pendapatan masyarakat. Seterusnya, pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat kembali menunjukkan peningkatan apabila mencatatkan 5.76 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan meningkat kepada RM147.6 juta. Peningkatan ini menandakan permulaan kepada fasa pemulihan ekonomi yang lebih stabil di Negeri Sembilan selepas berdepan dengan cabaran pandemik pada tahun sebelumnya.



Rajah 2.10 Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIN (2019-2023)

Sumber: Zakat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2024

Namun demikian, pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Zakat MAIN) kembali mencatatkan penurunan yang ketara kepada 3.06 peratus, dengan jumlah kutipan keseluruhan bernilai RM152 juta. Keadaan ini memperlihatkan perbezaan yang signifikan berbanding dengan beberapa negeri lain yang pada tahun yang sama telah mula menunjukkan tren pemulihan ekonomi yang lebih kukuh selepas fasa kritikal pandemik Covid-19. Perbandingan ini mengisyaratkan bahawa daya tahan ekonomi masyarakat serta keberkesanan strategi pengurusan zakat di Negeri Sembilan mungkin berbeza dengan negeri-negeri yang mencatatkan pertumbuhan lebih stabil pada tahun berkenaan.

Seterusnya, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Negeri Sembilan merekodkan penurunan yang lebih drastik apabila mencatatkan nilai negatif pada kadar -0.14 peratus. Keadaan ini telah menyebabkan jumlah kutipan zakat menurun sedikit kepada RM151.9 juta, berbanding RM152 juta pada tahun sebelumnya. Walaupun perbezaan jumlah tersebut adalah relatif kecil, namun pencapaian kadar pertumbuhan negatif ini membawa implikasi yang penting dari sudut analisis ekonomi zakat kerana ia menunjukkan wujudnya kelembapan dalam keupayaan kutipan, meskipun keadaan ekonomi negara secara keseluruhan telah berada pada landasan pemulihan pasca-pandemik.


Secara keseluruhannya, pola ini memperlihatkan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat di Negeri Sembilan amat dipengaruhi oleh kesan jangka sederhana dan panjang daripada krisis pandemik Covid-19. Hal ini dapat dilihat apabila pertumbuhan tertinggi pernah dicatatkan adalah pada tahun 2019, iaitu sebelum negara berhadapan dengan krisis tersebut, manakala pasca-pandemik menunjukkan tren pertumbuhan yang lebih perlahan, bahkan berakhir dengan penurunan pada tahun 2023. Keadaan ini sekaligus menimbulkan persoalan tentang faktor-faktor dalaman seperti tahap kesedaran pembayar zakat, keberkesanan strategi kutipan, pengurusan ekonomi setempat, serta sokongan dasar negeri terhadap institusi zakat. Justeru, analisis ini mengisyaratkan perlunya penambahbaikan strategi kutipan zakat di Negeri Sembilan bagi memastikan keberlangsungan pertumbuhan yang lebih mampan serta sejajar dengan keperluan pembangunan sosioekonomi masyarakat.

#### **2.2.4.9 Pahang Darul Makmur**

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah hasil kutipan zakat di Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang telah memperlihatkan pola yang dinamik dengan wujudnya tren peningkatan dan penurunan yang agak ketara, khususnya pada tahun 2020. Pada tahun 2019, jumlah hasil kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM174.5 juta, dengan kadar pertumbuhan yang dianggap luar biasa tinggi iaitu 25.82 peratus seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.8. Keadaan ini mencerminkan suatu lonjakan kutipan zakat yang signifikan, sekaligus menandakan keberkesanan strategi kutipan serta peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kewajipan berzakat. Situasi tersebut jauh berbeza dengan tahun sebelumnya, iaitu 2018, di mana jumlah kutipan zakat hanyalah RM138.7 juta (JAWHAR, 2024). Peningkatan yang hampir mencecah RM36 juta dalam tempoh setahun ini memberikan gambaran jelas tentang kekuatan ekonomi umat Islam di negeri Pahang serta tahap kepatuhan masyarakat terhadap sistem zakat yang semakin meningkat pada waktu tersebut.

Namun begitu, pada tahun 2020, PKZ Pahang berdepan dengan penurunan kutipan zakat yang agak ketara. Kadar pertumbuhan kutipan zakat merosot kepada -5.3 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan hanya RM165.3 juta. Penurunan ini berlaku dalam konteks yang lebih luas apabila negara secara keseluruhannya sedang berdepan dengan krisis kesihatan awam akibat pandemik Covid-19, yang telah memberi kesan langsung terhadap ekonomi isi rumah, tahap pendapatan, serta daya beli masyarakat. Justeru, penurunan kutipan zakat ini boleh ditafsirkan sebagai manifestasi kepada kesan pandemik yang telah mengecilkan kapasiti ekonomi pembayar zakat, khususnya dalam sektor-sektor ekonomi utama di negeri Pahang.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, PKZ Pahang kembali menunjukkan pemulihan apabila pertumbuhan hasil kutipan zakat meningkat secara positif pada kadar 12.99 peratus, dengan jumlah kutipan keseluruhan mencecah RM186.7 juta. Kenaikan ini bukan sahaja menandakan pemulihan ekonomi secara beransur-ansur selepas kejutan awal pandemik, tetapi juga mencerminkan tahap keberkesanan langkah-langkah pemerkasaan kutipan zakat yang dilaksanakan oleh pihak berautoriti. Pemulihan yang berlaku dalam tempoh masa setahun ini turut memberi indikasi bahawa kutipan zakat di Pahang mempunyai daya tahan (*resilience*) yang tinggi terhadap cabaran ekonomi, selain menggambarkan kepatuhan masyarakat Muslim terhadap kewajipan zakat walaupun dalam suasana pasca-krisis.



Rajah 2.11 Pertumbuhan Kutipan Zakat PKZ Pahang (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2024

Pada tahun 2022, kutipan zakat yang direkodkan oleh Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 14.81 peratus. Jumlah keseluruhan kutipan zakat pada tahun tersebut adalah sebanyak RM214.4 juta, sekali gus menjadikan tahun 2022 sebagai salah satu tahun yang mencatatkan peningkatan signifikan selepas tempoh pandemik Covid-19. Peningkatan yang kukuh ini boleh dikaitkan dengan proses pemulihan ekonomi negara yang mula stabil selepas pandemik, selain faktor pengukuhan sistem kutipan zakat yang dijalankan secara lebih meluas oleh PKZ Pahang melalui inisiatif digitalisasi, kerjasama strategik bersama institusi kewangan, serta program kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menunaikan zakat.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat PKZ Pahang menunjukkan sedikit penurunan apabila hanya mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus. Meskipun begitu, jumlah kutipan zakat masih menunjukkan peningkatan dari segi nilai mutlak iaitu sebanyak RM223.8 juta. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kadar pertumbuhan menurun berbanding tahun sebelumnya, tahap komitmen masyarakat Muslim di Pahang terhadap kewajipan zakat kekal berada pada paras yang stabil. Penurunan kadar pertumbuhan ini juga boleh dikaitkan dengan keadaan ekonomi semasa yang kurang rancak berbanding tahun 2022, di mana faktor pemulihan pasca pandemik tidak lagi menjadi pemacu utama kepada lonjakan pertumbuhan.

Secara keseluruhannya, pola kutipan zakat di PKZ Pahang bagi tempoh 2019 hingga 2023 jelas memperlihatkan pengaruh ketara daripada krisis pandemik Covid-19. Data menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan tertinggi berlaku pada tahun 2019, iaitu sebelum pandemik melanda, dan sekali lagi pada tahun 2022, selepas negara memasuki


fasa pemulihan pasca pandemik. Keadaan ini membuktikan bahawa kutipan zakat bukan sahaja dipengaruhi oleh kesedaran individu Muslim terhadap kewajipan berzakat, malah turut berkait rapat dengan kestabilan sosioekonomi masyarakat dan keberkesanan strategi kutipan yang dilaksanakan oleh institusi zakat negeri.

#### ***2.2.4.10 Terengganu Darul Iman***

Berdasarkan Jadual 2.1, kutipan zakat di Bahagian Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Zakat MAIDAM) memperlihatkan pola pertumbuhan yang tidak sekata sepanjang tempoh kajian, dengan berlaku peningkatan yang konsisten pada awalnya sebelum mencatatkan penurunan pada tahun 2020. Pada tahun 2018, jumlah kutipan zakat yang direkodkan adalah sebanyak RM160.7 juta, manakala pada tahun berikutnya, 2019, jumlah kutipan meningkat kepada RM178.7 juta dengan kadar pertumbuhan sebanyak 11.16 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.12 (Zakat MAIDAM, 2024). Peningkatan ini mencerminkan tahap kesedaran masyarakat Muslim di Terengganu terhadap kewajipan berzakat serta keberkesanan strategi kutipan yang dilaksanakan oleh pihak MAIDAM.

Namun demikian, pada tahun 2020, jumlah kutipan zakat hanya meningkat secara sederhana kepada RM185.4 juta dengan kadar pertumbuhan 3.78 peratus. Keadaan ini menunjukkan penurunan yang signifikan berbanding kadar pertumbuhan tahun sebelumnya. Penurunan tersebut boleh dikaitkan dengan faktor luaran, khususnya impak pandemik Covid-19 yang telah menjejaskan pendapatan ekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Justeru, meskipun jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut kekal meningkat dari segi nilai mutlak, kadar pertumbuhannya merosot berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, kutipan zakat kembali menunjukkan pertumbuhan positif yang lebih kukuh. Jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut meningkat kepada RM205.3 juta dengan kadar pertumbuhan 10.73 peratus. Perkembangan ini memberi gambaran bahawa masyarakat mula bangkit daripada kesan pandemik dengan pemulihan ekonomi secara berperingkat, di samping peranan berterusan MAIDAM dalam memperkukuh sistem kutipan zakat melalui pelbagai medium.



Rajah 2.12 Pertumbuhan Kutipan Zakat MAIDAM (2019-2023)

Sumber: Zakat Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu, 2024

Pada tahun 2022, kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) terus menunjukkan prestasi positif dengan kadar pertumbuhan sebanyak 11.08 peratus. Jumlah kutipan zakat yang direkodkan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM228 juta, sekali gus menggambarkan keyakinan berterusan masyarakat Islam di Terengganu terhadap sistem pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh pihak berautoriti. Peningkatan ini juga boleh dikaitkan dengan faktor pemulihan ekonomi selepas negara mula keluar daripada fasa pandemik Covid-19, di samping inisiatif proaktif pihak MAIDAM dalam memperluas saluran kutipan zakat melalui platform digital, kaunter bergerak serta kerjasama dengan institusi kewangan.

Selanjutnya, pada tahun 2023, kutipan zakat MAIDAM mencatatkan peningkatan yang lebih ketara dengan kadar pertumbuhan 11.96 peratus, iaitu kadar tertinggi sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan. Jumlah keseluruhan kutipan zakat pada tahun tersebut meningkat kepada RM255.3 juta, yang membuktikan daya ketahanan (*resilience*) ekonomi umat Islam di negeri Terengganu pasca pandemik. Keadaan ini turut memperlihatkan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap kewajipan berzakat sebagai instrumen penting dalam pengagihan semula kekayaan dan pembangunan sosioekonomi umat Islam.

Analisis ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tren pertumbuhan kutipan zakat MAIDAM sangat berkait rapat dengan faktor luaran, khususnya impak daripada pandemik Covid-19. Hal ini terbukti apabila pada tahun 2020 kadar pertumbuhan kutipan zakat mencatatkan penurunan yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Namun, selepas tempoh pandemik berakhir, kadar kutipan zakat kembali


meningkat secara konsisten pada tahun 2021, 2022 dan 2023. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa aspek kestabilan ekonomi negara dan keyakinan masyarakat terhadap sistem zakat memainkan peranan penting dalam menentukan pola pertumbuhan kutipan zakat di Terengganu.

#### **2.2.4.11 Kelantan Darul Naim**

Berdasarkan Jadual 2.1, kutipan zakat yang direkodkan oleh Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Zakat MAIK) menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten dengan kecenderungan meningkat dari tahun 2019 hingga 2023. Pada tahun 2018, jumlah kutipan zakat yang diperoleh adalah sebanyak RM185.2 juta. Jumlah ini meningkat kepada RM196.7 juta pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6.17 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.13 (Laporan Zakat MAIK, 2024). Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan usaha MAIK dalam memperkukuh sistem kutipan zakat melalui pengukuhan jaringan kutipan, penyediaan saluran pembayaran yang lebih mesra pengguna, serta tahap kesedaran masyarakat Muslim Kelantan yang semakin meningkat terhadap kewajipan berzakat.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2020, kutipan zakat MAIK mencatatkan penurunan kadar pertumbuhan yang agak ketara. Jumlah kutipan zakat yang direkodkan hanyalah sebanyak RM202.6 juta, dengan kadar pertumbuhan merosot kepada 3.04 peratus. Keadaan ini menunjukkan kesan langsung daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara pada ketika itu, sekali gus menjejaskan pendapatan serta kemampuan ekonomi umat Islam di Kelantan untuk menunaikan zakat. Walaupun jumlah kutipan zakat kekal meningkat dari segi nilai mutlak, penurunan kadar pertumbuhan tersebut membuktikan adanya gangguan terhadap kestabilan corak kutipan tahunan.

Namun, pada tahun 2021, tren kutipan zakat kembali menunjukkan pemulihan dengan jumlah kutipan meningkat kepada RM210 juta, iaitu kadar pertumbuhan sebanyak 3.62 peratus. Pertumbuhan positif ini walaupun sederhana, mencerminkan keberkesanan strategi penyesuaian yang dilaksanakan oleh pihak MAIK dalam mengurus kutipan zakat sepanjang tempoh pandemik. Inisiatif seperti memperluaskan penggunaan saluran pembayaran dalam talian, memperkukuh kaedah promosi kewajipan berzakat serta pelaksanaan program kesedaran berzakat dalam kalangan masyarakat dilihat telah membantu menstabilkan semula prestasi kutipan zakat di negeri Kelantan.



Rajah 2.13 Pertumbuhan Kutipan Zakat MAAK (2019-2023)

Sumber: Zakat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2024

Pada tahun 2022, kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Zakat MAAK) kembali menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh berbanding tahun sebelumnya. Jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut meningkat kepada RM229 juta dengan kadar pertumbuhan 9.05 peratus. Pertumbuhan ini mencerminkan proses pemulihan ekonomi pasca pandemik Covid-19, di mana sebahagian besar aktiviti ekonomi masyarakat mula beroperasi secara normal semula. Pada masa yang sama, inisiatif berterusan pihak MAAK dalam memperluaskan capaian kutipan zakat, termasuk penyediaan saluran pembayaran atas talian dan peningkatan keberkesanan komunikasi berhubung kesedaran zakat, turut memberi kesan positif terhadap peningkatan prestasi kutipan.

Seterusnya, pada tahun 2023, kutipan zakat MAAK mencatatkan pertumbuhan yang lebih signifikan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 12.17 peratus, iaitu kadar tertinggi sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan. Jumlah kutipan zakat yang direkodkan pada tahun tersebut ialah sebanyak RM256.8 juta. Peningkatan ini menggambarkan bahawa sistem kutipan zakat yang dilaksanakan oleh MAAK semakin mantap dan mendapat kepercayaan masyarakat Muslim di Kelantan. Selain itu, faktor kestabilan ekonomi selepas negara melalui fasa pemulihan pandemik juga dilihat sebagai pemangkin utama kepada lonjakan pertumbuhan ini.

Secara keseluruhannya, analisis kutipan zakat MAAK dari tahun 2019 hingga 2023 menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten dengan sedikit gangguan pada tahun 2020 dan 2021 akibat pandemik Covid-19. Penurunan kadar pertumbuhan pada tahun-tahun tersebut memberi gambaran bahawa krisis kesihatan global tersebut telah menjejaskan kemampuan kewangan umat Islam, sekali gus memberi kesan kepada

corak pembayaran zakat. Walau bagaimanapun, tren kutipan selepas itu membuktikan bahawa institusi zakat negeri Kelantan berupaya menyesuaikan diri dengan cabaran semasa dan kembali mengukuhkan kedudukan sebagai institusi pengurusan zakat yang diyakini masyarakat. Hal ini menegaskan bahawa kutipan zakat bukan sahaja dipengaruhi oleh tahap kesedaran masyarakat terhadap kewajipan berzakat, tetapi juga sangat berkait rapat dengan kestabilan sosioekonomi negara serta kecekapan sistem kutipan yang dilaksanakan.


#### **2.2.4.12 Sabah**

Berdasarkan Jadual 2.1, kutipan zakat yang direkodkan oleh Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah (Zakat MUIS) menunjukkan pola pertumbuhan yang dinamik sepanjang tempoh kajian, dengan peningkatan konsisten dari tahun 2019 hingga 2021, diikuti dengan penurunan pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2018, jumlah kutipan zakat hanya berjumlah RM80 juta. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, jumlah kutipan meningkat kepada RM89 juta dengan kadar pertumbuhan 11.72 peratus, sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.14 (Laporan Zakat MUIS, 2024). Peningkatan ini menggambarkan tahap kesedaran masyarakat Muslim di Sabah yang semakin baik terhadap kewajipan berzakat, di samping strategi kutipan yang lebih sistematik dilaksanakan oleh MUIS.

Seterusnya, pada tahun 2020, kutipan zakat terus menunjukkan perkembangan positif dengan kadar pertumbuhan 14.37 peratus, menjadikan jumlah kutipan sebanyak RM101.8 juta. Pertumbuhan ini berlaku meskipun negara ketika itu sedang berhadapan dengan krisis pandemik Covid-19, yang secara umum memberi kesan negatif terhadap pendapatan masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa kesedaran umat Islam di Sabah terhadap kewajipan zakat tetap utuh, malah mungkin dipengaruhi oleh rasa tanggungjawab sosial yang lebih mendalam untuk membantu golongan asnaf yang terjejas akibat pandemik.

Pada tahun 2021, prestasi kutipan zakat MUIS mencapai tahap tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan dengan kadar pertumbuhan 20.31 peratus. Jumlah keseluruhan kutipan yang direkodkan adalah sebanyak RM122.5 juta, iaitu peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk pelaksanaan inisiatif digitalisasi saluran pembayaran zakat, pengukuhan kerjasama dengan institusi kewangan, serta peningkatan kempen

kesedaran masyarakat yang berterusan. Di samping itu, sokongan masyarakat Muslim untuk membantu golongan yang terjejas akibat pandemik juga dilihat menjadi salah satu faktor pendorong utama kepada lonjakan kutipan zakat pada tahun tersebut.



Rajah 2.14 Pertumbuhan Kutipan Zakat MUIS (2019-2023)

Sumber: Bahagian Zakat & Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah, 2024

Pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) mula menunjukkan penurunan apabila hanya mencatatkan kadar 8.97 peratus dengan jumlah keseluruhan kutipan sebanyak RM133.4 juta. Walaupun jumlah kutipan terus meningkat dari segi nilai mutlak, penurunan kadar pertumbuhan ini menandakan bahawa prestasi kutipan zakat tidak lagi berada pada tahap yang sama rancak seperti tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini memberi gambaran bahawa selepas melalui fasa lonjakan kutipan pada tahun 2020 dan 2021, tren pertumbuhan zakat di Sabah mulai stabil pada kadar yang lebih sederhana.

Seterusnya, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat MUIS kekal menunjukkan penurunan dengan kadar 8.9 peratus. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan zakat tetap meningkat kepada RM145.3 juta. Pola ini memperlihatkan bahawa meskipun kutipan zakat terus meningkat dari segi jumlah keseluruhan, kadar pertumbuhan tahunan menunjukkan kecenderungan menurun. Hal ini membayangkan bahawa faktor-faktor luaran seperti keadaan ekonomi semasa serta kestabilan pendapatan masyarakat memainkan peranan besar dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan, berbanding faktor kesedaran individu semata-mata.

Secara keseluruhannya, analisis kutipan zakat MUIS dari tahun 2018 hingga 2023 menunjukkan bahawa tren pertumbuhan kutipan zakat di Sabah tidak dipengaruhi secara langsung oleh pandemik Covid-19. Sebaliknya, data membuktikan bahawa kadar pertumbuhan tertinggi berlaku dalam tempoh sebelum dan semasa pandemik, iaitu dari tahun 2019 hingga 2021. Selepas pandemik, kadar pertumbuhan kutipan zakat mula menurun, meskipun jumlah keseluruhan kutipan terus meningkat. Keadaan ini mencerminkan bahawa prestasi kutipan zakat di Sabah lebih dipengaruhi oleh faktor struktur ekonomi dan daya kemampuan kewangan masyarakat, berbanding dengan kesan krisis kesihatan global tersebut.


#### **2.2.4.13 Sarawak**

Berdasarkan Jadual 2.1, kutipan zakat yang direkodkan oleh Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak (Tabung Baitulmal MAIS) menunjukkan pola pertumbuhan yang tidak sekata, dengan peningkatan yang ketara pada tahun 2019 diikuti dengan penurunan kadar pertumbuhan pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2018, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM85.9 juta. Jumlah ini meningkat dengan signifikan pada tahun 2019 apabila merekodkan kutipan sebanyak RM106 juta, bersamaan kadar pertumbuhan 23.39 peratus, iaitu kadar tertinggi sepanjang tempoh kajian sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.15 (JAWHAR, 2024). Lonjakan ini boleh dikaitkan dengan keberkesanan strategi kutipan zakat yang lebih meluas, termasuk peningkatan saluran pembayaran zakat serta tahap kesedaran masyarakat Muslim Sarawak yang semakin tinggi terhadap kewajipan berzakat.

Namun, pada tahun 2020, prestasi kutipan zakat mula menunjukkan penurunan kadar pertumbuhan yang ketara. Jumlah kutipan zakat hanya meningkat kepada RM110.4 juta dengan kadar pertumbuhan 4.16 peratus sahaja, jauh lebih rendah berbanding prestasi tahun sebelumnya. Penurunan ini bertepatan dengan kemunculan pandemik Covid-19 yang menjejaskan aktiviti ekonomi dan pendapatan masyarakat. Walaupun jumlah kutipan terus meningkat dari segi nilai mutlak, kadar pertumbuhan yang lebih rendah menunjukkan wujudnya kesan negatif terhadap corak pembayaran zakat dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak.

Seterusnya, pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat terus mencatatkan penurunan apabila hanya berada pada kadar 3.94 peratus. Jumlah kutipan yang direkodkan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM114.7 juta. Situasi ini

menggambarkan bahawa kesan pandemik Covid-19 masih berterusan dalam mempengaruhi prestasi ekonomi masyarakat. Walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah keseluruhan kutipan, pertumbuhan yang lebih perlahan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Sarawak masih berada dalam fasa pemulihan ekonomi yang mencabar.



Rajah 2.15: Pertumbuhan Kutipan Zakat Tabung Baitulmal MAIS (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2024

Pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Tabung Baitulmal MAIS masih kekal menunjukkan penurunan pada kadar 1.45 peratus, dengan jumlah hasil kutipan zakat keseluruhan direkodkan sebanyak RM116.4 juta. Keadaan ini menggambarkan bahawa meskipun jumlah kutipan zakat kekal meningkat dari segi nilai mutlak, namun kadar pertumbuhan tahunan yang dicatatkan berada pada tahap yang lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan kesan berpanjangan krisis pandemik Covid-19 yang bukan sahaja menjejaskan kapasiti ekonomi masyarakat Muslim, malah turut memberi kesan kepada tahap kemampuan pembayar zakat dalam melaksanakan kewajipan tersebut secara optimum.

Namun demikian, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Tabung Baitulmal MAIS telah menunjukkan lonjakan yang ketara pada kadar 21.63 peratus, dengan jumlah hasil kutipan zakat meningkat kepada RM141.6 juta. Peningkatan ini mencerminkan satu pemulihan yang signifikan pasca-pandemik, khususnya hasil daripada perkembangan positif dalam keadaan ekonomi negara, dasar pengurusan kewangan Islam yang lebih berkesan, serta peningkatan tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menunaikan zakat. Di samping itu, faktor penggunaan teknologi digital dalam pembayaran zakat serta pendekatan promosi dan dakwah zakat yang lebih

proaktif oleh pihak Tabung Baitulmal MAIS juga dilihat telah menjadi pemangkin utama dalam peningkatan prestasi kutipan tersebut.

Secara keseluruhannya, tren yang ditunjukkan bagi tempoh 2019 hingga 2023 membuktikan bahawa kadar pertumbuhan kutipan zakat di Tabung Baitulmal MAIS turut dipengaruhi secara langsung oleh faktor luaran seperti krisis pandemik Covid-19, di mana kadar pertumbuhan zakat pada tahun 2019 dan 2023 merupakan yang tertinggi, masing-masing mewakili situasi sebelum dan selepas pandemik. Hal ini bukan sahaja memberikan gambaran mengenai keupayaan institusi zakat dalam menyesuaikan strategi pengurusan kewangan Islam ketika berdepan dengan krisis global, tetapi juga menegaskan bahawa aspek kestabilan ekonomi dan daya tahan masyarakat Muslim memainkan peranan penting dalam menentukan corak pertumbuhan kutipan zakat di Sarawak.

### **2.2.5 Kesimpulan**


Secara ringkasnya, jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat di Malaysia telah menunjukkan tren peningkatan yang konsisten dari tahun ke tahun, meskipun terdapat sebahagian Pusat Pungutan Zakat yang mencatatkan penurunan ketika negara berhadapan dengan krisis pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan zakat keseluruhan di Malaysia (kecuali negeri Perlis) berdasarkan Jadual 2.1 telah memperlihatkan peningkatan yang ketara sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2019 sehingga tahun 2023.

Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat adalah sebanyak RM3.37 bilion, dengan kadar pertumbuhan tahunan pada kadar 9.65 peratus sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 2.16. Angka ini jelas menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding tahun sebelumnya (2018), di mana jumlah kutipan zakat hanya berjumlah RM3.07 bilion (JAWHAR & MAIN, 2024). Hal ini membuktikan bahawa sebelum berlakunya krisis kesihatan global, institusi-institusi zakat di Malaysia berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh faktor kestabilan ekonomi negara, peningkatan tahap kesedaran masyarakat Muslim terhadap kewajipan zakat, serta keberkesanan strategi pemodenan sistem pungutan zakat melalui digitalisasi dan pengkorporatan.

Namun demikian, pada tahun 2020, kadar pertumbuhan kutipan zakat telah menurun secara ketara kepada hanya 4.71 peratus, meskipun jumlah kutipan

keseluruhan masih meningkat kepada RM3.52 bilion. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun masyarakat terus menunaikan zakat, kadar pertumbuhan yang lebih rendah adalah cerminan kepada kesan langsung pandemik Covid-19 terhadap keupayaan ekonomi pembayar zakat, khususnya golongan individu dan perniagaan yang terjejas dari segi pendapatan. Keadaan ini sejajar dengan dapatan kajian global yang menegaskan bahawa krisis kesihatan awam memberi impak segera terhadap tahap kesejahteraan ekonomi isi rumah serta keupayaan masyarakat dalam memenuhi kewajipan kewangan Islam.

Menariknya, selepas fasa paling kritikal pandemik, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Malaysia mula menunjukkan pemulihan positif pada tahun 2021 dan 2022. Hal ini membuktikan bahawa sektor pengurusan zakat mempunyai tahap resiliensi institusi yang tinggi melalui pelaksanaan strategi pengurusan yang lebih adaptif, termasuk penggunaan teknologi pembayaran zakat secara digital, penawaran saluran kutipan yang lebih mudah diakses, serta pendekatan dakwah zakat yang lebih agresif. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023 kadar pertumbuhan kembali menunjukkan sedikit penurunan, sekali gus memberikan isyarat bahawa faktor ekonomi makro dan cabaran kos sara hidup pasca-pandemik turut memainkan peranan penting dalam menentukan dinamika kutipan zakat di Malaysia.



Rajah 2.16 Pertumbuhan Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia (2019-2023)

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024

Pada tahun 2021, kadar pertumbuhan kutipan zakat di Malaysia kembali menunjukkan perkembangan yang positif dengan mencatatkan peningkatan pada kadar 7.93 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat sebanyak RM3.8 bilion. Peningkatan ini berlaku selepas penurunan ketara pada tahun 2020, sekali gus

menandakan proses pemulihan ekonomi nasional yang turut memberi kesan langsung terhadap kemampuan umat Islam menunaikan kewajipan zakat. Pemulihan ini juga dapat dikaitkan dengan strategi adaptif institusi zakat, termasuk peluasan saluran pembayaran digital, kempen kesedaran yang berfokuskan kepada kepatuhan syariah, serta sokongan dasar kerajaan dalam merangsang ekonomi domestik pasca-pandemik.

Seterusnya, pada tahun 2022, kadar pertumbuhan kutipan zakat terus meningkat pada kadar 9.93 peratus, dengan jumlah keseluruhan kutipan zakat mencapai RM4.18 bilion. Angka ini bukan sahaja membuktikan keberkesanan strategi pengurusan zakat yang dilaksanakan, bahkan turut menggambarkan peningkatan daya tahan (*resilience*) ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Pencapaian ini selari dengan situasi global yang menunjukkan tren pemulihan pasaran buruh, peningkatan pendapatan boleh guna, serta kestabilan perniagaan dalam fasa pasca-pandemik.

Namun demikian, pada tahun 2023, kadar pertumbuhan kutipan zakat kembali mengalami penurunan relatif kepada 7.87 peratus, meskipun jumlah keseluruhan kutipan zakat tetap meningkat kepada RM4.5 bilion. Penurunan kadar pertumbuhan ini memberi isyarat bahawa terdapat faktor ekonomi makro seperti kenaikan kos sara hidup, inflasi, dan cabaran pasaran kerja yang mungkin menjejaskan kadar peningkatan pembayaran zakat. Walau bagaimanapun, hakikat bahawa jumlah keseluruhan kutipan zakat terus berada pada tren positif menunjukkan bahawa kepatuhan masyarakat Muslim terhadap kewajipan zakat masih berada pada tahap yang tinggi, serta keupayaan institusi zakat untuk mengekalkan keyakinan pembayar zakat terhadap sistem pengurusan dan agihan.

Secara keseluruhannya, pola ini menunjukkan bahawa kutipan zakat di Malaysia berada dalam trajektori pertumbuhan positif, walaupun kadar pertumbuhan tahunan dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pandemik, kedudukan ekonomi global, serta isu domestik berkaitan kos sara hidup. Justeru, pencapaian ini bukan sahaja dilihat sebagai simbol ibadah individu, tetapi juga sebagai indikator penting kepada kestabilan ekonomi umat Islam dan keberkesanan institusi pengurusan zakat dalam mendepani cabaran semasa.

### 2.3 Pembangunan Manusia Berteraskan Kepada Sumber Kutipan Zakat

Hasil kutipan zakat yang amat memberangsangkan di setiap negeri di Malaysia, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1, membuktikan bahawa kedua-dua kaedah pengurusan zakat, sama ada melalui pendekatan pengkorporatan mahupun bukan pengkorporatan, memiliki kekuatan tersendiri dalam memastikan kelangsungan fungsi institusi zakat. Peningkatan kutipan zakat yang kini telah mencecah angka bilion ringgit memperlihatkan bukan sahaja tahap kepatuhan masyarakat Islam terhadap kewajipan zakat, tetapi juga tahap keyakinan mereka terhadap keberkesanan sistem pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh pihak berautoriti.

Dengan sumber kewangan yang semakin kukuh, institusi zakat berupaya mengoptimumkan proses pengagihan zakat secara lebih sistematik, menyeluruh, dan berkesan. Hal ini sejajar dengan matlamat pensyariatkan zakat, iaitu memastikan kebajikan golongan *asnāf* sentiasa terpelihara dan terbela. Keberkesanan agihan zakat ini amat signifikan dalam menjamin pemenuhan keperluan asas hidup golongan berhak, termasuklah aspek kesihatan, pendidikan, perumahan, dan peningkatan taraf hidup secara keseluruhan. Apabila aspek-aspek asas ini dipenuhi, ia akan menghasilkan kesan limpahan positif terhadap kesejahteraan sosial, pengurangan jurang kemiskinan, serta pengukuhan jaringan keselamatan sosial masyarakat Islam.

Selain itu, keberkesanan pengurusan kutipan dan agihan zakat turut berfungsi sebagai pemangkin utama kepada pembangunan manusia. Hal ini kerana zakat bukan sahaja membantu dari sudut material, tetapi juga memberikan peluang peningkatan kapasiti melalui pendidikan, latihan kemahiran, kesihatan dan sokongan ekonomi yang berterusan. Oleh itu, zakat memainkan peranan dua hala, iaitu sebagai instrumen pengagihan kekayaan yang adil, di samping menyumbang kepada pembangunan manusia (*human development*) dalam kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

Matlamat utama pelaksanaan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) adalah untuk mengalihkan fokus penilaian pembangunan ekonomi daripada kerangka tradisional yang berasaskan ukuran perakaunan pendapatan negara – seperti laporan kewangan dan angka makroekonomi – kepada pendekatan yang lebih berpusatkan manusia dan masyarakat (Chakravarthi, 2011). Pendekatan ini lahir daripada kesedaran bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata tidak mencerminkan tahap kesejahteraan sebenar rakyat, khususnya dari segi kualiti hidup, akses terhadap pendidikan, kesihatan, serta peluang ekonomi yang adil.

Sebelum pengenalan IPM, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merupakan ukuran utama yang digunakan secara meluas sebagai penanda aras kejayaan pembangunan sesebuah negara. KDNK menilai prestasi keseluruhan ekonomi berdasarkan kepada jumlah penciptaan barangan dan perkhidmatan dalam tempoh tertentu. Ia dianggap sebagai standard global dalam menentukan tahap perkembangan ekonomi sesebuah negara serta menjadi rujukan bagi pembuat dasar dalam merangka strategi pembangunan (Bechtel & Bechtel, 2020). Namun, meskipun KDNK mampu menggambarkan kekuatan ekonomi, ia dikritik kerana tidak mengambil kira aspek kualiti hidup dan kesejahteraan sosial, seperti kesihatan awam, keadilan sosial, jurang pendapatan, serta tahap kebahagiaan rakyat. Seiring dengan kelemahan tersebut, muncul pula pengukuran alternatif seperti Indeks Kegembiraan (*Happiness Index*) yang cuba menilai tahap kebahagiaan individu dalam kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, indeks ini masih dianggap bersifat subjektif dan tidak sepenuhnya menggambarkan realiti sosioekonomi sesebuah negara (Rahim et al., 2022). Maka, keperluan terhadap satu bentuk ukuran yang lebih menyeluruh, objektif, dan mampu merangkumi pelbagai dimensi pembangunan menjadi semakin mendesak.

Sehubungan dengan itu, sejak awal tahun 1990-an, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah memperkenalkan IPM sebagai instrumen piawai global dalam menilai tahap pembangunan manusia di sesebuah negara (The Economic Times, 2023). IPM menekankan tiga dimensi utama, iaitu jangka hayat (kesihatan), pendidikan, dan pendapatan per kapita, yang secara kolektif menggambarkan tahap kualiti hidup masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek material, tetapi juga dimensi bukan material yang menyumbang kepada kesejahteraan individu dan masyarakat secara menyeluruh. Malaysia turut mengambil pendekatan ini dengan memperkenalkan versi nasional yang dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Penjenamaan semula ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyesuaikan kerangka IPM kepada konteks tempatan, dengan mengambil kira ciri-ciri sosioekonomi, budaya, serta keutamaan pembangunan negara. Justeru, IPRM bukan sahaja berfungsi sebagai alat pengukuran, malah juga sebagai panduan penting dalam merangka dasar awam, memastikan pembangunan negara lebih inklusif, seimbang, dan menekankan kesejahteraan rakyat secara holistik.

### **2.3.1 Hubungan Antara Hasil Kutipan Zakat dan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) di Malaysia**

Pelaksanaan zakat yang berkesan berupaya memberi impak positif yang signifikan terhadap kesejahteraan hidup umat Islam melalui mekanisme pengagihan kekayaan yang lebih adil dan seimbang. Hal ini secara langsung menyumbang kepada usaha pengurangan jurang kemiskinan serta peningkatan taraf hidup golongan *aṣṅāf*. Dari sudut pembangunan manusia, Indeks Pembangunan Manusia (IPM) telah diterima pakai sebagai ukuran sejagat yang menilai kualiti kehidupan berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu kesihatan, pendidikan, dan pendapatan. Oleh yang demikian, wujud hubungan yang erat antara kutipan serta agihan zakat dengan pencapaian indikator IPM. Ini kerana zakat berpotensi besar untuk menyokong akses kesihatan, memperluas peluang pendidikan, serta memperkukuh kedudukan ekonomi masyarakat, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

Dalam kerangka *Maqāṣid Al-Syarī'ah*, zakat bukan sahaja dilihat sebagai kewajipan ibadah yang bersifat spiritual, tetapi turut berperanan sebagai instrumen sosioekonomi yang menyokong pembangunan manusia secara holistik. Justeru, meneliti kaitan antara data kutipan dengan pencapaian IPM adalah suatu keperluan penting untuk memahami peranan zakat dalam konteks kontemporari, khususnya sebagai mekanisme yang menyokong keadilan sosial, kesejahteraan ummah, dan pembangunan berteraskan syariah. Bagi memperkukuh analisis ini, perbandingan hubungan antara hasil kutipan zakat dan IPM dibuat dengan mengklasifikasikan negeri-negeri di Malaysia (kecuali negeri Perlis) kepada tiga kategori utama, iaitu:

- i. Negeri dengan Kutipan Zakat Tertinggi serta Hubungannya dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)
- ii. Negeri dengan Kutipan Zakat yang Sederhana serta Hubungannya dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)
- iii. Negeri dengan Kutipan Zakat yang Rendah serta Hubungannya dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)

Pengelasan ini membolehkan analisis yang lebih sistematik dijalankan bagi menilai bagaimana tahap kutipan zakat mempengaruhi pencapaian IPM di setiap negeri. Dengan pendekatan ini, kajian bukan sahaja dapat mengenal pasti corak hubungan

antara zakat dan pembangunan manusia, tetapi juga menilai keberkesanan sistem zakat dalam menyokong agenda pembangunan negara.

### ***2.3.1.1 Negeri dengan Kutipan Zakat Tertinggi serta Hubungan dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)***

Berdasarkan kepada Jadual 2.2, lima buah negeri dengan hasil kutipan zakat tertinggi bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023 adalah negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah dan Kelantan. Negeri Selangor secara konsisten muncul sebagai penyumbang kutipan zakat tertinggi pada setiap tahun, dengan jumlah kutipan sebanyak RM855.1 juta pada tahun 2019 yang meningkat kepada RM1.118 bilion pada tahun 2023. Peningkatan lebih daripada 30 peratus dalam tempoh lima tahun ini mencerminkan bukan sahaja kekuatan asas ekonomi negeri Selangor yang berteraskan kepelbagaian sektor perindustrian, perdagangan, dan perkhidmatan, malah turut menggambarkan keberkesanan sistem pentadbiran zakat yang berstruktur dan berstrategi. Kejayaan ini turut memperlihatkan tahap kesedaran masyarakat Islam di negeri tersebut yang tinggi terhadap kewajipan berzakat serta keyakinan mereka terhadap institusi zakat sebagai medium pengagihan semula kekayaan yang telus dan berkesan.

Sementara itu, Wilayah Persekutuan juga menunjukkan tren peningkatan kutipan zakat yang stabil sepanjang tempoh kajian, dengan peningkatan daripada RM682.3 juta pada tahun 2019 kepada RM1.036 bilion pada tahun 2023. Lonjakan ini sebahagiannya boleh dikaitkan dengan ciri-ciri sosioekonomi penduduk di Wilayah Persekutuan, khususnya Kuala Lumpur, yang merupakan pusat kegiatan ekonomi negara dengan tumpuan kepada sektor kewangan, perdagangan antarabangsa, dan perkhidmatan moden. Kedua-dua negeri, iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan, mencatatkan nilai Indeks Pembangunan Manusia (IPM) yang tinggi, iaitu melebihi 0.8 sepanjang tempoh kajian. Hal ini memberikan petunjuk awal bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tahap kutipan zakat yang tinggi dengan pencapaian tahap pembangunan manusia yang lebih baik.

Sebaliknya, negeri Johor, Kedah, dan Kelantan memperlihatkan jumlah kutipan zakat yang lebih rendah berbanding dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan. Namun begitu, tren peningkatan kutipan zakat tetap dapat dilihat dalam tempoh lima tahun tersebut, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Keadaan ini mencerminkan

beberapa faktor yang berbeza, antaranya tahap pembangunan ekonomi yang tidak setara antara negeri, struktur pekerjaan masyarakat yang masih bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian, serta variasi dalam tahap kesedaran berzakat di kalangan penduduk. Dari sudut pencapaian pembangunan manusia, nilai IPM bagi negeri Johor, Kedah dan Kelantan berada pada paras sederhana iaitu sekitar 0.74 hingga 0.79. Nilai ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat peningkatan dalam jumlah kutipan zakat, masih terdapat jurang pembangunan yang nyata berbanding dengan negeri-negeri yang mencatatkan kutipan zakat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa negeri-negeri dengan kutipan zakat yang lebih tinggi cenderung mencatatkan pencapaian IPM yang lebih baik, sekali gus menegaskan potensi zakat bukan sahaja sebagai instrumen kewangan Islam tetapi juga sebagai mekanisme pembangunan masyarakat yang bersifat inklusif dan berterusan. Hal ini sejajar dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan aspek pemeliharaan kesejahteraan masyarakat melalui pengagihan semula kekayaan yang adil dan saksama. Dalam konteks kajian ini, bukti empirikal yang diperoleh mengukuhkan lagi hipotesis bahawa kutipan dan agihan zakat yang efektif mampu berfungsi sebagai instrumen penting dalam menyokong agenda pembangunan manusia di 5 buah negeri tersebut, serta berperanan sebagai pelengkap kepada dasar-dasar pembangunan negara yang sedia ada.

Jadual 2.2  
5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Tertinggi Bagi Tempoh 5 Tahun

	2019		2020		2021		2022		2023	
	Hasil Zakat (juta)	IPM	Hasil Zakat (juta)	IPM	Hasil Zakat (juta)	IPM	Hasil Zakat (juta)	IPM	Hasil Zakat (juta)	IPM
<b>Selangor</b>	855138	0.841	912957	0.851	992912	0.810	1067856	0.841	1118914	0.837
<b>Wilayah Persekutuan</b>	682277	0.865	756005	0.862	821740	0.861	928303	0.864	1035822	0.867
<b>Johor</b>	311727	0.792	300856	0.782	323033	0.787	367656	0.793	388015	0.796
<b>Kedah</b>	207214	0.761	228109	0.755	242189	0.770	252042	0.771	277056	0.770
<b>Kelantan</b>	196659	0.739	202645	0.742	209988	0.750	228986	0.753	256846	0.755

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025

### ***2.3.1.2 Negeri dengan Kutipan Zakat yang Sederhana serta Hubungan dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)***

Jadual 2.3 memperlihatkan tren kutipan zakat bagi lima buah negeri yang berada dalam kategori kutipan zakat sederhana, iaitu negeri Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Pahang dan Negeri Sembilan, bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023. Negeri-negeri ini merekodkan jumlah kutipan tahunan dalam lingkungan RM120 juta hingga RM255 juta, yang secara relatifnya lebih rendah berbanding dengan lima negeri utama dalam Jadual 2.2 yang mencatatkan kutipan melebihi RM300 juta. Walau bagaimanapun, meskipun jumlah kutipan zakat di negeri-negeri ini berada pada tahap sederhana, analisis menunjukkan wujud perkembangan positif yang konsisten dalam aspek kutipan zakat dan tahap pembangunan manusia.

Sebagai contoh, negeri Terengganu mencatatkan peningkatan kutipan zakat yang ketara daripada RM178.7 juta pada tahun 2019 kepada RM255.3 juta pada tahun 2023, iaitu peningkatan hampir 43 peratus dalam tempoh lima tahun. Prestasi ini secara tidak langsung mencerminkan peningkatan kesedaran umat Islam di negeri tersebut terhadap kewajipan zakat, di samping keberkesanan pentadbiran institusi zakat negeri dalam memperluaskan saluran pembayaran zakat. Walaupun peningkatan kutipan zakat adalah memberangsangkan, nilai Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi negeri Terengganu kekal stabil sekitar 0.78, yang hanya menunjukkan sedikit penambahbaikan dalam pembangunan rakyat. Keadaan ini mengisyaratkan bahawa walaupun zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi, faktor-faktor lain seperti struktur ekonomi berasaskan minyak dan gas, tahap peluang pekerjaan, serta mobiliti sosial turut memberi kesan terhadap pencapaian pembangunan manusia di negeri tersebut.

Bagi negeri Pulau Pinang pula, analisis memperlihatkan fenomena yang menarik apabila negeri ini merekodkan nilai IPM tertinggi dalam kalangan lima negeri kategori sederhana, iaitu meningkat daripada 0.829 pada tahun 2019 kepada 0.839 pada tahun 2023, meskipun jumlah kutipan zakatnya adalah antara yang paling rendah berbanding negeri lain dalam kumpulan ini. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pembangunan rakyat di Pulau Pinang banyak dipengaruhi oleh faktor selain zakat, termasuklah struktur ekonomi berasaskan industri berteknologi tinggi, kepelbagaian peluang pekerjaan dalam sektor antarabangsa, serta akses masyarakat kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang lebih berkualiti. Keadaan ini memperlihatkan bahawa

keberkesanan zakat sebagai instrumen pembangunan manusia perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas, dengan mempertimbangkan interaksi zakat bersama faktor makroekonomi lain.

Seterusnya, Negeri Sembilan turut menunjukkan prestasi pembangunan yang positif apabila nilai IPM meningkat daripada 0.805 kepada 0.820, selari dengan kenaikan kutipan zakat sepanjang tempoh lima tahun tersebut. Pola ini memperlihatkan wujudnya korelasi positif antara kutipan zakat dan pembangunan rakyat, sekali gus menandakan bahawa zakat berperanan sebagai salah satu mekanisme sokongan terhadap usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Negeri Pahang dan Perak juga menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten, baik dari segi kutipan zakat mahupun nilai IPM, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Analisis ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa kutipan zakat yang stabil mampu menyumbang kepada pembangunan manusia, meskipun impaknya mungkin tidak secepat atau setara dengan negeri-negeri yang merekodkan kutipan zakat lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa negeri-negeri dengan kutipan zakat sederhana masih kekal menunjukkan perkembangan positif dalam aspek pembangunan rakyat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding negeri-negeri berkategori tinggi. Hubungan antara kutipan zakat dan nilai IPM dalam kumpulan ini kelihatan wujud secara sederhana dan tidak sepadu seperti negeri yang mencatatkan kutipan tinggi. Walau bagaimanapun, hubungan ini tetap signifikan untuk difahami kerana ia memperlihatkan bahawa zakat mempunyai peranan sokongan dalam memacu pembangunan manusia, walaupun faktor-faktor lain seperti struktur ekonomi, kadar urbanisasi, tahap pendidikan, dan kualiti tadbir urus turut memainkan peranan yang penting. Justeru, analisis ini mengesahkan bahawa keberkesanan zakat sebagai instrumen pembangunan perlu dinilai dalam konteks yang holistik, iaitu bukan sahaja berdasarkan jumlah kutipan, tetapi juga keberkesanan agihan, tahap integrasi dengan dasar pembangunan negeri, serta keberhasilan dalam memenuhi dimensi *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

Jadual 2.3  
5 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Sederhana Bagi Tempoh 5 Tahun

	2019		2020		2021		2022		2023	
	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM
<b>Terengganu</b>	178655	0.781	185406	0.773	205291	0.784	228036	0.787	255275	0.782
<b>Perak</b>	207187	0.781	194853	0.781	183438	0.789	225058	0.790	227801	0.790
<b>P. Pinang</b>	121483	0.829	125297	0.826	147247	0.830	150145	0.830	159704	0.839
<b>Pahang</b>	174504	0.783	165260	0.785	186734	0.796	214387	0.803	223816	0.801
<b>N. Sembilan</b>	136583	0.805	139520	0.797	147553	0.808	152067	0.817	151856	0.820

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia

### ***2.3.1.3 Negeri dengan Kutipan Zakat yang Rendah serta Hubungan dengan Pencapaian Indeks Pembangunan Manusia (IPM)***

Jadual 2.4 memperincikan hasil kutipan zakat tahunan serta nilai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) bagi tiga buah negeri yang merekodkan kutipan zakat terendah dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2019 hingga 2023, iaitu Sabah, Sarawak dan Melaka. Walaupun ketiga-tiga negeri ini menunjukkan tren peningkatan kutipan zakat secara konsisten dari tahun ke tahun, jumlah keseluruhannya masih jauh lebih rendah berbanding negeri-negeri lain yang mencatatkan kutipan tinggi dan sederhana. Fenomena ini memberikan gambaran bahawa faktor kutipan zakat di sesebuah negeri sangat dipengaruhi oleh struktur ekonomi, tahap urbanisasi, kepadatan penduduk, serta tahap kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat itu sendiri.

Sabah, sebagai negeri yang mencatatkan kutipan zakat paling rendah, memperlihatkan peningkatan kutipan daripada RM88,998 juta pada tahun 2019 kepada RM145,302 juta pada tahun 2023. Walaupun kadar peningkatan ini mencecah lebih daripada 63 peratus dalam tempoh lima tahun, nilai IPM Sabah kekal rendah iaitu sekitar 0.750 hingga 0.766. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan kutipan zakat semata-mata masih belum cukup untuk memberi impak yang signifikan terhadap pencapaian pembangunan rakyat di negeri tersebut. Faktor-faktor seperti kepelbagaian demografi, tahap kemiskinan yang relatif tinggi, serta jurang pembangunan wilayah antara bandar dan luar bandar di Sabah berkemungkinan besar menjadi penyumbang utama kepada keterbatasan kesan kutipan zakat terhadap peningkatan IPM. Justeru, isu ini menuntut perhatian terhadap keberkesanan mekanisme pengagihan zakat, serta sejauh mana ia mampu menampung keperluan asas golongan *aṣṅāf* dalam konteks pembangunan menyeluruh.

Bagi Sarawak pula, kutipan zakat memperlihatkan peningkatan sederhana daripada RM105,964 juta pada tahun 2019 kepada RM141,564 juta pada tahun 2023. Namun, apa yang lebih menarik ialah nilai IPM Sarawak menunjukkan konsistensi pada tahap melebihi 0.8, sekaligus menandakan tahap pembangunan rakyat yang baik meskipun jumlah kutipan zakatnya berada pada paras rendah. Fenomena ini mencadangkan bahawa pembangunan rakyat di Sarawak mungkin lebih banyak dipengaruhi oleh faktor luar selain zakat, seperti kekayaan sumber asli, peranan kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas, dan keberkesanan dasar pembangunan negeri. Oleh itu, zakat dalam konteks Sarawak berfungsi sebagai salah satu instrumen

pelengkap kepada pembangunan, tetapi bukan satu-satunya pemacu utama. Analisis ini memperlihatkan bahawa kewujudan sumber ekonomi alternatif yang kukuh boleh mengimbangi keterbatasan kutipan zakat dalam memacu pembangunan rakyat.

Seterusnya, negeri Melaka walaupun turut berada dalam kategori kutipan zakat terendah, memperlihatkan pencapaian yang agak unik berbanding Sabah dan Sarawak. Kutipan zakat negeri ini meningkat daripada RM98,838 juta pada tahun 2019 kepada RM128,376 juta pada tahun 2023, manakala nilai IPM kekal pada tahap yang tinggi, iaitu daripada 0.821 kepada 0.822 sepanjang tempoh lima tahun. Keadaan ini menggambarkan bahawa meskipun jumlah kutipan zakat adalah rendah, tahap pembangunan rakyat di Melaka masih berada pada kedudukan yang stabil. Hal ini boleh dijelaskan melalui kemungkinan adanya mekanisme agihan zakat yang lebih efisien, struktur ekonomi negeri yang lebih berorientasikan industri dan perkhidmatan, serta peranan infrastruktur sosial yang mantap dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Maka, kes Melaka menjadi bukti bahawa keberkesanan pembangunan tidak hanya bergantung kepada jumlah kutipan zakat semata-mata, tetapi juga kepada keberkesanan pengurusan serta sokongan dasar pembangunan lain.

Secara keseluruhannya, dapatan dalam kumpulan negeri yang merekodkan kutipan zakat rendah ini menunjukkan bahawa terdapat kerumitan dalam hubungan antara kutipan zakat dan pencapaian IPM. Peningkatan kutipan zakat tidak semestinya membawa kepada peningkatan nilai IPM, kerana faktor luaran lain seperti struktur ekonomi, dasar kerajaan, infrastruktur sosial, serta tahap kesedaran masyarakat turut memainkan peranan penting dalam membentuk kesejahteraan rakyat. Namun demikian, kutipan zakat tetap relevan sebagai salah satu mekanisme pengagihan semula kekayaan yang adil dan strategik. Dalam konteks pembangunan sosioekonomi, zakat berfungsi sebagai pelengkap kepada dasar pembangunan negara, terutamanya di negeri-negeri yang berdepan dengan cabaran kemiskinan, ketidakseimbangan wilayah, serta akses yang terhad kepada peluang ekonomi. Justeru, analisis ini memperkukuh hujah bahawa zakat bukan sekadar instrumen ibadah, tetapi juga instrumen ekonomi dan sosial yang mempunyai potensi besar dalam meningkatkan pembangunan manusia selari dengan *Maqāsid al-Syarī'ah*.

Jadual 2.4  
3 Negeri Dengan Hasil Kutipan Zakat Yang Rendah Bagi Tempoh 5 Tahun

	2019		2020		2021		2022		2023	
	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM	Hasil Zakat (Juta)	IPRM
Sabah	88998	0.750	101788	0.755	122459	0.768	133427	0.772	145302	0.766
Sarawak	105964	0.801	110375	0.799	114725	0.814	116391	0.825	141564	0.813
Melaka	98838	0.821	100721	0.805	106077	0.813	116888	0.811	128376	0.822

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat & Haji; Majlis Agama Islam Negeri; dan Jabatan Perangkaan Malaysia

### 2.3.2 Jurang Kajian

Dapatan kajian zakat terdahulu banyak menumpukan kepada perbahasan hukum-hakam, prestasi kutipan dan agihan zakat, impak agihan zakat terhadap *aṣnāf* serta kajian terhadap ekonomi zakat. Perbahasan daripada sudut hukum banyak dirungkai dan dibahaskan berkaitan dengan perbahasan *fiqh* zakat serta hukum-hakam terhadap bentuk agihan kepada kategori *aṣnāf* yang telah ditetapkan oleh *syara'*. Manakala daripada perspektif kutipan dan agihan zakat, banyak kajian menumpukan kepada sudut promosi, gelagat pembayar zakat dan kaedah penentuan terhadap had kifayah berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa. Manakala kaedah penilaian bagi penerima zakat, banyak kajian dijalankan dengan melihat kepada kategori *aṣnāf* yang ditetapkan serta bentuk bimbingan yang perlu dilaksanakan ke atas penerima zakat. Namun demikian, penelitian jurang kajian berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu pada sudut pusat kutipan zakat itu sendiri di mana tumpuan kajian dalam ekonomi zakat banyak menyentuh kepada aspek pertumbuhan hasil kutipan zakat serta impak terhadap pembangunan ekonomi masyarakat khususnya para golongan *aṣnāf*.

Indeks Pembangunan Manusia (IPM) merupakan indikator penerang kepada keadaan sesebuah negara dan wilayah berdasarkan kepada hasil pencapaian pembangunan manusia. Di Malaysia umumnya dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). IPRM yang dibangunkan adalah untuk mengukur tahap pembangunan manusia meliputi tiga dimensi utama iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat dengan merujuk kepada indeks jangkaan hayat; akses kepada pengetahuan iaitu berdasarkan kepada jangkaan persekolahan dan purata tahun persekolahan; dan taraf hidup yang baik iaitu Keluaran Negara Kasar (KNK) perkapita (Jabatan Perangkaan Negara, 2023). Inovasi dalam agihan zakat juga adalah penting demi memenuhi *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan seterusnya kualiti hidup fakir dan miskin dapat dipertingkatkan (Akmal et al., 2020).

Dalam konteks pembangunan manusia yang berteraskan kepada dimensi kesihatan, ianya merupakan salah satu komponen utama yang menyumbang kepada kualiti hidup masyarakat. Seiring dengan matlamat *Maqāṣid al-Sharī'ah*, khususnya dalam memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), agihan zakat kepada keperluan kesihatan *aṣnāf* memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat berpendapatan rendah. Keberkesanan agihan zakat terhadap dimensi kesihatan, sama ada melalui bantuan kewangan perubatan, sokongan rawatan penyakit kronik, mahupun

pembangunan infrastruktur kesihatan. Menurut Becker (1964), pelaburan terhadap modal manusia turut merangkumi perbelanjaan terhadap pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa manusia tidak dapat dipisahkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kesihatan kerana elemen-elemen tersebut merupakan kunci bagi sesebuah organisasi dan hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti di samping memiliki kelebihan untuk bersaing.

Manakala dimensi pendidikan adalah antara sektor utama yang diberi perhatian dalam agihan zakat, khususnya bagi memastikan kesinambungan pembangunan sosioekonomi dalam kalangan kumpulan sasar. Kajian empirikal memainkan peranan penting dalam menilai keberkesanan agihan zakat dalam mempertingkatkan tahap pendidikan golongan *ashnaf*. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Nurzaman (2017) ke atas negara Malaysia dan Indonesia telah mendapati bahawa perbelanjaan zakat dalam sektor pendidikan mampu mengurangkan halangan akses kepada persekolahan secara signifikan. Inisiatif seperti pemberian biasiswa, penyediaan buku teks percuma serta pelbagai bentuk bantuan pendidikan lain telah menyumbang kepada peningkatan kadar enrolmen sekolah dan seterusnya memperkukuh pembentukan modal insan. Dana zakat berperanan sebagai sumber sokongan penting dalam bidang pendidikan, yang merupakan teras utama kepada pembentukan modal insan. Melalui penyediaan biasiswa, bantuan kewangan bagi yuran persekolahan, serta kemudahan bahan pembelajaran, zakat membantu memastikan bahawa kekangan kewangan tidak menjadi penghalang kepada perkembangan intelektual dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. Selain itu, zakat turut menyokong pelaksanaan program latihan vokasional dan pembangunan kemahiran, yang membekalkan individu dengan kepakaran praktikal untuk melayakkan mereka memasuki pasaran pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri. Secara langsung, pelaburan ini menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dan keupayaan tenaga kerja negara (Yusuff, 2010). Ini membuktikan bahawa sokongan kewangan langsung meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran dan memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar *ashnaf*.

Sebilangan besar kajian berkaitan dengan ekonomi zakat juga telah dijalankan di negara-negara Islam lain dengan skop kajian yang lebih meluas dan kaedah metodologi kajian yang lebih mendalam. Beberapa contoh kajian telah dijalankan oleh Kadri et al. (2012); Mahat and Warokka (2013); Al Azizah & Choirin (2018); Suprayatino (2019) dan Khasandy & Rudy (2019) yang lebih memfokuskan kepada hubungan zakat dan ekonomi serta bukti empirikal terhadap agihan zakat di peringkat

mikro. Walau bagaimanapun, majoriti kajian di atas hanya menganalisis dalam perspektif pendapatan, tanpa menganalisis lebih lanjut kesan zakat terhadap indikator sosial lain seperti pendidikan dan kesihatan. Beberapa kajian lain juga turut membahaskan teori keberkesanan kutipan dan agihan Zakat. Namun demikian, bukti empirikal kajian tidak dibahaskan berdasarkan impak zakat terhadap pembangunan masyarakat (Ayasrah, 2012; Meerangani (2019); Rahim et al., 2022; Hasbi et al. (2023) dan Zidan et al. (2024)). Menurut Sharofiddin et al. (2019) telah mendapati sistem agihan zakat semasa di Selangor kurang berkesan terhadap peningkatan pendapatan golongan miskin. Ini menunjukkan dana zakat yang diperoleh hanya sekadar memenuhi tingkat perbelanjaan dalam pembelian barangan keperluan asas hidup. Bahkan berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Kadri et al. (2012), tingkat kecenderungan mengguna sut (MPC) dalam kalangan golongan fakir dan miskin adalah tinggi dan ini menunjukkan bahawa hasil pendapatan yang mereka peroleh mahupun daripada dana zakat bukan untuk tujuan tabungan tetapi adalah untuk perbelanjaan dalam pembelian barangan keperluan harian dan ini yang dimaksudkan dengan kecenderungan mengguna sut (MPC) yang tinggi. Oleh yang demikian, pengaruh zakat terhadap IPM memberi kesan yang positif dan signifikan serta mampu meningkatkan kesejahteraan hidup manusia meskipun ianya tidak meningkatkan hasil pendapatan bagi golongan fakir dan miskin.

Namun demikian, hanya terdapat sebilangan kecil saja kajian yang memberi tumpuan kepada negara Malaysia yang melibatkan kepada kajian empirik untuk melihat keberkesanan zakat terhadap IPM. Bahkan batasan kajian yang dijalankan juga hanya menggunakan data yang lama bagi tempoh masa kajian adalah daripada tahun 1980 sehingga tahun 2009 (Suprayitno et al., 2017). Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ke atas lima buah negeri di Malaysia iaitu Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu telah menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif terhadap IPM bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Turut menjadi persoalan dalam kajian ini juga adalah berkaitan dengan keabsahan data yang diperoleh di mana data IPM mula dikeluarkan pada tahun 1990 (UNDP, 1990) dan data yang telah digunakan dalam kajian pula adalah bermula pada tahun 1980. Malahan data zakat juga masih lagi belum direkodkan dengan keadaan yang baik dan tersusun (Paizin & Sarif, 2021). Selain daripada itu juga, kajian ini hanya melibatkan lima buah negeri terpilih sahaja yang terdiri daripada negeri Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu dan bukannya melibatkan kepada seluruh negeri di Malaysia (Suprayitno et al., 2017).

Berbeda dengan kajian yang dibuat daripada negara-negara Islam yang lain dan kebanyakan merujuk kepada kajian-kajian yang terbaru (Nurzaman, 2011; Nurzaman, 2017; Akmal et al., 2020; Rusanti et al., 2023 dan Wahyudi et al., 2024).

Kajian-kajian terdahulu telah menekankan peranan zakat dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan. Namun begitu, terdapat beberapa jurang kritikal dalam bidang ini, terutamanya apabila dikaitkan secara langsung dengan komponen IPM (pendidikan, kesihatan, dan pendapatan). Kurangnya kajian yang komprehensif dalam mengintegrasikan tiga dimensi IPM sekaligus. Sebahagian besar kajian hanya menumpukan satu dimensi sahaja sebagai contoh zakat dan pendidikan, zakat dan kesihatan atau zakat dan pendapatan. Kajian yang menyepadukan ketiga-tiga indikator IPM secara serentak dalam satu model empirik masih terhad (Yumna & Clarke, 2015). Meskipun terdapat kajian yang mengkaji hubungan zakat dengan IPM, namun kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada negara Indonesia sahaja (Suprayatino, 2020; Akmal et al., 2020; Wardani & Arif, 2021; Rusanti et al., 2023; Lestari & Arumi, 2024). Manakala bagi Malaysia hanya melibatkan sebilangan kecil negeri terpilih sahaja dan tidak melibatkan keseluruhan negeri di Malaysia (Suprayatino et al., 2017). Selain daripada itu juga, kajian-kajian terdahulu juga hanya menggunakan pendekatan deskriptif atau korelasi ringkas, tanpa menggunakan model statistik lanjutan seperti regresi panel data, SEM, atau *instrument variable models* untuk membuktikan hubungan kausal antara zakat dan IPM (Wahab & Rahman, 2012; Aziz et al., 2013). Kajian ilmiah yang menghubungkan data zakat (kutipan dan agihan) kepada perubahan IPM atau komponennya (secara tahunan atau mengikut negeri) menggunakan kaedah panel data, kesan tetap / kesan rawak, atau model regresi kuantil (QR), masih sangat terhad di Malaysia.

### **2.3.3 Adaptasi Teori Pembangunan Manusia Sebagai Pengukuran Kepada Ekonomi Zakat**

Teori pembangunan merupakan teori utama dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin sains sosial. Teori ini berkembang pada aspek pembangunan dan lebih khusus kepada aspek pembangunan ekonomi atau pertumbuhan ekonomi. Istilah "pembangunan" ditakrifkan sebagai proses yang menyebabkan sesuatu berkembang, matang, matang, lebih maju, atau lebih teratur (Oxford Dictionary, 1989). Pembangunan ekonomi adalah merujuk kepada proses penduduk sesebuah negara atau

wilayah menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan perkapita secara berterusan (Mannan, 1993). Manakala merujuk kepada Meier & Rauch, 2000, pembangunan ekonomi adalah proses perubahan struktur ekonomi, sosial serta institusi yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi untuk tempoh jangka masa panjang dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Pembangunan ekonomi yang baik adalah dengan peningkatan pendapatan perkapita, pengurangan kadar kemiskinan, penambahbaikan infrastruktur, dan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi (Meier & Rauch, 2000; Rahim et al., 2021). Pembangunan ekonomi bukan hanya tertumpu kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kesejahteraan sosial seperti kesihatan, pendidikan, keadilan sosial, dan kelestarian alam sekitar (Sachs, 2005; Eren & Kaynak, 2017).

“Pembangunan” dan “pertumbuhan” merupakan istilah yang sinonim dalam perbahasan ekonomi. Tetapi kedua-dua istilah yang wujud ini telah memberi maksud yang berbeza di mana pembangunan ekonomi melihat kepada dua aspek utama iaitu pengeluaran dan perubahan teknikal, manakala pertumbuhan ekonomi pula lebih merujuk kepada aspek pengeluaran. Perubahan teknikal yang ditekankan adalah penyusunan semula institusi dalam penghasilan dan agihan produk. Pertumbuhan yang baik pula bukan hanya melihat kepada peningkatan dalam pengeluaran semata-mata, tetapi turut memfokuskan kepada kecekapan dalam pengeluaran (Kindleberger & Herrick, 1977). Pembangunan manusia adalah konsep yang memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan serta potensi individu dalam pelbagai dimensi kehidupan, termasuk kesihatan, pendidikan dan juga taraf hidup. Konsep ini telah diperluaskan oleh Sen (1999) melalui pendekatan “*capability approach*” yang menumpukan kepada aspek kebebasan individu untuk menjalani kehidupan yang bernilai. Malah, menurut Anand & Sen (2000), ketidaksamarataan pendapatan perlu diberi perhatian dalam pengukuran pembangunan, kerana pengagihan sumber yang adil memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan manusia. Dalam konteks global, Indeks Pembangunan Manusia (IPM) telah diperkenalkan oleh UNDP (1990; 2023) dan kini telah menjadi indikator utama dalam menilai prestasi pembangunan sesebuah negara.


Pertumbuhan dan pembangunan adalah dua konsep yang saling berkaitan antara satu sama lain di mana pertumbuhan lebih menekankan kepada aspek kuantiti yang menjadi syarat utama kepada pembangunan dan pembangunan pula lebih tertumpu kepada aspek kualiti. Bagi sesebuah negara, pertumbuhan ekonomi adalah amat

diperlukan di mana dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dapat membantu negara untuk mengatasi masalah kemiskinan serta pengangguran (Dan, 2000). Konsep pembangunan ekonomi Islam adalah jauh lebih luas daripada konsep pembangunan dalam ekonomi konvensional. Hal ini adalah kerana asas pembangunan dalam Islam adalah terbina daripada pelbagai bentuk dimensi yang terdiri daripada dimensi moral, sosial, politik dan ekonomi. Manakala pembangunan moral dan spiritual merupakan asas utama dalam aspek pembangunan ekonomi sejak dari mula lagi dan ianya merujuk kepada konsep "*Tazkiyah al-nafs*" (Mannan, 1993). Pengertian pembangunan pada dasarnya bergantung pada paradigma sesuatu tempat ianya digunakan, baik sebagai ilmu pengetahuan mahupun sebagai dasar pelaksanaan. Perbezaan unsur utama ini memberi implikasi sistematik terhadap aspek derivatif ekonomi seperti rujukan, subjek, objek, objektif, prosedur, dan strategi dalam melaksanakannya (Abdul Rahim et al., 2022). Perkara yang sama juga turut dijelaskan oleh Chapra (2000) bahawa sistem ekonomi pada asasnya ditentukan oleh pandangan dunia dalam menangani persoalan bagaimana alam semesta muncul, makna dan tujuan hidup manusia, pemilikan dan tujuan yang terhad. sumber yang ada manusia miliki, dan hubungan manusia antara satu sama lain (melibatkan hak dan kewajipan) dan persekitaran manusia.

Pembangunan ekonomi berdasarkan kepada persepektif Islam bukan hanya melihat kepada aspek material semata-mata bahkan aspek kerohanian dan moral merupakan agenda utama dalam pembangunan ekonomi dan ianya adalah merujuk kepada "*al-takāful*" dan "*taḍāmun*" ataupun jaminan sosial bersama dalam Islam (Mannan, 1993). Dengan tingkat keimanan yang tinggi dalam agama Islam telah mendorong seseorang itu untuk terus berusaha dalam bekerja dan secara tidak langsung mempengaruhi gelagat sebenar bagi umat Islam untuk terus berkerja dan berusaha. Kekayaan ekonomi juga dapat diransang dan seterusnya dapat mempercepatkan aktiviti pembangunan ekonomi. Dari aspek pembayaran zakat, pinjaman kebajikan dan bantuan secara sukarela mahupun dipaksa dalam kalangan keluarga dan masyarakat membawa faedah daripada dua aspek. Hal ini bukan hanya memberikan faedah kebendaan terhadap penerima semata-mata, tetapi ianya juga turut memberikan faedah kepada pemberi iaitu dari sudut aspek moral dan sosial.


Seterusnya pendekatan dalam aspek pembangunan berdasarkan kepada teori ekonomi kapitalis telah melalui beberapa fasa peralihan. Sebelum pelaksanaan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahun 1990, paradigma pembangunan yang berlaku pada masa itu berorientasikan aspek pengeluaran (1960), kemudian pada tahun 70-an ia

berorientasikan kepada pengagihan hasil pembangunan dan pada tahun 80-an pembangunan ditekankan kepada penggunaan keperluan asas sehingga kemuncak pembangunan 90-an berorientasikan kualiti sumber manusia. Pembangunan manusia merupakan salah satu konsep untuk mengukur pembangunan di sesebuah negara atau wilayah. Konsepnya lebih kepada aspek pembangunan manusia sebagai subjek pembangunan. Andaian yang dikemukakan dalam konsep ini ialah pembangunan sumber manusia yang berkualiti adalah jauh lebih penting dan lebih memberi impak positif daripada sekadar menjadikan manusia sebagai objek pembangunan (Ul-Haq, 1995). Namun demikian, tumpuan kepada aspek pembangunan kontemporari pada masa kini adalah inisiatif dalam pembentukan model pembangunan manusia dengan penekanan terhadap aspek perkembangan pilihan insan dan mengiktiraf pada kawasan yang terjejas dalam mengecapi tingkat pembangunan manusia. Pengukuran pembangunan bukan hanya dilihat kepada pengembangan harta dan kekayaan yang dimiliki oleh masyarakat, tetapi ianya turut dilihat daripada aspek perkembangan insan dalam membuat pilihan (Mohammed Ayasrah, 2012). Indeks IPM dibangunkan oleh Ul Haq, M. (1995) dan kemudiannya digunakan sebagai alat pengukur kepada tahap pembangunan sesebuah negara di bawah pemantauan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (UNDP) sejak tahun 1990 (The Economic Times, 2023). IPM adalah ukuran ringkas kepada pembangunan manusia dan pengukuran dibuat berdasarkan kepada pencapaian purata dalam negara (UNDP, 2011). Manakala di Malaysia, ianya dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) yang meliputi tiga dimensi utama dalam IPM iaitu (Jabatan Perangkaan Negara (DOSM), 2023):



Rajah 2.17 Dimensi Indeks Pembangunan Manusia (IPM)

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 2023



Rajah 2.18 Dimensi, Indikator & Indeks Dimensi IPRM / IPM

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 2023

Berdasarkan Rajah 2.17 dan 2.18, IPM mempunyai komponen dan dimensi serta penunjuk yang boleh diukur. Tambahan pula, pengiraan indeks pembangunan manusia dijalankan dengan purata geometri tiga dimensi (pendidikan, kesihatan, dan perbelanjaan). Berdasarkan kepada laporan UNDP (2024), UNDP mula menggunakan kaedah baru untuk mengira IPM. Berikut adalah kaedah pengiraan indek bagi tiga indeks dimensi yang telah digunakan:

1. Indeks Jangkaan Hayat (IJH):

IJH adalah sama dengan 1 apabila jangka hayat semasa kelahiran ialah 85 tahun, dan 0 apabila jangka hayat semasa kelahiran ialah 20 tahun.

$$\text{Jangkaan Hayat (IJH)} = (JH - 20)/(85 - 20) = (JH - 20)/65 \quad (2.1)$$

2. Indeks Pendidikan:

$$\text{Purata Indeks Tahun Persekolahan (PITP)} = PITP/15 \quad (2.2)$$

\* 15 adalah unjuran maksimum penunjuk bagi 2025

$$\text{Indeks Jangkaan Tahun Persekolahan (IJTP)} = IJTP/18 \quad (2.3)$$

\* 18 adalah untuk mencapai ijazah sarjana bagi kebanyakan negara


$$\text{Indeks Pendidikan} = (PITP + IJTP)/2 \quad (2.4)$$

3. Indeks Perbelanjaan merujuk kepada PNK:

$$\begin{aligned} \text{Indeks Perbelanjaan} &= (\ln(KNK) - \ln(100)) / (\ln(75,000) - \ln(100)) = (\ln(KNK) - \ln(100)) / (\ln(750)) \end{aligned} \quad (2.5)$$

Akhir sekali, IPM ialah min geometri bagi tiga indeks dimensi di atas dan persamaan di bawah adalah menunjukkan purata geometri bagi IPM:

$$\sqrt[3]{(\text{Kesihatan} \times \text{Pendidikan} \times \text{Perbelanjaan})} \quad (2.6)$$



Rajah 2.19: Skala Indeks Pembangunan Manusia (IPM)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Berdasarkan Rajah 2.19, Indeks Pembangunan Manusia (IPM) menggunakan skala 0 hingga 1, di mana 0 mewakili tahap pembangunan manusia yang terendah manakala 1 mencerminkan tahap pembangunan manusia yang tertinggi. Menurut Jabatan Perangkaan Negara (2023), nilai IPM dapat dikategorikan kepada tiga tahap utama:

1. **IPM rendah** – Berada dalam julat 0.00 hingga 0.50, menunjukkan tahap pembangunan manusia yang masih berada pada paras minima, termasuk akses terhad kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang ekonomi.
2. **IPM sederhana** – Berada dalam julat 0.51 hingga 0.79, mencerminkan tahap pembangunan manusia yang sederhana di mana terdapat penambahbaikan dalam aspek asas kehidupan, tetapi masih wujud ruang untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat.
3. **IPM tinggi** – Berada dalam julat 0.80 hingga 1.00, menunjukkan tahap pembangunan manusia yang maju dengan pencapaian yang signifikan

dalam pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup ekonomi, seterusnya menandakan kesejahteraan rakyat yang lebih holistik dan stabil.

Kategori-kategori ini membolehkan analisis pembangunan manusia di peringkat negeri atau nasional dijalankan secara lebih sistematik, serta menjadi asas bagi menilai keberkesanan instrumen ekonomi dan sosial seperti zakat dalam menyokong peningkatan pembangunan manusia.


Kerangka teori kajian yang dibangunkan dalam kajian ini, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.20, bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis beberapa elemen utama yang menjadi asas kepada pembangunan manusia di Malaysia melalui hasil perolehan kutipan zakat. Kerangka teori ini berasaskan kepada tiga dimensi pembangunan manusia yang kritikal (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023), iaitu:

1. **Akses kepada pengetahuan** – merangkumi peluang pendidikan formal dan tidak formal yang memberi kesan kepada kemampuan individu untuk meningkatkan kemahiran dan daya saing.
2. **Tahap kesihatan** – melibatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, serta kesejahteraan fizikal dan mental yang menyokong produktiviti dan kualiti hidup.
3. **Taraf hidup yang baik** – merangkumi aspek ekonomi dan sosio-budaya yang membolehkan individu menikmati kehidupan yang selesa, sejahtera, dan stabil.

Dalam kerangka ini, hasil kutipan zakat dimasukkan sebagai pembolehubah penerang (*explanatory variable*) yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan Indeks Pembangunan Manusia (IPM). Keempat-empat elemen ini digabungkan sebagai penggerak utama pembangunan manusia, di mana kesan pengganda (*multiplier effect*) daripada pengagihan zakat yang berkesan dijangka mampu meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Berdasarkan andaian ini, kajian ini menumpukan kepada analisis keberkesanan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tahap pembangunan manusia sepanjang tempoh 19 tahun, iaitu dari 2005 hingga 2023. Model pembangunan manusia yang diasaskan oleh Ul Haq, M. (1995) telah dijadikan asas teori dalam kajian ini, dengan

tujuan untuk menilai sejauh mana hasil kutipan zakat menyumbang kepada pencapaian dimensi pembangunan manusia. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai kesan zakat bukan sahaja sebagai ibadah individu tetapi juga sebagai instrumen pembangunan sosial-ekonomi yang strategik, sejajar dengan objektif *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam meningkatkan kesejahteraan umat.



Rajah 2.20: Kerangka Teori Pembangunan Manusia

## PEMBOLEHUBAH BERSANDAR

### PEMBANGUNAN MANUSIA

1. Pembangunan manusia merupakan salah satu konsep untuk mengukur pembangunan bagi sesebuah negara atau wilayah. Konsep yang ditekankan dalam pembangunan ini adalah merujuk kepada pembangunan manusia yang menjadi subjek kepada pembangunan (Ul Haq, M., 1995; Suprayitno et al., 2017; Nurzaman, 2017; Rahim et al., 2020).
2. Pembangunan sumber manusia yang berkualiti adalah lebih penting dan memberi impak yang positif daripada menjadikan manusia sebagai objek pembangunan semata-mata (Ul Haq, M., 1995).

## PEMBOLEHUBAH TIDAK BERSANDAR

1. Hasil Kutipan Zakat ( $Z_{n-t}$ )
  - Wahab & Rahman, 2011; Muhsin & Suhaili, 2016; Haron & Rahman, 2016; Hasan et al., 2017; Adnan & Roselam, 2018; Takril & Othman, 2020; Ibrahim et al., 2020; Rasool et al., 2020; Abu et al., 2021.
2. Pendidikan ( $Pend_{n-t}$ )
  - W. Schultz, 1961; Becker, 1964; Peterson, 1974; Todaro & Smith, 2008; Acemoglu, 2009; Yusoff, 2011; Meerangani, 2019; Suprayitno et al., 2017; Rahim et al., 2022.
3. Kesihatan ( $Kes_{n-t}$ )
  - Johari et al., 2013; Kefeli et al., 2017; Heng, 2018; Sharofiddin et al., 2019; Ahmad et al., 2021.
4. Keluaran Dalam Negara Kasar ( $KDNK_{n-t}$ )
  - Suprayitno & Aslam, 2016; Khasandy & Badrudin 2019; Suprayitno, 2019; Suprayitno, 2020; Laallam et al., 2021.
5. Pekali Gini ( $GINI_{n-t}$ )
  - Sen, 1999; Anand & Sen, 2000; Meier & Rauch, 2000; Ranis, 2006; Adnan & Roselam, 2018; Akmal et al., 2020; Rahim et al., 2021; Ismail & Ali, 2023.

$$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 Pend_{it} + \beta_3 Kes_{it} + \beta_4 KDNK_{it} + \beta_5 GINI_{it} + \varepsilon_{it}$$

Rajah 2.21: Kerangka Persamaan Kajian Kuantitatif

Berdasarkan kepada rajah 2.20, ketiga-tiga aspek yang diambil dalam pembolehubah tidak bersandar berikut adalah merujuk kepada pendidikan, kesihatan dan KNK perkapita berdasarkan kepada model yang dibangunkan oleh Ul Haq, M. (1995) dan dilaksanakan oleh UNDP (1990). Namun demikian, penetapan kepada pembolehubah tidak bersandar iaitu hasil kutipan zakat adalah penambahbaikan dalam melihat hubungan di antara zakat terhadap pembangunan manusia berasaskan kepada teori Ayasrah (2012), Suprayitno et al. (2017); Rahim et al. (2022) dan Hasbi et al. (2023). Hal ini adalah mengikut kesesuaian kajian yang dibuat iaitu merujuk kepada hasil kutipan zakat di Malaysia bagi tempoh 19 tahun dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Analisis kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan hubungan langsung bagi pembolehubah tidak bersandar terhadap tingkat Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi 13 buah negeri terpilih di Malaysia kecuali negeri Perlis akibat daripada kekangan untuk mendapatkan data hasil kutipan zakat tahunan dari tahun 2015 sehingga tahun 2023

Berasaskan teori pembangunan manusia yang dikemukakan oleh ul-Haq, Mahbub (1995), kesejahteraan manusia tidak hanya ditentukan oleh pertumbuhan ekonomi semata-mata, tetapi juga oleh keupayaan individu untuk menjalani kehidupan yang bermakna, iaitu memiliki kesihatan yang baik, pendidikan yang berkualiti, dan akses kepada sumber ekonomi yang mencukupi. Dalam konteks kajian ini, agihan zakat kepada golongan *aṣṅāf* dilihat sebagai instrumen strategik yang dapat menyumbang secara tidak langsung kepada ketiga-tiga dimensi IPM. Melalui program bantuan seperti zakat pendidikan (basiswa, bantuan yuran, peralatan sekolah), zakat kesihatan (bantuan rawatan dialisis, perubatan, keperluan warga emas), dan zakat ekonomi (modal perniagaan, bantuan sara hidup, latihan kemahiran), agihan zakat berperanan meningkatkan keupayaan asas insan, sejajar dengan matlamat pembangunan manusia. Secara prinsipnya, apabila bantuan zakat digunakan untuk memenuhi keperluan asas dan mengurangkan kemiskinan, ia akan meningkatkan taraf kesihatan, memperluas peluang pendidikan, dan membina keupayaan ekonomi *aṣṅāf*, yang akhirnya dapat diterjemahkan kepada peningkatan skor IPM dalam jangka masa panjang. Oleh yang demikian, metod kajian ini akan dibahaskan secara jelas dan terperinci di dalam bab tiga bagi melihat hasil kajian yang akan dijalankan berdasarkan kepada kaedah panel statik dan regrasi kuantil (*Quantile Regression*).

#### **2.3.4 Pengukuran Zakat Dalam Tingkat Pembangunan Manusia**

Pembangunan manusia merupakan aspek penting dalam penilaian kemajuan bagi sesebuah negara dengan penekanan tertumpu kepada peningkatan keupayaan individu untuk hidup sihat, berpengetahuan dan mencapai taraf hidup yang baik. Konsep ini telah diperkenalkan secara formal melalui Human Development Index (HDI) oleh United Nations Development Programme (UNDP) pada tahun 1990 (UNDP, 1990) dengan menggabungkan tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan pendapatan. Pendekatan ini dilihat sebagai alternatif yang lebih menyeluruh berbanding dengan ukuran tradisional seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata. Dalam konteks ekonomi Islam, zakat bukan sahaja merupakan kewajipan ibadah, tetapi turut berperanan sebagai bentuk agihan semula kekayaan yang bertujuan untuk menyokong kesejahteraan sosial dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan. Pelaksanaan zakat yang sistematik berpotensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan manusia, terutamanya dalam kalangan golongan *asnāf* yang merupakan kumpulan sasaran yang paling memerlukan bantuan. Di Malaysia, zakat diurus secara berpusat oleh institusi-institusi zakat negeri di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri, dengan kutipan yang meningkat saban tahun (JAWHAR, 2024). Menurut Chowdhury et al. (2020), lima faktor penting yang wajar dipertimbangkan bukan hanya pada individu tetapi secara kolektif bagi mencapai kemakmuran. Pertama, latihan dan peluang pekerjaan; kedua, skim gaji yang adil untuk pekerja; ketiga, polisi insurans mampu milik untuk kemalangan berkaitan dengan kerja serta faedah lain; keempat, bantuan terhadap individu yang mempunyai masalah mental dan fizikal bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan normal; kelima, pengumpulan hasil kutipan zakat, infaq dan sedekah melalui peruntukan undang-undang, peraturan cukai dan peraturan lain. Ini menunjukkan zakat juga adalah salah satu instrumen terpenting dalam menggerakkan pembangunan modal insan serta peningkatan tahap kesihatan bagi mencapai kemakmuran dalam kehidupan masyarakat di samping mengecapi nikmat ekonomi yang melimpah ruah.

#### ***2.3.4.1 Hubungan Zakat Terhadap Pembasmian Kemiskinan***

Faktor utama yang telah dikenal pasti berasaskan kepada pesyaraitan zakat adalah berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dengan mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia untuk membanteras serta mengurangkan kadar kemiskinan dengan menawarkan peluang pembangunan ekonomi ke atas rakyat fakir dan miskin. Zakat menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Objektif program pembangunan ekonomi zakat adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan miskin serta mampu melahirkan golongan miskin yang mampu berdikari dalam menceburi bidang keusahawanan agar mereka tidak lagi bergantung kepada pemberian zakat dalam bentuk tunai sepanjang masa (Adnan & Roselam, 2018).

Inovasi dalam bentuk pengagihan juga adalah penting bagi bertujuan untuk meningkatkan peranan zakat dalam bentuk penggunaan yang lebih besar dan seterusnya dapat mencapai konsep *Maqāṣid al-Sharī'ah* demi memastikan kualiti hidup fakir dan miskin dipertingkatkan (Akmal et al., 2020). Oleh itu, penggunaan hasil kutipan zakat berperanan dalam pengagihan semula kekayaan terhadap masyarakat Islam dan seterusnya dapat memastikan mereka yang mempunyai lebih kekayaan malahan dapat berkongsi sebahagian kekayaan dengan mereka yang memerlukan. Dengan itu, dapat mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan *aṣnāf* fakir dan miskin. Malahan hasil kutipan zakat yang diperolehi dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk pembangunan ekonomi golongan fakir dan miskin untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan *aṣnāf* melalui penyediaan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan.

Pengagihan semula kekayaan yang cekap dan efisien dapat mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan *aṣnāf* fakir dan miskin. Hasil kutipan yang diperolehi dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk pembangunan golongan *aṣnāf* khususnya *aṣnāf* fakir dan miskin. Peningkatan taraf hidup ekonomi golongan *aṣnāf* adalah dengan menyediakan peluang perniagaan dan keusahawanan, bantuan pendidikan serta kesihatan. Oleh yang demikian, zakat merupakan instrumen agihan semula kekayaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan masyarakat, menyediakan kehidupan yang selesa dan seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij pada masa akan datang (Rasool et al., 2020).

#### **2.3.4.2 Hubungan Zakat Terhadap Kehidupan Yang Sihat**

Dalam konteks pembangunan manusia yang berteraskan kepada dimensi kesihatan, ianya merupakan salah satu komponen utama yang menyumbang kepada kualiti hidup masyarakat. Seiring dengan matlamat *Maqāṣid al-Sharī'ah*, khususnya dalam memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), agihan zakat kepada keperluan kesihatan *aṣnāf* memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat berpendapatan rendah. Agihan semula kekayaan dalam bentuk bantuan kesihatan adalah bertujuan untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang lebih baik khususnya para golongan *aṣnāf*.

Menurut Becker (1964), pelaburan terhadap modal manusia turut merangkumi perbelanjaan terhadap pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa manusia tidak dapat dipisahkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kesihatan kerana elemen-elemen tersebut merupakan kunci bagi sesebuah organisasi dan hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti di samping memiliki kelebihan untuk bersaing. Berteraskan kepada kepentingan pendidikan dalam membangunkan modal insan serta tahap kesihatan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara, maka dana zakat adalah wajar disalurkan kepada pembangunan klinik dan hospital; bantuan pendidikan termasuk biasiswa serta perkhidmatan pemulihan orang kurang upaya dan yang memerlukan demi memastikan tingkat pembangunan manusia tercapai dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup di kalangan masyarakat. Ini telah dibuktikan oleh Lembaga Zakat Selangor yang memperuntukkan jutaan ringgit setiap tahun untuk skim bantuan perubatan kepada golongan *aṣnāf*, merangkumi kos dialisis, pembedahan, dan bekalan ubat-ubatan (Laporan Zakat Selangor, 2023).

Zakat mempunyai peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Agihan zakat kepada golongan *aṣnāf* yang tidak mampu membiayai rawatan atau akses kepada penjagaan kesihatan boleh membantu meningkatkan jangka hayat dan mengurangkan kematian akibat penyakit yang boleh dicegah. Sesetengah institusi zakat turut membiayai pembangunan klinik, program kesihatan komuniti serta membiayai bantuan perubatan dan ubat-ubatan. Hal ini secara tidak langsung dan menyumbang kepada peningkatan dalam IPM yang berteraskan kepada dimensi kesihatan. Dalam pada itu juga, agihan zakat dalam pembangunan kesihatan juga adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-3 (SDG 3): Kesihatan yang baik dan

kesejahteraan (*Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages*) (Islamic Research & Training Institute, 2017; Putri, 2024). Beberapa kajian telah membuktikan bahawa penerima zakat yang menerima bantuan dalam bentuk bantuan kesihatan telah menunjukkan peningkatan dalam kualiti hidup dan jangka hayat.

#### **2.3.4.3 Hubungan Zakat Terhadap Akses Kepada Pengetahuan**

Pembangunan manusia melalui akses kepada ilmu pengetahuan juga turut diklasifikasikan sebagai pelaburan hayat jangka masa panjang demi memastikan golongan buruh mahir dapat dibentuk serta membuka peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat (Yusoff, 2011). Menurut W. Schultz (1961) dan Becker (1964), pembangunan modal insan merupakan penentu kepada pertumbuhan ekonomi. Antara aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam pengagihan hasil kutipan zakat kepada penerima yang layak (*al-mustahiq*) agar golongan ini sentiasa terbela dan dipelihara. Oleh yang demikian, pelbagai program perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasil kutipan zakat yang telah dikumpul berjaya diagihkan dengan lebih berkesan. Ini adalah penting bagi memastikan peningkatan kualiti hidup untuk setiap penerima zakat dapat dicapai. Maka, secara tidak langsung dapat membantu golongan *aṣṅāf* untuk meringankan beban kehidupan yang mereka dihadapi dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan hidup para golongan *aṣṅāf* yang telah ditetapkan (Meerangani, 2019).

Pendidikan adalah salah satu indikator utama Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan juga komponen penting dalam pembangunan ekonomi jangka panjang. Agihan zakat dalam bentuk biasiswa, pembiayaan pengajian, peralatan sekolah dan kelas bimbingan meningkatkan tahap pendidikan dan memperkukuh keupayaan produktiviti tenaga kerja masa depan (Wahab & Rahman, 2011). Dalam konteks ini, zakat memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan akses, kualiti, dan kesetaraan pendidikan, terutamanya bagi golongan *aṣṅāf*. Zakat yang disalurkan untuk pendidikan bukan sahaja membantu pelajar mengakses pembelajaran, tetapi turut melayakkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Menurut Zulkifli et al. (2021), pelaburan zakat dalam pendidikan membawa pulangan jangka panjang yang tinggi dari sudut peningkatan produktiviti dan kesejahteraan ekonomi individu. Ini menunjukkan bahawa sekiranya tahap pendidikan *aṣṅāf* dapat diperkasakan, bukan sahaja skor IPM

dapat ditingkatkan, tetapi kesejahteraan masyarakat juga dapat dicapai secara inklusif dan berterusan. Justeru, pengurusan dan pengagihan zakat harus terus diperkasakan sebagai instrumen pembangunan insan yang kritikal dalam agenda pembangunan negara dan ummah.

Zakat memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan akses kepada pengetahuan, khususnya dalam kalangan golongan *aṣnāf* dan komuniti berpendapatan rendah. Melalui agihan zakat dalam bentuk bantuan pendidikan, biasiswa, sokongan pembelajaran, dan program latihan kemahiran, zakat telah membantu mengurangkan halangan kewangan yang sering menjadi punca utama keciciran dalam pendidikan. Ini sekaligus menunjukkan bahawa zakat bukan hanya menyelesaikan keperluan asas semasa, tetapi juga membuka jalan kepada pembangunan modal insan jangka panjang. Dari perspektif pembangunan manusia, pendidikan adalah salah satu komponen utama dalam IPM. Maka, sokongan zakat terhadap pendidikan secara langsung menyumbang kepada peningkatan nilai IPM bagi sesebuah masyarakat atau negara. Akses kepada ilmu pengetahuan bukan sahaja memperkasa penerima zakat dari segi akademik dan kemahiran, tetapi turut meningkatkan peluang mobiliti sosial serta kebolehan untuk menjana pendapatan sendiri secara berterusan.

#### ***2.3.4.4 Hubungan Zakat Terhadap Taraf Hidup Yang Baik***

Zakat akan meningkatkan penggunaan barangan dan perkhidmatan asasi serta dengan instrumen zakat juga akan menjadikan penggunaan barangan dan perkhidmatan mewah kepada barangan asasi. Pengagihan hasil kutipan zakat kepada golongan fakir dan miskin akan memberi kesan kepada tingkat pengguna mereka kerana kuasa beli daripada golongan fakir dan miskin adalah rendah. Oleh yang demikian, hasil perolehan daripada wang zakat dapat digunakan untuk memperolehi barangan keperluan asasi golongan tersebut. Pada masa yang sama juga, dengan pensyariatan zakat akan mengurangkan hasil kekayaan dan pendapatan di kalangan orang kaya di mana penggunaan barangan dan perkhidmatan mewah juga turut dapat dikurangkan (Siddiqi, 1981). Islam tidak menggalakkan pengikutnya bermewah-mewahan, bahkan Islam juga tidak menggalakkan pembaziran dalam pembelian barang dan perkhidmatan yang mewah. Oleh yang demikian, zakat adalah kunci penyelesaian kepada perkara tersebut disamping dapat menyucikan hasil perolehan yang diperolehi serta dapat membantu antara satu sama lain demi kesejahteraan hidup golongan fakir dan miskin.

Hikmah pensyariatian zakat juga secara tidak langsung dapat mengelakkan penumpuan kekayaan dan aliran wang berada pada pihak tertentu sahaja dan hal ini akan mengakibatkan ekonomi menjadi lemah dan yang kaya semakin kaya, manakala yang miskin semakin miskin. Oleh yang demikian, dengan instrumen zakat sedia ada dapat meningkatkan penggunaan di kalangan golongan fakir dan miskin dalam memenuhi keperluan hidup mereka. Berdasarkan kepada teori gelagat pengguna, golongan fakir dan miskin mempunyai kecenderungan menggunakan  $MPC$  yang lebih tinggi berbanding golongan kaya (Kadri et al., 2012). Realiti ini turut dibuktikan oleh Sharofiddin et al. (2019) yang mendapati sistem agihan zakat semasa di Selangor kurang berkesan terhadap peningkatan pendapatan golongan miskin. Ini menunjukkan dana zakat yang diperoleh hanya sekadar memenuhi tingkat perbelanjaan dalam pembelian barangan keperluan asas hidup. Justeru, kesan pengagihan zakat yang cekap dan berkesan mampu meningkatkan permintaan agregat dalam negara melalui kegiatan ekonomi yang aktif dalam kalangan *ashnaf* dan akhirnya berupaya menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Turut dijelaskan juga bahawa dengan adanya pergerakan aliran kewangan yang baik dalam pasaran turut dipengaruhi oleh tingkat kuasa beli dalam kalangan *ashnaf* yang kian bertambah disamping mewujudkan peluang pekerjaan serta perniagaan terhadap *ashnaf* dalam meningkatkan hasil pendapatan mereka.

Zakat memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat dengan membawa pendekatan yang bukan sahaja bersifat ekonomi, tetapi juga berteraskan nilai kemanusiaan dan kebersamaan. Keberhasilan zakat dalam meningkatkan taraf hidup membuktikan bahawa sistem ekonomi Islam menawarkan penyelesaian konkrit terhadap masalah kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan, selari dengan prinsip keadilan sosial. Zakat mungkin berbeza-beza situasi di mana ianya bergantung kepada cara pengumpulan, pengurusan dan pengagihan. Instrumen zakat merupakan instrumen semula jadi yang berasaskan kepada dasar fiskal Islam serta berperanan sebagai pemangkin kepada tingkat pertumbuhan ekonomi negara ketika negara berusaha mencapai status negara berpendapatan tinggi (Kadri et al., 2012). Oleh yang demikian, dengan tadbir urus zakat yang berkesan, mekanisma yang telus serta akauntabiliti dalam pentadbiran zakat adalah elemen penting bagi memastikan hubungan yang positif di antara instrumen zakat dengan tingkat pertumbuhan ekonomi negara.

## 2.4 Rumusan

Zakat merupakan medium perantara yang terbaik di antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang memerlukan seperti golongan fakir dan miskin di mana dengan zakat telah dipelbagaikan bentuk agihan kepada penerima yang layak. Dalam erti kata lain, hasil kutipan zakat bukan hanya sekadar untuk golongan fakir dan miskin semata-mata tetapi hasil kutipan zakat juga telah dipelbagaikan bentuk agihan seperti bantuan pendidikan demi meningkatkan ilmu pengetahuan, bantuan kesihatan demi meneruskan kehidupan dalam keadaan yang sihat serta bantuan perniagaan demi membentuk usahawan yang berjaya. Oleh yang demikian, dengan peningkatan kuasa beli dalam kalangan *aṣnāf* maka seterusnya dapat merancakkan ekonomi negara dengan memastikan aliran duit dapat bergerak dengan cara yang positif dan lebih berkesan.

Kajian-kajian terdahulu telah mengesahkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam membantu golongan *aṣnāf* keluar daripada kemiskinan. Kajian telah menunjukkan bahawa bantuan zakat pendidikan berjaya meningkatkan capaian pembelajaran dan prestasi akademik pelajar *aṣnāf*. Ini dapat dibuktikan daripada dapatan kajian di negara seperti Malaysia dan Indonesia telah menunjukkan bahawa perbelanjaan zakat dalam bidang pendidikan dapat mengurangkan halangan untuk mendapatkan akses kepada pendidikan. Ini termasuk pemberian biasiswa, buku teks percuma dan bantuan pendidikan lain, yang seterusnya meningkatkan kadar pendaftaran sekolah dan pembentukan modal insan (Nurzaman, 2017). Namun begitu, kajian-kajian ini cenderung memberi tumpuan kepada satu dimensi sahaja seperti kesihatan, pendidikan atau ekonomi tanpa mengambil kira secara menyeluruh ke atas tiga dimensi IPM secara serentak (kesihatan, pendidikan, dan pendapatan). Ini mengehadkan kefahaman tentang kesan holistik zakat terhadap pembangunan insan seperti yang digariskan dalam teori pembangunan manusia oleh Mahbub ul-Haq (1995). Namun begitu, dalam konteks Malaysia, bukti empirikal yang bersifat komprehensif dan berasaskan pendekatan kuantitatif masih terhad, khususnya dalam menilai hubungan antara kutipan dan agihan zakat dengan pencapaian Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) atau Indeks Pembangunan Manusia (IPM) yang lebih luas. Sebahagian besar kajian sedia ada hanya memfokuskan kepada kesan zakat terhadap dimensi tertentu seperti pendidikan atau pendapatan secara terasing, tanpa melihat secara holistik. Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu lebih cenderung menggunakan pendekatan kualitatif seperti kajian kes atau penilaian

berdasarkan persepsi penerima, dan kurang mengaplikasikan analisis statistik inferensi atau model regresi untuk menilai hubungan antara kutipan zakat dan indikator pembangunan manusia dari sudut makro. Kekurangan pendekatan kuantitatif ini menyebabkan asas kepada dasar dan strategi peningkatan peranan zakat dalam pembangunan negara masih belum disokong sepenuhnya oleh bukti empirikal yang kukuh.

Berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dibentuk dalam bab satu berserta dengan perbincangan literatur kepada objektif dan persoalan kajian yang telah dibangunkan dalam bab dua, maka kajian ini telah membentuk persamaan berasaskan kepada teori-teori yang telah dikenal pasti:

$$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 Pend_{it} + \beta_3 Kes_{it} + \beta_4 KDNK_{it} + \beta_5 GINI_{it} + \varepsilon_{it} \quad (2.7)$$

Dengan penggunaan pembolehubah bebas yang terdiri daripada hasil kutipan zakat (*Z*), jumlah kelahiran mati yang merujuk kepada dimensi jangka hayat (*Kes*), enrolmen pelajar sekolah menengah bagi tahun semasa merujuk kepada dimensi akses pengetahuan (*Pend*), Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita (*KDNK*) dan pekali (*GINI*) serta pengaruh-pengaruh lain yang terdapat dalam negara terhadap pembangunan rakyat Malaysia pada masa kini. Perbincangan berkaitan dengan model persamaan yang telah dibentuk beserta pemilihan pembolehubah akan diperincikan di dalam bab 3 (metodologi kajian).

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Perbahasan dalam bab ini adalah memfokuskan kepada kaedah penyelidikan yang akan dijalankan bagi memenuhi setiap objektif kajian yang telah dibentuk di dalam bab satu. Pembentukan model dalam kajian ini juga turut disertakan kaedah penganggaran bagi setiap model dengan perbahasan yang akan dibuat secara spesifik berkaitan dengan kaedah penganggaran data panel. Bagi objektif kajian pertama, kajian ini memberi tumpuan kepada penyelidikan data panel yang melibatkan analisis panel statik sahaja. Manakala bagi memenuhi objektif yang kedua, kajian ini diteruskan dengan kaedah analisis Regresi Kuantil (QR).

Kajian ini hanya tertumpu kepada 13 buah institusi zakat / Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia bagi tempoh masa 19 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Data panel merupakan kombinasi antara data siri masa dengan data keratan rentas. Bagi kaedah analisis data panel, unit keratan rentas yang sama hanya dikaji bagi tempoh waktu yang telah dipilih (Gujarati, 2003). Oleh yang demikian, regresi yang menggunakan data panel adalah bermanfaat jika dibandingkan dengan pendekatan keratan rentas dan juga siri masa. Penggunaan data panel dalam analisis data lebih baik berbanding dengan keratan rentas dan data siri masa kerana dapat memberikan penelitian terhadap jumlah  $n$  yang besar, meningkatkan darjah kebebasan dan mengurangkan masalah kolineariti antara pembolehubah serta dapat menghasilkan penganggaran ekonometrik yang lebih cekap (Hsiao, 1986). Penggunaan analisis data panel ini dapat menghasilkan maklumat dan penyelarasan yang lebih baik serta jelas. Penganggaran yang digunakan dalam regresi data panel adalah analisis Panel Statik (POLS) yang melibatkan perbandingan model Kesan Rawak (RE) dan juga model Kesan Tetap (FE). Manakala pendekatan *bootstrap* dalam analisis QR merupakan pensampelan semula dalam QR untuk menganggarkan taburan pensampelan pekali regresi, ralat piawai dan statistik lain apabila andaian kaedah statistik parametrik kuasa dua terkecil biasa (OLS) adalah tidak sesuai dilaksanakan (Koenker & Basset, 1978).

Bab ini menerangkan reka bentuk kajian, pendekatan kuantitatif, kaedah panel statik dan regresi kuantil (QR), definisi dan pengukuran pembolehubah, sumber data

serta prosedur pembentukan model empirikal dan ujian diagnostik yang akan dijalankan.

### 3.2 Panel Statik

Model panel statik dipilih dalam kajian ini kerana ia membolehkan pengkaji menganalisis hubungan antara agihan dan kutipan zakat terhadap dimensi pembangunan manusia merentasi beberapa unit pemerhatian (institusi zakat / Majlis Agama Islam Negeri) dan tempoh masa tertentu secara serentak. Model ini menggabungkan dua jenis maklumat antara negeri (*cross-sectional*) dan tahun ke tahun (*time series*). Analisis ini memberikan kelebihan berbanding analisis regresi biasa yang hanya melihat satu dimensi data pada satu masa. Kaedah panel statik digunakan kerana data yang digunakan menunjukkan keseimbangan (*balanced panel*), dan tiada *lag* berganda pembolehubah endogen. Kajian ini lebih sesuai menggunakan model kuasa dua terkecil biasa terkumpul (POLS) dan FEM kerana fokusnya adalah kesan langsung.

Model panel statik merupakan model kuasa dua terkecil biasa terkumpul (POLS), kesan tetap (FE) dan model kesan rawak (RE). Berdasarkan kepada model POLS ini, ianya adalah penganggaran regresi secara linear tanpa kesan, kesan tetap dan kesan rawak. Dengan penggunaan model ini maka dianggarkan pintasan dan kecerunan adalah sama tanpa mengambilkira kesan keratan rentas serta tempoh masa. Maka dapat dirumuskan untuk persamaan model POLS adalah seperti di bawah:

$$y_{it} = \beta_0 + \beta_1 x_{it} + \varepsilon_{it} \quad (3.1)$$

Di mana  $\varepsilon_{it}$  adalah terma ralat,  $i$  menunjukkan negeri ( $i = 1, 2, \dots, N$ ) manakala  $t$  menunjukkan masa ( $t = 1, 2, \dots, t$ ). Bagi model POLS pintasan iaitu  $\beta_0$  dan kecerunan  $\beta_1$  diandaikan sama bagi semua negeri ( $n$ ) dan sepanjang tahun ( $t$ ). Walau bagaimanapun, model ini mempunyai beberapa kekurangan. Penganggar OLS mudah yang digunakan bagi menganggar panel statik adalah konsisten bila mana kesemua pembolehubah penerang (pembolehubah tak bersandar) adalah eksogen dan tidak berkorelasi dengan kesan spesifik individu. Namun demikian, disebabkan penganggar OLS tidak mengambil kira struktur komponen ralat model, maka penganggar adalah tidak efisien. Selain daripada itu, apabila pembolehubah bersandar dimasukkan dalam model, penganggar OLS menjadi bias yang disebabkan oleh korelasi antara

pembolehubah bersandar lat dengan kesan spesifik individu sama ada kesan tetap atau kesan rawak. Apabila pembolehubah bersandar adalah fungsi kepada kesan spesifik (tetap atau rawak) maka pembolehubah bersandar lat juga adalah fungsi kepada kesan spesifik. Jesteru itu, pembolehubah bersandar lat berkorelasi dengan terma ralat dan ini menyebabkan penganggar OLS menjadi bias dan tidak konsisten meskipun terma ralat tidak mempunyai korelasi bersiri.

Berbeza dengan model kesan tetap yang mengandaikan bahawa penganggar mempunyai cerun dan varian yang sama namun pintasan adalah spesifik bagi pusat kutipan zakat. Kedua-dua kesan keratan rentas dan masa boleh diperhatikan melalui pembolehubah dami (*dummy*), terutamanya dalam model kesan tetap. Model kesan tetap memperkenalkan kesan spesifik pusat kutipan zakat dengan menganggar pintasan yang berbeza bagi setiap pusat kutipan zakat. fungsi bagi model kesan tetap adalah seperti berikut:

$$y_{it} = \alpha + n_i + \beta_1 x_{it} + \varepsilon_{it} \quad (3.2)$$

Di mana  $n_i$  merupakan terma spesifik negeri yang tidak diperhatikan. Model FE mengambil kira kesan spesifik individu mempunyai pintasan yang berbeza yang mana kecerunan bagi setiap keluk adalah selari bagi setiap negeri. Kelebihan utama bagi penggunaan model FE ini, ianya dapat menghasilkan penganggaran yang konsisten dalam kolerasi antara kesan spesifik dengan pembolehubah penerang. Namun, penganggaran ini mempunyai beberapa masalah kerana kehilangan darjah kebebasan (Baltagi, 2008). Tambahan pula, anggaran parameter yang dihasilkan oleh model kesan tetap adalah berat sebelah apabila beberapa regresi adalah endogen dan berkolerasi dengan terma ralat (Campos & Kinoshita, 2008).

Berdasarkan kepada model kesan rawak pula, ianya dilihat kurang bermasalah dari segi darjah kebebasan dengan dianggarkan pintasan adalah sama. Model kesan rawak ini menggabungkan komposit terma ralat iaitu  $\omega_{it} = v_i + \mu_{it}$ ,  $v_i$  adalah diandaikan tidak bersandar kepada terma ralat  $\mu_{it}$  dan *regressor*  $x_{it}$  tidak bersandar kepada setiap  $i$  dan  $t$ . Fungsi bagi model RE adalah seperti berikut:

$$y_{it} = n_i + \beta_1 x_{it} + \omega_{it} \quad (3.3)$$

Di mana  $\omega_{it} \sim IID(0, \sigma_v^2)$  dan  $\mu_{it} \sim IDD(0, \sigma_u^2)$ . Kelebihan model kesan rawak adalah dapat menyediakan penganggaran yang efisien terutamanya apabila

variasi siri masa adalah kecil. Walau bagaimanapun, model kesan rawak mempunyai had lain kerana ia menganggap masa tidak berubah. Ini menunjukkan bahawa kesilapan di mana masa tidak berkolerasi dengan masa lalu, kini dan akan datang yang dikenali sebagai *exogeneity* ketat (Arellano, 2003). Secara realiti andaian ini adalah tidak sesuai. Selain itu, wujud masalah bias dan tidak konsisten dalam penganggaran jika kesan spesifik keratan rentas berkolerasi dengan pembolehubah penerang.

### 3.2.1 Ujian VIF

Ujian *Variance Inflation Factor (VIF)* dilaksanakan dalam kajian ini bagi mengesan dan mengukur tahap multikolariti antara pemboleh ubah bebas dalam model regresi panel. Multikolariti berlaku apabila dua atau lebih pemboleh ubah bebas dalam model mempunyai hubungan korelasi yang sangat tinggi, yang boleh menyebabkan gangguan terhadap keabsahan dan kebolehpercayaan anggaran koefisien regresi. Terma multikolariti (MC) mula digunakan dan dikenalpasti oleh Frisch (1929). Menurut Ali (2002), jika terdapat MC yang sempurna, maka nilai penganggar kepada parameter, iaitu  $b$  (penganggar kepada  $\beta$ ) tidak akan dapat ditentukan dan nilai ralat piawainya menjadi infiniti. Jika MC yang tidak sempurna pula, penganggar dapat diperoleh tetapi nilai ralat piawainya terlalu besar menyebabkan sukar untuk membuat penganggaran dengan ketepatan yang tinggi. Kedua-dua keadaan ini akan mengakibatkan keputusan yang diperoleh adalah salah dalam pengujian hipotesis, iaitu tidak boleh menolak  $H_0$  yang salah. Keputusan ini juga akan mengakibatkan bertentangan dengan teori ekonomi kerana dalam  $H_0$  menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.

Berikut adalah beberapa cara untuk mengesan MC yang antaranya adalah seperti berikut (Ali, 2002):

1.  $R^2$  yang tinggi tetapi sedikit sahaja nisbah  $t$  yang signifikan. Seperti yang dinyatakan ini adalah tanda-tanda awal yang menunjukkan adanya MC;
2. Kebanyakan daripada keputusan ujian  $t$  yang dijalankan tidak dapat menolak hipotesis nol secara berasingan, tetapi keputusan ujian  $F$  yang dijalankan secara bersama atau adalah serentak adalah sebaliknya, iaitu menolak hipotesis nol; dan

3. Terdapat korelasi yang tinggi dalam kalangan pembolehubah bebas. Untuk mengetahui darjah korelasi ini kita boleh mengira pekali korelasinya atau kita boleh regreskan satu pembolehubah bebas dengan satu pembolehubah bebas yang lain. Jika nilai mutlak pekali korelasi menghampiri satu, iaitu lebih daripada 0.8 atau nilai  $R^2$  hasil daripada regresi itu adalah tinggi, iaitu lebih daripada 0.8, maka MC yang serius telah berlaku.

Namun demikian, berikut adalah beberapa cara yang boleh digunakan oleh ahli-ahli ekonometrik untuk menghilangkan atau mengurangkan kesan daripada MC ke atas penganggar parameter yang dibuat. Antara cara yang selalu digunakan adalah dengan menggunakan data yang dihimpun (*pooled data*) dan membuang pembolehubah yang kurang penting. Keberkesannya banyak bergantung kepada sejauh manakah seriusnya MC yang wujud dalam satu-satu sampel yang digunakan untuk tujuan penganggaran itu.

### 3.2.2 Ujian F

Ujian-F dilaksanakan adalah untuk menguji kesignifikan keseluruhan model regresi, iaitu untuk menentukan sama ada sekurang-kurangnya satu daripada pemboleh ubah bebas dalam model mempunyai hubungan yang signifikan secara statistik dengan pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*). Jika nilai statistik  $F$  adalah signifikan (biasanya nilai  $p < 0.05$ ), maka hipotesis nol ditolak, dan ini menunjukkan bahawa model adalah signifikan secara keseluruhan dan terdapatnya hubungan linear yang wujud antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Jika  $p\text{-value} > 0.05$ , maka model tidak signifikan dan pemboleh ubah bebas secara kolektif tidak menjelaskan variasi pemboleh ubah bersandar dengan baik. Secara ringkas, kepentingan dalam melaksanakan ujian-F adalah untuk menilai kesesuaian model secara menyeluruh, menentukan keberkesanan gabungan pemboleh ubah bebas dalam menerangkan varians pemboleh ubah bersandar dan yang terakhir adalah sebagai pra-syarat sebelum mentafsir koefisien individu (t-statistik) kerana jika model tidak signifikan, maka interpretasi pemboleh ubah secara individu menjadi tidak relevan.

Bagi regresi kesan tetap,  $y_{it} = \alpha + \beta_1 x_{it} + \varepsilon_{it}$  hipotesis nol adalah dami kecuali satu yang digugurkan adalah sifar ( $H_0: \beta_1 = \dots = \beta_{n-1} = 0$ ) manakala hipotesis alternatif adalah parameter dami kecuali satu yang digugurkan

adalah bukan sifar. Hipotesis ini di uji dengan menggunakan ujian-F berdasarkan penganggaran mantap (*goodness of fit*).

$$F(n-1, nT-n-k) = \frac{(R_{LSDV}^2 - R_{pooled}^2)/(n-1)}{(1 - R_{LSDV}^2)/(nT-n-k)} \quad (3.4)$$

Hipotesis bagi ujian F adalah  $H_0$  : POLS dan  $H_1$  : FE, jika hipotesis nol ditolak maka model FE adalah signifikan. Oleh itu model FE adalah lebih baik daripada model POLS.

### 3.2.3 Ujian Breusch-Pagan LM

Ujian Breusch-Pagan LM adalah untuk menentukan sama ada model regresi panel lebih sesuai menggunakan model kesan rawak (*Random Effects*) berbanding model regresi biasa (POLS). Kepentingan ujian ini adalah untuk membantu memilih model regresi yang tepat bagi data panel (antara model POLS vs *Random Effects*), mengesan wujudnya varian (*cross-sectional*) yang tidak diambil kira oleh POLS dan yang terakhir adalah sebagai pra-ujian sebelum menjalankan Hausman Test (yang membandingkan FE vs RE). Ujian Breusch dan Pagan (1980) *lagrange multiplier* (LM) digunakan dalam menentukan model kesan rawak dengan memeriksa jika komponen varian spesifik keratan rentas atau masa adalah sifar  $H_0 : \sigma_{\mu}^2 = 0$ . Statistik LM adalah berdasarkan taburan kuasa dua khi (*chi-squared*) dengan satu darjah kebebasan.

$$LM_u = \frac{nT}{2(T-1)} \left[ \frac{T^2 \tilde{e}' \tilde{e}}{e' e} - 1 \right] \sim X^2(1) \quad (3.5)$$

Hipotesis bagi ujian ini adalah  $H_0$  : model POLS ( $p\text{-value} > 0.05$ ) dan  $H_1$  : model RE ( $p\text{-value} < 0.05$ ). sekiranya hipotesis nul ditolak maka terdapat kesan rawak yang signifikan bagi data panel yang mana model RE mampu menangani keheterogenan dengan lebih baik berbanding model POLS.

### 3.2.4 Ujian Hausman

Ujian Hausman dilakukan bagi membandingkan model FE dan model RE berdasarkan hipotesis nol iaitu kesan individu adalah tidak berkorelasi dengan mana-mana regressor dalam model FE dan model RE (Hausman, 1978). Hipotesis bagi ujian

ini adalah  $H_0$ : model RE melawan  $H_1$ : model FE. Sekiranya hipotesis nol ditolak (nilai  $p < 0.05$ ), maka kesan individu  $\eta_i$  adalah berkorelasi secara signifikan dengan sekurang-kurangnya satu regressor dalam model dan bermakna model RE adalah bias. Oleh itu, interpretasi adalah berdasarkan model FE berbanding model RE. Model kesan tetap (FE) dipilih kerana ia memberikan anggaran yang konsisten dan tidak bias.

Walau bagaimanapun, penganggaran bagi model RE dianggap menggunakan kaedah kuasa dua terkecil teritlak (GLS) menghadapi beberapa masalah yang sama seperti penganggaran model FE. Masalah bias endogen dalam pemboleh ubah penerang kesan dinamik dalam lat pemboleh ubah bersandar dan kewujudan kesan spesifik negara dikatakan sebagai bias. Menurut Loayza dan Ranciere (2006), penganggar panel statik tidak mengambil dimensi panel data dengan membezakan antara jangka masa pendek dan jangka masa panjang malah data panel menganggap pekali pemboleh ubah bersandar adalah homogen (Samargandi et al., 2015). Ini membawa kepada penganggaran berat sebelah namun model dinamik adalah heterogen bagi seluruh unit keratan rentas. Kesimpulannya, pendekatan panel statik tidak dapat melihat sifat dinamik data yang merupakan perkara yang perlu diambil kira dalam kajian pertumbuhan. Di samping itu, penganggar statik ini hanya boleh berurusan dengan kepelbagaian struktur dalam bentuk kesan rawak atau tetap tetapi mengenakan koefisien seragam bagi seluruh negara walaupun mungkin terdapat perbezaan yang besar.

### **3.3 Regresi Kuantil (QR)**

Pemilihan kaedah regresi kuantil (QR) dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menangani kekangan dan keterbatasan kaedah panel statik seperti kesan tetap (FE) dan kesan rawak (RE), yang lazim digunakan dalam menganalisis hubungan antara pemboleh ubah merentas negeri atau masa. Secara asasnya, model panel statik hanya menganggarkan kepada kesan purata (*mean effects*) ke atas pemboleh ubah bersandar (Kang & Liu, 2014). Dalam konteks kajian zakat dan pembangunan manusia, pendekatan ini berpotensi menyembunyikan heterogeniti kesan zakat terhadap kumpulan negeri yang berada pada petunjuk indeks pembangunan manusia yang berbeza. Sebagai contoh bagi negeri yang mempunyai petunjuk indeks pembangunan manusia (IPM) yang rendah seperti Sabah dan Kelantan berbanding dengan negeri yang mempunyai petunjuk IPM yang tinggi seperti negeri Selangor atau Johor.

Sebaliknya, QR membolehkan anggaran kesan pembolehubah bebas di pelbagai tahap pengagihan (*quantiles*) bagi pembolehubah bersandar, seperti kuantil ke-25 (rendah), ke-50 (median), dan ke-75 (tinggi). Dapatan kajian yang diperoleh lebih terperinci dan telus terhadap bagaimana agihan zakat memberi kesan kepada pembangunan manusia dalam konteks negeri-negeri pada petunjuk IPM yang berbeza. Misalnya, impak zakat mungkin lebih besar dalam kuantil bawah (negeri berpendapatan rendah) berbanding kuantil atas. Tambahan pula, QR lebih *robust* terhadap *outliers* dan ketaksamaan varian (heteroskedastisiti), yang sering berlaku dalam data kutipan dan agihan zakat antara negeri yang tidak homogen. Oleh itu, kaedah ini lebih sesuai untuk mengkaji ketidaksimetrian kesan zakat, serta mengenal pasti kesan tidak linear yang mungkin tidak dapat dikesan oleh model panel statik

Analisis QR dibangunkan oleh Koenker & Bassett (1978) di mana QR adalah lanjutan daripada penganggaran kuasa dua terkecil (OLS). OLS dianggap sebagai kurang tepat untuk menganalisis sejumlah data yang tidak simetri, kerana nilai purata (*mean*) sebagai penganggar nilai tengah adalah sangat sensitif terhadap kehadiran data pencilan (*outlier*). OLS hanya membolehkan hasil keputusan kajian dapat dianggar kepada purata bersyarat (*conditional mean*) dan median bersyarat (*conditional median*) yang terletak di tengah-tengah pendedaran (*center of the distribution*), ini menjadikan penerangan tidak lengkap berkaitan dengan pengagihan bersyarat (*conditional distribution*) (Mosteller & Tukey, 1977). Kuantil (*Quantile*) merupakan nilai yang terbentuk daripada sekumpulan data dengan dibahagikan kepada tiga bahagian yang sama iaitu kuantil 1 (Q1) merujuk kepada komposisi rendah, kuantil 2 (Q2) yang merujuk kepada komposisi pertengahan (*median*) dan kuantil 3 (Q3) adalah merujuk kepada komposisi tinggi. Metod ini merupakan salah satu pendekatan membahagikan data menjadi kuantil-kuantil tertentu mengikut peratusan yang telah ditentukan. QR boleh menjelaskan maklumat data yang tidak simetri (*asymmetric*) serta bukan linear bagi pembolehubah bersyarat ke atas pembolehubah bersandar (Law et al., 2021). Walau bagaimanapun, QR digunakan semata-mata untuk mendapatkan maklumat dapatan dalam pengagihan bersyarat selain daripada min bersyarat (Buchinsky 1994,1995; Eide & Showalter, 1997), dan dengan itu ia mewakili sepenuhnya kepada pendedaran ini. Oleh itu, pendekatan QR boleh mendapatkan keputusan yang lebih lengkap di samping melihat kesan pembolehubah penerang terhadap pembolehubah bersandar.

Berikut adalah faktor-faktor pemilihan analisis kajian berdasarkan kepada kaedah analisis QR adalah seperti berikut (Kang & Liu, 2014):

1. Penganggar QR meminimumkan jumlah berat baki mutlak daripada jumlah baki kuasa dua dan dengan itu vektor pekali penganggar yang tidak sensitif kepada *outlier*;
2. Model QR menggunakan pengaturcaraan linear perwakilan dan memudahkan penilaian; dan
3. Analisis ini amat berguna apabila taburan bersyarat tidak mempunyai bentuk piawaian, seperti taburan yang tidak simetri (*asymmetric*), *fat-tailed* atau *truncated*.

Asas model QR adalah menentukan kuantil bersyarat sebagai fungsi linear pembolehubah penerang, dan persamaannya adalah seperti berikut (Kang & Liu, 2014):

$$y_i = x_i' \beta_\theta + \mu_{\theta i}, 0 < \theta < 1 \quad (3.6)$$

$$Quant_\theta(y_i|x_i) = x_i \beta_\theta \quad (3.7)$$

di mana  $y$  ialah pembolehubah bersandar,  $x$  ialah pembolehubah penerang, manakala  $u$  adalah ralat bagi kuantil taburan bersyarat dan ianya adalah bersamaan dengan sifar, dan  $Quant_\theta(y_i|x_i)$  menandakan kuantil ke- $\theta$  bagi  $y$  bersyarat pada  $x$ . Pengagihan ralat  $u$  adalah tidak ditentukan. Pekali individu  $\beta_{\theta j}$  yang dikaitkan dengan pembolehubah tidak bersandar  $j$  dalam vektor  $x_i$ , dikenali sebagai  $x_{ij}$ , boleh ditafsirkan sebagai  $y_i$  dalam kuantiti bersyarat ke- $\theta$ nya bertindak balas terhadap perubahan marginal (*ceteris paribus*) dalam  $x_i$ . Oleh itu, kaedah QR membolehkan kita mengenal pasti kesan kovariat di lokasi yang berbeza dalam taburan bersyarat bagi pembolehubah bersandar.

Penganggar QR pada tahap  $\theta$ ,  $\beta^\wedge_\theta$ , adalah penyelesaian berdasarkan kepada permasalahan Min:

$$Min \sum_{y_i \geq x_i' \beta} \theta |y_i - x_i' \beta| \sum_{y_i < x_i' \beta} (1-\theta) |y_i - x_i' \beta| \quad (3.8)$$

Berdasarkan kepada masalah yang berbangkit dan ianya dapat diselesaikan melalui hubungan linear. Regresi median adalah kes khusus kepada QR di mana ianya diperoleh

dengan menetapkan  $\theta = 0.5$ . Oleh yang demikian, dengan menggunakan variasi  $\theta$  untuk mendapatkan kuantil yang lain berdasarkan kepada agihan bersyarat.

### **3.4 Pengukuran dan Pemilihan Pembolehubah**

#### **3.4.1 Data**

Bahagian ini akan membincangkan mengenai data yang digunakan di mana tumpuan kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis data panel untuk 13 buah pusat kutipan zakat di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Tempoh masa yang dipilih adalah berdasarkan kepada ketersediaan data laporan zakat oleh setiap pusat kutipan zakat kecuali negeri Perlis untuk tempoh 19 tahun sebagaimana yang diperoleh daripada pusat kutipan zakat bagi setiap negeri di Malaysia.

Di Malaysia umumnya dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). IPRM yang dibangunkan adalah untuk mengukur tahap pembangunan manusia yang meliputi tiga dimensi utama iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat dengan merujuk kepada indeks jangkaan hayat; akses kepada pengetahuan iaitu berdasarkan kepada jangkaan persekolahan dan purata tahun persekolahan; dan taraf hidup yang baik iaitu merujuk kepada tingkat Keluaran Negara Kasar (KNK) perkapita (Jabatan Perangkaan Negara (DOSM), 2023). Pembolehubah tidak bersandar diambil daripada laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu jumlah enrolmen pelajar sekolah menengah bagi setiap tahun yang merujuk kepada dimensi pendidikan (*Pend*) bagi setiap negeri. Manakala data daripada Jabatan Perangkaan Negara yang diperoleh adalah kadar jumlah kelahiran mati yang merujuk kepada dimensi kesihatan (*Kes*) bagi setiap negeri dan yang terakhir adalah kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*) per kapita dan Pekali Gini (*GINI*) bagi setiap negeri di Malaysia. Manakala pembolehubah bersandar penerang iaitu hasil jumlah kutipan zakat (*Z*) tahunan telah diambil daripada seluruh pusat kutipan zakat di Malaysia kecuali bagi negeri Perlis. Pembolehubah tetap iaitu Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) turut diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan *Global Data Lab*. Jadual 3.1 menunjukkan senarai pembolehubah tidak bersandar dan bersandar sebagaimana yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.1

## Senarai Pembolehubah dan Sumber Data

Pembolehubah	Definisi	Pengukuran	Sumber
<i>IPRM</i>	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) bagi setiap negeri	Jabatan Perangkaan Malaysia/ <i>Global Data Lab</i>
<i>Z</i>	Jumlah hasil kutipan zakat tahunan	Tingkat jumlah hasil kutipan zakat tahunan bagi setiap negeri	Majlis Agama Islam Negeri /JAWHAR
<i>Kes.</i>	Kadar jumlah kelahiran mati	Kadar jumlah kelahiran mati bagi setiap negeri	Jabatan Perangkaan Malaysia
<i>Pend.</i>	Enrolmen pelajar sekolah menengah	Enrolmen pelajar diperingkat menengah bagi setiap negeri	Kementerian Pelajaran Malaysia
<i>KDNK</i>	Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita	Jumlah KDNK per kapita bagi setiap negeri	Jabatan Perangkaan Malaysia
<i>GINI</i>	Pekali Gini	Indeks Pekali Gini bagi setiap negeri	Jabatan Perangkaan Malaysia

### 3.4.2 Pengukuran Pembolehubah

Antara berikut merupakan pembolehubah bersandar yang merujuk kepada pembolehubah penerang dan pembolehubah kawalan sebagaimana yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

#### 3.4.2.1 *Pertumbuhan Hasil Kutipan Zakat*

Pembangunan dalam ekonomi zakat adalah merujuk kepada kejayaan bagi pengurusan institusi zakat di Malaysia dalam mengurus tadbir institusi zakat pada masa lalu sehingga pada masa kini dengan pelbagai bentuk tingkat inovasi dalam pengurusan zakat. Menurut pandangan Kahf (1997), zakat boleh memberi kesan dalam penawaran agregat berdasarkan kepada tiga bentuk iaitu bekalan buruh, bekalan modal dan juga peruntukan sumber. Justeru itu, zakat adalah alternatif kepada masyarakat dalam memenuhi tahap kesihatan dan sumber makanan asasi yang mencukupi ke atas

golongan fakir dan miskin. Hal ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan ketersediaan tenaga kerja dan meningkatkan kecekapan produktiviti. Maka, penawaran barangan yang dihasilkan dalam ekonomi juga akan meningkat (Azizah & Choirin, 2018). Terdapat banyak kajian-kajian lepas telah mendapati hubungan yang positif dan signifikan antara pertumbuhan hasil kutipan zakat dan prestasi dalam pembangunan manusia (Suprayatino et al., 2017; Nurzaman, 2017; Akmal et al., 2020; Wardani & Arif, 2021; Lestari & Arumi, 2024).

Pembangunan manusia merupakan salah satu konsep untuk mengukur pembangunan di sesebuah negara atau wilayah. Konsepnya lebih kepada aspek pembangunan manusia sebagai subjek pembangunan. Andaian yang dikemukakan dalam konsep ini ialah pembangunan sumber manusia yang berkualiti adalah jauh lebih penting dan akan memberi impak yang positif daripada sekadar menjadikan manusia sebagai objek pembangunan (Ul-Haq, 1995). Namun demikian, pembangunan ekonomi daripada kaca mata Islam bukan hanya melihat kepada aspek material semata-mata bahkan turut ditekankan dari aspek kerohanian dan moral yang merupakan agenda utama dalam pembangunan ekonomi dan ianya adalah merujuk kepada “*al-takāful*” dan “*al-taḍāmun*” ataupun jaminan sosial bersama dalam Islam (Mannan, 1993). Oleh yang demikian, pesyariat zakat adalah berkaitan dengan pembasmian kemiskinan serta jaminan sosial dalam mewujudkan keadilan dalam masyarakat. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia untuk membanteras serta mengurangkan kadar kemiskinan dengan menawarkan pelbagai bentuk aktiviti ekonomi ke atas golongan fakir dan miskin. Zakat dapat menggalakkan keadilan sosial serta kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan yang kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Ini menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang adil serta memberi jaminan dan keadilan dalam masyarakat bagi membentuk masyarakat yang lebih harmoni.

#### **3.4.2.2 Pembolehubah Kawalan**

Manakala pembolehubah kawalan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian hubungan hasil kutipan zakat di Malaysia dan pembangunan masyarakat iaitu berasaskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi setiap negeri. Antara pembolehubah kawalan yang digunakan dalam kajian ini adalah jumlah perbelanjaan kerajaan ke atas sektor kesihatan (petunjuk kepada umur yang panjang dan

kehidupan yang sihat), jumlah perbelanjaan kerajaan ke atas sektor pendidikan (merujuk kepada akses pengetahuan) dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (pentunjuk kepada taraf hidup yang baik).

Bagi pembolehubah kesihatan (*Kes*) yang merujuk kepada kadar kelahiran bayi yang mati bagi setiap negeri adalah merujuk kepada dimensi kesihatan. Ukuran dalam kesihatan adalah penting untuk pembangunan masyarakat tempatan dan secara tidak langsung turut mempengaruhi masyarakat untuk menggerakkan ekonomi dengan lebih baik. Menurut Becker (1964), pelaburan terhadap modal manusia turut merangkumi perbelanjaan terhadap pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa manusia tidak dapat dipisahkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kesihatan kerana elemen-elemen tersebut merupakan kunci bagi sesebuah organisasi dan hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti di samping memiliki kelebihan untuk bersaing. Berteraskan kepada kepentingan pendidikan dalam membangunkan modal insan serta tahap kesihatan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara, maka dana zakat adalah wajar disalurkan kepada pembangunan klinik dan hospital; bantuan pendidikan termasuk biasiswa serta perkhidmatan pemulihan orang kurang upaya dan yang memerlukan demi memastikan tingkat pembangunan manusia tercapai dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakat. Ini telah dibuktikan oleh Lembaga Zakat Selangor yang memperuntukkan jutaan ringgit setiap tahun untuk skim bantuan perubatan kepada golongan *aṣṅāf*, merangkumi kos dialisis, pembedahan, dan bekalan ubat-ubatan (Laporan Zakat Selangor, 2023).

Manakala pembolehubah pendidikan (*Pend*) yang merujuk kepada enrolmen pelajar di peringkat sekolah menengah merupakan elemen penting dalam pembangunan masyarakat tempatan di mana dengan tingkat jumlah pelajar yang tinggi serta pendidikan yang berkualiti mampu membina tingkat pembangunan manusia yang baik. Pembangunan manusia melalui pendidikan juga turut diklasifikasikan sebagai pelaburan hayat jangka masa panjang dalam mewujudkan golongan buruh mahir serta membentuk kepakaran bagi masyarakat setempat (Yusoff, 2011). Pembangunan modal insan merupakan penentu kepada pertumbuhan ekonomi (Schultz, 1961; Becker, 1964). Menurut Peterson (1974), proses pertumbuhan ekonomi amat berkait rapat dengan cara-cara sebuah negara mengembang kapasiti produktifnya dan ini adalah merujuk kepada kuantiti dan kualiti tenaga buruh. Ianya adalah sesuatu yang penting berdasarkan kepada keupayaan kepakaran buruh tempatan dalam memastikan dasar-dasar negara tercapai

dan seterusnya menjadikan negara lebih maju serta berdaya saing. Pendapat ini selari dengan teori pertumbuhan endogen di mana peningkatan penduduk tidak membawa kepada penurunan pertumbuhan ekonomi kerana ianya mampu melahirkan ramai buruh-buruh mahir, usahawan dan idea-idea baru yang merupakan pemangkin kepada proses kemajuan teknologi dan pertumbuhan ekonomi negara (Romer, 1990 & Lucas, 1988).

Seterusnya pembolehubah kawalan yang terakhir adalah merujuk kepada pembolehubah KDNK (*KDNK*) per kapita dan Pekali Gini (*GINI*) yang merujuk kepada pentunjuk taraf hidup yang baik. Pertumbuhan ekonomi adalah merujuk kepada pengeluaran manakala pembangunan ekonomi pula adalah melihat kepada dua aspek utama yang merujuk kepada tingkat pengeluaran serta perubahan teknikal. Perubahan teknikal yang dimaksudkan adalah penyusunan semula institusi dalam penghasilan dan agihan produk. Pertumbuhan yang baik bukan hanya melihat kepada peningkatan dalam pengeluaran semata-mata, tetapi turut memfokuskan kepada kecekapan dalam pengeluaran (Kindleberger & Herrick, 1977). Pensyariatan zakat adalah berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dengan mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia untuk membanteras serta mengurangkan kadar kemiskinan negara dengan menawarkan peluang pembangunan ekonomi ke atas rakyat fakir dan miskin. Zakat menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Objektif program pembangunan ekonomi zakat adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan miskin serta mampu melahirkan golongan yang mampu berdikari dalam menceburi bidang keusahawanan agar mereka tidak lagi bergantung kepada pemberian zakat sepanjang masa (Adnan & Roselam, 2018). Menurut Khaf (1999), zakat memberi kesan terhadap penawaran agregat melalui tiga cara: bekalan buruh, bekalan modal dan peruntukan sumber. Hal ini turut dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh Bahri et al. (2023) bahawa purata pendapatan usahawan *aṣnāf* berjaya ditingkatkan sebanyak 48.49 peratus selepas menerima bantuan modal zakat bagi tujuan pembangunan perniagaan mereka.

Oleh yang demikian, sumber hasil kutipan zakat yang diperoleh dapat disalurkan kepada golongan fakir dan miskin bagi tujuan peningkatan kesihatan, memenuhi keperluan makanan dan minuman serta keperluan kepada pendidikan (Al Azizah & Choirin, 2018). Justeru dengan peningkatan sumber buruh yang berkualiti

serta kecekapan dalam produktiviti pengeluaran (Peterson, 1974), maka secara tidak langsung penawaran barangan yang dihasilkan dalam ekonomi juga akan dapat dipertingkatkan dan hal ini akan meningkatkan pertumbuhan KDNK negara akibat daripada perlaksanaan zakat.

#### **3.4.2.3 Jangkaan Hasil Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini dijangka akan menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara kutipan zakat dengan pembangunan modal insan berdasarkan kepada Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), khususnya dalam dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Melalui analisis regresi kuantil yang dijalankan, dijangka wujud perbezaan kekuatan hubungan ini di pelbagai peringkat pembangunan (kuantil bawah, sederhana dan atas), sekali gus memperlihatkan keberkesanan agihan zakat yang lebih ketara dalam kelompok masyarakat berpendapatan rendah.

Selain itu, kajian ini dijangka dapat menunjukkan bahawa hasil kutipan dan pengagihan zakat bukan sahaja berperanan dalam mengurangkan kadar kemiskinan, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada peningkatan akses masyarakat kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan. Implikasi ini secara langsung menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDG's*), terutamanya yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, kesihatan yang baik, serta pendidikan berkualiti (Putri, 2024). Dengan kata lain, pengurusan zakat yang efektif bukan sahaja memperkukuh kesejahteraan sosial golongan *aṣnāf*, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan manusia secara menyeluruh dan pembangunan ekonomi yang inklusif.

Berdasarkan Jadual 3.2, jangkaan dapatan kajian dapat dirumuskan dengan merujuk kepada penemuan kajian-kajian terdahulu, serta disokong oleh pembentukan hipotesis-hipotesis kajian yang menghubungkan hasil kutipan zakat, pembolehubah kawalan sosioekonomi, dan pembangunan manusia. Pendekatan ini membolehkan kajian memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai kesan zakat terhadap pembangunan manusia, sekaligus menyediakan asas empirikal bagi cadangan polisi dan strategi pengurusan zakat yang lebih berkesan di peringkat negeri dan nasional.

### Jadual 3.2

#### Jangkaan Dapatan Kajian Berdasarkan Kepada Pembolehubah

Pembolehubah	Proksi	Sumber	Jangkaan Dapatan Kajian
IPRM	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysi / Indeks Pembangunan Manusia	Jabatan Perangkaan Malaysia	+
Zakat	Jumlah hasil kutipan zakat bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis	Jabatan Wakaf, Umrah dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri	+
Pendidikan	Enrolmen pelajar sekolah menengah bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis	Kementerian Pelajaran Malaysia	+
Kesihatan	Jumlah kelahiran mati bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis	Jabatan Perangkaan Malaysia	-
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis	Jabatan Perangkaan Malaysia	+
GINI	Indeks Pekali Gini bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis	Jabatan Perangkaan Malaysia	-

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, jangkaan dapatan kajian dapat dijelaskan secara terperinci seperti berikut. Analisis ini membincangkan bagaimana setiap pembolehubah bebas dijangka mempengaruhi Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) di peringkat negeri, serta implikasinya terhadap pembangunan manusia secara menyeluruh. Jangkaan dapatan ini merangkumi kesan positif atau negatif setiap faktor, berdasarkan teori pembangunan manusia dan bukti empirik terdahulu, sekaligus memberikan asas yang kukuh untuk memahami hubungan antara pengagihan zakat, pendidikan, kesihatan, KDNK, dan ketidaksamarataan pendapatan terhadap pembangunan manusia.

#### **1. IPRM (Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia / Indeks Pembangunan Manusia)**

Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) digunakan sebagai ukuran utama ataupun pembolehubah tetap adalah untuk menilai tahap pembangunan manusia di setiap negeri di Malaysia. Indeks ini merangkumi pelbagai dimensi, termasuk aspek pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup, yang secara kolektif mencerminkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Jangkaan dapatan kajian adalah positif (+) kerana peningkatan faktor-faktor pembangunan sosioekonomi seperti akses kepada

pendidikan yang lebih meluas, sistem kesihatan yang lebih efektif, peningkatan taraf hidup serta pengagihan zakat yang berkesan dijangka mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Dengan kata lain, negeri-negeri yang menunjukkan prestasi baik dalam elemen-elemen tersebut dijangka mencatatkan nilai IPRM yang lebih tinggi, sekaligus menandakan kemajuan pembangunan manusia yang lebih seimbang dan inklusif.

## **2. Hasil Kutipan Zakat**

Dalam kajian ini, zakat dijadikan pembolehubah penerang yang mewakili keberkesanan pengagihan kekayaan di Malaysia. Hasil kutipan zakat bagi setiap negeri (kecuali Perlis) digunakan sebagai proksi bagi menilai sejauh mana dana zakat dapat menyokong golongan asnaf dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Zakat berperanan bukan sahaja sebagai ibadah individu, tetapi juga instrumen pembangunan sosioekonomi yang mampu mengurangkan jurang pendapatan, memperkukuh ekonomi setempat, serta menyokong pembangunan manusia secara menyeluruh. Jangkaan dapatan kajian adalah positif (+) kerana negeri-negeri yang mempunyai kutipan zakat lebih tinggi dijangka mampu menyalurkan bantuan kepada golongan memerlukan dengan lebih efektif. Hal ini secara langsung akan memberi kesan positif terhadap Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM), di mana peningkatan kesejahteraan golongan asnaf dan pengurusan kekayaan yang baik akan meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhan. Dengan kata lain, zakat bukan sekadar mekanisme pengagihan semula kekayaan, tetapi juga merupakan alat pembangunan manusia yang berkesan, sejajar dengan prinsip keadilan sosial dan *maqāsid al-syarī'ah*.

## **3. Pendidikan**

Pendidikan dijadikan pembolehubah bebas dan diwakili oleh enrolmen pelajar sekolah menengah bagi setiap negeri (kecuali Perlis). Pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan manusia kerana ia meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan individu untuk menyumbang secara produktif kepada masyarakat. Akses pendidikan yang lebih baik dijangka memberi impak positif terhadap pembangunan manusia dengan membentuk modal insan yang berdaya saing dan berpengetahuan luas. Jangkaan dapatan kajian adalah positif (+) kerana negeri yang menunjukkan kadar enrolmen yang tinggi dijangka mencatatkan peningkatan IPRM. Hal ini disebabkan pendidikan secara langsung mempengaruhi pembangunan sosial dan

ekonomi, meningkatkan peluang pekerjaan, pendapatan, serta taraf hidup rakyat. Selain itu, pendidikan juga memainkan peranan dalam membentuk masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab, dan berdaya saing, sekaligus menyokong keberkesanan program pembangunan manusia secara keseluruhan.

#### **4. Kesihatan**

Kesihatan dijadikan pembolehubah bebas dan diwakili oleh jumlah kelahiran mati bagi setiap negeri (kecuali Perlis). Kesihatan merupakan dimensi utama dalam pembangunan manusia kerana ia mempengaruhi kualiti hidup, produktiviti, dan jangka hayat individu dalam masyarakat. Kadar kematian bayi yang tinggi sering mencerminkan kelemahan dalam sistem penjagaan kesihatan, kekurangan akses kepada rawatan asas, dan masalah kesejahteraan asas yang lain. Jangkaan dapatan kajian adalah negatif (-) kerana negeri-negeri dengan kadar kelahiran mati yang tinggi dijangka mencatatkan IPRM yang lebih rendah. Hal ini disebabkan isu kesihatan yang buruk boleh menjejaskan produktiviti masyarakat, mengurangkan kualiti hidup, dan menimbulkan kos sosial yang tinggi. Dengan itu, tahap kesihatan yang baik adalah faktor penting untuk meningkatkan pembangunan manusia dan memastikan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

#### **5. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita**

KDNK per kapita digunakan sebagai pembolehubah bebas bagi menilai kekuatan ekonomi setiap negeri di Malaysia (kecuali Perlis). KDNK per kapita mencerminkan tahap pendapatan purata rakyat dalam sesebuah negeri dan merupakan indikator penting terhadap taraf hidup serta kesejahteraan ekonomi masyarakat. Negeri dengan KDNK yang tinggi biasanya mempunyai akses lebih baik kepada pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial, seterusnya menyokong pembangunan manusia secara keseluruhan. Jangkaan dapatan kajian adalah positif (+) kerana peningkatan KDNK per kapita dijangka meningkatkan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Hal ini disebabkan sumber ekonomi yang kukuh membolehkan rakyat memperoleh pendapatan lebih stabil, meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan kemiskinan, dan membuka peluang pembangunan sosial serta ekonomi yang lebih meluas. Dengan kata lain, KDNK per kapita bukan sahaja mencerminkan prestasi ekonomi negeri, tetapi juga berperanan secara langsung dalam memacu pembangunan manusia dan kesejahteraan masyarakat.

## **6. Indeks Pekali Gini (GINI)**

Indeks Pekali Gini (GINI) digunakan sebagai pembolehubah bebas untuk mengukur tahap ketidaksamarataan pendapatan di setiap negeri di Malaysia (kecuali Perlis). Indeks ini menunjukkan sejauh mana pendapatan diagihkan secara adil dalam masyarakat. Nilai GINI yang tinggi mencerminkan jurang pendapatan yang besar, manakala nilai rendah menunjukkan pengagihan pendapatan yang lebih saksama. Jangkaan dapatan kajian adalah negatif (-) kerana ketidaksamarataan pendapatan yang tinggi dijangka menurunkan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Hal ini kerana jurang ekonomi yang luas boleh menjejaskan akses golongan berpendapatan rendah kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang ekonomi, seterusnya mengurangkan kesejahteraan manusia secara keseluruhan. Oleh itu, pengurangan ketidaksamarataan pendapatan dianggap penting untuk meningkatkan pembangunan manusia dan memastikan kesejahteraan sosial yang lebih inklusif.

Berdasarkan huraian pembolehubah dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pembangunan manusia di Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai faktor ekonomi dan sosial. Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM) digunakan sebagai ukuran utama tahap pembangunan manusia, manakala zakat, pendidikan, kesihatan, KDNK per kapita, dan ketidaksamarataan pendapatan (GINI) dijadikan pembolehubah bebas yang mempengaruhi tahap pembangunan tersebut. Hasil jangkaan kajian menunjukkan bahawa zakat, pendidikan, dan KDNK per kapita dijangka memberi kesan positif (+) terhadap pembangunan manusia, kerana faktor-faktor ini meningkatkan kesejahteraan, peluang pendidikan, akses kepada perkhidmatan asas, serta pendapatan dan taraf hidup rakyat. Sebaliknya, kesihatan yang lemah (diwakili oleh jumlah kelahiran mati) dan ketidaksamarataan pendapatan yang tinggi (GINI) dijangka memberi kesan negatif (-) terhadap pembangunan manusia, kerana isu-isu ini menjejaskan kualiti hidup, peluang ekonomi, dan keadilan sosial dalam masyarakat.

Secara keseluruhan, kajian ini menekankan bahawa pembangunan manusia adalah hasil interaksi antara faktor-faktor sosioekonomi dan pengagihan kekayaan yang berkesan. Penekanan terhadap pengurusan zakat, pendidikan, dan ekonomi negeri dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat, manakala usaha mengurangkan ketidaksamarataan dan memperbaiki sistem kesihatan adalah penting untuk memastikan pembangunan manusia yang inklusif, seimbang, dan berterusan.

### 3.4.3 Pemilihan Institusi-institusi Zakat di Malaysia

Bahagian ini membincangkan mengenai pemilihan sampel pusat kutipan zakat bagi setiap negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis untuk digunakan dalam kajian ini. Sampel pusat kutipan zakat yang dipilih berperanan dalam mengutip dan membuat agihan zakat bagi setiap negeri. Berdasarkan jadual 3.3, telah ditunjukkan jumlah sampel kajian iaitu sebanyak 13 buah pusat kutipan zakat yang digunakan dalam kajian ini kecuali negeri Perlis akibat daripada kekangan untuk mendapatkan data hasil kutipan zakat tahunan dari tahun 2016 sehingga tahun 2023. Kajian ini mengambil tahun asas dari tahun 2005 sehingga tahun 2023 dengan menggunakan data panel kerana data bagi pembolehubah kawalan seperti data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita bagi setiap negeri baru disusun dan dipamerkan kepada umum oleh Jabatan Perangkaan Negara (2023).

Jadual 3.3  
Sampel Penuh Bilangan Pusat Kutipan Zakat di Malaysia

Pusat Kutipan Zakat	Negeri
1. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	Kedah Darul Aman
2. Zakat Pulau Pinang (ZZP)	Pulau Pinang
3. Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Zakat MAIPk)	Perak Darul Ridzuan
4. Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Selangor Darul Ehsan
5. Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP)	Wilayah Persekutuan
6. Zakat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Zakat MAIN)	Negeri Sembilan Darul Khusus
7. Zakat Melaka	Melaka
8. Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor	Johor Darul Takzim
9. Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang)	Pahang Darul Makmur
10. Bahagian Pengurusan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Terengganu Darul Iman
11. Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	Kelantan Darul Naim
12. Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah	Sabah
13. Tabung Baitulmal Sarawak	Sarawak

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) & Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2024

### 3.5 Hubungan Hasil Kutipan Zakat di Malaysia Terhadap Pembangunan Manusia

#### 3.5.1 Pembentukan Model Penganggaran

Bahagian ini membincangkan spesifikasi model penganggaran yang digunakan untuk mencapai objektif kajian, iaitu untuk menganalisis tahap pembangunan masyarakat dengan merujuk kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) sebagai pembolehubah terikat. Model kajian ini dibangunkan berasaskan persamaan (3.1) yang telah disesuaikan daripada kajian terdahulu oleh Suprayatino et al. (2017), Akmal et al. (2020), Wardani & Arif (2021), dan Lestari & Arumi (2024).

Model tersebut kemudian dikembangkan dengan mengambil kira pelbagai faktor penentu pembangunan masyarakat, termasuk aspek sosioekonomi dan pengagihan kekayaan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa hasil kutipan dan pengagihan zakat memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada tahap pembangunan manusia, kerana ia berfungsi bukan sahaja sebagai mekanisme redistribusi kekayaan tetapi juga sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi yang menyokong kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh (Suprayatino et al., 2017; Akmal et al., 2020; Wardani & Arif, 2021; Lestari & Arumi, 2024).

Berdasarkan penemuan tersebut, persamaan baru kajian telah dibentuk untuk memasukkan faktor-faktor zakat sebagai pembolehubah bebas bersama dengan pembolehubah kawalan sosioekonomi lain. Pendekatan ini membolehkan analisis yang lebih holistik terhadap hubungan antara pengagihan zakat dan pembangunan manusia, serta memberikan asas empirikal yang kukuh bagi penghasilan dapatan kajian yang relevan dengan konteks pembangunan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, persamaan baru yang telah dibentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia:

$$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 X_{it} + \varepsilon_{it} \quad (3.9)$$

Dalam persamaan model kajian ini,  $i$  merujuk kepada setiap pusat kutipan zakat yang terdapat di seluruh Malaysia, manakala  $t$  menunjukkan kadar masa atau tempoh kajian.  $IPRM$  digunakan sebagai petunjuk prestasi utama untuk menilai tahap

pembangunan manusia di setiap negeri.  $Z$  pula adalah pembolehubah penerang yang mewakili hasil kutipan zakat bagi setiap institusi zakat di Malaysia, kecuali negeri Perlis, yang berfungsi untuk menilai impak pengagihan zakat terhadap pembangunan manusia.

Sementara itu,  $X$  merupakan set pembolehubah kawalan yang turut mempengaruhi  $IPRM$ . Set ini merangkumi beberapa indikator penting, iaitu jumlah kelahiran mati, yang digunakan sebagai petunjuk kesihatan; enrolmen pelajar sekolah menengah, sebagai petunjuk pendidikan; serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKNK) per kapita dan Pekali Gini, yang dijadikan petunjuk taraf hidup dan ketidaksamarataan pendapatan. Semua pembolehubah kawalan ini diambil kira untuk memastikan analisis yang diperoleh memberi gambaran yang lebih tepat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan manusia.

Akhir sekali,  $\varepsilon_i$  adalah terma ralat dalam persamaan yang mewakili pembolehubah lain yang tidak diukur atau faktor luar yang mungkin memberi kesan terhadap  $IPRM$  tetapi tidak termasuk secara langsung dalam model. Dengan struktur ini, model kajian dapat menilai hubungan antara pengagihan zakat dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh, sambil mengawal faktor-faktor lain yang relevan untuk memastikan dapatan kajian adalah sah dan tepat.

Model panel kesan tetap (FE):

Tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia:

$$IPRM_{it} = \nu_i + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 X_{it} + \varepsilon_{it} \quad (3.10)$$

Model panel kesan rawak (RE):

Tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia:

$$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 X_{it} + (\nu_i + \varepsilon_{it}) \quad (3.11)$$

Model Regresi Kuantil (QR)

Tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia:

$$Quant_{it}(IPRM_{it}|Z_{it}) = Z_{it} \beta_\theta \quad (3.12)$$

$$IPRM_{it} = V'_{it}B\theta + \mu_{\theta i} ; Quant_{\theta} (IPRM_{it} / V'_{it}) = V'_{it}B\theta \quad (3.13)$$

$$\begin{aligned} Min \sum \theta |IPRM_{it} - V'_{it}\beta| \sum (1-\theta) |IPRM_{it} - V'_{it}\beta| \\ \beta \quad IPRM_{it} \geq V'_{it}\beta \quad IPRM_{it} < V'_{it}\beta \end{aligned} \quad (3.14)$$

Huraian bagi setiap terma dalam persamaan adalah merujuk kepada Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4

Huraian Terma Dalam Persamaan

Terma	Huraian	Terma	Huraian
IPM	Indeks Pembangunan Manusia	N	Vektor
Z	Hasil Kutipan Zakat	E	Terma Ralat
Pend.	Enrolmen Pelajar Sekolah Menengah	B	Koefisien Parameter
Kes.	Jumlah Kelahiran Mati	I	Institusi zakat di Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar Per Kapita	T	Tahun
GINI	Pekali Gini ( <i>Gini Coefficient</i> )	$\eta$	Kesan Spesifik

### 3.5.2 Ujian Analisis *Outliers*

Pelaksanaan ujian dalam menentukan *outliers* adalah penting sebelum penganggaran kajian dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini telah menjalankan beberapa ujian bagi melihat pemilihan institusi-institusi zakat di Malaysia serta pembolehubah adalah baik dan memenuhi spesifikasi setiap model yang dianggar. Ujian bagi mengenal pasti *outliers* perlu dilakukan terutamanya bagi data keratan rentas. Menurut Barnett dan Lewis (1994), *outliers* didefinisikan sebagai pemerhatian yang terletak di luar hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas, didedahkan sebagai data yang tinggal. Berdasarkan kepada beberapa kajian terdapat kaedah analisis yang digunakan bagi mengenal pasti *outliers* dalam sampel kajian antaranya penggunaan teknik grafik, ujian diagnostik residual, pengukuran *cook's distance* dan penggunaan teknik regresi DFFITS (Ding & Knight, 2009).

DFFITS adalah singkatan kepada *Difference in Fits*, iaitu salah satu kaedah statistik untuk mengesan data outlier atau titik pengaruh yang luar biasa dalam model regresi. Ia mengukur perubahan dalam nilai ramalan (*fitted value*) apabila satu pemerhatian dikeluarkan dari model regresi. Formula DFFITS adalah seperti berikut:

$$DFFITS_i = \hat{y}_i - \hat{y}_{i(-i)} / S_{(-i)} \sqrt{h_{ii}} \quad (3.15)$$

Dalam pada itu juga, terdapat dua kriteria umum untuk mengenal pasti *Outlier* (*DFFITS Cut-Off*):

1. Jika  $n < 50$ , maka pemerhatian dianggap sebagai *outlier*

$$|DFFITS_i| > 1 \quad (3.16)$$


2. Jika  $n \geq 50$ , pemerhatian dianggap sebagai berpengaruh

$$|DFFITS_i| > \sqrt{\frac{K + 1}{n}} \quad (3.17)$$

Bagi memastikan ketepatan pemilihan institusi zakat yang digunakan sebagai sampel dalam kajian ini, satu ujian DFFITS telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kemungkinan kewujudan *outliers*. Ujian ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pemerhatian yang mempunyai nilai *residual* yang besar, nilai *leverage* yang tinggi, atau gabungan kedua-duanya, yang berpotensi menjadi pemerhatian yang paling berpengaruh terhadap model. Dengan kata lain, analisis DFFITS secara efektif menilai kesan setiap pemerhatian terhadap anggaran model, sekaligus mengenal pasti data yang mungkin menyimpang daripada pola utama. Melalui pelaksanaan ujian ini, kajian dapat memastikan bahawa sampel institusi zakat yang digunakan adalah representatif dan tidak dipengaruhi oleh pemerhatian ekstrem yang boleh menjejaskan ketepatan *inferens* statistik. Langkah ini juga meningkatkan ketepatan, kebolehpercayaan, dan keabsahan keputusan kajian, kerana potensi *outliers* dikenal pasti dan diambil kira sebelum model penganggaran dijalankan. Dengan demikian, penggunaan DFFITS bukan sahaja berperanan sebagai alat diagnostik, tetapi juga sebagai mekanisme untuk memperkukuh integriti data dan analisis dalam menilai kesan hasil kutipan zakat terhadap pembangunan manusia di Malaysia.

Berdasarkan Rajah 3.1, dapatan ujian menunjukkan keputusan analisis DFFITS yang dilakukan ke atas hubungan antara hasil kutipan zakat di Malaysia dan tingkat pembangunan manusia. Analisis mendapati bahawa kesemua institusi zakat yang dipilih sebagai sampel berada dalam julat nilai yang memuaskan dan tidak menunjukkan kewujudan *outliers*, kerana nilai DFFITS bagi setiap institusi tidak melebihi 0.5.

Menurut Belsley et al. (1980), pemerhatian yang mempunyai nilai *leverage* melebihi 0.5 dikategorikan sebagai *outliers*. Keputusan ini menandakan bahawa semua institusi zakat yang dipilih adalah representatif dan sesuai untuk dianalisis dalam kajian ini, sekaligus memastikan integriti dan kebolehpercayaan *inferens* statistik yang dijalankan. Dengan tiadanya *outliers* dalam sampel, hubungan antara hasil kutipan zakat dan pembangunan manusia dapat dianalisis dengan lebih tepat, memberikan asas empirikal yang kukuh bagi penilaian impak zakat terhadap kesejahteraan dan pembangunan manusia di peringkat negeri.



Rajah 3.1 Nilai *Hat DFFITS* Bagi Setiap Institusi Zakat di Malaysia

Sumber: Dapatan Analisis Kajian Daripada Perisian Stata17

### 3.6 Rumusan

Perbincangan dalam bab ini adalah tertumpu kepada kaedah penganggaran yang digunakan untuk mencapai setiap objektif kajian yang telah dibentuk dalam bab 1. Sumber data dan juga kaedah penganggaran bagi setiap objektif telah diterangkan berdasarkan kepada pembahagian sub topik. Dalam mengaplikasikan analisis data panel, kajian ini memilih kaedah penganggaran panel statik dan analisis regresi kuantil berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi objektif pertama, kajian ini mengambil kira hubungan antara jumlah hasil kutipan zakat terhadap IPRM. Manakala analisis regresi kuantil telah digunakan untuk mencapai objektif

kajian kedua dengan melihat kepada kesan perubahan jumlah hasil kutipan zakat bagi setiap negeri ke atas pembangunan masyarakat dengan merujuk kepada petunjuk IPRM. Kedua-dua elemen ini diambil kerana melihat kepada pengaruh zakat dalam membangunkan masyarakat malah turut memberi manfaat kepada negara Malaysia untuk membangunkan ekonomi dalam menggerakkan ekonomi ke arah yang lebih baik dan mampan. Hal ini adalah kerana setiap institusi zakat di Malaysia mempunyai tingkat kutipan zakat yang berbeza-beza di mana terdapat institusi zakat yang telah melaksanakan pengkorporatan sepenuhnya dan juga tidak melakukan pengkorporatan.

Dalam usaha menilai impak kutipan zakat terhadap pembangunan masyarakat melalui dimensi Indeks Pembangunan Manusia (IPM), gabungan antara model panel statik (FE atau RE) dan analisis regresi kuantil dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan terperinci terhadap hubungan yang dikaji. Model panel statik membolehkan analisis dijalankan dengan menggabungkan variasi antara negeri dan antara masa. Kaedah ini berupaya mengawal heterogeniti tak dapat diperhatikan (*unobserved heterogeneity*) seperti perbezaan dasar pentadbiran zakat antara negeri. Kesan tetap (FE) model, khususnya, sesuai digunakan apabila terdapat kesan tetap khusus negeri yang tidak berubah sepanjang masa dan boleh mempengaruhi IPM. Model ini memberikan anggaran purata kesan zakat terhadap IPM, dengan mengawal faktor-faktor tetap yang tidak dapat diukur secara langsung. Namun demikian, anggaran purata semata-mata tidak mencukupi untuk mengenal pasti perbezaan impak zakat pada pelbagai tahap pembangunan insan. Regresi kuantil membolehkan pengkaji melihat bagaimana kesan kutipan zakat berubah merentas pelbagai kuantil IPM (kuantil ke-25, ke-50, ke-75), sekaligus mengenal pasti kesan yang tidak seragam (*heterogeneous effects*) yang tidak dapat dikesan oleh model panel biasa. Maka hasil dapatan yang diperoleh dapat dibandingkan dan ini secara tidak langsung melihat kepada objektif kajian yang ketiga berdasarkan objektif kajian yang dibentuk dalam bab satu.

Kajian ini menggunakan pakej perisian statistik iaitu *Stata17* bagi anggaran pekali untuk menganalisis data panel institusi zakat yang telah diperoleh daripada laporan kewangan setiap institusi zakat di Malaysia dari tahun 2005 sehingga tahun 2023 (19 tahun) kecuali negeri Perlis.

## **BAB 4**

### **HASIL DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Perbahasan di dalam bab ini adalah memfokuskan kepada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan bagi memenuhi setiap objektif kajian yang telah dibentuk di dalam bab satu. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan adalah untuk menilai hubungan antara hasil kutipan zakat bagi 13 buah negeri di Malaysia terhadap pembangunan manusia. Analisis yang telah dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah data panel untuk tempoh masa 19 tahun iaitu dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Di samping itu, pendekatan regresi kuantil (QR) turut dijalankan bagi memahami dengan lebih mendalam lagi bagaimana hubungan hasil kutipan zakat memberi kesan terhadap pembangunan manusia mengikut tahap kuantil yang berbeza, khususnya berdasarkan kedudukan kuantil Indeks Pembangunan Manusia (IPM) yang berbeza.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah melibatkan dua peringkat iaitu analisis panel dan regresi kuantil bagi membolehkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap peranan hasil kutipan zakat dalam pembangunan manusia. Kaedah panel digunakan untuk menguji hubungan secara agregat melibatkan kesan tetap (*fixed effects*) dan rawak (*random effects*), manakala regresi kuantil digunakan untuk melihat variasi kesan hasil kutipan zakat ke atas pembangunan manusia dalam kumpulan negeri yang berada pada tahap pembangunan yang rendah, sederhana, dan tinggi.

Dalam bab ini, analisis dimulakan dengan analisis deskriptif ringkas mengenai pembolehubah kajian, diikuti dengan hasil keputusan ujian diagnostik seperti heterokedastisiti, autokorelasi dan multikolineariti. Seterusnya, dapatan kajian berasaskan kepada kaedah data panel dan regresi kuantil akan dibahaskan secara berasingan. Akhir sekali, penemuan hasil dapatan kajian dapat dirumuskan dan dibincangkan mengikut teori serta dapatan daripada kajian-kajian lepas.

## 4.2 Hubungan Hasil Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia

Dalam bahagian ini, tumpuan perbincangan adalah berkaitan dengan hasil penganggaran untuk menganalisis hubungan hasil kutipan zakat bagi institusi-institusi zakat di Malaysia kecuali negeri Perlis terhadap pembangunan manusia yang merujuk kepada petunjuk indeks pembangunan manusia (IPM). Sebelum membincangkan hasil dapatan kajian, beberapa aspek turut dipertimbangkan terlebih dahulu dalam penganggaran awal seperti ujian deskriptif dan matrik kolerasi antara pembolehubah. Manakala hasil keputusan kajian yang akan diterangkan bermula dengan hasil keputusan model panel dan kemudian diikuti dengan hasil keputusan analisis regresi kuantil (QR). Kajian ini turut menggunakan data panel ke atas 13 buah institusi zakat di Malaysia bagi tempoh 19 tahun berturut-turut dari tahun 2005 sehingga tahun 2023.

### 4.2.1 Analisis Ujian Deskriptif

Jadual 4.1

Ringkasan Statistik Pembolehubah Untuk Pembangunan Manusia

	<i>Obs.</i>	<i>Mean</i>	<i>Sisihan Piawai</i>	<i>Min.</i>	<i>Max.</i>	<i>Skewness</i>	<i>Kurtosis</i>
<i>IPRM</i>	247	0.776	0.043	0.639	0.867	0.001	0.046
<i>Z</i>	247	11.631	0.934	9.334	13.928	0.130	0.770
<i>Kes.</i>	247	-1.862	0.502	-2.938	-0.658	0.183	0.186
<i>Pend.</i>	247	5.626	2.294	0.231	13.538	0.030	0.268
<i>KDNK</i>	247	3.370	0.538	1.804	4.676	0.434	0.731
<i>GINI</i>	247	0.386	0.032	0.308	0.477	0.167	0.450

Sumber: Dapatan Analisis Kajian Daripada Perisian *Stata17*

Jadual 4.1 di atas telah menunjukkan hasil keputusan analisis deskriptif bagi pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Merujuk kepada pembolehubah *IPRM*, nilai purata adalah pada 0.776 dan nilai minimum pada 0.639 hingga 0.867 iaitu pada nilai maksimum. Secara purata yang dapat dijelaskan bagi hasil kutipan zakat yang diperoleh, mampu menunjukkan keupayaan dalam meningkatkan pembangunan manusia bagi tempoh jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek. Manakala pembolehubah *Z* merupakan pembolehubah penerang dan merujuk kepada jumlah hasil kutipan zakat yang telah dikutip oleh institusi zakat mahupun Majlis Agama Islam Negeri. Nilai purata bagi pembolehubah *Z* adalah pada 11.631, nilai minimum adalah pada 9.334 dan nilai maksimum pada 13.928.

Dimensi umur yang panjang dan kehidupan yang sihat diukur melalui pembolehubah *Kes.*, yang mewakili jumlah kelahiran mati dengan nilai purata -1.862, dengan nilai julat yang diperoleh adalah pada -2.938 hingga -0.658. Seterusnya dimensi akses kepada pengetahuan melalui pembolehubah *Pend.* mempunyai nilai purata 5.626, dengan nilai minimum dan maksimum masing-masing pada 0.231 dan 13.538. Manakala dimensi yang terakhir adalah merujuk kepada dimensi taraf hidup yang baik melalui pembolehubah *KDNK* dan *GINI*. Nilai purata untuk pembolehubah *KDNK* adalah 3.370, dengan nilai minimum dan maksimum masing-masing pada 1.804 dan 4.676. Bagi pembolehubah *GINI*, nilai purata yang ditunjukkan adalah 0.386, dengan nilai minimum pada 0.308 dan nilai maksimum adalah pada 0.477.

Jadual 4.1 juga turut menunjukkan kecondongan (*skewness*) dan tingkat ketajaman atau kebotakan pada puncak taburan sesuatu data (*kurtosis*). Berdasarkan kepada nilai *skewness* dan *kurtosis* yang diperoleh dalam Jadual 4.1, didapati bahawa kesemua pembolehubah berada dalam julat yang diterima dan bertaburan normal, iaitu kurang daripada nilai ambang  $skewness \leq 3$  dan  $kurtosis \leq 10$ . Oleh yang demikian, andaian normaliti pada data tersebut boleh dianggap telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dan ini juga telah menunjukkan bahawa semua pembolehubah yang digunakan adalah bertaburan normal (Nomran dan Haron, 2021; Umar et al., 2023).

#### **4.2.2 Korelasi Matriks**

Jadual 4.2 menunjukkan korelasi matriks Pearson yang daripadanya merujuk kepada pekali korelasi antara pembolehubah yang telah diperoleh. Pekali tertinggi dalam Jadual 4.2 adalah 0.693, yang mewakili korelasi antara *KDNK* dan *Z*. Analisis korelasi matriks dalam Jadual 4.2 juga telah mendapati tiada masalah kolineariti kerana tiada pekali yang melebihi nilai 0.8 (Kennedy, 2008 dan Hair et al., 2014). Berdasarkan kepada Nilai Faktor Inflasi Varians (*Variance Inflation Factors -VIF*), nilai VIF berada dalam julat antara 1.13 hingga 2.72, sekali gus mengesahkan bahawa masalah kolineariti juga tidak wujud. Pelaksanaan ujian VIF adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana varians anggaran koefisien regresi meningkat disebabkan oleh kolineariti antara pembolehubah bebas.

Jadual 4.2  
Analisis Korelasi Matriks

	<i>IPRM</i>	<i>Z</i>	<i>Kes.</i>	<i>Pend.</i>	<i>KDNK</i>	<i>GINI</i>	<i>VIF</i>
<i>IPRM</i>	1.000						
<i>Z</i>	0.673	1.000					2.72
<i>Kes.</i>	-0.064	0.388	1.000				1.86
<i>Pend.</i>	-0.144	-0.197	0.004	1.000			1.13
<i>KDNK</i>	0.548	0.693	-0.207	-0.067	1.000		2.06
<i>GINI</i>	-0.537	-0.368	0.152	0.316	-0.323	1.000	1.40

Sumber: Dapatkan Analisis Kajian Daripada Perisian *Stata17*

### 4.2.3 Penganggaran Panel Statik

Dapatkan hasil daripada kajian ini dimulakan dengan analisis keputusan penganggaran model tanpa kesan atau pun dikenali sebagai model koefisien malar yang mengandaikan kedua-dua pintasan dan kecerunan malar iaitu tiada pengaruh keratan rentas (individu) atau masa yang signifikan dalam penganggaran. Penganggaran model kesan tetap (FE) mengandaikan perbezaan pintasan bagi setiap institusi zakat iaitu wujud variasi yang signifikan antara institusi zakat. Manakala bagi model kesan rawak (RE) pula mengandaikan variasi institusi zakat di Malaysia adalah rawak dan diwakili komponen ralat. Berikut adalah jadual 4.3 yang merujuk kepada hasil keputusan penganggaran panel

Sebelum dibincangkan hasil keputusan kajian, Jadual 4.3 turut menunjukkan hasil keputusan regresi berganda berasaskan kepada dua ujian diagnostik utama iaitu ujian Hausman dan ujian heterokedastisiti. Berdasarkan kepada ujian pertama, hasil keputusan ujian Hausman telah menunjukkan  $\text{Chi}^2(5) = 25.34$  dan signifikan pada aras 1 peratus ( $p = 0.0000, p < 0.05$ ). Maka hipotesis nol ditolak dan model kesan tetap (FE) dipilih sebagai model kerana ia memberikan anggaran konsisten dan tidak bias berbanding model kesan rawak (RE) (Ascarya & Indra, 2022).

Manakala ujian kedua berdasarkan kepada Jadual 4.3 adalah merujuk kepada ujian heterokedastisiti ke atas POLS, FE dan RE. Hasil keputusan ujian Breush-Pagan ke atas model POLS telah mendapati nilai  $\text{Chi}^2(1)$  adalah 16.57 dengan nilai  $p = 0.000$ . Oleh kerana nilai  $p < 0.05$ , maka tolak hipotesis nol ( $H_0$ ) dan ini menunjukkan bahawa terdapat masalah heterokedastisiti dalam model POLS. Ini bermakna anggaran biasa (OLS) mungkin tidak lagi efisien dan sisihan piawai (*standard error*) tidak tepat. Maka ralat piawai *robust* digunakan dalam analisis ini untuk memastikan anggaran yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai.

Seterusnya untuk model FE, ujian diagnostik telah dijalankan dengan menggunakan ujian Modified Wald dan mendapati bahawa model FE turut menghadapi masalah heterokedastisiti dan signifikan pada  $(\text{Chi}^2(7) = 1376.69, p < 0.0000, \text{tolak } H_0)$ . Dengan wujudnya masalah heterokedastisiti dalam model FE akan mengakibatkan sisihan piawai (*standard errors*) tidak tepat dan boleh mengganggu keputusan ujian t dan ujian F. Maka model FE ini telah menggunakan ralat piawai Driscoll-Kraay (*Driscoll-Kraay standard errors*) bagi membolehkan penganggar sisihan piawai menjadi lebih konsisten walaupun wujud pelanggaran kepada andaian heterokedastisiti. Dengan penggunaan ralat piawai *Driscoll-Kraay*, interpretasi kembali menjadi lebih kukuh dan menyakinkan terhadap hubungan antara pembolehubah dalam model. Ralat piawai Driscoll-Kraay (*Driscoll-Kraay standard errors*) adalah satu kaedah penganggaran ralat piawai dalam model data panel, yang dibentuk untuk memberi ketepatan lebih tinggi apabila terdapat heteroskedastisiti (varians ralat tidak malar); autokorelasi (ralat berkait dengan nilai sebelumnya dalam siri masa); dan *Cross-sectional dependence* (ralat antara unit yang melibatkan antara negeri atau institusi zakat saling berkait).

Manakala ujian diagnostik yang terakhir adalah ujian Breush-Pagan Lagrange Multiplier (LM). Matlamat Ujian Breush-Pagan Lagrange Multiplier (LM) dilaksanakan adalah untuk menentukan sama ada penggunaan model panel (RE) adalah lebih sesuai berbanding model biasa tanpa struktur panel (*Pooled OLS*). Dapatan ujian mendapati bahawa nilai  $\text{chibar}^2(1) = 344.11$ , manakala nilai  $p$  adalah  $0.000$ .  $p > \text{chibar}^2 = 0.000$  ( $p < 0.05$ ) = menolak hipotesis nol, terdapat bukti statistik yang menunjukkan wujudnya variasi antara unit (*panel affect*). Ini menunjukkan bahawa terdapat kesan variasi antara entiti dalam data panel dan model panel RE adalah diperlukan kerana model RE adalah lebih bersesuaian berbanding POLS.

Jadual 4.3  
 Hasil Keputusan Regresi Panel

Hasil keputusan regresi panel berasaskan kepada persamaan di bawah:			
Bil. Obs.: 247	$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 Kes_{it} + \beta_3 Pend_{it} + \beta_4 KDNK_{it} + \beta_5 GINI_{it} + \varepsilon_{it}$		
	<i>Panel Statik</i>	<i>Kesan Tetap (FE)</i>	<i>Kesan Rawak (RE)</i>
Z	0.017*** (0.003)	0.022*** (0.007)	0.013*** (0.005)
Kes.	-0.007* (0.004)	0.028*** (0.004)	0.020*** (0.005)
Pend.	0.001 (0.001)	0.001** (0.001)	0.001 (0.001)
KDNK	0.034*** (0.004)	0.022 (0.014)	0.040*** (0.009)
GINI	-0.338*** (0.061)	-0.159** (0.062)	-0.193*** (0.052)
cons.	0.569*** (0.038)	0.552*** (0.066)	0.597*** (0.045)
Ujian Hausman		136.14***	
Ujian Breusch & Pagan / Cook-Weisberg	16.57***		
Ujian Wald Chi <sup>2</sup>		1376.69***	
Ujian Breusch & Pagan LM			0.000
Nilai Statistik-F	119.69***	109.52***	
R <sup>2</sup>	0.713	0.705	0.700

Makluman pada nilai - p: \*p < 0.10; \*\*p < 0.05; \*\*\*p < 0.01

Sumber: Dapatan Analisis Kajian Daripada Perisian *Stata17*

Berdasarkan kepada Jadual 4.3 di atas, model kesan tetap (FE) telah dipilih setelah ujian diagnostik dijalankan ke atas semua model yang telah dibentuk. Ini menunjukkan model FE mempunyai pengaruh yang sangat tinggi dari sudut statistiknya dan ia adalah satu hasil yang kukuh dalam kajian berasaskan kepada data panel merentas negeri atau tempoh masa. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor-faktor yang digunakan dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan pada kesan yang berbeza terhadap IPRM. Nilai R<sup>2</sup> pada 70.5 peratus dan menunjukkan bahawa perubahan dalam pemboleh ubah ini berjaya diterangkan terhadap IPRM.

Impak utama terhadap pembolehubah penerang dalam kajian ini adalah merujuk kepada hasil kutipan zakat (*Z*) yang menunjukkan hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 1 peratus. Ini dapat dijelaskan bahawa dengan peningkatan hasil kutipan zakat (*Z*) oleh institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia mampu meningkatkan pembangunan manusia di setiap negeri dengan kaedah pengurangan kemiskinan, sokongan pendidikan dan tingkat kesejahteraan sosial. Dengan agihan zakat yang berkesan juga turut meningkatkan status sosioekonomi dan sekaligus menjadi penyumbang kepada peningkatan IPRM (Wahab & Rahman (2011)).

Seterusnya berdasarkan kepada pembolehubah kawalan dalam Jadual 4.3 bagi dimensi jangka hayat adalah merujuk kepada kesihatan (*Kes.*) telah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan pada aras keyakinan 1 peratus terhadap IPM. Ini adalah bertentangan dengan teori pembangunan manusia sedia ada yang berasaskan kepada petunjuk Kesihatan (*Kes.*). Ini berkemungkinan dengan tingkat kelahiran bayi mati yang rendah tidak semestinya mencerminkan hasil dapatan kesihatan yang baik jika sistem pengurusan kesihatan adalah tidak cekap. Menurut Gupta et al. (2003), keberkesanan perbelanjaan kesihatan turut bergantung kepada tadbir urus dan perkhidmatan yang cekap serta perbelanjaan yang bersasar. Meskipun jumlah kelahiran mati adalah rendah, *IPRM* tidak semestinya meningkat jika isu pengurusan tidak diuruskan dengan baik. Manakala pembolehubah kawalan bagi dimensi akses kepada pengetahuan berasaskan kepada petunjuk pendidikan (*Pend.*) adalah dengan merujuk kepada jumlah enrolmen pelajar sekolah menengah. Pendidikan mempunyai impak yang positif dan signifikan terhadap IPRM pada aras keyakinan 5 peratus dan pendidikan adalah asas kepada pembangunan modal insan dan kemajuan sosial ekonomi. Menurut Barro (2001), pencapaian pendidikan menengah dan tinggi, memainkan peranan penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial, serta secara langsung menyumbang kepada peningkatan IPRM. Pendidikan membentuk modal insan dan meningkatkan produktiviti serta kesedaran kesihatan. Pendapat ini turut disokong oleh Todaro & Smith (2008), pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia kerana dengan pendidikan, individu dapat memperbaiki keadaan kesihatan, memperoleh pendapatan lebih tinggi dan bergiat aktif dalam masyarakat.

Manakala pembolehubah kawalan yang terakhir adalah merujuk kepada dimensi taraf hidup dengan merujuk kepada petunjuk Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*) per kapita dan pekali Gini (*GINI*). Dapatan kajian mendapati *KDNK* per kapita telah

menunjukkan hubungan yang positif dan tidak signifikan terhadap *IPRM*. Ini menunjukkan bahawa dengan peningkatan dalam KDNK per kapita tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap tahap pembangunan manusia dalam konteks kajian ini. Ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian oleh Gülcemal (2020) ke atas 16 negara membangun dari 1990–2018 dan mendapati bahawa pertumbuhan KDNK per kapita terhadap Indeks Pembangunan Manusia (IPM) mempunyai kesan positif dan signifikan. Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam komponen pembangunan manusia (kesihatan, pendidikan, pendapatan) menyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Namun dapatan yang diperoleh adalah selari dengan UNDP (2010), pertumbuhan ekonomi tidak semestinya diterjemahkan secara langsung dengan peningkatan dalam pembangunan manusia dan ini menunjukkan keperluan analisis yang lebih mendalam terhadap struktur ekonomi, pengagihan pendapatan dan dasar sosial.

Manakala pembolehubah kawalan yang terakhir adalah merujuk kepada Pekali Gini (*GINI*) dan telah menunjukkan hubungan negatif dan signifikan terhadap IPM pada aras keyakinan 5 peratus. Pekali Gini diwujudkan untuk mengukur tahap ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan penduduk disesuatu kawasan atau tempat. Dapatan kajian mendapati ketidaksamaan pendapatan yang tinggi (pekali Gini yang tinggi) mempunyai kesan negatif ke atas *IPRM*. Ini menunjukkan pengagihan pendapatan yang adil memainkan peranan penting dalam memperbaiki kesejahteraan masyarakat. Dapatan kajian ini adalah selari dengan oleh Ranis (2006) dan Günay, S. K., & Topbaş, F. (2021) dan mendapati bahawa ketidaksamaan pendapatan yang rendah dapat membantu mempercepatkan peningkatan dalam IPM. Bahkan menurut Anand & Sen (2000), ketidaksamaan pendapatan perlu diberi perhatian dalam pengukuran pembangunan dan pengagihan sumber yang adil memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kesejahteraan manusia.

#### **4.2.4 Penganggaran Analisis Regresi Kuantil (QR)**

Kajian empirikal yang dijalankan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah penganggaran analisis regresi kuantil (QR) di mana penganggaran kuantil yang dilaksanakan adalah dengan menggunakan model persamaan yang sama sebagaimana yang ditunjukkan di dalam jadual 4.3. Analisis QR dibangunkan oleh Koenker & Basset (1978) di mana QR adalah analisis lanjutan daripada penganggaran kuasa dua terkecil

(OLS). OLS dianggap sebagai kurang tepat untuk menganalisis sejumlah data yang tidak simetri (*asymmetric*), kerana nilai min sebagai penganggar bagi nilai tengah data menjadi sangat peka dengan adanya data *outlier*. OLS hanya membolehkan hasil keputusan kajian dapat dianggar kepada min bersyarat (*conditional mean*) dan median bersyarat (*conditional median*) yang terletak di tengah-tengah pengedaran (*center of the distribution*), ini menjadikan penerangan tidak lengkap berkaitan dengan pengagihan bersyarat (*conditional distribution*) (Mosteller & Tukey, 1977).

Nilai penganggaran di dalam jadual 4.4 dibuat berdasarkan kepada lima tahap kuantil iaitu kuantil ke-10, ke-25, ke-50, ke-75 dan ke-90. Metod ini merupakan salah satu pendekatan membahagikan data menjadi kuantil-kuantil tertentu mengikut peratusan yang telah ditentukan. QR boleh menjelaskan maklumat data yang tidak simetri (*asymmetric*) serta bukan linear bagi pembolehubah bersyarat ke atas pembolehubah bersandar (Law et al., 2021). Pada tahap kuantil ke-10 dan ke-25, dikategorikan sebagai tahap kuantil yang paling rendah, tahap kuantil ke-50 dikategorikan sebagai tahap kuantil yang sederhana dan manakala bagi tahap kuantil ke-75 dan ke-90 dikategorikan sebagai tahap kuantil yang tinggi. Dalam kajian ini turut digunakan kaedah *bootstrap* sebagaimana yang telah digambarkan dalam Buchinsky, M. (1995) bagi mendapatkan anggaran ralat piawai bagi pekali dalam analisis regresi kuantil dan bentuk analisis ini adalah amat penting. Hal ini memudahkan kajian dibuat dengan mengkaji kesan pembolehubah bebas iaitu pembolehubah penerang pada titik yang berbeza terhadap prestasi pembangunan manusia dengan merujuk kepada petunjuk Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (*IPRM*).

Jadual 4.4  
Keputusan Analisis Regresi Kuantil (QR)

Regresi Kuantil (QR)					
Bil. Obs.:	Keputusan emperikal yang diperoleh berdasarkan kepada persamaan di				
247	bawah:				
	$IPRM_{it} = \beta_0 + \beta_1 Z_{it} + \beta_2 Kes_{it} + \beta_3 Pend_{it} + \beta_4 KDNK_{it} + \beta_5 GINI_{it} + \varepsilon_{it}$				
	10th kuantil	25th kuantil	Median	75th kuantil	90th kuantil
Z	0.023*** (0.002)	0.009 (0.006)	0.011** (0.004)	0.013** (0.005)	0.022*** (0.005)
Kes.	-0.002 (0.006)	0.002 (0.007)	-0.009** (0.004)	-0.005 (0.006)	-0.016** (0.008)
Pend.	-0.0003 (0.0007)	0.001 (0.001)	0.002* (0.001)	0.0003 (0.0007)	0.0002 (0.0004)
KDNK	0.031*** (0.005)	0.042*** (0.007)	0.045*** (0.008)	0.040*** (0.008)	0.035*** (0.005)
GINI	-0.400*** (0.045)	-0.333** (0.139)	-0.049 (0.139)	-0.107 (0.106)	0.022 (0.056)
cons.	0.521*** (0.042)	0.646*** (0.078)	0.495*** (0.064)	0.543*** (0.046)	0.392*** (0.068)
Ujian Wald	Prob > chi <sup>2</sup> = 0.0000				
Pseudo R <sup>2</sup>	0.570	0.445	0.442	0.505	0.573

Makluman pada nilai - p: \*p < 0.10; \*\*p < 0.05; \*\*\*p < 0.01

Sumber: Dapatan Analisis Kajian Daripada Perisian *Stata17*

Berdasarkan kepada jadual 4.4, ujian Wald telah dijalankan untuk menguji signifikan keseluruhan model kuantil; menguji sama ada koefisien bagi satu atau lebih pemboleh ubah adalah serentak = 0; dan digunakan dalam regresi kuantil kerana kaedah OLS biasa seperti F-test tidak boleh digunakan. Berdasarkan kepada dapatan ujian, keputusan ujian Wald menunjukkan nilai  $p < 0.05$  ( $p < 0.05$ , maka tolak  $H_0$ ) dan dapatan ujian mendapati bahawa sekurang-kurangnya satu daripada lima pemboleh ubah yang diuji memberikan kesan signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, hipotesis nol ditolak dan model ini mempunyai kebolehhjelasan yang diyakini.

Dapatan kajian berdasarkan kepada Jadual 4.4, kesan perubahan tingkat hasil kutipan zakat ( $Z$ ) bagi institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia terhadap pembangunan manusia berdasarkan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia ( $IPRM$ ). Hasil keputusan penganggar kuantil dalam Jadual 4.4 telah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan pada aras keyakinan 1 peratus untuk kuantil ke-10 dan kuantil ke-90, manakala bagi kuantil ke-50 (medium) dan ke-75 adalah signifikan pada aras keyakinan 5 peratus. Berbeza dengan kuantil ke-25 di mana hubungan tingkat hasil kutipan zakat ( $Z$ ) adalah tidak signifikan pada tahap kuantil tersebut. Dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan Jadual 4.4 adalah bertepatan

dengan dapatan kajian lepas yang mendapati hubungan yang positif dan signifikan antara kutipan zakat (*Z*) dan pembangunan sosioekonomi di mana ia berkait rapat dengan tingkat peningkatan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) (Suprayitno et al., 2017; Akmal et al., 2020; Rusanti et al., 2023 dan Wahyudi et al., 2024). Impak daripada aspek pensyariatian zakat juga mampu menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi dengan menyediakan jaringan keselamatan untuk golongan kurang berkemampuan (Ismail & Ali, 2023). Dengan hasil kutipan zakat yang diperoleh juga mampu diagihkan semula kepada golongan *asnāf* dan ini turut dibuktikan bahawa agihan zakat yang berkesan juga turut meningkatkan status sosioekonomi dan sekaligus menjadi penyumbang kepada peningkatan IPM (Wahab & Rahman, 2011; dan Suprayitno et al., 2017).

Seterusnya, berdasarkan kepada pembolehubah kawalan, pengaruh pembolehubah kesihatan (*Kes*) yang diukur melalui jumlah kelahiran mati, didapati mempunyai hubungan yang signifikan dan negatif terhadap *IPRM* pada kuantil ke-50 (median) dan kuantil ke-90. Hubungan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 adalah signifikan dan negatif pada aras keyakinan 5 peratus, sekali gus menunjukkan bahawa peningkatan kadar kelahiran mati memberi kesan negatif yang ketara terhadap pembangunan manusia pada tahap kuantil pertengahan dan tinggi dalam taburan *IPRM*. Hal ini menunjukkan bahawa dengan kadar kelahiran mati yang rendah mampu mempengaruhi tingkat pembangunan manusia berasaskan kepada peningkatan kadar *IPRM*, terutama pada tahap pertengahan dan tinggi dari segi *IPRM*. Dapatan kajian yang ditunjukkan adalah selari dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian Zaman et al. (2021) yang mendapati bahawa kadar kelahiran mati dikaitkan dengan kurangnya pembangunan terhadap sistem kesihatan di sesuatu tempat, dan menunjukkan korelasi negatif dengan IPM. Oleh yang demikian, negeri-negeri yang mempunyai *IPRM* rendah dengan mencatatkan kadar kelahiran mati yang jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri yang mempunyai *IPRM* yang tinggi mempunyai kadar kelahiran mati yang rendah.

Berdasarkan kepada pembolehubah kawalan pendidikan (*Pend*), dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 mendapati bahawa hubungan antara *Pend* dan *IPRM* adalah signifikan dan positif hanya pada kuantil ke-50 (median) sahaja. Ini mendapati bahawa peningkatan tahap pendidikan mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembangunan manusia pada peringkat pertengahan dalam taburan *IPRM*, namun tidak signifikan pada kuantil bawah (kuantil ke-10 dan kuantil ke-25) dan atas (kuantil ke-75

dan kuantil ke-90). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa berkemungkinan manfaat *Pend* terhadap *IPRM* lebih ketara dalam kalangan negeri yang berada di tahap pembangunan sederhana, berbanding dengan negeri yang kadar *IPRM* adalah sangat rendah atau sangat tinggi. Dapatan kajian adalah selari dengan Barro (2001) bahawa pencapaian pendidikan menengah dan tinggi, memainkan peranan penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial, serta secara langsung menyumbang kepada peningkatan IPM. Dapatan kajian yang diperolehi daripada Singh et al. (2025) ke atas 94 buah negara telah mendapati bahawa perbelanjaan pendidikan dan IPM mempunyai hubungan yang signifikan dan positif. Pendapat ini turut disokong oleh Todaro & Smith (2008), pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia kerana dengan pendidikan, individu dapat memperbaiki keadaan kesihatan, memperoleh pendapatan lebih tinggi dan bergiat aktif dalam masyarakat.


Seterusnya, pembolehubah kawalan yang merujuk kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*) per kapita telah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan secara konsisten merentasi semua kuantil yang dikaji berdasarkan kepada Jadual 4.4 pada aras keyakinan 1 peratus. Dapatan ini mengesahkan bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai peranan yang konsisten dan kuat dalam meningkatkan pembangunan rakyat Malaysia melalui petunjuk *IPRM*, tanpa mengira kedudukan dalam taburan *IPRM*. Hubungan yang signifikan pada semua kuantil menunjukkan bahawa manfaat pengaruh *KDNK* per kapita terhadap pembangunan manusia bukan sahaja dinikmati oleh negeri-negeri berpendapatan tinggi, bahkan turut dinikmati bagi negeri-negeri yang berpendapatan rendah dan pertengahan. Ini mencerminkan bahawa pertumbuhan ekonomi yang mampan mampu memberi kesan positif dan secara holistik terhadap tiga dimensi utama dalam pembangunan manusia iaitu kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup. Ini adalah sejajar dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ranis (2000), pertumbuhan *KDNK* per kapita mempunyai kesan langsung terhadap peningkatan IPM dan hubungan tersebut menjadi kuat apabila disokong oleh dasar yang memperkukuh pelaburan dalam kesihatan dan pendidikan. Pendapat ini turut disokong oleh Booyesen (2002) dengan merujuk ke atas negara Afrika bahawa *KDNK* per kapita adalah penentu terhadap perubahan dalam IPM. Dapatan kajian ini juga adalah selari dengan kajian terkini yang dijalankan oleh Singh et al. (2025) dan mendapati *KDNK* per kapita adalah penentu utama dalam IPM dan hubungannya adalah positif dan signifikan ke atas 94 buah negara.

Pembolehubah kawalan terakhir dalam kajian ini ialah pekali Gini dan digunakan bagi mengukur tahap ketidaksamaan pendapatan. Hasil penganggaran dalam Jadual 4.4 menunjukkan bahawa pekali Gini mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan terhadap *IPRM* pada kuantil ke-10 dan kuantil ke-25. Hubungan tersebut adalah signifikan pada aras keyakinan 10 peratus dan 25 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa ketidaksamaan pendapatan memberi kesan negatif terhadap pembangunan manusia, terutamanya dalam kalangan kumpulan yang berada pada tahap pembangunan yang rendah, iaitu pada tahap kuantil yang rendah iaitu pada tahap ke-10 dan ke-25. Dapatan kajian ini adalah selari dengan Ranis (2006) yang mendapati bahawa pekali Gini mempunyai kesan negatif dan signifikan terhadap IPM, terutamanya dalam negara membangun. Dapatan ini juga adalah selari dengan teori dan bukti empirikal terdahulu, dan memperkukuh hujah bahawa usaha menurunkan ketidaksamaan pendapatan adalah penting untuk mempertingkatkan pembangunan manusia, khususnya dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah di Malaysia. Bahkan menurut Anand & Sen (2000), ketidaksamaan pendapatan perlu diberi perhatian dalam pengukuran pembangunan dan pengagihan sumber yang adil memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kesejahteraan manusia.

Nilai *Pseudo R<sup>2</sup>* bagi model regresi kuantil yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 telah menunjukkan tahap penerangan varians yang berbeza mengikut setiap kuantil. Secara khususnya, nilai *Pseudo R<sup>2</sup>* bagi kuantil ke-10 adalah 0.570, diikuti oleh kuantil ke-90 pada nilai *Pseudo R<sup>2</sup>* adalah 0.573) dan ianya merupakan nilai tertinggi dalam kalangan semua kuantil yang dianalisis. Ini menunjukkan bahawa model pada kedua-dua hujung bawah dan atas taburan HDI mempunyai keupayaan penjelasan yang lebih baik berbanding kuantil pertengahan. Sementara itu, kuantil ke-25 dan ke-50 masing-masing pada nilai *Pseudo R<sup>2</sup>* sebanyak 0.445 dan 0.442, manakala kuantil ke-75 pula mencatatkan nilai *Pseudo R<sup>2</sup>* pada 0.505. Dapatan ini menunjukkan bahawa model regresi kuantil lebih berkesan dalam menerangkan variasi *IPRM* dalam kumpulan *IPRM* pada tahap yang sangat rendah dan sangat tinggi, berbanding kumpulan pertengahan.

Rajah 4.1 menunjukkan bentuk perubahan pekali regresi kuantil bagi lima pembolehubah utama dalam model kuantil. Dapatan ini menunjukkan ketidaksamaan kesan (*heterogeneous effects*) pembolehubah bebas terhadap pembangunan manusia merentasi pada tahap yang berbeza. Kesan zakat adalah positif pada semua kuantil tetapi semakin ketara pada 0.75 dan 0.90. Sebaliknya, pembolehubah kelahiran mati memberi kesan negatif yang lebih ketara dalam memastikan peningkatan dalam *IPRM*, ini

menunjukkan bahawa pengurangan kadar kematian bayi menjadi indikator penting dalam peningkatan *IPRM*. Seterusnya pembolehubah pendidikan (*Pend*), didapati bahawa enrolmen pelajar sekolah menengah adalah positif dan paling ketara pada kuantil pertengahan (ke-50), iaitu sekitar median. Ini menunjukkan bahawa enrolmen pelajar sekolah menengah memberikan impak yang lebih besar terhadap kumpulan yang berada di tengah taburan, berbanding kumpulan di hujung bawah (0.10 dan 0.25) atau atas (0.75 dan 0.90). Manakala pembolehubah *KDNK* menunjukkan kesan *KDNK* per kapita terhadap pembolehubah bersandar adalah konsisten positif merentasi kesemua kuantil, dengan nilai pekali tertinggi dicatatkan pada kuantil pertengahan (ke-50). Rajah 4.1 menunjukkan bahawa garis pekali berada dalam lingkungan 0.3 hingga 0.5, dengan kesan paling kuat di sekitar kuantil 0.5, dan sedikit menurun ke arah kuantil atas (0.75 dan 0.9). Hasil regresi kuantil bagi Pekali Gini (*GINI*) menunjukkan kesan Pekali Gini yang negatif pada kuantil bawah, namun meningkat secara progresif ke arah positif apabila kuantil meningkat. Pada kuantil rendah (0.1 dan 0.25), Pekali Gini mencatatkan nilai pekali yang paling rendah (sekitar -0.5 hingga -0.4), menandakan bahawa ketidaksamaan pendapatan yang tinggi mempunyai kesan negatif yang kuat ke atas kumpulan berpendapatan rendah atau terpinggir. Ini selaras dengan teori bahawa ketidaksamaan pendapatan boleh menjejaskan akses kepada sumber dan peluang dalam kalangan golongan bawah. Selain itu, model *intercept* berubah-ubah secara signifikan, memberi petunjuk tentang wujudnya faktor-faktor luar model yang memainkan peranan dalam menentukan tahap *IPRM*. Keseluruhannya, hasil ini memberikan justifikasi yang kukuh kepada penggunaan model regresi kuantil berbanding OLS, kerana ia dapat menunjukkan bagaimana kesan pembolehubah berubah mengikut lapisan pembangunan manusia pada tahap yang berbeza.



Rajah 4.1: Perubahan Kesan Pembolehubah Bebas Terhadap IPRM Merentasi Pelbagai Kuantil Berdasarkan Analisis Regresi Kuantil

### 4.3 Rumusan

Hasil penganggaran yang telah dibincangkan dalam Jadual 4.3 adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan dengan kesan hasil kutipan zakat yang dikutip oleh 13 institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia kecuali bagi negeri Perlis terhadap tingkat pembangunan rakyat Malaysia. Ini adalah penting untuk menjawab persoalan pertama dalam kajian ini sama ada hasil kutipan zakat yang diperoleh mampu memberi kesan secara langsung atau tidak terhadap pembangunan manusia berdasarkan petunjuk Indeks Pembangunan Manusia (IPM) ataupun dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Manakala dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kedua sama ada perubahan tingkat kutipan zakat di Malaysia mampu mempengaruhi tingkat pembangunan rakyat Malaysia yang berteraskan kepada petunjuk *IPRM* pada tahap kuantil yang berbeza. Seterusnya dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 dan Jadual 4.4 dijadikan satu bentuk perbandingan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.5. Jadual 4.5 berperanan untuk menjawab persoalan yang terakhir dalam kajian ini sama ada hasil dapatan kajian yang diperoleh berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (POLS) dan regresi kuantil (QR) berkesan dalam menilai hubungan zakat terhadap *IPRM*. Untuk memudahkan pemahaman, maka jawapan kepada semua persoalan ini telah pun dirumuskan dalam jadual 4.5 di bawah:

Jadual 4.5

Rumusan Dapatan Kajian Berasaskan Metod Analisis Panel dan Regresi Kuantil

	Hasil Dapatan Kajian				Jangkaan Dapatan Kajian
	Regresi Kuantil (QR)			POLS	
	R	M	T	FE	
Hasil Kutipan Zakat ( <i>Z</i> )	+	+	+	+	+
Jumlah Kelahiran Mati ( <i>Kes</i> ).	TS	-	-	+	-
Enrolmen Pelajar Sekolah Menengan ( <i>Pend.</i> )	TS	+	TS	+	+
Keluaran Dalam Negara Kasar Per Kapita ( <i>KDNK</i> )	+	+	+	TS	+
Pekali Gini ( <i>GINI</i> )	-	TS	TS	-	-

Nota: R, M dan T mewakili tahap kuantil rendah, sederhana dan tinggi. TS merujuk kepada pembolehubah yang tidak signifikan; manakala simbol (+) atau (-) menunjukkan hubungan positif / negatif dan dari sudut statistik dan signifikan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang telah diperoleh melalui metod analisis panel dan analisis regresi kuantil telah menjawab kesemua persoalan yang telah diutarakan di dalam bab 1. Hasil kutipan zakat ( $Z$ ) menunjukkan hubungan yang konsisten dan signifikan secara positif merentas semua model analisis yang digunakan sama ada melalui analisis regresi kuantil (QR) mahupun analisis panel. Ini membuktikan bahawa dengan peningkatan kutipan zakat berupaya menyumbang secara positif terhadap pembangunan rakyat, tanpa mengira keadaan sesebuah negeri sekalipun. Hubungan ini membuktikan zakat merupakan instrumen ekonomi Islam yang berpotensi dalam menyokong kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Perbincangan menyeluruh berkaitan dengan rumusan kajian ini khususnya bagi pembolehubah kawalan akan dibincangkan secara terperinci dalam bab lima.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR**

#### **5.1 Pengenalan**

Perbincangan dalam bab ini akan membahaskan berkaitan dengan rumusan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dalam bab empat serta cadangan-cadangan yang diberikan untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan serta pihak yang berkaitan. Selain itu juga, perbincangan mengenai limitasi kajian serta cadangan untuk masa hadapan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Ini adalah kerana, hasil dapatan kajian yang diperolehi amat bermakna sekiranya dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam memperkasakan ekonomi zakat. Justeru, bab ini akan membincangkan mengenai rumusan kajian dan kemudian diteruskan dengan perbincangan implikasi serta cadangan bagi kajian pada masa hadapan.

#### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian**

Kajian-kajian terdahulu berkaitan zakat secara umumnya tertumpu kepada empat bidang utama, iaitu perbincangan dari aspek hukum-hakam, prestasi kutipan dan agihan zakat, impak agihan terhadap *aṣnāf*, serta analisis terhadap ekonomi zakat secara umum. Dari perspektif *fiqh*, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada isu-isu hukum berkenaan zakat, termasuk perbincangan berkaitan bentuk agihan dan kesahihan pengagihan kepada kategori *aṣnāf* sebagaimana yang telah digariskan oleh syarak. Manakala dari aspek kutipan dan agihan zakat pula, banyak penyelidikan memberi tumpuan kepada faktor-faktor seperti strategi promosi, gelagat pembayar zakat, dan penentuan had kifayah yang bersesuaian dengan perubahan keadaan ekonomi semasa. Bagi aspek penilaian penerima zakat, perbincangan sering menjurus kepada kriteria pemilihan *aṣnāf* serta bentuk intervensi dan bimbingan yang perlu diberikan bagi memastikan mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Namun demikian, analisis terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa tumpuan penyelidikan masih banyak berlegar dalam ruang lingkup operasi dalaman dan tadbir urus institusi zakat, termasuk aspek pengurusan kutipan dan agihan, serta pematuhan terhadap prinsip syariah. Penelitian yang bersifat menyeluruh terhadap

hubungan antara pertumbuhan hasil kutipan zakat dan kesannya terhadap pembangunan rakyat pada skala makroekonomi masih lagi terhad dan kurang diberikan perhatian. Kebanyakan kajian lebih menekankan impak terhadap kumpulan *aṣnāf* secara mikro, sedangkan peranan zakat sebagai instrumen dasar fiskal Islam mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat secara keseluruhan masih belum diterokai secara mendalam.

Dalam konteks ini, jurang kajian wujud dari sudut kekurangan bukti empirikal yang dapat menunjukkan bagaimana pertumbuhan kutipan zakat boleh mempengaruhi pelbagai indikator pembangunan rakyat seperti kesihatan, pendidikan, ketidaksamaan pendapatan, dan kesejahteraan ekonomi. Sehubungan itu, kajian ini tampil untuk mengisi jurang tersebut dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan analisis empirikal yang komprehensif, bagi menilai secara mendalam kesan pertumbuhan kutipan zakat terhadap pembangunan rakyat di Malaysia. Kajian ini bukan sahaja menjelaskan sumbangan zakat dalam konteks ekonomi Islam, tetapi juga menonjolkan potensi zakat sebagai pemangkin kepada pembangunan yang lestari dan inklusif.

Berasaskan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperoleh dalam kajian ini, rumusan dapatan kajian telah dibentuk dalam jadual 5.1 yang merujuk kepada pengaruh hasil kutipan zakat oleh 13 buah institusi zakat /Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia bagi tempoh 19 tahun dari tahun 2005 sehingga tahun 2023 mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap pembangunan rakyat Malaysia berdasarkan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Manusia (IPM) atau dikenali sebagai Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Hal ini secara tidak langsung akan memberi impak yang positif terhadap pembangunan masyarakat demi memastikan golongan *aṣnāf* terbelah dan seterusnya dapat menggerakkan pembangunan negara ke arah yang lebih baik.

Jadual 5.1

Rumusan Dapatan Kajian Hubungan Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia

Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian	Metodologi Kajian	Hasil Dapatan Kajian
<p><b>Objektif Kajian 1</b> Menganalisis hubungan langsung tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dengan melihat kepada kesan mean (<i>mean effect</i>)</p>	<p><b>Persoalan Kajian 1</b> Adakah terdapat hubungan langsung antara tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan masyarakat berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM)</p>	<p><b>Hipotesis Kajian 1</b> <math>H_0: \beta_1 = 0</math> (Tiada hubungan antara kutipan zakat dan IPM) <math>H_1: \beta_1 &gt; 0</math> (Terdapat hubungan positif dan signifikan antara kutipan zakat dan IPM)</p>	POLS	<p><b>Dapatan Kajian 1</b> Hubungan kutipan zakat terhadap IPM adalah signifikan dan positif.  Gagal menerima <math>H_0</math></p>
<p><b>Objektif Kajian 2</b> Menganalisis kesan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahap kuantil yang berbeza (<i>distributional effect</i>)</p>	<p><b>Persoalan Kajian 2</b> Apakah kesan perubahan tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia mampu mempengaruhi tingkat pembangunan masyarakat berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) pada tahap kuantil yang berbeza</p>	<p><b>Hipotesis Kajian 2</b> <math>H_0: \beta_1^{(\tau)} = 0</math> (Tiada hubungan yang signifikan antara kutipan zakat dan IPM pada kuantil ke-<math>\tau</math>) <math>H_1: \beta_1^{(\tau)} &gt; 0</math> (Terdapat hubungan positif dan signifikan antara kutipan zakat dan IPM pada kuantil ke-<math>\tau</math>)</p>	QR	<p><b>Dapatan Kajian 2</b> Hubungan kutipan zakat terhadap IPM adalah signifikan dan positif pada semua tahap kuantil kecuali kuantil ke-25.  Gagal menerima <math>H_0</math></p>
<p><b>Objektif Kajian 3</b> Membandingkan keberkesanan hasil dapatan kajian yang diperoleh berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (POLS) dan regresi kuantil (quantile regression (QR))</p>	<p><b>Persoalan Kajian 3</b> Adakah hasil dapatan kajian yang diperoleh berasaskan kepada kaedah analisis panel statik (POLS) dan regresi kuantil (quantile regression (QR)) berkesan dalam menilai hubungan zakat dengan Indeks Pembangunan Manusia (IPM).</p>	<p><b>Hipotesis Kajian 3</b> <math>H_0</math>: Terdapat perbezaan yang signifikan antara dapatan analisis POLS dan QR dalam menjelaskan hubungan antara kutipan zakat dan IPM. <math>H_1</math>: Tiada perbezaan yang signifikan antara dapatan analisis POLS dan QR dalam menjelaskan hubungan antara kutipan zakat dan IPM.</p>	Perbandingan Hasil Dapatan Kajian Yang Diperoleh Berdasarkan Kaedah POLS & QR	<p><b>Dapatan Kajian 3</b> Dapatan kajian mendapati hubungan zakat dan IPM adalah positif dan signifikan berdasarkan kepada kedua-dua kaedah kajian yang telah dijalankan.  Gagal menerima <math>H_0</math></p>

### **5.2.1 Hubungan Langsung Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia Berteraskan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia**

Berdasarkan kepada jadual 5.1, hasil dapatan kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menjawab objektif kajian pertama sebagaimana yang telah dibentuk dalam bab 1 iaitu untuk Menganalisis hubungan langsung tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap tingkat pembangunan manusia berteraskan kepada Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dengan melihat kepada kesan purata (*mean effect*). Dapatan kajian yang diperolehi adalah berdasarkan kepada kaedah analisis panel dan mendapati bahawa hubungan hasil kutipan zakat di Malaysia kecuali bagi negeri Perlis terhadap pembangunan rakyat Malaysia adalah signifikan dan positif. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hipotesis awal kajian iaitu tingkat hasil kutipan zakat di Malaysia mampu memberi kesan yang positif kepada tingkat pembangunan masyarakat setempat berdasarkan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Manusia (IPM) bagi setiap negeri. Namun demikian, berdasarkan kepada ujian Hausman yang telah dilaksanakan dalam analisis panel, model kesan tetap (FE) telah dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini berdasarkan kepada model yang telah dibentuk.

Seterusnya berdasarkan kepada dapatan kajian bagi pembolehubah kawalan dalam analisis panel, hanya Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita (*KDNK*) sahaja yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan terhadap Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (*IPRM*). Dapatan ini mungkin menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata tidak menjamin peningkatan dalam kesejahteraan rakyat secara holistik tanpa disertai dengan mekanisme pengagihan kekayaan yang berkesan, seperti zakat Manakala pembolehubah kesihatan (*Kes*) yang merujuk kepada jumlah kelahiran mati dan pembolehubah pendidikan (*Pend*) yang merujuk kepada enrolmen pelajar sekolah menengah yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif terhadap *IPRM*. Bagi pembolehubah Pekali Gini (*GINI*) pula telah menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif terhadap *IPRM*. Ini mengesahkan bahawa ketidakseimbangan agihan pendapatan yang tinggi akan mengurangkan tahap pembangunan manusia, sekaligus mengukuhkan hujah bahawa pengagihan kekayaan yang adil, seperti melalui zakat, adalah instrumen penting dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

### 5.2.2 Hubungan Kutipan Zakat Terhadap Pembangunan Manusia Pada Tahap Kuantil Yang Berbeza (*Distributional Effect*)

Seterusnya dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan analisis regresi kuantil berasaskan kepada data dan masa yang sama adalah untuk memenuhi objektif kajian yang kedua iaitu untuk melihat kesan hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap pembangunan manusia berdasarkan kepada penentu *IPRM* pada tahap kuantil yang berbeza (*distributional effect*). Dapatan kajian yang diperoleh telah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan terhadap *IPRM*. Berdasarkan kepada dapatan kajian, jumlah kutipan zakat telah berhubung secara positif dan signifikan terhadap *IPRM* pada tahap kuantil ke-10, ke-50, ke-75 dan ke-90. Ini menunjukkan bahawa pembangunan manusia akan terkesan apabila hasil kutipan zakat oleh institusi zakat ataupun Majlis Agama Islam Negeri adalah pada kuantil paling rendah dan tinggi serta mampu memberi kesan yang baik ke atas pembangunan rakyat Malaysia. Dapatan kajian yang diperoleh juga adalah bertepatan dengan hipotesis kajian yang telah dibentuk iaitu dengan perubahan tingkat jumlah kutipan zakat mampu memberi kesan yang positif terhadap pembangunan rakyat Malaysia berdasarkan kepada penentu *IPRM* pada tahap kuantil yang berbeza-beza.

Manakala dapatan kajian yang ditunjukkan bagi pembolehubah kawalan dalam analisis regresi kuantil, pembolehubah pendidikan (*Pend*) yang merujuk kepada enrolmen pelajar sekolah menengah signifikan dan positif hanya pada tahap kuantil median (ke-50) sahaja. Ini menggambarkan bahawa kesan pendidikan terhadap pembangunan manusia lebih ketara dalam kalangan negeri yang berada pada tahap pembangunan sederhana. Sebaliknya, impak tersebut kurang menonjol dalam kumpulan negeri yang berpendapatan rendah mahupun tinggi, yang berkemungkinan disebabkan oleh jurang kualiti pendidikan atau tahap infrastruktur pendidikan yang berbeza. Berbeza dengan pembolehubah *KDNK* iaitu merujuk kepada *KDNK* per kapita yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif pada semua tahap kuantil. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi secara relatif memberi impak yang positif terhadap pembangunan manusia, tanpa mengira tahap pembangunan manusia mengikut negeri. Hubungan yang konsisten menunjukkan pertumbuhan ekonomi adalah asas terpenting dalam usaha memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat secara holistik.

Sementara pembolehubah kawalan lain bagi kesihatan (*Kes*) dengan merujuk kepada jumlah kelahiran mati telah menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif

terhadap pembangunan manusia pada tahap kuantil ke-50 dan ke-90. Ini mencerminkan bahawa tahap kesihatan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembangunan manusia, terutama dalam negeri-negeri yang telah mencapai tahap pembangunan sederhana dan tinggi. Jumlah kelahiran mati yang tinggi memberi petunjuk kepada kelemahan dalam aspek kesihatan awam dan ini akan menjejaskan tahap kesejahteraan rakyat Malaysia. Berbeza dengan pembolehubah *GINI* yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif hanya pada kuantil ke-10 dan ke-25, iaitu pada tahap pembangunan rendah. Ini mencerminkan bahawa ketidaksamaan pendapatan paling memberi kesan negatif terhadap pembangunan manusia di negeri yang masih mundur dari segi sosioekonomi. Sebaliknya, setelah tahap *IPRM* mengalami peningkatan, pengaruh Pekali Gini terhadap pembangunan manusia menjadi kurang ketara.

### **5.2.3 Perbandingan Keberkesanan Hasil Dapatan Kajian Berasaskan Kaedah Analisis Panel Dan Regresi Kuantil (QR).**

Perbandingan antara kaedah analisis panel dan regresi kuantil (QR) dalam kajian ini telah menunjukkan perbezaan yang ketara dari sudut kefahaman terhadap hubungan antara hasil kutipan zakat serta pembolehubah kawalan ke atas tahap pembangunan manusia. Melalui pendekatan analisis panel statik (POLS), hubungan yang diperoleh adalah berdasarkan kepada kesan purata (*mean effect*) dan ini merupakan gambaran umum berkaitan dengan pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar *IPRM* secara agregat. Sebaliknya, pendekatan QR membolehkan analisis kesan pada pelbagai titik dalam taburan *IPRM*, yang merangkumi kuantil rendah (pembangunan rendah), sederhana (median) serta tinggi (pembangunan tinggi) dan sekaligus menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh yang lebih dinamik dan terperinci berbanding analisis panel.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui dua pendekatan analisis, iaitu melalui analisis panel dan QR, dapatan menunjukkan bahawa hasil kutipan zakat (*Z*) mempunyai hubungan yang positif dan signifikan secara konsisten merentas semua tahap kuantil dan model panel. Ini menandakan bahawa peningkatan hasil kutipan zakat secara amnya memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan rakyat Malaysia tanpa mengira tahap pembangunan sesebuah negeri. Keseragaman hubungan positif ini dalam semua tahap kuantil menunjukkan bahawa zakat bukan sahaja berperanan

sebagai instrumen kebajikan yang bersifat mikro, tetapi turut mempunyai kesan dari aspek makroekonomi yang ketara terhadap kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Melalui analisis panel, impak ini dilihat dalam bentuk kesan purata, manakala melalui pendekatan QR, dapatan ini dapat memperkukuh lagi keberkesanan kutipan zakat dengan menunjukkan bahawa kesannya tidak terhad kepada kelompok pembangunan sesebuah negeri tertentu, bahkan ianya menyeluruh kepada semua negeri di Malaysia. Dapatan kajian yang diperoleh ini juga adalah bertepatan dengan hipotesis awal kajian yang telah dibentuk iaitu kedua-dua bentuk analisis kajian ini mendapati hubungan kutipan zakat dan IPRM adalah positif dan signifikan. Kedua-dua dapatan daripada analisis kajian yang diperoleh ini juga adalah gagal menerima  $H_0$ .

Manakala berdasarkan kepada pembolehubah kawalan, dapatan yang ditunjukkan oleh pembolehubah kesihatan (*Kes*) adalah tidak konsisten di mana berdasarkan kepada analisis panel, hubungan yang ditunjukkan adalah signifikan dan positif terhadap pembangunan rakyat Malaysia pada aras keyakinan 1 peratus. Berbeza dengan analisis QR yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan negatif terhadap pembangunan rakyat Malaysia pada kuantil ke-50 (median) dan kuantil ke-90 pada aras keyakinan 5 peratus. Ini bermakna, negeri-negeri yang berada pada tahap pembangunan yang sederhana dan tinggi, penurunan kadar kelahiran mati memberi kesan yang positif terhadap peningkatan *IPRM*. Perbezaan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam analisis panel dan QR mendapati bahawa kesan pembolehubah *Kes* terhadap *IPRM* adalah tidak seragam mengikut tahap pembangunan negeri. Pendekatan melalui analisis QR lebih sensitif dalam mengenal pasti impak pembolehubah *Kes* mengikut tahap pembangunan yang berbeza. Dapatan kajian ini juga memberi implikasi yang besar terhadap kesihatan bahawa dasar kesihatan awam perlu lebih bersasar, khususnya bagi negeri yang telah mencapai tahap pembangunan sederhana dan tinggi, di mana peningkatan dalam petunjuk kesihatan memainkan peranan penting dalam menyokong kemajuan pembangunan rakyat Malaysia.

Berbeza dengan pembolehubah kawalan *KDNK* yang merujuk kepada *KDNK* per kapita di mana dapatan kajian yang diperoleh adalah berbeza antara 2 kaedah analisis yang dijalankan. Dapatan kajian yang ditunjukkan melalui kaedah analisis panel mendapati pembolehubah *KDNK* adalah tidak signifikan terhadap *IPRM*. Berbeza dengan dapatan kajian melalui analisis QR yang menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan pada aras keyakinan 1 peratus semua tahap kuantil. Perbezaan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah QR lebih berupaya mendedahkan kesan

*heterogeny* (keadaan yang tidak seragam, berbeza-beza atau pelbagai sifat dalam sesuatu kumpulan data, fenomena atau pembolehubah) KDNK terhadap pembangunan rakyat, khususnya apabila tahap pembangunan negeri adalah tidak seimbang. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa, walaupun secara agregat *KDNK* mungkin tidak menunjukkan kesan yang signifikan berdasarkan kepada analisis POLS, namun pada tahap-tahap pembangunan tertentu, peningkatan KDNK per kapita sebenarnya memberikan sumbangan yang positif terhadap peningkatan pembangunan rakyat Malaysia. Implikasi utama daripada perbezaan ini adalah keperluan untuk menilai keberkesanan indikator ekonomi seperti KDNK dalam kerangka *granular analysis* (perincian analisis yang lebih halus, mendalam atau terperinci) dan bersyarat, bagi mengelakkan kesimpulan yang dibuat terlalu umum dan berpotensi mengelirukan realiti sosioekonomi masyarakat di peringkat negeri.

Dapatan kajian yang diperoleh bagi pembolehubah kawalan pendidikan (*Pend*) dan pekali Gini (*GINI*) adalah seragam berdasarkan kepada analisis panel dan QR. Dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis panel mendapati pembolehubah *Pend* adalah signifikan dan positif pada aras keyakinan 5 peratus. Manakala berdasarkan kepada analisis QR mendapati dapatan kajian yang ditunjukkan adalah signifikan dan positif pada kuantil ke-50 (median) sahaja. Ini menunjukkan bahawa secara purata, peningkatan dalam tahap pendidikan menengah akan memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan rakyat Malaysia. Namun demikian, dapatan kajian yang ditunjukkan melalui analisis QR lebih terperinci dan hanya signifikan dan positif pada kuantil ke-50 (median) sahaja. Ini bermakna, kesan pendidikan terhadap pembangunan rakyat Malaysia lebih ketara pada kelompok negeri yang berada pada tahap pembangunan yang sederhana.

Berdasarkan kepada pembolehubah *GINI*, dapatan kajian yang ditunjukkan dalam analisis panel adalah signifikan dan negatif terhadap *IPRM* pada aras keyakinan 5 peratus. Ini menunjukkan bahawa penurunan dalam Pekali Gini iaitu penurunan dalam ketidaksamaan pendapatan rakyat Malaysia akan memberi kesan yang positif dalam meningkatkan tahap pembangunan rakyat Malaysia secara keseluruhan. Manakala dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis QR juga adalah seragam dengan dapatan yang ditunjukkan oleh analisis panel di mana hubungan terhadap *IPRM* adalah signifikan dan negatif di kuantil ke-10 dan ke-25, masing-masing pada aras keyakinan 1 peratus dan 5 peratus. Ini menunjukkan dengan penurunan ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan negeri-negeri yang berada di tahap pembangunan yang

lebih rendah memberi impak kepada peningkatan pembangunan rakyat Malaysia. Hal ini sekaligus mengukuhkan hujah bahawa ketidaksamaan pendapatan merupakan penghalang utama kepada pembangunan inklusif dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah dan secara tidak langsung akan merencatkan pembangunan manusia khususnya rakyat Malaysia.

Dari sudut *Maqāṣid al-Sharī'ah*, dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa kutipan dan agihan zakat yang cekap memainkan peranan penting dalam merealisasikan objektif pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), dan harta (*hifz al-māl*). Bahkan dari konteks pembangunan manusia, pemeliharaan agama (*hifz al-dīn*) menyumbang kepada pembentukan kesejahteraan spiritual, iaitu satu dimensi yang walaupun tidak diukur secara langsung dalam IPRM, namun menjadi asas kepada kestabilan emosi, motivasi, etika dan nilai yang mempengaruhi kualiti hidup secara keseluruhan. Dengan kata lain, sokongan zakat terhadap dimensi kerohanian dan amalan beragama membantu membentuk masyarakat lebih berdisiplin, produktif dan berakhlak, sekali gus menguatkan hubungan antara pembangunan ekonomi, sosial dan spiritual.

Dalam pada itu juga, dapatan kajian yang diperoleh juga adalah selari dengan teras Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang berkait rapat dengan IPRM iaitu SDG 1 (Tiada Kemiskinan), di mana zakat membasmi kemiskinan melalui bantuan kewangan dan sokongan ekonomi; SDG 2 (Tiada Kelaparan), di mana zakat memastikan masyarakat miskin tidak menghadapi masalah kebuluran melalui bantuan makanan; SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan Baik) merujuk kepada zakat yang menyokong akses kepada perkhidmatan kesihatan asas; SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) menjadikan zakat sebagai satu cara untuk menggalakkan pendidikan inklusif dan berkualiti untuk semua; dan akhir sekali SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) di mana zakat turut berperanan untuk mengurangkan ketidaksamaan agihan pendapatan dan sumber dalam masyarakat melalui pengagihan sumber yang lebih saksama.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa instrumen zakat bukan hanya sekadar instrumen kebajikan, tetapi merupakan mekanisme pembangunan manusia yang strategik dan berimpak besar sekiranya diuruskan dengan cekap dan berkesan. Ia bukan hanya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan material dan sosial, tetapi turut mengukuhkan dimensi spiritual dan moral masyarakat, selaras dengan objektif pembangunan berteraskan Islam serta agenda pembangunan global.

### 5.3 Implikasi Dasar

Kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan hubungan yang signifikan antara tingkat jumlah kutipan zakat dan pembangunan manusia berdasarkan kepada petunjuk Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Berdasarkan kepada analisis empirikal dengan menggunakan kaedah analisis panel dan regresi kuantil (QR), dapatan kajian mendapati bahawa kutipan zakat mempunyai impak yang positif terhadap pembangunan manusia secara menyeluruh. Di samping itu, pembolehubah kawalan seperti pendidikan, kesihatan, dan ketidaksamaan pendapatan juga memperlihatkan kesan yang berbeza-beza terhadap tahap pembangunan manusia melainkan KDNK per kapita yang signifikan pada tahap semua kuantil. Sehubungan itu, dengan penemuan kajian yang diperoleh dapat memberi implikasi dasar yang penting dalam merangka strategi pembangunan negara ke arah yang lebih inklusif dengan berasaskan data empirikal. Implikasi ini bukan sahaja melibatkan peranan institusi zakat dalam kerangka dasar sosial dan ekonomi negara, malah mencerminkan keperluan kepada pendekatan yang lebih responsif dan bersasar dalam tadbir urus, agihan, dan pemantauan keberkesanan zakat terhadap pembangunan manusia. Maka, bahagian ini akan menghuraikan secara terperinci implikasi dasar yang dapat dirumuskan daripada dapatan kajian yang telah diperoleh.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa zakat bukan sekadar instrumen ibadah atau pemindahan kekayaan secara sosial semata-mata, sebaliknya zakat memiliki potensi sebagai alat pembangunan holistik yang menyumbang secara langsung kepada aspek kesejahteraan ekonomi, sosial dan pendidikan masyarakat. Hubungan yang ditunjukkan melalui pendekatan QR yang merentasi pelbagai tahap pembangunan negeri, sekali gus memperkukuh peranan zakat dalam menyokong pertumbuhan yang seimbang di seluruh negeri. Manakala dari konteks dasar, ini menunjukkan peranan institusi zakat perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dan strategik dengan tidak hanya menjadikan institusi zakat sebagai agensi kutipan dan pengagihan bantuan kewangan untuk jangka masa pendek kepada *aṣnāf* sahaja. Realiti yang perlu ditekankan oleh institusi zakat adalah sebagai pemacu kepada pembangunan manusia bagi jangka masa panjang dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup *aṣnāf*. Ini termasuk penglibatan zakat dalam menyokong pendidikan, latihan kemahiran, keusahawanan sosial, penjagaan kesihatan asas, dan program pemulihan komuniti miskin bandar dan luar bandar.

Selain daripada itu juga, dapatan kajian yang diperoleh juga mendapati keberkesanan hasil kutipan zakat terhadap pembangunan rakyat tidak berlaku secara *homogeny* di semua peringkat negeri, sebaliknya menunjukkan ciri-ciri *heterogeny* iaitu merentasi tahap kuantil pembangunan yang berbeza-beza. Ini menunjukkan, impak hasil kutipan zakat terhadap pembangunan rakyat Malaysia lebih dirasai di negeri-negeri yang lebih rendah (kuantil ke-10) dan lebih tinggi (kuantil ke-90), sebagaimana yang dibahagikan mengikut kuantil rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan nilai *IPRM*. Oleh itu, agihan zakat yang bersifat seragam dan menyeluruh tanpa mempertimbangkan ciri demografi, sosioekonomi dan keperluan setempat tidak lagi relevan dalam konteks pembangunan semasa. Implikasi dasar daripada dapatan ini adalah dengan pelaksanaan strategi agihan zakat yang lebih bersasar dan berpaksikan wilayah. Negeri-negeri yang berada pada kuantil pembangunan rendah, misalnya, memerlukan tumpuan yang lebih intensif terhadap pembangunan infrastruktur sosial asas seperti pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan. Sebaliknya, negeri-negeri dengan tahap pembangunan yang tinggi mungkin memerlukan pendekatan zakat yang lebih memfokus kepada pemerksaan modal insan dan peningkatan mobiliti sosial kelompok B40. Sebagai langkah ke hadapan, penyelarasan dasar antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Pusat Zakat Negeri dan agensi kerajaan adalah penting bagi memastikan keadilan dalam agihan zakat dan kesaksamaan wilayah dapat dicapai melalui instrumen zakat. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan agihan zakat, malah mampu mengurangkan ketidaksamaan pendapatan antara wilayah dan menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih inklusif.

Dalam pada itu juga dapatan kajian yang ditunjukkan ini juga menuntut kepada suatu rangka tadbir urus yang lebih cekap, telus dan responsif. Tadbir urus zakat yang mantap bukan sahaja merangkumi aspek kutipan dan agihan, tetapi turut melibatkan struktur pengurusan, penyelarasan dasar, integrasi data, serta mekanisme penilaian impak yang sistematik. Justeru, pengukuhan tadbir urus institusi zakat perlu dijadikan teras dalam agenda reformasi pengurusan zakat di Malaysia bagi memastikan impak hasil kutipan zakat lebih berkesan. Kajian ini mendapati bahawa ketidakseimbangan kesan zakat terhadap pembangunan manusia antara negeri adalah berkemungkinan daripada perbezaan keupayaan tadbir urus zakat di peringkat negeri. Hal ini termasuk faktor seperti struktur organisasi, kualiti pengurusan data, tahap profesionalisme, keupayaan pentadbiran serta mekanisme pemantauan prestasi. Oleh itu, implikasi dasar yang perlu diberi perhatian adalah dengan memperkukuh institusi zakat secara

menyeluruh melalui pendekatan tadbir urus yang seragam serta pematuhan terhadap piawai terbaik (*best practices*) dalam pengurusan zakat dan pembangunan sosial.

Dapatan kajian ke atas pembolehubah pendidikan (enrolmen pelajar sekolah menengah) dan kesihatan (jumlah kelahiran mati) turut memainkan peranan penting dalam pembangunan rakyat Malaysia. Berasaskan dapatan kajian melalui analisis panel dan QR, ini dapat dibuktikan pendidikan dan kesihatan adalah saling melengkapi dalam meningkatkan pembangunan manusia secara menyeluruh. Justeru itu, zakat sebagai instrumen fiskal Islam bukan hanya relevan dalam mengatasi kemiskinan kewangan semata-mata, tetapi turut diperluaskan fungsinya ke arah memperkukuh dimensi umur yang panjang dan kehidupan yang sihat serta dimensi akses kepada pengetahuan. Implikasi dasar daripada dapatan ini menuntut agar agihan zakat dibuat dengan lebih strategik dengan tumpuan kepada sektor pendidikan dan kesihatan. Intervensi pendidikan melalui zakat boleh dilaksanakan dalam bentuk biasiswa, bantuan yuran persekolahan, penyediaan alat pembelajaran, program bimbingan akademik serta latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET). Pendekatan ini bukan hanya dilihat dari sudut jangka masa pendek, malah menjadi asas kepada mobiliti sosial bagi jangka masa panjang khususnya golongan *ashnaf*. Manakala dalam sektor kesihatan, institusi zakat boleh memainkan peranan lebih aktif dalam menyediakan bantuan rawatan asas, pembiayaan ubat-ubatan, kos rawatan penyakit kronik, serta sokongan kepada pesakit terlantar dan warga emas. Kajian ini menunjukkan dengan peningkatan dalam indikator kesihatan mempunyai kaitan rapat dengan tahap pembangunan manusia. Maka, strategi zakat dalam memperkukuh kesihatan masyarakat seharusnya dianggap sebagai pelaburan sosial, bukan semata-mata sebagai perbelanjaan kebajikan. Dalam menjayakan usaha ini, sinergi antara institusi zakat dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO perlu digembleng secara serenta dan bersistematik.

Implikasi dasar yang terakhir adalah galakan kutipan zakat melalui pendekatan inovatif. Ini adalah penting untuk merangka strategi yang inovatif dan berdaya saing dalam usaha meningkatkan kadar kutipan zakat, terutamanya dalam kalangan umat Islam yang berkelayakan tetapi belum menunaikan zakat. Ini memberikan gambaran jelas bahawa peningkatan hasil kutipan zakat yang tinggi bukan sahaja penting untuk memperluaskan kapasiti agihan, tetapi adalah pemangkin kepada pencapaian matlamat pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif. Digitalisasi merupakan langkah penting untuk memudahkan pembayaran zakat dengan memperluaskan saluran kutipan

zakat melalui platform e-dompet, aplikasi mudah alih, perbankan dalam talian, serta integrasi dengan sistem perakaunan syarikat. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kemudahan akses, bahkan memperkukuh kepercayaan pembayar melalui rekod dan jejak transaksi yang lebih telus. Penyepaduan sistem maklumat antara institusi zakat dan agensi kerajaan juga dapat membantu mengenal pasti pembayar berpotensi yang belum menunaikan kewajipan zakat. Seterusnya langkah yang kedua adalah dengan mempromosikan zakat berdasarkan kepada naratif pembangunan di samping menitik beratkan aspek kewajipan dalam ibadah. Zakat perlu ditampilkan sebagai instrumen keadilan sosial dan pembangunan negara, agar masyarakat melihat kaitan langsung antara pembayaran zakat dan kesan positif terhadap masyarakat seperti pendidikan, kesihatan dan kemiskinan. Pendekatan ini boleh disampaikan melalui media sosial, pengengaruh Muslim, serta program interaktif yang membina kesedaran berasaskan data dan kejayaan sebenar agihan zakat. Manakala langkah yang terakhir berasaskan kepada merangka strategi yang inovatif adalah penglibatan sektor korporat dan profesional Muslim juga perlu diperkukuh melalui galakan zakat korporat dan skim potongan zakat gaji secara automatik. Sektor korporat yang menyumbang melalui zakat perniagaan wajar diberikan pengiktirafan dan insentif tertentu, termasuk potongan cukai, meraikan penyumbang zakat dengan penghargaan serta pengiktirafan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berasaskan zakat. Sementara itu, generasi muda pula perlu dilibatkan lebih awal melalui pendidikan zakat di sekolah, institusi pengajian tinggi dan aktiviti keusahawanan sosial yang berpaksikan nilai zakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah memberikan gambaran yang kukuh bahawa kutipan zakat bukan sahaja berperanan sebagai instrumen kewangan Islam, tetapi menjadi pemacu kepada pembangunan rakyat Malaysia yang lebih menyeluruh, merentasi aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan. Melalui pendekatan analisis yang telah dijalankan, hasil kajian membuktikan bahawa peningkatan hasil kutipan zakat mampu memberikan kesan yang positif terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya dalam meningkatkan pencapaian Indeks Pembangunan Rakyat Malaysi di peringkat negeri. Oleh itu, pelbagai implikasi dasar telah dikenal pasti bagi memastikan sistem zakat di Malaysia berfungsi dengan lebih efektif dan strategik dalam menyokong agenda pembangunan nasional. Dengan pelaksanaan dasar-dasar yang bersesuaian, zakat berpotensi besar untuk terus berkembang sebagai satu mekanisme pembangunan sosioekonomi Islam yang bukan

sahaja mampu mengangkat martabat golongan *aṣnāf*, malah turut menyumbang secara langsung ke arah kemajuan rakyat Malaysia secara inklusif dan mampan.

#### **5.4 Kekangan Dan Cadangan Kajian**

Mengenal pasti dan menganggar pekali bagi mengukur pembangunan rakyat Malaysia berasaskan kepada faktor sumbangan hasil kutipan zakat merupakan salah satu cabaran yang terpaksa diterima dalam menyiapkan kajian ini. Hal ini adalah kerana kajian-kajian terdahulu belum pernah menjalankan kajian ke atas institusi-institusi zakat dan juga Majlis Agama Islam Negeri secara menyeluruh dengan melihat kepada pembangunan manusia iaitu merujuk kepada penentu Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (IPRM). Walaupun terdapat banyak kajian yang membincangkan mengenai instrumen zakat termasuk kutipan dan agihan zakat, namun kajian-kajian terdahulu hanya menumpukan kajian zakat dari aspek hukum-hakam, prestasi kutipan dan agihan zakat, impak agihan terhadap *aṣnāf*, serta analisis terhadap ekonomi zakat secara umum.

Dengan rujukan yang terbatas, kajian ini terpaksa menjadikan dapatan kajian daripada negara lain sebagai indikator dalam menentukan pekali penganggar untuk pembinaan model dalam kajian ini. Manakala pengkajian terhadap hasil kutipan zakat oleh institusi-institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia terhadap pembangunan manusia adalah masih samar. Maka kajian ini perlu dianalisis dengan lebih terperinci dan mendalam kerana dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis panel ada yang bertentangan dengan teori meskipun pelbagai ujian telah dilaksanakan bagi memastikan model yang dibangunkan adalah tepat, sah dan bebas daripada masalah teknikal seperti autokorelasi, heteroskedastisiti, atau bias pemboleh ubah tidak tentu (*omitted variable bias*). Setelah diteliti, maka analisis kajian ini perlu diteruskan ke peringkat yang seterusnya dan lebih mendalam iaitu melalui kaedah analisis regresi kuantil (QR). Dapatan kajian yang diperoleh juga berasaskan kepada analisis QR kini menjadi lebih tepat dan selari dengan teori asas.

Ketersediaan data juga merupakan salah satu kekangan dalam menyiapkan kajian ini kerana data utama yang diperlukan dalam kajian ini perlu diambil bagi tempoh masa yang panjang bagi tujuan analisis kajian. Selain itu, turut menjadi kekangan kepada kajian ini juga adalah data zakat bagi negeri Perlis melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis tidak lagi mempamerkan data kepada

umum sejak dari tahun 2016 sehingga sekarang meskipun permohonan melalui rayuan kepada pihak berwajib. Ini mengakibatkan analisis kajian menjadi tidak sempurna sepenuhnya untuk menggambarkan kesan ke atas Malaysia secara keseluruhan dengan memasukkan negeri Perlis bersama-sama dengan institusi-institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri yang lain. Oleh yang demikian, bagi menyempurnakan kajian ini dan hanya terdapat 13 buah institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri sahaja yang sempurna laporan tahunan kewangan zakat bagi tempoh 19 tahun berturut-turut bermula dari tahun 2005 sehingga tahun 2023 yang diperoleh melalui laman sesawang Jabatan Wakaf, Umrah dan Haji (JAWHAR) serta daripada Majlis Agama Islam Negeri bagi negeri yang tidak sempurna maklumat data hasil kutipan zakat di laman sesawang JAWHAR.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperoleh dan juga berdasarkan kepada sumber rujukan kajian-kajian lepas berkaitan dengan instrumen zakat khususnya berkaitan dengan hasil kutipan zakat, kajian ini boleh dilanjutkan dengan lebih mendalam lagi pada kajian-kajian akan datang dengan melihat kepada dua aspek utama iaitu impak dalam inovasi teknologi kutipan serta pengaruh hasil kutipan zakat terhadap pembasmian kemiskinan berasaskan kepada Pekali Gini. Selain daripada itu juga, kajian ke atas ekonomi zakat turut boleh diperluaskan ke atas syarikat-syarikat korporat Muslim kerana antara sumbangan tertinggi dalam kutipan zakat di Malaysia juga adalah daripada syarikat-syarikat tersebut.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Ḥamīd, H. (2012). *Mukhtaṣar Kitāb al-Umm fī al-Fiqh Imām al-Shāfi* ‘ī. Jilid 1. Penerj. M. Mujib, A. Huda & Yasin. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abū Dāwūd, Abū Sulaymān ibn al-Ash‘ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī. (1999). *Sunan Abī Dāwūd*. Jilid I – V. Penerj. Bey Ariffin & A. Syinqithy Djamaluddin. Semarang: CV. Asy-Syifa.
- Abdullah, M. A., & Suhaib, A. Q. (2011). The impact of zakat on social life of Muslim society. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 30(2), 439–443
- Abu S., J., Jamil, N.N. & Hashim, A.J.C.M. (2021). Development of integrated Islamic finance-based index of financial inclusion using zakat and cash waqf: A preliminary study in Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(2), 73-95
- Acemoglu, D. (2009) *Introduction to Modern Economic Growth*. New Jersey: Princeton University Press.
- Adnan M., N. I. & Roselam C., M. A. (2018). Pengagihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro untuk usahawan miskin di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 1-14
- Ahmad S., G., Khan, M.B., Patel, I., Shehbaz, D.M. & Sharofiddin, A. (2021). Developing the hybrid model (waqf & zakat) for improving the zakat recipients’ healthcare in Selangor. *Journal of Islamic Finance, Special Issue*. 10(1), 67–75
- Akmal, I.K.B., Majid, M.S.A & Gunawan, E. (2020). Does zakat matter for human development? An empirical evidence from Indonesia. *Regional Science Inquiry*, 5(2), 195-208
- Aziz, M.R.A., Johari, F., & Sabri, H. (2013). The Role of Zakat in Reducing Poverty and Income Inequality among New Convert (Muallaf) in Selangor, Malaysia. SHS Web of Conferences 12, 01067
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1993). *al-Mustaṣfā min ‘ilm al-uṣūl*. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al ‘Arabi.
- al-Khīn, Muṣṭafā, al-Bughā, Muṣṭafā & ash-Sharbajī, ‘Alī. (1998). *al-Fiqh al-manhajī ‘alā madhhab al-Imām al-Shāfi* ‘ī. Jilid 2. Penerj. Hashim, R. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- al-Qardāwī, Yūsuf. (1985). *Fiqh al-Zakāh: Dirasah muqāranah li-aḥkāmi-hā wa-falsafati-hā fī daw’ al-Qur’ān wa-al-Sunnah*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.

- al-Qardāwī, Yūsuf. (2006). *Fiqh al-Zakāh: Dirasah muqāranah li-ahkāmihā wa-falsafatihā fī daw' al-qur'ān wa al-sunnah*, Jil. 2. Qāhīrah: Maktabah Wahbah.
- al-Qattān, Manā'. (1985). *al-Tashrī' wa al-fiqh fī al-Islām: Tārīkh wa manhaj*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Qurtūbī, Ibn Rushd. (2012). *Bidāyat al-mujtahid wa nihāyat al-muqtaṣid*. Penerj. Ashari, A. V. & Muhammad, Y. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Raysūnī, Aḥmad. (1995). *Nazariyyat al-maqāṣid 'inda al-shātibī*. Riyād: Dār al-Ālamiyyah li al-Kitāb al-Islāmī.
- al-Shātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā ibn Muḥammad al-Lakhmī. (1997). *al-Muwāfaqāt fī uṣūl al-sharī'ah*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Al Azizah, U. S. & Choirin, M. (2018). Financial Innovation on Zakat Distribution and Economic Growth. International Conference of Zakat 2018 Proceedings. 15 – 16 November 2018. 31-42
- Ali, H. (2002) *Ekonomi Asas*. Cetakan Kedua, Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Alias, M.R. (2012). Pembangunan Institusi Zakat di Malaysia. (1 Februari 2023). Laporan Tahunan 2012, Diambil pada 4 Mac 2024, Daripada <https://www.maiwp.gov.my/assets/PDF/publication/laporantahunan/laporan2012.pdf>
- Alkire, S. (2002). Dimensions of Human Development. *World Development*, 30(2), 181–205
- Anand, S., & Sen, A. (2000). Human development and economic sustainability. *World Development*, 28(12), 2029–2049
- Arellano, M. (2003) *Panel Data Econometrics; Advance Texts in Econometrics*. Oxford: Oxford University Press.
- Ascarya, A. & Indra. (2022). Standard Methodology for Research in Islamic Economics and Finance. Teaching And Research Methods in Islamic Economics and Finance. In: M. M. Billah (Ed). *Abingdon-on-Thames*, UK: Routledge.
- Ayasrah M, T. M. (2012). The social economic development index: A new measurement of development. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46 (2), 37 – 53
- Bahri, E.S., Ali, J. & Mohammad Aslam, M.M. (2023). Successful of asnaf entrepreneur: The role of knowledge, skills, and ability. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, 4(3), 1-23

- Bahrom, H. (2011). Zakat Emas dan Perak. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Bahrom, H. (2011). Zakat Rikaz. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Baltagi, B.H. (2008) *Econometric Analysis of Panel Data*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd.
- Barnett V. dan Lewis T. (1994) *Outliers in Statistical Data*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd.
- Barro, R. J. (2001). Human capital and growth. *American Economic Review*, 91(2): 12–17
- Basmieh, S. A. (1995) *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya
- Bechtel, G. & Bechtel, T. (2020). GDP and human development. *Open Journal of Social Sciences*, 8(11), 333-343
- Becker, G.S. (1964) *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. Chicago: University of Chicago Press.
- Belanjawan 2025: Peruntukan Besar Bukti Komitmen Kerajaan Perkukuh Asas Pendidikan. Astro Awani. Diambil Pada 8 November 2024, Daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-peruntukan-besar-bukti-komitmen-kerajaan-perkukuh-asas-pendidikan-492523>
- Belsley D. A., Kuh, E. & Welsch, R. E. (1980) *Regression Diagnostics*. New York: Wiley.
- Bortolotti, B. & Siniscalco, D. (2004). *The challenges of privatization: An international analysis*. Oxford: Oxford University Press.
- Breusch, T.S. and Pagan, A.R. (1980). The lagrange multiplier test and its application to model specification in econometrics. *Review of Economic Studies*, 47, 239-253
- Buchinsky, M. (1994). Changes in U.S. wage structure 1963–1987. *Econometrica*, 62(2), 405–458
- Buchinsky, M. (1995). Estimating the asymptotic covariance matrix for quantile regression models: A monte carlo study. *J. Econ*, 68(2), 303–338
- Campos, N. & Kinoshita, Y. (2008) Foreign Direct Investment and Structural Reforms: Panel Evidence from Eastern Europe and Latin America, IMF Research

Conference on the Causes and Consequences of Structural Reforms. February 28-29, 2008

- Chakravarthi. (2011). New method of calculation of Human Development Index (HDI). (1 Jun 2011). *India Study Channel: Learn to Earn, Earn to Learn!*, , Diambil Pada 31 Oktober 2023, Daripada <https://www.indiastudychannel.com/resources/141517-New-method-of-calculation-of-Human-Development-Index-HDI.aspx>
- Chapra, U. (2000). *Islam and Economic Development*. A. Basri (Pent.). Jakarta: Gema Insani Press.
- Chowdhury, M.S.A., Arafat, A.B.M.Y., Islam, S., Akter, S. & Islam, K.M.A. (2020). Impact of rural development scheme of Islamic Bank Bangladesh Limited (IBBL) upon economic development of the rural poor of Bangladesh. *The Millennium University Journal*. 5(1), 1–14
- Dan, A. R. (2000). Kajian Ekonomi Pembangunan. Dlm. Idris, N. A & Dan, A. R. (penyt.). *Teori Pertumbuhan Dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Dennis A. Rondinelli dan G. Shabbir Cheema. (1983). Implementing decentralization policies. In G. S. Cheema & D. A. Rondinelli (Eds.). *Decentralization and development: Policy implementation in developing countries*. Beverly Hills, California: Sage Publication.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Pelajar (Ed. Kedua)*. Diambil pada 13 September 2023, Daripada <http://prpm.dbp.gov.my/carian.aspx?cari=sejahtera&domain=PRPM>
- Ding, S. dan Knight, J. (2009). Can the augmented solow model explain China's remarkable economic growth? A cross-country panel data analysis. *Journal of Comparative Economics*, 37(3), 432 – 452
- Eide, E. & Showalter, M.H. (1997). Factors affecting the transmission of earnings across generations: A quantile regression approach. *Journal Human Resources*, 34(2), 253–267
- Embong, M. R., Taha, R., & Mohd Nor, M. N. (2013). Role of zakat to eradicate poverty in Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 39, 141-150
- Eren, M., & Kaynak, S. (2017). An evaluation of EU member states according to human development and global competitiveness dimensions using the multi-period grey relational analysis (MP-GRA) technique. *Grey Systems: Theory and*

*Application*, 7(1), 60–70

- Frisch, R. (1929). Correlation and scatter in statistical variables. *Nordic Statistical Journal*, 1, 36–102
- Gujarati, D.N. (2003). *Basic Econometrics*. 4th Edition. New York: McGraw-Hill
- Gülcemal, T. (2020). Effect of Human Development Index on GDP for Developing Countries: A Panel Data Analysis. *Journal of Economics, Finance and Accounting (JEFA)*, 7(4), 313–324
- Günay, S. K., & Topbaş, F. (2021). Impact of Income Distribution Inequality on the Human Development Index: Panel Data Analysis for BRICS Countries. *Akademik Hassasiyetler*, 8(17), 247–257
- Gupta, S., Verhoeven, M., & Tiongson, E. (2003). Public spending on health care and the poor. *Health Economics*, 12(8): 685–696
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate data analysis*. 7th ed. Harlow, England: Pearson Education.
- Haron, M. S. & Rahman, R. (2016). Pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat Islam: satu tinjauan berasaskan Maqasid al-Syari'ah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10, 129-140
- Hasan, A., Hassan, R., Engku Ali, E.M.T., Abduh, M. & Noordin, N.H. (2017). A proposed human resource management model for zakat institutions in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 11(1), 98-109
- Hasbi N., M. Z., Munajat, M. & Qoyum, A. (2023). Human development index from the Islamic perspective: Roles of taxation, zakah, and health and education expenditures. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(1), No page number
- Hassan, S.K. & Ahmad, S. (2010). *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hausman, J.A. (1978). Specification tests in econometrics. *Econometrica*, 4(6), 1251-1271
- Heng, M. M. (2018). Quality and Safety Healthcare Services for the Vulnerable. *International Journal for Quality in Health Care*, 30, 67
- Hsiao, C. (1986). *Analysis of Panel Data*. *Econometric Society Monographs*. No. 11, Cambridge: Cambridge University Press
- Human Development Report (2023). HDI dimensions and indicators. Diperoleh Pada 23 Oktober 2023 daripada <https://hdr.undp.org/data-center/human-development-index#/indicies/HDI>

- Ibn Kathīr, Ismā'īl. (2000). *Tafsīr Ibn Kathīr*. Riyād: Dār al-Salām.
- Ibrahim, P., Ali, M., Muridan, M. & Jazid, A.I.M. (2020). Revisiting zakat distribution on income inequality and welfare: The Malaysia Experience. *al-Uqud: Journal of Islamic Economics*, 4(1), 146-161
- Islamic Research & Training Institute (2017). Islamic Social Finance Report 2017. Diperoleh Pada 23 Oktober 2023 daripada [https://www.researchgate.net/profile/Mohammed-Obaidullah/publication/325698377\\_IRTI\\_Islamic\\_Social\\_Finance\\_Report\\_2017/links/5b1ed117a6fdcc69745bf23a/IRTI-Islamic-Social-Finance-Report-2017.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohammed-Obaidullah/publication/325698377_IRTI_Islamic_Social_Finance_Report_2017/links/5b1ed117a6fdcc69745bf23a/IRTI-Islamic-Social-Finance-Report-2017.pdf)
- Ismail M., M.N. & Ali, N. A. (2023). Konsep asnaf mualaf dan had pengukuran mualaf. *Al-Basirah*, 3(1), 25-41
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Penduduk mengikut agama, 2010 dan 2020. Diperoleh Pada 1 November 2023 daripada <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/125-newsletter-infographics/344-infografik#gallerycb7652dfe1-5>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Kadar Kemiskinan di Malaysia Dari 1970-2022. Diperoleh Pada 1 Mac 2024 daripada [https://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/hh\\_poverty](https://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/hh_poverty)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). KDNK mengikut negeri mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar. Diperoleh Pada 1 November 2023 daripada <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-09/2.7.2.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Indek Pembangunan Rakyat Malaysia 2022. Diperoleh Pada 1 November 2023 daripada <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-09/2.7.2.pdf>
- Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR). (2024). Statistik Kutipan Zakat Harta dan Fitrah. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada [https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_statistik\\_map.php](https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_map.php)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022. Diambil Pada 31 Oktober 2025, Daripada [https://storage.dosm.gov.my/technotes/hies\\_income.pdf](https://storage.dosm.gov.my/technotes/hies_income.pdf)
- Johari, F., Ab Aziz, M.R., Ibrahim, M.F. & Ali, A.F.M. (2013). The roles of Islamic social welfare assistant (zakat) for the economic development of new convert. *Middle East Journal of Scientific Research*, 18(3), 330-339

- Kadri, Z., Ahmad, S. & Noor, M.A.M. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: Ke arah negara berpendapatan tinggi. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) VII, Jilid 2. 4-6 Jun 2012. 1263-1273
- Kahf, M. (1997). Potential effects of Zakah on government budget. *IIUM Journal of Economics and Management*, 5(1), 67-85
- Kahf, M. (1999). The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice. The International Conference on Islamic Economics Towards 21st Century, 26 – 30 April 1999.
- Kang, H. H. & Liu, S. B. (2014). The impact of the 2008 financial crisis on housing prices in China and Taiwan: A quantile regression analysis. *Economic Modelling*, 42, 356-362
- Kaslam, S & Ahmad, M. (2011). *Urus Tadbir Zakat*. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Kefeli, Z., Johari, F. & Ahmad, N. (2017). Factors Affecting Quality of Life of Medical Assistance Recipients of Zakat Fund in Malaysia. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 25(1), 125-140
- Kennedy, P. (2008). *A guide to econometrics*. 6<sup>th</sup> ed.. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Khorunisa, I. & Prasajo, (2020). The effect of education, health, unemployment and distribution of zakat to poverty in Yogyakarta. *I-Economic: A Research Journal on Islamic Economics*, 6(2), 121-136
- Khasandy, E. A. & Badrudin, R. (2019). The influence of zakat on economic growth and welfare society in Indonesia. *Munich Personal RePEc Archive (MPRA)*. No. 91574, 65-79
- Kindleberger, C. P. & Herrick, B. (1977). *Economic development* (3rd Edition). New York: McGraw-Hill.
- Klugman, J., Rodríguez, F. & Choi, H.J. (2011). The HDI 2010: New controversies, old critiques. *The Journal of Economic Inequality*, 9(2), 249-288
- Koenker, R. & Basset Jr, G. (1978). Regression quantiles, *Econometrica*, 46(1), 33–50
- Laallam, A., Rafiq, M & Rafik, H. (2021). The impact of Zakah on Malaysian economic development. In Adel Sarea (Ed.), *Impact of Zakat on sustainable economic*

*development. Advances in electronic government, digital divide, and regional development.* IGI Global. 21-37

- Laporan Kutipan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAIN). (2024). Data Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat Tahun 2012 -2023, Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Laporan Statistik Pungutan Zakat Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (2024). Statistik Pungutan Zakat. Diperoleh Pada 10 September 2024 daripada <https://www.maidam.gov.my/index.php/en/pusat-maklumat/statistik/203-statistik-pungutan-zakat>
- Laporan Zakat Bahagian Zakat & Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah. (2024). Statistik Pungutan. Diperoleh Pada 10 September 2024 daripada [https://appszakat.sabah.gov.my/statistik\\_pungutan.php](https://appszakat.sabah.gov.my/statistik_pungutan.php)
- Laporan Zakat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan. (2024). Laporan Khas Kutipan & Agihan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan. Diperoleh Pada 10 September 2024 daripada <https://www.e-maik.my/v2/perkhidmatan-kami/pungutan-zakat>
- Laporan Zakat PPZ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2023). Teknologi digital zakat memacu ikatan insani. Diperoleh Pada 1 November 2023 daripada <https://drive.google.com/file/d/1fGckNDMIXFgy3YkeC0v0h962D5WXrhh0/view>
- Laporan Zakat PPZ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2024). Buku Laporan Tahunan. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada <https://www.zakat.com.my/info-korporat/buku-laporan-tahunan/>
- Laporan Zakat Pulau Pinang. (2024). Ringkasan kad laporan prestasi Zakat Pulau Pinang tahun 2023. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada <https://zakatpenang.com/ringkasan-laporan-prestasi-tahun-2023/>
- Law, S. H., Naseem, M. N. A. & Singh, N. (2021). Business credit, household credit and economic performance in Malaysia: A quantile regression approach. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 58(2), 293-314
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2024). Statistik Kutipan Zakat Negeri Kedah. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada <https://www.zakatkedah.com.my/statistik-kutipan/>

- Lembaga Zakat Selangor. (2022). Laporan tahunan zakat Selangor 2022. Diperoleh Pada 9 September 2024 <https://laporanlzs.zakatselangor.com.my/laporan-tahunan-lembaga-zakat-selangor-2022/#sekilaspendang>
- Lembaga Zakat Selangor (2024). Laporan Zakat Selangor. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada <https://laporanlzs.zakatselangor.com.my/>
- Lucas J., R.E. (1988). On the mechanics of economic development. *Journal of Monetary Economics*, 22 (1), 3-42
- Lestari, D. & Arumi, N.A (2024). Factors that influence the Islamic perspective human development index as evidence of the development of the Muslim community. *Journal of Islamic Economics and Business Ethic (JIESBI)*, 1(2), 75-93
- Loayza N. dan Ranciere, R. (2006). Financial development, financial fragility, and growth. *Journal of Money, Credit and Banking*, 38(4), 1051 -1076
- Mahat, M.S. (1996). Pelaksanaan Zakat di Malaysia: Pengurusan, Permasalahan dan Penyelesaian. *Kertas Kerja Seminar Sehari Sistem Pengurusan dan Penginstitusian Zakat: Malaysia dan Indonesia*. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dewan al-Malik Faisal, Petaling Jaya, Selangor, 22 Disember 1996.
- Mahat, N. I., & Warokka, A. (2013). Investigation on zakat as an indicator for Moslem countries' economic growth. *Journal for Global Business Advancement*, 6(1), 50–58
- Mahmood, T.M.A.T., Mohd Din, N., Al Mamun, A. & Ibrahim, M.D. (2021). Issues and challenges of zakat institutions achieving Maqasid Syariah in Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(1), 119-137
- Makhtar, A.S. (2010). Transformasi Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS). *Kertas Kerja Seminar Sistem-sistem Islam 2010*. Anjuran Majlis Syura Muslimun UK/Eire, Muath Centre, Birmingham. 24 April 2010
- Makhtar, A.S & Ahmad, S. (2010) Transformasi Pengurusan Zakat di Malaysia. *Kertas kerja The 4<sup>th</sup> ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 10): Zakat Transformation: From Subsistences To Productive Zakat*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 21-22 Disember 2010.

- Makhtar, A.S., Ahmad, S., Nasohah, Z. & Mat Zain, M.N. (2010). Transformasi Sistem Perundangan Zakat di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Syariah dan Undang-undang Kebangsaan (SYUK)*. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Auditorium USIM, Nilai. 2-3 November 2010
- Makhtar, A.S., Abdul Wahab, A. & Ahmad, S. (2013). Transformasi Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran. Dlm. Mohd Noor, A.H, Bahrom, H., Md Salleh, A., Ridzuan, A.R., Othman, A., Ab Hassan, Z., Ali, S.M, Mohd Rafien, N.S., Ismail, M. & Atan, A. *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Majed, A. & Redzuan, N. H. (2023). Proposed framework on zakat in the healthcare system for the poor. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, 4(2) (S. Issues), 67-76
- Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak (MAIPk). (2024). Prestasi Kutipan Zakat MAIPk. Diperoleh Pada 9 September 2024 daripada <https://www.maiamp.gov.my/index.php/zakat/prestasi-kutipan-zakat.html>
- Mannan, M.A. (1993). Ekonomi Islam Teori dan Praktis (Asas-asas Ekonomi Islam. Jilid 3. Dlm. Man. Z. (Peny.), Kader, R.A. (Pent.), Kuala Lumpur: A.S. Noordeen
- Meerangani, K. A. (2019). The role of zakat in human development. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*. 6(2), 141-154
- Megginson, W. dan Netter, J. (2001). From state to market: A survey of empirical studies on privatization. *Journal of Economic Literature*, 39(2) 321–389
- Meier, G. M., & Rauch, J. E. (2000). *Leading Issues in Economic Development*. 7th edition. New York: Oxford University Press.
- Mohammed Ayasrah, T.M., (2012). The Social Economic Development Index: A New Measurement of Development. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 37-53
- Mohd T., S. & Mohd K., M. I. A. (2017). Maqasid Syariah dalam makanan moden. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 6(1), 10 – 18
- Mohd Ali, A. (2013). Kajian Terhadap Undang-undang Pentadbiran Zakat di Aceh. Dlm. Mohd Noor, A.H, Bahrom, H., Md Salleh, A., Ridzuan, A.R., Othman, A., Ab Hassan, Z., Ali, S.M, Mohd Rafien, N.S., Ismail, M. & Atan, A. *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Mosteller, F. & Tukey, J. W. (1977). *Data Analysis and Regression*. Addison-Wesley

Publishing Co, Reading, MA.

- Muhammad, A. (1994). *Lubāb al-Tafsīr min Ibn Kathīr*, Jil. 6, Qāhirah: Mu'assasah Dār al-Hilāl.
- Muhammad b. 'Īsā, Abū 'Īsā al-Tirmidhī (1418H/1998M). *Sunan al-Tirmidhī*, Jil. 2, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Muhammad b. Ismā'īl, Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1422H/2001M). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil. 3, Kaherah: Dār Tawq al-Najāh.
- Muhsin, N.P. & Suhaili, S. (2016). Kemudahan pembayaran zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10, 66-76
- Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī (1407H/1987M). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Jil. 2, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Mustaffha, N. & Johari, N. (2013). Human Governance: Towards Sustaining The Performance of Zakat Institutions. Dlm. Mohd Noor, A.H., Bahrom, H., Md Salleh, A., Ridzuan, A.R., Othman, A., Ab Hassan, Z., Ali, S.M., Mohd Rafien, N.S., Ismail, M. & Atan, A. *Zakat & Contemporary Management: Multifaceted Issues & Challenges*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Nomran, N. M., & Haron, R. (2021). Financial performance in Islamic banking and Shari'ah supervision under interventionist regulatory approach: A system-GMM dynamic panel analysis. *Turkish Journal of Islamic Economics*, 8(1), 59–86
- Nordin, R. & Said, A. (2011). Hukum Membayar Zakat. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Nordin, R. & Said, A. (2011). Kewajipan Berzakat. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Nurzaman, M. S. (2011). Zakat and human development: An empirical analysis on poverty alleviation in Jakarta, Indonesia. 8th International Conference on Islamic Economics and Finance. 19 – 21 November 2011. 1-26
- Nurzaman, M. S. (2017). The Impact of Zakat Programs from Human Development Perspectives: An Empirical Evaluation. Dlm. Zulkhibri & A. G. Ismail, *Financial Inclusion and Poverty Alleviation* (hlm. 245–269). Springer International Publishing.

- Oxford University Press. (1989). *The Oxford English Dictionary*. (2<sup>nd</sup> ed.), (Vols. 1–20). Oxford: Oxford University Press.
- Paizin, M.N. (2014). Pentadbiran Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan: Satu Tinjauan. Dlm. Abdul Latiff, A.Z. & Sayin, B. *Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
- Paizin, M.N. & Sarif, S. (2021). Peranan pengkorporatan pentadbiran zakat terhadap pengurusan sumber manusia: Kajian di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 25(1), 264-280
- Peruntukan RM70.5 Bilion Perkasa Semula Pendidikan Negara. (5 Ogos 2023), *Berita Harian*, Diambil Pada 30 Disember 2023, Daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1136418/peruntukan-rm705-bilion-perkasa-semula-pendidikan-negara>
- Peterson, W. C. (1974). *Income, Employment and Economic Growth*. 3rd Edition. New York: W.W. Norton & Company Incorporation.
- Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). (1990). Human Development Report: Concept and Measurement of Human Development, Diperoleh Pada 23 Jun 2023 daripada <https://hdr.undp.org/system/files/documents/hdr1990encompletenostatpdf.pdf>, New York: Oxford University Press.
- Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). (2010). Human Development Report 2010: The Real Wealth of Nations – Pathways to Human Development. Diperoleh Pada 23 Jun 2023 daripada <https://hdr.undp.org/content/human-development-report-2010>, New York: Oxford University Press
- Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). (2011). Human Development Report: Sustainability and Equity: A Better Future for All, Diperoleh Pada 23 Mei 2024 daripada <https://hdr.undp.org/system/files/documents/human-development-report-2011-summary-english.human-development-report-2011-summary-english>, New York: Oxford University Press.
- Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). (2024). Human Development Report 2023/2024 technical notes, Diperoleh Pada 23 Ogos 2024 daripada [https://hdr.undp.org/sites/default/files/2023-24\\_HDR/hdr2023-24\\_technical\\_notes.pdf](https://hdr.undp.org/sites/default/files/2023-24_HDR/hdr2023-24_technical_notes.pdf), New York: Oxford University Press.

- Putri, R. C. (2024). Towards sustainable development: Ibn Ashur's insights on the impact of productive zakat for achieving SDGs. *Journal of Islamic Economic and Business Research*, 4(2), 213-233
- Rahim A., Z., Syofyan, S. & Esya, L. (2022). The influence of the Islamic human development index (I-HDI) on human development. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 9(3), 83 -103
- Rahim, S., Murshed, M., Umarbeyli, S., Kirikkaleli, D., Ahmad, M., Tufail, M., & Wahab, S. (2021). Do natural resources abundance and human capital development promote economic growth? A study on the resource curse hypothesis in Next Eleven countries. *Resources, Environment and Sustainability*, 4, 100018
- Rahman, A.A. (2019). Pengurusan institusi zakat berdasarkan maqasid syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG). *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 17(2) (S. Edition), 42-59
- Ranis, G., Stewart, F., & Ramirez, A. (2000). Economic growth and human development. *World Development*, 28(2), 197–219
- Rasool A., M. S., Ahmad, S.N.A & Ali, S.M. (2020). Enhancing household well-being through zakat assistance: A wealth perspective. *International Journal of Zakat*, 5(2), 23-36
- Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Umar. (1986). *Manāqib al-Imām al-Shāfi ‘ī*. t.p:t.p.
- Romer, P.M. (1990) ‘Endogenous technological change’. *Journal of political economy*, 98(5), 71-102
- Rusanti, E., Anindya, A.S., Atiya, N. & Widiastuti, T., (2023). Does zakat impact on human development index? Empirical evidence from Indonesia. *International Journal of Zakat*, 8(2), 36-47
- Sabiq, S. (1983). *Fiqh Sunnah*. Bandung: TP al-Maarif.
- Sachs, J. (2005). *The end of poverty: Economic possibilities for our time*. New York: Penguin Press.
- Sadeq, A.H.M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135–151
- Said, K.F. (2011). Zakat Ternakan. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Salleh, M.S. (2014). Pembasmian Kemiskinan Melalui Pemerksaan Pendidikan Ummah. Dlm. Abdul Latiff, A.Z. & Sayin, B. Pengurusan Zakat di Institusi

Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

- Samargandi, N., Fidrmuc, J. & Ghosh, S. (2015). Is the relationship between financial development and economic growth monotonic? Evidence from a sample of middle-income countries. *World Development*, 68, 66-81
- Sayin, B. (2001). Zakat Pendapatan. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. Fiqh Zakat Malaysia. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Schleicher, J., Schaafsma, M., Burgess, N.D., Sandbrook, C., Danks, F., Cowie, C. & Vira, B. (2018). Poorer without it? The neglected role of the natural environment in poverty and well-being. *Sustainable Development*, 26(1), 83-98
- Sen. A. (1999). *Development as Freedom*. Oxford: Oxford University Press.
- Sharofiddin, A., Othman, A.H.A. & Alhabshi, S.M.S.J. (2019). The impact of zakat distribution on social welfare: a case study of Selangor zakat agencies, Malaysia. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, Special Issues, 147-167
- Siddiqi, M.N. (1981) *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, Madinah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University.
- Singh, K., Cheemalapati, S., RamiReddy, S. R. R., Kurian, G., Muzumdar, P., & Muley, A. (2025). Determinants of Human Development Index (HDI): A regression analysis of economic and social indicators. *Asian Journal of Economics, Business and Accounting*, 25(1), 26–34
- Sulaymān b. al-Ash‘ath, Abū Dāwūd. (1409H/1989M). *Sunan Abī Dāwūd*, Jil. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Suprayitno, E. and Mohammad Aslam. (2016). Zakat and economics growth in the peninsular Malaysia: An ARDL bounds testing approach. *International Journal of Social and Economic Research*, 6(1), 91-109
- Suprayitno, E., Aslam, M. & Harun, A. (2017). Zakat and SDGs: Impact zakat on human development in the five states of Malaysia. *International Journal of Zakat*, 2(1), 61-69
- Suprayitno, E. (2019). Zakat and SDGs: The impact of zakat on economic growth, consumption and investment in Malaysia. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 101, 202-209

- Suprayitno, E. (2020). The impact of zakat on economic growth in 5 states in Indonesia. *International Journal of Islamic Banking and Finance Research*, Vol. 4 (1), 1-7
- Suyurno, S.S. (2011). Zakat Pertanian. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Taha, R., Mohd Noor, M.N., Embong, E.R. & Zulkifli, M.F. (2017). Zakat fund in Malaysia: Where does it all go? *Management and Accounting Review*, 16(1), 65-137
- Takhril, N. F. & Othman, N. F. (2020). Effectiveness of zakat collection and distribution of zakat counter at higher learning institutions. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(2), 91-106
- Tarimin, M. (2012). *Zakat al-mal al-mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- The Economic Times (2023). What is 'Human Development Index'. Diambil Pada 31 Oktober 2023, Daripada <https://economictimes.indiatimes.com/definition/human-development-index>
- Todaro, M. P., & Smith, S. C. (2008). *Economic development*. 8<sup>th</sup> ed. Reading: Addison-Wesley.
- Travers, P. & Richardson, S. (1997). Material Well-Being and Human Well-Being. Dlm. F. Ackerman, et. al. (eds.). *Human Well-Being and Economic Goals*. Washington DC: Island Press
- Ul Haq, Mahbub. (1995). *Reflections on Human Development*. Oxford University Press, New York.
- Umar, U. H., Abduh, M., & Besar, M. H. A. (2023). Standalone risk management committee, risk governance diversity and Islamic bank risk-taking. *Risk Management*, 25(3), 1–23
- United Nations Development Programme (UNDP). (2023). HDI dimensions and indicators. Diambil Pada 31 Oktober 2023, Daripada <https://hdr.undp.org/data-center/human-development-index#/indicies/HDI>
- United Nations Development Programme (UNDP). (2024). 2024 Global Multidimensional Poverty Index (MPI). Diambil Pada 31 Oktober 2023, Daripada <https://hdr.undp.org/content/2024-global-multidimensional-poverty-index-mpi>
- W. Schultz, T. (1961). Investment in human capital. *The American Economic Review*, L1 (1), 1-17

- Wahab, N. A., & Rahman, A. R. A. (2011). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43–62
- Wahab, N.A., & Rahman, A.R.A. (2012). Efficiency of zakat institutions in Malaysia: An application of data envelopment analysis. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 33(4), 95–112
- Wardani, I.I & Arif A., M.N.R. (2021). The effect of sharia bank financing, zakat, and education expense, on economic growth and human development index in Indonesia 2015-2019. *Ekonomika Syariah: Journal of Economic Studies*, 5(1), 1-10
- Wahyudi, D., Ismail, N. & Al-Ayubi, S. (2024). Measuring the role of zakatin the development of HDI with a license approach (Case study of BAZNAS Bekasi city). *AL-IKTISAB: Journal of Islamic Economic Law*, 8, 1-24
- What is 'Human Development Index'. (29 Oktober 2023), *The Economic Times*, <https://economictimes.indiatimes.com/definition/human-development-index>
- Yaakob, E. (2011). Zakat Simpanan. Dlm. Bahrom, H., Mohd Noor, A.H. & Nordin, R.. *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ)
- Yumna, A., & Clarke, M. (2015). Integrating zakat and Islamic charities with microfinance initiative in Indonesia. *TAZKIRA*, 1(1), 59–74
- Yusoff, M. B. (2010). An analysis of zakat expenditure and the real output: Theory and empirical evidence. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 177–183.
- Yusoff, M. B. (2011). Zakat expenditure, school enrolment and economic growth in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(6), 175 – 181.
- Yusuff, A.S & Mokhtar, R. (2021). Keperluan pematuhan indeks al-maqasid syariah bagi institusi zakat di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(1) (Special Issue), 105-122
- Zaman, S. B., Hossain, N., Mehta, V., Mamun, M. A., & Riaz, B. K. (2021). Stillbirths and their determinants in low-income countries: a review of global evidence. *Journal of Global Health*, 11, 04022
- Zidan, M. F., Munir, M.M. & Husada, H. (2024). Studi ayat-ayat zakat sebagai instrumen peningkatan indeks pembangunan manusia. *Journal of Da'wah and Islamic Studies*, 2(2), 76-83

- Zuhaili, W. (1999). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid 2. Penterj. Yaacob, M.A. et al.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zulkifli, M.F., Taha, R., Awang, R.N., Mohd Nor, M.N. & Ali, A. (2021). Combating poverty in Malaysia: The role of zakat. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(5), 505 – 513

## **APENDIK**

## APENDIK

### Hasil Keputusan Analisis Regresi Dengan Menggunakan STATA17

#### 1.0 Frekuensi Data

```
. encode state, gen(STATE)
```

```
. tsset STATE year
```

```
Panel variable: STATE (strongly balanced)
Time variable: year, 2005 to 2023
Delta: 1 unit
```

```
. tab STATE
```

State	Freq.	Percent	Cum.
Johor	19	7.69	7.69
Kedah	19	7.69	15.38
Kelantan	19	7.69	23.08
Melaka	19	7.69	30.77
Negeri 9	19	7.69	38.46
Pahang	19	7.69	46.15
Penang	19	7.69	53.85
Perak	19	7.69	61.54
Sabah	19	7.69	69.23
Sarawak	19	7.69	76.92
Selangor	19	7.69	84.62
Terangganu	19	7.69	92.31
W/Persekutuan	19	7.69	100.00
Total	247	100.00	

```
. xtsum hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edusgrowth pekalingini
```

Variable	Mean	Std. dev.	Min	Max	Observations
hdi overall	.7757287	.0425979	.639	.867	N = 247
hdi between		.0328628	.7090526	.822579	n = 13
hdi within		.0285244	.7002551	.851255	T = 19
log_Zakat overall	11.63057	.9339102	9.333797	13.92787	N = 247
log_Zakat between		.717742	10.81316	13.10076	n = 13
log_Zakat within		.6282745	10.1512	12.70398	T = 19
log_KDNKPerkapita overall	3.370428	.5379398	1.804182	4.675787	N = 247
log_KDNKPerkapita between		.465068	2.422046	4.214045	n = 13
log_KDNKPerkapita within		.2981894	2.69685	3.981866	T = 19
log_KelahiranMati overall	-1.861989	.5016657	-2.937463	-.6577801	N = 247
log_KelahiranMati between		.4804804	-2.666242	-.8918779	n = 13
log_KelahiranMati within		.1941631	-2.874362	-1.098713	T = 19
edusgrowth overall	5.626009	2.294093	.2311804	13.53751	N = 247
edusgrowth between		.8247584	4.416351	7.210692	n = 13
edusgrowth within		2.152303	.2771676	13.53884	T = 19
pekalingini overall	.3859069	.0324351	.308	.477	N = 247
pekalingini between		.0195881	.3521053	.4227895	n = 13
pekalingini within		.0263897	.3355385	.4576964	T = 19

Skewness and kurtosis tests for normality

Variable	Obs	Pr(skewness)	Pr(kurtosis)	----- Joint test -----	
				Adj chi2(2)	Prob>chi2
hdi	247	0.0006	0.0464	13.52	0.0012
log_Zakat	247	0.1303	0.7697	2.39	0.3022
log_KDNKPerkapita	247	0.4342	0.7306	0.74	0.6919
log_KelahiranMati	247	0.1834	0.1862	3.54	0.1699
edusgrowth	247	0.0299	0.2678	5.85	0.0536
pekaligini	247	0.1667	0.4499	2.50	0.2860

## 2.0 Analisis Panel Statik (POLs)

### 2.1 Penganggaran Model Tanpa Kesan

```
. reg hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edusgrowth pekaligini
```

Source	SS	df	MS	Number of obs	=	247
Model	.318233571	5	.063646714	F(5, 241)	=	119.69
Residual	.128153255	241	.000531756	Prob > F	=	0.0000
				R-squared	=	0.7129
				Adj R-squared	=	0.7070
Total	.446386826	246	.001814581	Root MSE	=	.02306

	hdi	Coefficient	Std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]
log_Zakat		.0176757	.0025947	6.81	0.000	.0125646 .0227868
log_KDNKPerkapita		.0337645	.0039211	8.61	0.000	.0260405 .0414885
log_KelahiranMati		-.0074187	.0039968	-1.86	0.065	-.0152919 .0004544
edusgrowth		.000806	.0006826	1.18	0.239	-.0005387 .0021506
pekaligini		-.3382937	.0536656	-6.30	0.000	-.4440073 -.2325802
_cons		.5685516	.0415427	13.69	0.000	.4867184 .6503848

#### 2.1.1 Korelasi Matriks

```
. corr hdi log_Zakat log_GDP log_BirthGrowth log_TotalEdu
(obs=247)
```

	hdi	log_Zakat	log_GDP	BirthGrowth	TotalEdu
hdi	1.0000				
log_Zakat	0.6733	1.0000			
log_GDP	0.5481	0.6933	1.0000		
log_BirthGrowth	-0.1111	-0.1037	-0.1501	1.0000	
log_TotalEdu	-0.1455	0.2487	0.4930	-0.0375	1.0000

```
. vif
```

Variable	VIF	1/VIF
log_Zakat	2.72	0.368137
log_KDNKPerkapita	2.06	0.485844
log_KelahiranMati	1.86	0.537681
pekaligini	1.40	0.713436
edusgrowth	1.13	0.881485
Mean VIF	1.83	

### 2.1.2 Ujian Breusch–Pagan/Cook–Weisberg

```
. estat hettest
```

```
Breusch-Pagan/Cook-Weisberg test for heteroskedasticity
Assumption: Normal error terms
Variable: Fitted values of hdi
```

```
H0: Constant variance
```

```
chi2(1) = 16.57
Prob > chi2 = 0.0000
```

\*Hipotesis:

1.  $H_0$  (Hipotesis Nol): Tiada heteroskedastisiti (ralat mempunyai varians yang malar – homoskedastisiti)  $\longrightarrow p > 0.05$
2.  $H_1$  (hipotesis alternatif): Terdapat heteroskedastisitas (ralat tidak mempunyai varians yang malar)  $\longrightarrow p > 0.05$

### 2.1.3 Analisis Ralat Piawai Yang Kukuh (*Robust*)

```
. reg hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edusgrowth pekaligini, vce(robust)
```

```
Linear regression                               Number of obs   =       247
                                                F(5, 241)      =     130.55
                                                Prob > F       =     0.0000
                                                R-squared     =     0.7129
                                                Root MSE     =     .02306
```

	hdi	Coefficient	Robust std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]	
log_Zakat		.0176757	.0028106	6.29	0.000	.0121392	.0232122
log_KDNKPerkapita		.0337645	.0042159	8.01	0.000	.0254597	.0420692
log_KelahiranMati		-.0074187	.0039679	-1.87	0.063	-.015235	.0003975
edusgrowth		.000806	.0006717	1.20	0.231	-.0005172	.0021291
pekaligini		-.3382937	.0609388	-5.55	0.000	-.4583345	-.218253
_cons		.5685516	.0381535	14.90	0.000	.4933946	.6437086

## 2.2 Penganggaran Model Kesan Tetap (FE)

```
. xtreg hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edusgrowth pekaligini, fe

Fixed-effects (within) regression              Number of obs   =       247
Group variable: STATE                          Number of groups =       13

R-squared:                                     Obs per group:
  Within   = 0.7051                               min       =       19
  Between  = 0.2972                               avg       =      19.0
  Overall  = 0.4592                               max       =       19

corr(u_i, Xb) = -0.2419                          F(5,229)        =      109.52
                                                Prob > F        =      0.0000
```

hdi	Coefficient	Std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]	
log_Zakat	.0219457	.0067107	3.27	0.001	.0087231	.0351683
log_KDNKPerkapita	.0222874	.0138947	1.60	0.110	-.0050905	.0496652
log_KelahiranMati	.0275153	.0055253	4.98	0.000	.0166285	.0384022
edusgrowth	.0010963	.0005282	2.08	0.039	.0000555	.0021371
pekaligini	-.1593394	.0529554	-3.01	0.003	-.2636815	-.0549973
_cons	.5519252	.0499138	11.06	0.000	.4535763	.6502742
sigma_u	.02914925					
sigma_e	.0160541					
rho	.76726452	(fraction of variance due to u_i)				

```
F test that all u_i=0: F(12, 229) = 22.35                      Prob > F = 0.0000
```

### 2.2.1 Ujian Modified Wald

Modified Wald test for groupwise heteroskedasticity  
in fixed effect regression model

$H_0: \sigma(i)^2 = \sigma^2$  for all  $i$

chi2 (13) = 1376.69  
Prob > chi2 = 0.0000

\*Hipotesis:

1.  $H_0$  (Hipotesis nol) = Tiada heterokedastisiti (varian ralat adalah konstan) =  $P > 0.05 =$  Terima  $H_0$
2.  $H_1$  (Hipotesis alternatif) = Terdapat heterokedastisiti (varian ralat tidak konstan) =  $P < 0.05 =$  Gagal terima  $H_0$

\*Hipotesis:

$H_0$  (Hipotesis nol): Tiada *cross-sectional dependence* (ralat antara unit bebas) =  $P > 0.05 =$  Terima  $H_0$

$H_1$  (Hipotesis alternatif): Terdapat *cross-sectional dependence* (ralat antara unit saling berkait) =  $P < 0.05 =$  Gagal terima  $H_0$

## Analisis Ralat Piawai Yang Kukuh (*Robust*)

### Regresi Dengan Ralat Piawai Robust (*Driscoll-Kraay Standard Errors*)

```
. xtscd hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edugrowth pekaligini, fe
```

```
Regression with Driscoll-Kraay standard errors   Number of obs   =       247
Method: Fixed-effects regression                Number of groups =        13
Group variable (i): STATE                       F( 5, 18)       =    283.70
maximum lag: 2                                 Prob > F        =     0.0000
                                                within R-squared =     0.7051
```

hdi	Coefficient	Drisc/Kraay std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]	
log_Zakat	.0219457	.007282	3.01	0.007	.0066467	.0372447
log_KDNKPerkapita	.0222874	.0136973	1.63	0.121	-.0064896	.0510644
log_KelahiranMati	.0275153	.0041704	6.60	0.000	.0187536	.036277
edugrowth	.0010963	.0004966	2.21	0.041	.0000529	.0021397
pekaligini	-.1593394	.0618404	-2.58	0.019	-.2892613	-.0294174
_cons	.5519252	.0655709	8.42	0.000	.4141658	.6896847

\*\*\*\* Apa Itu Driscoll-Kraay Standard Errors?\*\*\*\*\*

>>>> Ia adalah kaedah penganggaran ralat piawai yang tahan lasak (*robust*) terhadap ketiga-tiga masalah di atas, berbanding *vce(robust)* atau *vce(cluster id)* yang hanya tahan terhadap heteroskedastisitas atau clustering.

>>>> Driscoll-Kraay standard errors (ralat piawai Driscoll-Kraay) adalah satu kaedah penganggaran ralat piawai dalam model data panel, yang direka untuk memberi ketepatan lebih tinggi apabila terdapat:

1. Heteroskedastisiti - varians ralat tidak malar
2. Autokorelasi - ralat berkait dengan nilai sebelumnya dalam siri masa
3. Cross-sectional dependence - ralat antara unit (contoh: antara negara atau firma) saling berkait

>>>> Ia sesuai digunakan selepas model fixed effects (FE) dalam data panel. Sesuai untuk data panel dengan banyak entiti (N besar) dan masa pendek (T kecil hingga sederhana). Driscoll-Kraay sangat sesuai bila  $T > N$ , dan dalam kes kajian ini ( $T = 19$ ,  $N = 13$ ), ia sesuai.

### Regresi Dengan Ralat Piawai Robust (*Hubber-White Standard Errors*)

```
. xtreg hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edugrowth pekaligini, fe vce(robust)
```

```
Fixed-effects (within) regression                Number of obs   =       247
Group variable: STATE                           Number of groups =        13
```

```
R-squared:                                     Obs per group:
  Within = 0.7051                               min =          19
  Between = 0.2972                             avg =         19.0
  Overall = 0.4592                              max =          19
```

```
corr(u_i, Xb) = -0.2419                        F(5,12)         =       42.33
                                                Prob > F        =     0.0000
```

(Std. err. adjusted for 13 clusters in STATE)

hdi	Coefficient	Robust std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]	
log_Zakat	.0219457	.0120033	1.83	0.092	-.0042072	.0480987
log_KDNKPerkapita	.0222874	.0300551	0.74	0.473	-.0431971	.0877718
log_KelahiranMati	.0275153	.0095289	2.89	0.014	.0067535	.0482771
edugrowth	.0010963	.0003056	3.59	0.004	.0004305	.0017621
pekaligini	-.1593394	.0988808	-1.61	0.133	-.3747822	.0561034
_cons	.5519252	.0614293	8.98	0.000	.4180824	.6857681
sigma_u	.02914925					
sigma_e	.0160541					
rho	.76726452	(fraction of variance due to u_i)				



## 2.4 Ujian Hausman

```
. hausman fe re

----- Coefficients -----
              |          (b)          (B)          (b-B)          sqrt(diag(V_b-V_B))
              |          fe          re          Difference          Std. err.
-----+-----+-----+-----+-----+-----
log_Zakat    |    .0219457    .0130009    .0089448    .0049629
log_KDNKPeva |    .0222874    .0395972   -.0173098    .0105478
log_Kelahiwi |    .0275153    .0196291    .0078863    .0020015
edusgrowth   |    .0010963    .0008314    .0002649    .
pekaligini   |   -.1593394   -.1929279    .0335886    .0100591
-----+-----+-----+-----+-----
              |          b = Consistent under H0 and Ha; obtained from xtreg.
              |          B = Inconsistent under Ha, efficient under H0; obtained from xtreg.

Test of H0: Difference in coefficients not systematic

      chi2(5) = (b-B)'[(V_b-V_B)^(-1)](b-B)
              = 25.34
Prob > chi2 = 0.0001
(V_b-V_B is not positive definite)
```

>>>> Ujian Hausman digunakan dalam analisis data panel untuk menentukan model mana yang lebih sesuai antara Fixed Effects (FE) atau Random Effects (RE)

>>>> Untuk menguji sama ada terdapat korelasi antara pemboleh ubah tak diperhatikan (unobserved individual effects) dengan pemboleh ubah bebas (regressor) dalam model panel

>>>> Hipotesis dalam Hausman Test:

1.  $H_0$  (Hipotesis nol) :Tiada korelasi antara pemboleh ubah tak diperhatikan dan pemboleh ubah bebas  
Jika p-value  $\geq 0.05 \rightarrow$  Gagal tolak  $H_0 \rightarrow$  Guna Random Effects  
Random Effects sesuai (kerana anggarannya konsisten dan lebih efisien)
2.  $H_1$  (Hipotesis alternatif):Wujud korelasi antara pemboleh ubah tak diperhatikan dan pemboleh ubah bebas  
Jika p-value  $< 0.05 \rightarrow$  Tolak  $H_0 \rightarrow$  Guna Fixed Effects  
Fixed Effects sesuai (kerana anggaran RE tidak konsisten)

>>>> Ujian Hausman menghasilkan nilai  $\chi^2 = 25.34$  dengan  $p = 0.0001$ , menunjukkan bahawa terdapat korelasi signifikan antara pemboleh ubah tak diperhatikan dan pemboleh ubah penjelas.  
Oleh itu, model Fixed Effects dipilih kerana ia memberikan anggaran yang konsisten berbanding model Random Effects, yang tidak sesuai dalam analisis ini.

## Analisis Regresi Kuantil (QR)

```
. sqreg hdi log_Zakat log_KDNKPerkapita log_KelahiranMati edusgrowth pekaligini, q(0.10 0.25 0.5 0.75 0.90)
(fitting base model)
```

```
Bootstrap replications (20)
```

```
----- 1 ----- 2 ----- 3 ----- 4 ----- 5
```

```
.....
```

```
Simultaneous quantile regression
bootstrap(20) SEs
```

```
Number of obs =      247
.10 Pseudo R2 =    0.5698
.25 Pseudo R2 =    0.4452
.50 Pseudo R2 =    0.4422
.75 Pseudo R2 =    0.5052
.90 Pseudo R2 =    0.5725
```

hdi	Coefficient	Bootstrap std. err.	t	P> t	[95% conf. interval]	
-----						
q10						
log_Zakat	.0233169	.0020142	11.58	0.000	.0193492	.0272846
log_KDNKPerkapita	.0309139	.0045075	6.86	0.000	.0220348	.0397929
log_KelahiranMati	-.001539	.0059564	-0.26	0.796	-.0132722	.0101942
edusgrowth	-.0002707	.0006926	-0.39	0.696	-.0016349	.0010936
pekaligini	-.40009	.0449823	-8.89	0.000	-.4886986	-.3114815
_cons	.5214326	.0421825	12.36	0.000	.4383391	.604526
-----						
q25						
log_Zakat	.0087605	.0060427	1.45	0.148	-.0031427	.0206636
log_KDNKPerkapita	.0424059	.0066477	6.38	0.000	.0293108	.055501
log_KelahiranMati	.0018478	.0066571	0.28	0.782	-.0112658	.0149613
edusgrowth	.0005209	.0010388	0.50	0.617	-.0015254	.0025671
pekaligini	-.3334141	.1388381	-2.40	0.017	-.6069053	-.059923
cons	.6460081	.0777521	8.31	0.000	.4928477	.7991685
-----						
q50						
log_Zakat	.0107831	.0041427	2.60	0.010	.0026226	.0189437
log_KDNKPerkapita	.0452178	.0079461	5.69	0.000	.029565	.0608705
log_KelahiranMati	-.0084508	.0038895	-2.17	0.031	-.0161125	-.0007891
edusgrowth	.0015487	.0009039	1.71	0.088	-.0002318	.0033292
pekaligini	-.0492303	.1388592	-0.35	0.723	-.3227629	.2243024
_cons	.4952495	.0638338	7.76	0.000	.3695061	.620993
-----						
q75						
log_Zakat	.012713	.0052207	2.44	0.016	.0024291	.022997
log_KDNKPerkapita	.0399215	.007767	5.14	0.000	.0246218	.0552213
log_KelahiranMati	-.0044948	.0061319	-0.73	0.464	-.0165737	.0075842
edusgrowth	.0002455	.0007154	0.34	0.732	-.0011637	.0016546
pekaligini	-.1065873	.1059674	-1.01	0.315	-.3153279	.1021532
_cons	.5428248	.0457558	11.86	0.000	.4526925	.6329571
-----						
q90						
log_Zakat	.0217258	.005283	4.11	0.000	.011319	.0321326
log_KDNKPerkapita	.0350984	.0052123	6.73	0.000	.0248308	.045366
log_KelahiranMati	-.0161467	.0077989	-2.07	0.039	-.0315095	-.0007839
edusgrowth	.0001955	.0003493	0.56	0.576	-.0004925	.0008835
pekaligini	.0223811	.055752	0.40	0.688	-.0874424	.1322046
_cons	.3915685	.0674969	5.80	0.000	.2586094	.5245276
-----						

## PROFIL PENULIS



Mohd Taqiyuddin Bin Che Hassan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Ekonomi (Kepujian) pada tahun 2006 dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, diikuti dengan Sarjana Pengajian Islam dari Universiti Islam Melaka pada tahun 2022. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang ekonomi zakat di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tesis PhD beliau memberi tumpuan kepada kajian ekonomi zakat dengan tajuk “*Pertumbuhan Kutipan Zakat dan Keberkesanan Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia*” dengan menggunakan kaedah analisis panel statik (POLS) dan Regresi Kuantil (QR) bagi tujuan menganalisis impak hasil kutipan zakat di Malaysia terhadap pembangunan manusia bagi tempoh 19 tahun dari tahun 2005 sehingga tahun 2023. Pemilihan pembolehubah kajian dalam pembinaan model persamaan adalah berdasarkan kepada teori pembangunan manusia serta berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu.

### SENARAI PENERBITAN:

- Che Hassan, M. T., Abdul Wahab, M. H., Adenan, F., & Mustafar, M. Z. (2025). Integrasi teori pembangunan manusia dan pelaksanaan zakat di Malaysia. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*, 34(4), 55-65
- Che Hassan, M. T., Abdul Wahab, M. H., Adenan, F., & Mustafar, M. Z. (2025). Analisis deskriptif kutipan zakat dan tahap pembangunan manusia di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10(74) Special Issue, 43-55

Che Hassan, M. T., Abdul Wahab, M. H., Adenan, F., & Shahrudin, N. (2025). Hubungan Zakat Terhadap Pembangunan Masyarakat Berteraskan Dimensi Indeks Pembangunan Insan. Dlm. Muhamat, A. A., Shahrudin, N. & Nor Paizin, M. *New Ideas & Concepts on Zakat & Waqf Towards Society 5.0*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP).



**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
BAHAGIAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI (BSRU)**

**BORANG PENYERAHAN BAHAN HARTA INTELEK UiTM**

*UiTM's Intellectual Property Submission Form*

**Nama (Name) :** MOHD TAQIYUDDIN BIN CHE HASSAN **No. Telefon(Pejabat/Hp) :** 0192821979  
*Telephone No.(Office / handphone)*

**Fakulti/Pusat Akademik/Bahagian :** AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI **E-mel (E-mail) :** 2023994397@student.uitm.edu.my  
*Faculty / Academic Centres / Department*

**Tarikh (Date) :** 29-03-2026

Pihak Fakulti / Pusat Akademik / Bahagian / Saya bersetuju bahawa dokumen dan tajuk yang disenaraikan untuk dimasukkan ke dalam Repositori Institusi UiTM.

*The Faculty / Academic Centres / Department / I agree that the document and titles listed below to be placed in the UiTM Institutional Repository.*

**JENIS BAHAN (Sila nyatakan) :** Tesis  
*Types of Material (Please specify)*

Types of Material: Article / Book / Theses / Bulletin / Seminar / Image / Entrepreneurship / Student Project / Research Report / Industrial Training / Annual Report / Manual / Oral History / Exam Paper / Speech / Dataset / Audio / Video / Others

**MAKLUMAT BAHAN (Information of Materials):**

Bil. No	JUDUL BAHAN Title	HARDCOPY (✓)	SOFTCOPY (✓)
1.	Pertumbuhan Kutipan Zakat Dan Keberkesanan Terhadap Pembangunan Rakyat Malaysia		✓

\* Sila sediakan lampiran sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi *(Please provide attachment if necessary)*

**TUJUAN PENYERAHAN BAHAN (Sila tandakan ✓):**

*Purpose (Please mark ✓):*

- Bahan untuk dimuat naik ke dalam Repositori Institusi UiTM.**  
*(Materials for uploading into the UiTM Institutional Repository (UiTM IR)):*  
Fakulti / Pusat Akademik / Bahagian / Saya perlu memastikan bahawa setiap dokumen telah dibuat semakan terlebih dahulu dan tidak mengandungi sebarang maklumat sulit sebelum diserahkan kepada pihak PTAR.  
*The Faculty / Academic Centres / Department must ensure that each document has been reviewed in advance and does not contain any confidential information before being submitted to PTAR.*
- Bahan mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.**  
*(Materials consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organisation/body where the research was conducted):*  
Sila nyatakan tarikh tamat embargo (jika ada):  
*(Please indicate the embargo expiry date (if any)):*  
Embargo expiry date: Day:  Month:  Year:
- Bahan boleh diakses secara teks penuh dan terbuka.**  
*(Materials can be accessed in full text via open access).*
- Bahan dipinjamkan sementara untuk tujuan pendigitalan dan akan dikembalikan semula kepada pemilik.**  
*(Materials are on temporary loan for digitization and will be returned to the owner).*

Pemberitahuan: Jika Repositori Institusi UiTM menerima bukti pelanggaran hak cipta, bahan yang berkaitan akan dikeluarkan serta-merta.  
*(Notification: If UiTM Institutional Repository receives proof of copyright violation, the relevant item will be removed immediately).*

**PERAKUAN :**

*Declaration:*

Saya / kami akan bertanggungjawab ke atas bahan yang diserahkan untuk pendigitalan dan muat naik ke dalam Repositori Institusi UiTM.

*I / we will be responsible for the materials submitted for digitization and uploaded into UiTM Institutional Repository.*

**DR. FAEZY ADENAN**  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor

**Tandatangan Pemohon**

*Applicant Signature*

**Tarikh (Date):** 29/03/2026

**Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan / Bahagian / Penyalia**

*Head of Division / Department / Supervisor Signature and stamp*

**Tarikh (Date):** 29/03/2026

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT *(For office use)*

**DITERIMA OLEH / Received By :**

**TANDATANGAN / Signature :**

**TARIKH (Date):**

**DISAHKAN OLEH / Certified By :**

**TANDATANGAN / Signature :**

**TARIKH (Date):**